

R

PERPUSTAKAAN UNIVERSITI MALAYA

**KITAB AL-KIFAYAH KARANGAN SHAYKH 'ABD AL-MALIK BIN 'ABDULLAH: TEKS DAN ANALISIS**

**ZURITA BINTI MOHD YUSOFF**

**JABATAN FIQH DAN USUL  
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM  
UNIVERSITI MALAYA  
KUALA LUMPUR**

**2014**

Perpustakaan Universiti Malaya



A515927744

**KITAB *AL-KIFAYAH* KARANGAN SHAYKH ‘ABD AL-MALIK BIN ‘ABDULLAH: TEKS DAN ANALISIS**

**ZURITA BINTI MOHD YUSOFF**

**TESIS INI DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI  
KEPERLUAN BAGI IJAZAH DOKTOR FALSAFAH**

**JABATAN FIQH DAN USUL  
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM  
UNIVERSITI MALAYA  
KUALA LUMPUR**

**2014**

UNIVERSITI MALAYA

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Nama: **ZURITA BINTI MOHD YUSOFF**

No. Pendaftaran/Matrik: **IHA 090055**

Nama Ijazah: **ITAZAH DOKTOR FALSAFAH**

Tajuk Kertas Projek/Laporan Penyelidikan/Disertasi/Tesis ("Hasil Kerja ini"):

**KITAB AL-KIFAYAH KARANGAN SHAYKH 'ABD AL-MALIK  
BIN 'ABDULLAH : TEKS DAN ANALISIS**

Bidang Penyelidikan: **KAJIAN TEKS FIQH**

Saya dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengaku bahawa:

- (1) Saya adalah satu-satunya pengarang/penulis Hasil Kerja ini;
- (2) Hasil Kerja ini adalah asli;
- (3) Apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya dan satu pengiktirafan tajuk hasil kerja tersebut dan pengarang/penulisnya telah dilakukan di dalam Hasil Kerja ini;
- (4) Saya tidak mempunyai apa-apa pengetahuan sebenar atau patut semunasabahnya tahu bahawa penghasilan Hasil Kerja ini melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain;
- (5) Saya dengan ini menyerahkan kesemua dan tiap-tiap hak yang terkandung di dalam hakcipta Hasil Kerja ini kepada Universiti Malaya ("UM") yang seterusnya mula dari sekarang adalah tuan punya kepada hakcipta di dalam Hasil Kerja ini dan apa-apa pengeluaran semula atau penggunaan dalam apa juar bentuk atau dengan apa juga cara sekalipun adalah dilarang tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis dari UM;
- (6) Saya sedar sepenuhnya sekiranya dalam masa penghasilan Hasil Kerja ini saya telah melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain sama ada dengan niat atau sebaliknya, saya boleh dikenakan tindakan undang-undang atau apa-apa tindakan lain sebagaimana yang diputuskan oleh UM.

Tandatangan Calo

Tarikh **10 / 3 / 14**

Diperbuat dan sesungguhnya diakui di hadapan,

Tarikh **16 / 3 / 14**

## ABSTRAK

Kajian ini merupakan sebuah kajian teks ke atas Kitab *al-Kifayah* yang dikarang oleh Shaykh ‘Abd al-Mālik bin ‘Abdullāh, iaitu seorang ulama tempatan yang lahir di Terengganu pada tahun 1650M. Walaupun kitab ini merupakan di antara penulisan fiqh pertama di Terengganu dan ditulis oleh seorang ulama yang hebat, namun tidak ramai yang mengenalinya mahupun mengetahui kewujudannya. Dalam kajian ini, pengkaji hanya menemui tiga buah naskhah Kitab *al-Kifayah*. Melalui perbandingan yang dibuat di antara ketiga-tiga naskhah ini, banyak perbezaan dikesan dari segi struktur ayat mahupun penggunaan istilah. Perbezaan-perbezaan ini adakalanya menyebabkan berubahnya maksud ayat yang ingin disampaikan oleh pengarang. Ketiadaan nombor ayat-ayat al-Quran, nama surah dan maklumat lengkap tentang perawi hadis telah menyebabkan kitab ini sukar untuk dibaca oleh generasi kini. Berdasarkan semua masalah tersebut, sebuah kajian yang mengaplikasikan ilmu *tahqīq* telah dijalankan bagi mendapatkan sebuah teks Kitab *al-Kifayah* yang paling hampir dengan kehendak pengarang. Kajian ini juga dijalankan bertujuan untuk menghuraikan riwayat hidup Shaykh ‘Abd al-Mālik bin ‘Abdullāh dan ketokohnya dalam bidang fiqh, menghuraikan latarbelakang Kitab *al-Kifayah* dan juga menganalisis hukum-hukum fiqh yang terdapat dalam bab binatang halal dan haram dimakan. Bagi mendapatkan data-data yang diperlukan, pengkaji telah menggunakan kaedah dokumentasi dan kaedah temubual. Data-data yang diperolehi telah dianalisis dengan menggunakan kaedah induktif dan deduktif. Pengkaji juga menggunakan metode landasan ketika menjalankan kerja-kerja mentahqīq Kitab *al-Kifayah*. Hasil daripada kajian yang dijalankan, sebuah teks lengkap Kitab *al-Kifayah* yang hampir dengan maksud asal pengarang telah dapat dihasilkan. Hasil daripada kajian ini juga mendapati bahawa Kitab *al-Kifayah* ini telah menjadi rujukan penting kepada rakyat Terengganu dan penduduk luarnya pada abad ke-17 dan ke-18. Selain daripada merujuk kepada dua sumber utama hukum Islam iaitu al-Quran dan hadis, Shaykh ‘Abd al-Mālik turut menggunakan kaedah qiyas dan kaedah fiqhiiyyah seperti *al-darūrah tubih al-mahzūrah* dan *al-‘ādah muhakkamah*. Hal ini telah membuktikan bahawa Shaykh ‘Abd al-Mālik bin ‘Abdullāh bukanlah ulama yang hanya menukilkan fakta-fakta fiqh yang telah sedia ditulis di dalam kitab-kitab fiqh yang muktabar dalam Mazhab Syafie, tetapi juga seorang ulama yang mampu berijtihad dalam menyelesaikan masalah-masalah yang timbul dalam masyarakat setempat ketika itu. Dalam bab binatang halal dan haram dimakan, Shaykh ‘Abd al-Mālik bin ‘Abdullāh telah mengemukakan hukum memakan beberapa jenis binatang yang tidak dibincangkan hukumnya oleh ulama fiqh dalam Mazhab Syafie seperti teritip, kelemayar, toke, lintah dan pacat. Hasil daripada analisis hukum yang dibuat, Shaykh ‘Abd al-Mālik bin ‘Abdullāh didapati menetapkan hukum-hukum dengan menggunakan kaedah-kaedah yang disepakati oleh ulama Mazhab Syafie dan juga menggunakan kaedah qiyas. Walaupun Shaykh ‘Abd al-Mālik bin ‘Abdullāh memilih pandangan yang muktamad, beliau juga mengemukakan pandangan-pandangan lain seperti pandangan daif dalam Mazhab Syafie.

## ABSTRACT

This study is a textual research of Kitab *al-Kifayah*, authored by Shaykh 'Abd al-Mālik bin 'Abdullāh. He is Islamic religious scholar who was born in Terengganu in the 1650A.D. Kitab *al-Kifayah* was among the earliest of *fiqh* literature written in Terengganu towards the end of the 17th century. However, to this day, many Malaysians are oblivious about the existence of Kitab *al-Kifayah*. In this study, the researcher had found only three copies of the manuscripts of Kitab *al-Kifayah*. Through a comparison between the three copies, the researcher has detected various discrepancies in the sentences structure as well as terms which were used in the manuscripts. The differences might construe misunderstandings of the *hukum* and knowledge from the original meaning intended by the author. The absence of name of *surah*, numbers of *ayat* in the Quran, and detailed information about transmitters of *hadith* makes it difficult for the understanding of the contemporary readers. Based on these issues, this study is trying to obtain the closest text of Kitab *al-Kifayah* as intended by the author. In addition, this study was conducted to explain the biographies of Shaykh 'Abd al-Mālik bin 'Abdullāh and his expertise in *fiqh*, the background of Kitab *al-Kifayah* and also to analyze the jurisprudence laws found in the chapter of *halal* and non-*halal* animals. To obtain the necessary data, the researcher was using a method of documentation analysis and interview. The data obtained were analyzed using inductive and deductive methods. In the process of *tahqīq*, the researcher used the grounded theory. As a result, a complete text of the Kitab *al-Kifayah* close to the original meaning intended by the author has been obtained. This study also found that the Kitab *al-Kifayah* has become an essential reference and teaching material for Terengganu and foreign residents in the 17<sup>th</sup> and the 18<sup>th</sup> century. Besides referring to the Quran and *hadith*, Shaykh 'Abd al-Mālik bin 'Abdullāh also using the *qiyyas* and the methods such as *al-darūrah tubīh al-mahzūrah* and *al-'ādah muhakkamah*. It has been proved that Shaykh 'Abd al-Mālik bin 'Abdullāh was not merely wrote or copied the word of earlier scholars in *Madhab al-Shafii*, but he also performed *ijtihad* to solve the problems encountered by the community during his lifetime. In chapter of *halal* and non-*halal* animals, Shaykh 'Abd al-Mālik bin 'Abdullāh has discussed the *hukum* of eating barnacles, constellations, toke, leeches and leech. The *hukum* of eating the animals were not discussed by earlier scholars in *Madhab al-Shafii*. Besides that, the researcher found that Shaykh 'Abd al-Mālik bin 'Abdullāh used the method which is agreed upon by the various scholars of *Madhab al-Shafii*. Shaykh 'Abd al-Mālik bin 'Abdullāh has choosed *qawl mu'tamad* in *Madhab al-Shafii* and sometimes he also has discussed others including *qawl daif* in *Madhab*.

## PENGHARGAAN

Alhamdulillah, segala puji bagi Allah yang telah mengizinkan tesis ini dijalankan sehingga selesai dan memudahkan segala urusan. Selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W. Setinggi penghargaan ditujukan kepada penyelia tesis Profesor Madya Dr. Abdul Karim bin Ali, Timbalan Pengarah (Ijazah Dasar), Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya (APIUM) Kuala Lumpur di atas segala bantuan dan bimbingan dalam menyiapkan tesis ini.

Sekalung penghargaan juga diucapkan kepada Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) dan Jabatan Pengajian Tinggi yang telah menaja segala pembiayaan pelajaran penulis. Tidak lupa kepada semua pensyarah dan kakitangan di Jabatan Fiqh dan Usul APIUM yang turut membantu penulis sepanjang tesis ini dijalankan, Perpustakaan Utama Universiti Malaya, Perpustakaan Peringatan Zaaba, Pusat Manuskrip Melayu Perpustakaan Negara Malaysia, Perpustakaan Muzium Kesenian Islam Kuala Lumpur, Perpustakaan Tun Sri Lanang Universiti Kebangsaan Malaysia dan Perpustakaan Awam Negeri Terengganu.

Seterusnya al-Fatihah buat Allahyarham ayahanda dan bonda penulis, Haji Mohd Yusoff bin Nordin dan Hajjah Selema binti Ali, terima kasih tidak terhingga di atas jasa dan pengorbanan kalian berdua. Terima kasih buat suami tercinta, Mohd Soufi bin Mohd Ibrahim di atas semangat dan dorongan yang tidak putus-putus. Terima kasih juga buat permata-permata hati kami Nureen Farihah, Muhammad Solehuddin, Muhammad Syakir Mu'min dan Muhammad Syahmi yang sentiasa menjadi inspirasi kepada penulis. Kekanda-kekanda yang dihormati dan dikasihi di Dungun, di Kuala Lumpur dan di Pulau Pinang, seluruh ahli keluarga, rakan-rakan di UniSZA yang sentiasa memberi dorongan dan bantuan serta semua yang terlibat samada secara langsung ataupun tidak langsung dalam menjayakan tesis ini.

## ISI KANDUNGAN

TAJUK	Halaman
HALAMAN JUDUL	i
ABSTRAK	ii
<i>ABSTRACT</i>	iii
PENGHARGAAN	iv
ISI KANDUNGAN	v
SENARAI KEPENDEKAN	xix
SENARAI JADUAL DAN RAJAH	xx
PANDUAN TRANSLITERASI	xxi
BAB 1	
PENDAHULUAN	
1.1 PENGENALAN	1
1.2 LATAR BELAKANG MASALAH	3
1.3 PERNYATAAN MASALAH	8
1.4 OBJEKTIF	10
1.5 DEFINISI TAJUK	10
1.6 SKOP DAN BATASAN PENYELIDIKAN	11
1.7 KEPENTINGAN KAJIAN	12
1.8 ULASAN KAJIAN LEPAS	12
1.9 METODOLOGI KAJIAN	17
1.9.1) Kaedah pengumpulan data	18
1.9.1.1) Kaedah Kepustakaan	18
1.9.1.2) Kaedah Temubual	19
1.9.2) Kaedah Analisis Data	20
1.9.2.1) Metode Induktif	20
1.9.2.2) Metode Deduktif	20
1.9.2.3) Metode Komparatif	20
1.10) <i>TAHQIQ/ FILOLOGI</i>	21
1.10.1) Definisi	21
1.10.2) Objek <i>Tahqiq / Filologi</i>	23
1.10.3) Ciri-ciri Naskhah Yang Perlu Ditahqiq	23
1.10.4) Metode Penelitian	24
1.10.5) Deskripsi Naskhah	25
1.10.6) Prosedur <i>Tahqiq</i>	28
1.11) SISITEMATIKA PENULISAN	32

## BAB 2

### RIWAYAT HIDUP SYEIKH ABDUL MALIK BIN ABDULLAH

2.1)	PENGENALAN	34
2.2)	NEGERI TERENGGANU PADA KURUN KE-17 DAN AWAL KURUN KE-18	34
2.2.1)	Pelantikan Sultan Terengganu Yang Pertama	34
2.2.2)	Corak Pemerintahan Terengganu Pada Kurun ke-18	36
2.2.3)	Kedudukan Golongan Ulama Dalam Masyarakat Terengganu Pada awal kurun ke-19	37
2.2.4)	Keadaan Bandar Kuala Terengganu Pada Awal Kurun ke-18	37
2.2.5)	Keadaan Ekonomi dan Pekerjaan Masyarakat Melayu di Terengganu Pada Awal Kurun ke-18	38
2.3)	KELAHIRAN DAN KEWAFATAN SYEIKH ABDUL MALIK BIN ABDULLAH	39
2.4)	PENGAJIAN SYEIKH ABDUL MALIK BIN ABDULLAH	41
2.4.1)	Pengajian Syeikh Abdul Malik bin Abdullah di Jawa dan Aceh	42
2.4.2)	Pengajian Syeikh Abdul Malik bin Abdullah di Mekah dan Madinah	43
2.5)	KETOKOHAN SYEIKH ABDUL MALIK BIN ABDULLAH DALAM BIDANG TASAWUF	46
2.6)	KETOKOHAN SYEIKH ABDUL MALIK BIN ABDULLAH DALAM BIDANG FIQH	47
2.6.1)	Peranan Sebagai Mufti Dan Penasihat Agama Kepada Sultan	47
2.6.2)	Peranan Syeikh Abdul Malik bin Abdullah Sebagai Pengarang Kitab-kitab Fiqh	48
2.7)	PERANAN SYEIKH ABDUL MALIK BIN ABDULLAH SEBAGAI PENGASAS PENDIDIKAN ISLAM DI TERENGGANU	51
2.8)	KELEBIHAN-KELEBIHAN SYEIKH ABDUL MALIK BIN ABDULLAH	52
2.9)	PENUTUP	55

**BAB 3**  
**LATAR BELAKANG KITAB *AL-KIFĀYAH* DAN**  
**METODOLOGI PENULISANNYA**

3.1)	PENGENALAN	56
3.2)	LATAR BELAKANG KITAB <i>AL-KIFĀYAH</i> DAN CIRI-CIRI FIZIKALNYA	56
3.2.1)	Huraian Tajuk Kitab	56
3.2.2)	Tarikh Penulisan dan Penyalinan Kitab	58
3.2.3)	Nisbah Kitab Kepada Pengarang dan Penyalin Kitab	60
3.2.4)	Tujuan Kitab <i>al-Kifāyah</i> Dikarang	63
3.2.5)	Kepentingan Kitab <i>al-Kifāyah</i>	66
3.2.6)	Ciri-ciri Fizikal Naskhah Kitab <i>al-Kifāyah</i>	67
3.2.6.1)	Bilangan Halaman	67
3.2.6.2)	Jenis Kertas dan Dakwat	68
3.2.6.3)	Penggunaan Bahasa	70
3.2.6.4)	Sejarah Percetakan Kitab	72
3.3)	KANDUNGAN KITAB <i>AL-KIFĀYAH</i> DAN METOD PENGGUNAAN DALIL	73
3.3.1)	Penyusunan Bab Dalam Kitab <i>al-Kifāyah</i>	73
3.3.2)	Kitab-kitab Rujukan Yang Digunakan Oleh Pengarang	77
3.3.3)	Metod Penggunaan Dalil dalam Kitab <i>al-Kifāyah</i>	80
3.3.3.1)	Metod Pendalilan Berdasarkan al-Quran	80
3.3.3.2)	Metod Pendalilan Berdasarkan al-Hadis	81
3.3.3.3)	Metod Pendalilan Berdasarkan Qiyas	85
3.3.3.4)	Metod Pendalilan Berdasarkan Kaedah Fiqhiyyah	87
3.4)	PENUTUP	88

**BAB 4**  
**TAHQIQ KITAB AL-KIFAYAH**

Tajuk	Halaman
[Pengenalan <i>Kitāb al-Kifāyah</i> dan pengarangnya]	89
[Tujuan <i>Kitāb al-Kifāyah</i> dikarang]	90

**BAHAGIAN AKIDAH**

1)      **KITAB RUKUN ISLAM**

[Bab mengucap dua kalimah syahadah]

[Hukum mengulang-ulang menyebut kalimah syahadah]	92
[Hukum orang yang tidak mengucap dua kalimah syahadah]	93
[Pandangan ulama tentang asal-usul kalimah Allah]	93
[Rukun-rukun syahadah]	95
[Mengithbātkan zat Allah Taala]	95
[Mengithbātkan sifat Allah Taala]	96
[Mengithbātkan benar Rasulullah]	101
[Sifat-sifat wajib bagi Rasul]	101
[Sifat-sifat mustahil bagi Rasul]	102
[Sifat-sifat harus bagi Rasul]	102
[Kedudukan Nabi Muhammad s.a.w berbanding rasul-rasul yang lain]	102
[Sejarah kelahiran, kerasulan dan kewafatan Rasulullah S.A.W.]	103
[Peristiwa penurunan wahyu kepada Nabi Muhammad S.A.W.]	103
[Sejarah perintah melaksanakan solat fardu dan solat sunat]	106
[Tertib rukun Islam]	107
[Isteri-isteri Rasulullah S.A.W.]	107
[Putera dan puteri Rasulullah S.A.W.]	109
[Sembahyang, zakat, puasa dan naik haji]	109
[erti sembahyang, zakat, puasa dan naik haji]	109
[Golongan yang diwajibkan sembahyang, puasa,	110

## 2) KITAB RUKUN IMAN

[Percaya kepada Allah]	111
[Percaya kepada malaikat]	112
[Sifat-sifat malaikat]	112
[Tugas-tugas malaikat]	112
[Percaya kepada Kitab Allah]	115
[Isi kandungan al-Quran]	116
[Malaikat Jibrail menurunkan kitab-kitab kepada para Rasul]	120
[Bahasa-bahasa bagi kitab-kitab yang diturunkan oleh Allah]	120
[Al-Quran diturunkan secara bercerai-cerai dan tidak teratur]	121
[Hukum orang yang tidak percaya akan kitab Allah atau menghinakannya]	121
[Percaya kepada Rasul]	122
[Bilangan para nabi dan rasul]	123
[Bahasa-bahasa para nabi]	124
[Takrif nabi dan rasul]	125
[Jenis-jenis para nabi]	126
[Hukum seseorang yang tidak mengetahui nama dan bilangan nabi-nabi]	126
[Hukum mereka yang tidak percaya kepada nabi-nabi dan menghinakan mereka]	126
[Percaya kepada hari Kiamat]	127
[Balasan syurga dan neraka]	127
[Keadaan-keadaan manusia ketika meniti titian]	128
[Nama-nama neraka]	129
[Hukum orang yang tidak percaya akan hari Kiamat]	129
[Percaya kepada untung baik dan jahat]	129
[Allah Taala telah menentukan tempat seseorang di syurga atau neraka]	131

[Kewajipan bersungguh-sungguh mengerjakan segala amal]	132
[Hukum beriktikad akan untung baik dan jahat semuanya daripada Allah Taala]	132
[Sekurang-kurang iman yang melepaskan manusia daripada kekal di dalam neraka]	132
[Sifat-sifat kesempurnaan iman]	133
[Amalan-amalan yang membolehkan seseorang masuk syurga]	137
[Iman, islam, tauhid dan makrifat tidak dapat dipisahkan]	138
[Pengertian makrifat, tauhid, islam dan iman]	138
[Bahagian-bahagian kufur]	140
[Hukum beriktikad ada pada kita <i>qudrat</i> yang baharu]	141
[Allah berkuasa menjadikan sesuatu itu berlaku mengikut adatnya]	143
[Hukum mengiktikadkan putus itu kerana pedang dan kenyang itu kerana makanan semata-mata]	144
[Hukum beriktikad semua perbuatan hamba adalah perbuatan Allah]	145
[Iktikad yang sebenar-benarnya]	145

### BAHAGIAN FIQHI

#### 3) KITAB JENIS-JENIS HUKUM FIQH KE ATAS PERBUATAN MANUSIA DAN PERKARA-PERKARA YANG MENYEBABKAN MENJADI KAFIR

[Hukum fiqh terbahagi kepada tujuh bahagian]	146
[Hukum wajib]	146
[Hukum mandub]	146
[Hukum <i>mubāḥ</i> ]	147
[Hukum <i>maḥzūr</i> ]	147
[Hukum makruh]	147
[Hukum sahib]	148

[Perkara-perkara yang menyebabkan seseorang menjadi kafir]	149
[Takrif kafir]	149
[Sujud kepada selain Allah]	149
[Mengiktikadkan ada kuasa selain Allah]	149
[Mengiktikadkan Allah beranak atau beribu atau bertubuh atau tiada segala sifat]	149
[Tiada percaya segala Nabi, Malaikat, Kitab dan Kiamat]	150
[Menghinakan <i>muṣḥaf</i> , menghalalkan yang haram dan mengharamkan yang halal]	150

#### 4) KITAB BERSUCI

[Wajib mengambil air sembahyang dan mandi <i>janābah</i> dengan air mutlak]	151
[Bab Jenis-jenis Air]	
[Air mutlak]	151
[Hukum air mutlak yang berubah rasa, bau dan warna]	152
[Sebab-sebab berubahnya air mutlak]	153
<i>[Mujāwarah]</i>	153
<i>[Tarawuh]</i>	153
<i>[Mukhālaṭah]</i>	154
[Air makruh]	154
[Air <i>musta'mal</i> ]	154
[Air najis]	155
[Hukum air yang kurang daripada dua kolah dimasuki bangkai binatang yang tidak mengalir darahnya]	156

## [Bab Jenis-jenis Najis Dan Syarat-syarat Untuk Menghilangkannya]

[Najis <i>mughallazah</i> ]	156
[Najis <i>mukhaffafah</i> ]	156
[Najis <i>mutawassītah</i> ]	158
[Pembahagian najis <i>mutawassītah</i> ]	158
[Syarat membasuh najis dengan air yang sedikit]	159
[Sukatan air dua kolah]	159

## [Bab Qada Hajat dan Istinja]

[Hukum qada hajat dan istinja]	160
[Perkara yang sunat ketika qada hajat]	160
[Qada hajat yang makruh]	161
[Qada hajat yang haram]	162

[Istinja]	163
[Hukum dan takrif istinja]	163
[Perkara-perkara sunat ketika istinja]	164
[Sebab-sebab wajib mandi]	165
[Sifat-sifat mani]	165
[Fardu-fardu mandi <i>jenābah</i> ]	168
[Perkara-perkara sunat ketika mengangkat hadas besar]	170
[Perkara-perkara makruh dilakukan oleh orang yang berjunub, haid dan nifas]	170
[Perkara-perkara haram dilakukan oleh perempuan yang haid dan nifas]	171
[Perkara-perkara yang haram dilakukan oleh orang yang berjunub]	172

## [Bab Wuduk]

[Syarat-syarat mengambil wuduk]	174
[Fardu wuduk]	174
[Niat wuduk]	176
[Perkara-perkara sunat dilakukan ketika berwuduk]	179
[Perkara-perkara yang membatalkan wuduk]	181

[Perkara-perkara yang haram dilakukan oleh orang yang tiada berair sembahyang]

181

## 5) KITAB SOLAT

### [Bab Syarat-syarat dan rukun-rukun Solat fardu]

[Syarat-syarat sah sembahyang fardu]	181
[Waktu-waktu sembahyang fardu]	181
[Batasan aurat lelaki dan wanita di dalam sembahyang]	182
[Rukun-rukun sembahyang]	183
[Syarat-syarat sah niat sembahyang]	184
[Lafaz niat solat fardhu]	185
[Bahagian-bahagian rukun sembahyang]	189
[Pembahagian perkara-perkara sunat dalam sembahyang]	190
[Jumlah rukun dalam sembahyang fardu]	193
[Perbezaan di antara lelaki dan perempuan ketika mendirikan sembahyang]	194
[Perkara-perkara yang membatalkan sembahyang]	194

### [Bab Solat Jemaah]

[Syarat-syarat sah mengikut Imam]	198
[Syarat-syarat bagi imam]	198
[Syarat-syarat bagi maknum]	199

### [Bab Perkara-perkara Sunat dan Makruh Dalam Solat]

[Beberapa lagi perkara sunat dalam sembahyang]	202
[Sebab-sebab disunatkan sujud <i>sahwī</i> ]	205
[Perkara-perkara makruh dalam sembahyang]	207

### [Bab Sembahyang Dua Hari Raya]

[Sembahyang dua hari raya]	209
[Perkara-perkara sunat ketika sembahyang sunat dua Hari Raya]	210
[Lafaz niat sembahyang dua hari raya]	212

## [Bab Memandikan dan Menyembahyangkan Mayat]

[Sunat memperbanyak mengingati kematian]	214
[Sunat bersabar atas kesakitan yang ditanggung]	216
[Perkara-perkara sunat dilakukan terhadap orang yang sedang nazak]	217
[Perkara-perkara sunat dilakukan terhadap mayat]	220
[Memandikan mayat]	221
[Hukum memandikan mayat]	221
[Perkara-perkara sunat ketika memandikan mayat]	222
[Orang yang bertanggungjawab memandikan mayat]	229

## [Bab Mengkafankan Mayat]

[Batasan aurat mayat lelaki dan perempuan]	231
[Hukum mengkafankan mayat dengan kain yang sangat nipis]	231
[Hukum mengkafankan mayat menggunakan kain yang kena najis]	232
[Bilangan kain kafan bagi mayat lelaki dan perempuan]	232
[Sifat-sifat kain kafan yang disunatkan]	233
[Kaedah mengkafankan mayat]	233
[Orang yang bertanggungjawab menyediakan kain kafan]	235
[Hukum mengkafankan mayat lebih daripada selapis kain dengan menggunakan harta Baitulmal]	235

## [Bab Sembahyang Mayat]

[Rukun-rukun sembahyang mayat]	236
[Kedudukan orang yang menyembahyangkan mayat lelaki dan perempuan]	239
[Bilangan jemaah yang disunatkan ketika menyembahyangkan mayat]	240
[Syarat-syarat menyembahyangkan mayat]	240
[Sebaik-baik <i>imām</i> yang menyembahyangkan mayat]	241

## [Bab Menanam Mayat]

[Saiz kubur yang dianjurkan]	242
[Hukum menanam mayat di dalam keranda]	242
[Perkara-perkara sunat ketika menanam mayat]	242
[Hukum mengadakan kenduri dan menghadiri kenduri orang yang berbiji sabak]	247
[Hukum duduk, bersandar atau berjalan di atas kubur]	247
[Hukum mengunjungi mayat]	248
[Hukum menangisi mayat]	248
[Hukum memindahkan mayat]	249
[Hukum memindahkan mayat kerana bumi yang sentiasa kedatangan air]	250
[Hukum mengorek kubur kerana mengeluarkan anak daripada perut mayat]	250

## 7) KITAB ZAKAT

[Takrif zakat]	250
[Hukum mengeluarkan zakat]	251
[Zakat binatang]	251
[Zakat tumbuh-tumbuhan]	252
[Zakat emas dan perak]	253
[Zakat perniagaan dan syarat-syaratnya]	255
[Zakat perhiasan]	256
[Bab zakat fitrah]	257
[Syarat-syarat wajib zakat fitrah]	258
[Hukum membayar zakat fitrah bagi anak, cucu, ibu dan bapa]	259
[Waktu-waktu membayar zakat fitrah]	259
[Hukum melebihkan zakat fitrah]	260
[Waktu-waktu membayar zakat fitrah]	260
[Bab niat mengeluarkan zakat]	260
[Hukum menyerahkan zakat kepada wakil]	261
[Wajib mengeluarkan zakat apabila cukup <i>haul</i> ]	262

[Bab Asnaf zakat]

[Hukum memberikan zakat kepada orang yang memiliki dua sifat yang patut mengambil zakat]	266
[Bilangan penerima zakat]	266

8) KITAB PUASA

[Takrif puasa]	267
[Rukun-rukun puasa]	267
[Perkara-perkara wajib puasa]	268
[Syarat-syarat sah puasa]	269
[Perkara-perkara yang membatalkan puasa]	283
[Hari-hari yang diharamkan puasa]	283
[Syarat-syarat wajib puasa Ramadhan]	284
[Sebab-sebab diharuskan berbuka puasa]	284
[Golongan-golongan yang wajib qada puasa]	286
[Perkara-perkara sunat dilakukan ketika berpuasa]	286
[Puasa-puasa sunat]	291

9) KITAB KORBAN

[Takrif korban]	297
[Hukum korban]	297
[Binatang-binatang yang diharuskan untuk korban]	298
[Syarat-syarat korban]	299
[Waktu berniat korban]	300
[Waktu-waktu dibolehkan korban]	301
[Pembahagian daging korban]	302
[Perkara-perkara sunat dilakukan ketika menyembelih korban]	304

10) KITAB AKIKAH

[Takrif akikah]	305
[Hukum melakukan akikah]	306
[Perkara-perkara sunat ketika melakukan akikah]	307
[Perkara-perkara sunat dilakukan sempena menyambut kelahiran bayi]	310

## **11) KITAB SEMBELIHAN**

[Rukun-rukun Menyembelih]	313
[Syarat-syarat Menyembelih]	314
[Syarat Pada Binatang Yang Hendak Disembelih]	316
[Syarat Pada Pegawai Yang Menyembelih]	317

## **12) KITAB MAKANAN**

[Bab binatang yang halal dan haram dimakan]	
[Binatang-binatang darat yang halal dimakan]	320
[Binatang yang haram dimakan]	320
[Burung-burung yang halal dimakan]	322
[Burung-burung yang haram dimakan]	322
[Hukum memakan makanan yang kena najis]	323
[Hukum memakan benda yang suci tetapi memudaratkan]	324
[Hukum meminum minuman yang memabukkan]	324
[Hukum memakan makanan yang halal dengan berlebih-lebihan]	325

## **BAB 5**

### **ANALISIS HUKUM-HUKUM FIQH TERPILIH BERKAITAN BINATANG HALAL DAN HARAM DIMAKAN DALAM KITAB *AL-KIFĀYAH***

5.1) PENGENALAN	326
5.2) PEMBAHAGIAN BINATANG HALAL DAN HARAM OLEH SYEIKH ABDUL MALIK BIN ABDULLAH	327
5.3) ANALISIS KAEDAH-KAEDAH PENETAPAN HUKUM HALAL DAN HARAM MEMAKAN BINATANG OLEH SYEIKH ABDUL MALIK BIN ABDULLAH	329
5.4) KAEDAH-KAEDAH LAIN YANG DIGUNAKAN OLEH FUQAHĀ DALAM MENENTUKAN HUKUM MEMAKAN BINATANG	335

5.5) ANALISIS ISU-ISU FIQH TERPILIH BERKAITAN BINATANG YANG HALAL DAN HARAM DIMAKAN	344
5.5.1) Hukum Memakan Teritip	344
5.5.2) Hukum Memakan Biawak	347
5.5.3) Hukum Memakan Ketam Batu	350
5.5.4) Hukum Memakan Kelemayar	353
5.5.5) Hukum Memakan Pacat dan Lintah	355
5.5.6) Hukum Memakan Tenggiling	357
5.5.7) Hukum Memakan Cicak Toke	358
5.5.8) Hukum Memakan Burung Hantu	359
5.5.9) Hukum Memakan Burung Tiong	360
5.6) HUKUM BERUBAT DENGAN MEMAKAN ATAU MENGGUNAKAN BINATANG-BINATANG YANG HARAM DIMAKAN	362
5.7) PENUTUP	367

## BAB 6

### RUMUSAN DAN CADANGAN

6.1) RUMUSAN HASIL KAJIAN	368
6.2) CADANGAN	376
 BIBLIOGRAFI	378
LAMPIRAN A	
LAMPIRAN B	

## SENARAI KEPENDEKAN

APIUM	:	Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya
DBP	:	Dewan Bahasa dan Pustaka
et.al	:	Pengarang dan lain-lain (melebihi dua orang)
<i>Ibid</i>	:	Ibidem (rujukan berturut)
IPTA	:	Institut Pengajian Tinggi Awam
M	:	Masihi
PNM	:	Perpustakaan Negara Malaysia
t.t.	:	tanpa tarikh
t.pt.	:	tanpa penerbit
t.tpt.	:	tanpa tempat
R.A.	:	<i>Rādiyallāhu 'anhu</i>
S.A.W.	:	<i>Šallallāhu 'alayhi wa sallam</i>
S.W.T.	:	<i>Subḥānahu wa Ta'ālā</i>

## SENARAI JADUAL DAN RAJAH

<b>Jadual</b>		<b>Halaman</b>
1) Jadual 3.26	: Bilangan halaman setiap naskhah Kitab <i>al-Kifayah</i>	67
2) Jadual 3.33	: Bilangan ayat al-Quran dalam Kitab <i>al-Kifayah</i> mengikut bahagian ilmu	80
3) Jadual 3.332 (a)	: Bilangan hadis dalam Kitab <i>al-Kifayah</i> mengikut bahagian ilmu	82
4) Jadual 3.332 (b)	: Jadual Bilangan dan Peratusan Hadis Mengikut Kategori	85
<b>Gambar</b>		<b>Halaman</b>
1) Gambar 5.5 (a)	: Pandangan dekat teritip	345
2) Gambar 5.5 (b)	: Biawak yang biasa dijumpai di Malaysia	347
3) Gambar 5.5 (c)	: Ketam batu	350
4) Gambar 4.5 (d)	: Pacat	355
5) Gambar 4.5 (e)	: Lintah	356
6) Gambar 4.5 (f)	: Tenggiling	357
7) Gambar 4.5 (g)	: Toke	358
8) Gambar 4.5 (h)	: Burung hantu	359
9) Gambar 4.5(i)	: Burung Tiung Gembala Kerbau	361

## PANDUAN TRANSLITERASI

Huruf Arab	Huruf Roman	Huruf Arab	Huruf Roman
ا	a, ’	ط	t
ب	B	ظ	z
ت	T	ع	‘
ث	Th	غ	Gh
ج	J	ف	F
ح	h	ق	Q
خ	Kh	ك	K
د	D	ل	L
ذ	Dh	م	M
ر	R	ن	N
ز	Z	ه	H
س	S	و	W
ش	Sh	ي	Y
ص	ṣ	ة	h,t
ض	ḍ		

Vokal Panjang		Vokal Pendek		Diftong	
ا/ي	Ā	ó	a	ؤ	Aw
ي	Ī	ö	i	ئي	Ay
و	Ū	ö	u	ۈ	Uww
				ئي	iy/i

Catatan:

Format penulisan tesis ini adalah berpandukan Buku *Panduan Penulisan Ilmiah Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya (2012)*, Edisi Ketiga.

## BAB 1

### 1.1) PENGENALAN

Agama Islam telah dikesan bertapak di Nusantara semenjak kurun ke-7 Masihi (M) lagi dengan kedatangan masyarakat Arab di Tanah Jawa. Di Malaysia atau dulunya dikenali sebagai Tanah Melayu, kedatangan Islam didapati bermula sebelum kurun ke-14M lagi. Penemuan Batu Bersurat di Terengganu pada tahun 1303M telah membuktikan hukum-hakam Islam telah diamalkan oleh pemerintah dan rakyat Tanah Melayu ketika itu.

Setelah itu, Islam menjadi semakin berkembang di Nusantara dengan adanya usaha yang giat dilakukan oleh para ulama dan pendakwah tempatan mahupun yang datang dari negara-negara luar seperti Baghdad, Mesir, Yaman dan Arab Saudi. Para ulama ini bukan sahaja menyebarkan Islam secara lisan, malah turut menghasilkan karya-karya dalam pelbagai ilmu Islam seperti akidah, fiqh, tafsir dan akhlak. Penghasilan karya-karya berunsur Islam di Tanah Melayu telah sampai ke kemuncaknya pada abad ke-17 ekoran daripada perkembangan pesat kegiatan penyebaran Ilmu Islam di Nusantara yang berpusat di Aceh yang lebih dikenali sebagai ‘Serambi Mekah’ ketika itu<sup>1</sup>.

Kitab-kitab yang dikarang oleh ulama silam ditulis dalam bentuk manuskrip iaitu teks yang bertulisan tangan terutama sekali dalam tulisan Jawi yang dihasilkan seawal-awalnya pada akhir abad ke-15 atau dalam lingkungan abad ke-16 dan selewat-lewatnya pada awal abad ke-20<sup>2</sup>. Sebahagian besarnya masih kekal dalam bentuk ini sehingga ke hari ini. Keadaan ini telah menjadikan masyarakat hari ini sukar untuk membaca dan memahaminya, malah tidak tahu pun tentang kewujudannya. Walaupun manuskrip-manuskrip Melayu ini telah dilindungi di bawah Akta Warisan (Akta 654),

<sup>1</sup> Mahayudin Hj Yahaya, *Karya Klasik Melayu Islam* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2000), 4.

<sup>2</sup> Ibid.

2005, namun usaha-usaha untuk menerbitkan karya-karya silam ini masih tidak dilakukan dengan bersungguh-sungguh dan kajian-kajian yang teliti serta mendalam tentang karya-karya mereka juga kurang dilakukan oleh sarjana-sarjana masa kini.

Karya-karya yang telah dikarang oleh ulama silam tidak dapat bertahan lama kerana tidak mampu melawan bahana iklim tropika. Akhirnya, manuskrip yang begitu tinggi nilainya menjadi hancur dan reput<sup>3</sup>. Kegiatan memindahkan manuskrip-manuskrip ini dari tempat asalnya juga telah menyebabkan berlaku kerosakan dan kehilangan sebahagian maklumat penting di dalamnya<sup>4</sup>.

Walaupun telah banyak manuskrip yang rosak, tetapi masih terdapat sejumlah Manuskrip Melayu yang tersimpan di beberapa buah perpustakaan di seluruh dunia. Pada tahun 1972, Ismail Hussein telah menganggarkan terdapat kira-kira 3000 buah Manuskrip Melayu di Eropah, 1800 buah di Indonesia, 50 buah di Singapura dan 150 buah lagi di Malaysia<sup>5</sup>. Jumlah ini tidak hanya meliputi karya dalam bidang pengajian Islam, tetapi merangkumi juga bidang sastera, bahasa, kebudayaan, perubatan tradisional dan lain-lain. Pada tahun 1985 pula, Wan Ali bin Wan Mamat telah menemui 2079 buah manuskrip Melayu dari 6 buah perpustakaan yang pernah beliau lawati di Negeri Belanda<sup>6</sup>. Menurut Ibrahim Ismail, jumlah keseluruhan Manuskrip Melayu di dunia pada tahun 1987 telah meningkat kepada 10,000 buah, tidak termasuk manuskrip yang disimpan oleh orang perseorangan<sup>7</sup>.

Dengan ini, hasil-hasil karya para ulama silam yang masih tinggal perlu dikaji dan diolah sesuai dengan keadaan masyarakat hari ini supaya ia mudah dibaca, difahami dan diambil manfaat daripadanya.

<sup>3</sup> *Warisan Manuskrip Melayu* (Kuala Lumpur: Pepustakaan Negara Malaysia, 2000), 14-15.

<sup>4</sup> Friedrich Zink, "Conservation and Preservation of Malay Manuscripts" dalam *Kumpulan Kertas Kerja Seminar Antarabangsa Manuskrip Melayu* (Kuala Lumpur: Percetakan Watan Sdn. Bhd., 2006), 217.

<sup>5</sup> Ismail Hussein, "Pengumpulan Tradisi: Sastera Lama", *Dewan Sastera*, Julai 1972, 36.

<sup>6</sup> Wan Ali bin Haji Wan Mamat, "Mengesan Manuskrip Melayu di Belanda" dalam *Dewan Sastera* (November 1985), 77-80.

<sup>7</sup> Ibrahim Ismail, "Pengawalan Bibliografi Manuskrip Melayu: Beberapa Catatan Mengenai Permasalahan dan Penyelesaian", dalam *Cendekia: Kesusasteraan Melayu Tradisional*, ed. Siti Hawa Salleh (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1987), 215.

## 1.2) LATARBELAKANG MASALAH

Ulama silam di Nusantara telah banyak memainkan peranan mereka di dalam memastikan ajaran Islam terus berkembang dan sampai kepada masyarakat. Nama-nama besar seperti Syeikh Nūr al-Dīn al-Rānīrī, Syeikh Abd al-Ra'ūf al-Fansurī, Syeikh Muhammad Arsyad al-Banjārī dan Syeikh Daud bin Abdullah al-Fatani merupakan ulama yang cukup terkenal sehingga ke hari ini. Di Tanah Melayu khususnya Terengganu, telah lahir beberapa orang ulama yang hebat dan memberikan sumbangan yang besar kepada perkembangan Islam ketika itu. Di antaranya ialah Syeikh Abdul Malik bin Abdullah atau digelar sebagai Tok Pulau Manis (1650M- 1736M), Sayyid Muhammad bin Zainal Abidin al-Idrus atau Tukku Tuan Besar (1794M-1878M), Haji Wan Abdullah bin Haji Wan Mohd Amin yang juga dikenali sebagai Tok Syeikh Duyong (1802M-1889M) dan Sayyid Abdul Rahman Muhammad al-Idrus atau Tukku Paloh (1817M-1917M). Di antara mereka, Syeikh Abdul Malik bin Abdullah adalah ulama terawal yang telah mengembangkan ajaran Islam di Terengganu melalui pengajaran di surau-surau, pondok dan juga melalui penghasilan karya-karya.

Syeikh Abdul Malik bin Abdullah atau lebih dikenali sebagai Tok Pulau Manis telah dilahirkan pada tahun 1650M dan meninggal pada tahun 1736M pada usia 86 tahun<sup>8</sup>. Sebagai salah seorang di antara penduduk Tanah Melayu yang terawal mendapat pendidikan di Mekah dan mampu menguasai pelbagai bidang ilmu Islam<sup>9</sup>, Syeikh Abdul Malik bin Abdullah telah mendapat kepercayaan pemerintah ketika itu iaitu Sultan Zainal Abidin I untuk menjadi penasihat agama kepada baginda<sup>10</sup>. Kedudukan penting Syeikh Abdul Malik bin Abdullah di kalangan pembesar istana telah menjadi

<sup>8</sup> Shafie Abu Bakar, "Syeikh Abdul Malik bin Abdullah dan Karangan-karangannya", dalam *PESAKA, Monograf Lembaga Muzium Negeri Terengganu* (Bil 2, 1984), 71.

<sup>9</sup> Mohammad Redzuan Othman, "The Role Of Makka-Educated Malays In The Development of Early Islamic Scholarship and Education In Malaya" dalam *Journal of Islamic Studies* (9:2, 1998), 147.

<sup>10</sup> Muhammad Yusoff Hashim, *Terengganu Darul Iman Tradisi Persejarahan Malaysia* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1991), 97.

titik permulaan wujudnya hubungan dan kerjasama di antara pemerintah dan ulama di Terengganu.

Ketokohan Syeikh Abdul Malik bin Abdullah sering ditonjolkan dalam bidang tasawuf. Karya beliau yang paling terkenal ialah *Hikam Melayu* yang merupakan sebuah kitab tasawuf terbesar dan terawal menurut aliran Ahli Sunnah Wal Jamaah yang ditulis di dalam Bahasa Melayu<sup>11</sup>. Banyak penulisan yang telah membincangkan tentang *Hikam Melayu* dan kitab ini masih digunakan di surau-surau dan masjid-masjid pada hari ini sebagai bahan pengajaran<sup>12</sup>. Syeikh Abdul Malik bin Abdullah kurang dikenali sebagai tokoh fiqh dan amat sedikit kajian yang dilakukan tentang karya-karya beliau dalam bidang fiqh, sedangkan beliau telah berjaya menghasilkan tiga buah karya fiqh yang menjadi panduan pada zamannya. Karya-karya fiqh beliau ialah Kitab *al-Kifayah*, Risalah *al-Naql* dan Risalah *Kayfiyyah al-Niyyah*<sup>13</sup>.

Penulisan kitab-kitab fiqh oleh Syeikh Abdul Malik bin Abdullah ini dianggap sebagai kesinambungan kepada kegiatan penulisan kitab-kitab fiqh terawal di Tanah Melayu yang dimulai oleh Syeikh Nūr al-Dīn al-Rānīrī (meninggal pada tahun 1658M) yang menghasilkan Kitab *Sirāt al-Mustaqīm* (1044H/1634M-1054H/1644M) dan Syeikh Abdul Ra'ūf al-Fansūrī (1024H/1615M-1105H/1693M) yang mengarang Kitab *Mir'āt al-Tullāb li Ma'rīfah al-Shārī'ah al-Malik al-Wahhāb*. Jika diteliti kepada tarikh kepulangan Syeikh Abdul Malik bin Abdullah ke Terengganu setelah menuntut ilmu di Mekah iaitu pada tahun 1690M, dapatlah disimpulkan bahawa Kitab *al-Kifayah* yang dihasilkan selepas kepulangannya itu dikarang sebelum terhasilnya Kitab *Sabīl al-Muhtadīn li al-Tafaqquh fī Amr al-Dīn* oleh Syeikh Muḥammad Arshad al-Banjārī

<sup>11</sup> Muhammad Abu Bakar, *Ulama Terengganu Suatu Sorotan* (Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors, 1991), 57.

<sup>12</sup> Ismail bin Embong (Generasi ketujuh keturunan Syeikh Abdul Malik bin Abdullah, Penduduk Kampung Pulau Manis, Kuala Terengganu), dalam temubual dengan penulis, 15 Januari 2011. Lihat juga Shafie Abu Bakar, "Syeikh Abdul Malik bin Abdullah dan Karangan-karangannya", 78.

<sup>13</sup> Shafie Abu Bakar, *Ibid*.

(1122H/1710M-1227H/1812M)<sup>14</sup>. Oleh kerana Syeikh Abdul Malik bin Abdullah adalah orang yang terawal dikesan memulakan kegiatan penulisan kitab di Terengganu, dapatlah dikatakan yang karya-karya fiqh karangan beliau iaitu Kitab *al-Kifayah*, Risalah *al-Naql* dan Risalah *Kayfiyyah al-Niyyah* merupakan kumpulan penulisan hukum fiqh pertama di Negeri Terengganu.

Di antara ketiga-tiga buah karya fiqh yang dihasilkan oleh Syeikh Abdul Malik bin Abdullah, Kitab *al-Kifayah* adalah penulisan fiqh yang terbesar dan paling lengkap<sup>15</sup>. Kira-kira tiga puluh peratus daripada isi kandungan kitab ini membincangkan tentang akidah iaitu kitab rukun iman dan rukun Islam. Tujuh puluh peratus lagi membahaskan tentang fiqh yang mengandungi 10 kitab iaitu jenis-jenis hukum fiqh ke atas perbuatan manusia, taharah, solat, pengurusan jenazah, puasa, zakat, akitah, korban, penyembelihan dan makanan<sup>16</sup>.

Sebagai kitab fiqh yang pertama dihasilkan di Terengganu, tentulah kewujudannya memberi sumbangan yang besar kepada masyarakat setempat. Di dalam kajian yang dilakukan oleh Shafie Abu Bakar, beliau mendapati Kitab *al-Kifayah* ini ditulis bertujuan untuk dijadikan bahan pengajaran oleh Syeikh Abdul Malik bin Abdullah di pondok yang diasaskan oleh beliau sendiri. Ia juga dikarang untuk dijadikan panduan atau rujukan kepada masyarakat khususnya di Terengganu ketika itu yang belum dapat menguasai ilmu-ilmu asas agama<sup>17</sup>. Dua buah penulisan lagi hanya berbentuk risalah dan perbincangannya hanya tertumpu kepada satu permasalahan fiqh sahaja.

<sup>14</sup> Abdul Kadir Muhammad, *Sejarah Penulisan Hukum Islam di Malaysia* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1996), 34.

<sup>15</sup> Shafie Abu Bakar, "Tok Pulau Manis dan Pengasasan Pendidikan Islam" dalam *Ulama Terengganu Suatu Sorotan* (Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distributors Sdn Bhd, 1991), 59.

<sup>16</sup> Syeikh Abdul Malik bin Abdullah, Kitab *al-Kifayah*, MSS517, Pusat Manuskrip Melayu, Perpustakaan Negara Malaysia Kuala Lumpur.

<sup>17</sup> Shafie Abu Bakar, "Syeikh Abdul Malik bin Abdullah dan Karangan-karangannya", 78.

Terdapat bukti yang menunjukkan Kitab *al-Kifayah* ini telah tersebar luas sehingga ke luar daripada Terengganu. Sebuah naskhah Kitab *al-Kifayah* yang tersimpan di Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) didapati telah disalin semula oleh Muhammad Hussin Bin Abdul Latif atau dikenali dengan nama Tok Kelaba yang menulisnya di Kampung Beris, Negeri Kelaba<sup>18</sup>. Negeri Kelaba yang dimaksudkan oleh penyalin ialah Patani<sup>19</sup>. Sebuah lagi naskhah yang juga tersimpan di PNM telah ditemui pada tahun 1993 di Kampung Kepala, Bukit Senggora<sup>20</sup>. Kedua-dua buah naskhah ini yang masing-masing disalin di luar Terengganu dan ditemui di luar Terengganu membuktikan Kitab *al-Kifayah* telah tersebar luas suatu ketika dahulu.

Sebagai sebuah kitab yang belum pernah dicetak, Kitab *al-Kifayah* ini masih kekal dengan tulisan jawi klasik. Keadaan ini menyukarkan masyarakat hari ini untuk membaca dan memahami isi kandungannya. Sebagai contoh:

"يغ محظور يعني حرام يائيت برغيع دبرى فهلا اتس يغ منغلكلكتندي دان دشكس  
اتس يغ بربوة دي..."<sup>21</sup>

"Yang mahzur yakni haram yaitu barang yang diberi pahala atas yang meninggalkan dia dan diseksa atas yang berbuat dia..."

Terdapat juga dua perkataan yang disambung menjadi satu perkataan sahaja. Contohnya, <sup>22</sup>يغواجب (yang wajib) dan <sup>23</sup>برغيع (barang yang).

Berdasarkan kepada pembacaan awal pengkaji terhadap 3 buah naskhah Kitab *al-Kifayah* yang ditemui oleh pengkaji, terdapat banyak perbezaan di antara satu naskhah dengan naskhah yang lain dari segi tulisan, susunan perkataan dan ayat serta penggunaan istilah tertentu sehingga kadang kala membawa kepada perbezaan dari segi

<sup>18</sup> Syeikh Abdul Malik bin Abdullah, Kitab *al-Kifayah* (folio 119).

<sup>19</sup> "Tok Kelaba al-Fathani", dicapai pada 5 November 2010, <http://ulama.blogspot.com/2005/05/tok-kelaba-al-fathani.html>.

<sup>20</sup> Wan Mohd Shaghir Abdullah, "Tok Pulau Manis Syeikh Abdul Malik Terengganu", *Utusan Malaysia*, 22 Oktober 2007, 18.

<sup>21</sup> Syeikh Abdul Malik bin Abdullah, Kitab *al-Kifayah* (folio 36).

<sup>22</sup> *Ibid.*

<sup>23</sup> *Ibid* (folio 37).

maksud ayat atau teks. Terdapat juga beberapa kesilapan seperti keguguran ayat dan perkataan dalam teks.

Metod penulisan karya silam juga didapati sangat berbeza dengan metod penulisan buku pada hari ini. Karya-karya mereka tidak ditulis bab-bab atau tajuk-tajuk kecil, tidak berperenggan, tidak bernoktah, tidak disertakan rujukan lengkap, keadaan tulisan yang sudah pudar dan juga tidak disertakan dalil sebagai sumber hukum. Seperti kebanyakan manuskrip lain, ayat-ayat al-Quran yang terdapat di dalam kitab ini juga tidak disertakan nama surah dan nombor ayat.<sup>24</sup>. Begitu juga dengan hadis-hadis, tidak disertakan maklumat seperti perawi yang lengkap dan nombor hadis.

Hukum-hukum yang terdapat di dalam kitab ini perlu dianalisis agar lebih jelas dan mudah difahami oleh pembaca. Dengan melakukan analisis hukum kepada beberapa isu fiqh terpilih khususnya dalam bab binatang halal dan haram dimakan, pengkaji dapat memastikan metodologi penetapan hukum yang digunakan oleh Syeikh Abdul Malik bin Abdullah.

Masalah kekurangan sarjana yang mengkaji tentang manuskrip Melayu silam khususnya dalam bidang fiqh telah menjadikan masyarakat hari ini tidak mengenali Kitab *al-Kifāyah* walaupun ia mempunyai nilai ilmu dan sejarah yang sangat tinggi. Hal ini telah ditekankan oleh Ketua Pusat Dokumentasi Melayu (PDM), Dewan Bahasa Dan Pustaka, Kamariah Abu Samah :

“Isu kekurangan tenaga mahir dalam melakukan kajian terhadap manuskrip Melayu turut memberi kesan kepada perkembangan sastera dan kesudahannya, naskhah bersejarah terperam kerana tiada tenaga pakar yang berupaya melaksanakannya”.<sup>25</sup>

<sup>24</sup> Mat Saad Abdul Rahman, “Tabaqiq Manuskrip Arab Melayu” dalam *Tradisi Penulisan Manuskrip Melayu* (Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia, 1997), 274.

<sup>25</sup> “Penyelidik Muda Perlu Terokai Khazanah Bangsa Dalam Manuskrip Melayu Lama”, laman sesawang *Berita Harian*, dicapai pada April 2012, <http://www.bharian.com.my/bharian/articles/Kajinaskhahbersejarah/Article>

Berdasarkan kepada beberapa senario di atas, secara umumnya pengkaji berpendapat kegiatan mentahqīq manuskrip-manuskrip Melayu sangat perlu dipergiatkan dan secara khususnya, kajian yang mendalam terhadap manuskrip Kitab *al-Kifāyah* yang menjadi subjek kajian ini sangat perlu dilakukan agar dapat dimanfaatkan oleh generasi hari ini dan sebagai salah satu usaha penting di dalam memartabatkan khazanah peninggalan ulama silam tempatan.

### 1.3) PERNYATAAN MASALAH

Kajian ini akan memfokuskan kepada masalah berikut:

- 1- Syeikh Abdul Malik bin Abdullah sangat terkenal sebagai seorang ulama tasawuf. Kitab tasawuf karangannya iaitu *Hikam Melayu* telah menjadi sebuah kitab yang sangat penting dan masih digunakan oleh masyarakat di Malaysia sehingga ke hari ini<sup>26</sup>. Selain Kitab *Hikam Melayu*, Syeikh Abdul Malik juga telah menghasilkan beberapa buah karya fiqh. Namun, ketokohan beliau dalam bidang fiqh tidak diketengahkan oleh sarjana-sarjana hari ini sebagaimana ketokohnanya dalam bidang tasawuf.
- 2- Kegiatan penulisan kitab oleh Syeikh Abdul Malik bin Abdullah di Terengganu pada akhir abad ke-17 merupakan kesinambungan kepada kegiatan penulisan kitab-kitab agama yang sebelum itu telah rancak dijalankan di Aceh<sup>27</sup>. Kitab fiqh yang pertama ditulis dalam bahasa Melayu dan bertulisan Jawi ialah Kitab *Şirāt al-Mustaqīm* (1044H/1634M-1054H/1644M) oleh Syeikh Nūr al-dīn al-Rānīrī (meninggal pada 1658M), seorang ulama yang dilahirkan di Gujarat, India. Seterusnya, terhasil Kitab *Mir'āt al-Tullāb li Ma'rīfah al-Shārī'ah al-Malik al-Wahhāb* oleh Syeikh Abdul Ra'ūf al-Fansūrī (1024H/1615M-1105H/1693M). Kemudian, kira-kira pada tahun 1690M sehingga tahun 1736M, lahirlah Kitab *al-*

<sup>26</sup> Shafie Abu Bakar, "Syeikh Abdul Malik bin Abdullah dan Karangan-karangannya", 78.

<sup>27</sup> Shafie Abu Bakar, "Syeikh Abdul Malik Bin Abdullah (Tuk Pulau Manis)", dalam *Warisan*, Bil 5 (1989), 22.

*Kifayah*, Risalah *Kayfiyyah Niyyah* dan Risalah *al-Naql* oleh Syeikh Abdul Malik bin Abdullah, seorang ulama tempatan yang berketurunan ulama dari Baghdad. Kitab-kitab yang beliau hasilkan ini merupakan kumpulan pertama penulisan karya-karya fiqh di Terengganu. Kitab ini dahulunya digunakan sebagai bahan pengajaran di pondok yang diasaskan oleh beliau sendiri di Kampung Pulau Manis, Kuala Terengganu dan masih digunakan di surau dan madrasah selepas kematian beliau. Ia juga didapati pernah tersebar sehingga ke Patani kerana dibawa dan disalin oleh penuntut-penuntut Syeikh Abdul Malik yang berasal dari Patani. Namun, Kitab *al-Kifayah* ini tidak pernah dicetak dan tidak lagi dikenali oleh masyarakat Islam di Malaysia sekarang. Malah, ramai dalam kalangan masyarakat hari ini tidak tahu tentang kewujudannya.

- 3- Melalui pandangan secara rawak terhadap tiga buah naskhah Kitab *al-Kifayah* yang ditemui, didapati ketiga-tiganya mempunyai banyak perbezaan yang ketara sama ada dari segi struktur ayat mahupun penggunaan perkataan-perkataan tertentu. Perbezaan dari segi struktur ayat adakah melibatkan sebahagian daripada ayat tersebut gugur dan lebih pendek berbanding dengan naskhah yang lain. Keadaan ini telah memberi kesan kepada maksud ayat yang sebenar dan juga menyebabkan hukumnya juga berbeza di antara satu naskhah dengan naskhah yang lain. Selain itu, cara penulisan ayat-ayat al-Quran yang tidak dicatatkan nama surah dan nombor ayat juga boleh menimbulkan kekeliruan kepada pembaca. Begitu juga dengan penulisan hadis, rujukan yang lengkap seperti nama kitab hadis, nombor hadis dan martabat hadis tidak dinyatakan. Kesemua masalah ini akan menyebabkan pembaca keliru, sukar untuk memahami isi kandungan kitab ini, tidak berminat untuk mendalaminya dan akan menyebabkan ia terus lenyap ditelan zaman.

4- Melalui perbandingan awal yang dilakukan oleh pengkaji di antara Kitab *al-Kifāyah* dengan kitab-kitab rujukan yang digunakan oleh Syeikh Abdul Malik bin Abdullah, terdapat perbahasan tentang hukum memakan beberapa jenis binatang yang biasa ditemui di Malaysia seperti pacat, lintah, toke, teritip dan tenggiling. Namun, perbahasan ini tidak ditemui di dalam kitab-kitab fiqh muktabar dalam Mazhab Shafie. Nas-nas al-Quran dan hadis pula hanya menyentuh tentang beberapa jenis binatang sahaja, sedangkan banyak jenis binatang yang tidak dinyatakan hukumnya dan memerlukan ijtihad fuqaha dalam menentukan hukumnya.

#### 1.4) OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk:

- 1- Menghuraikan riwayat hidup pengarang kitab iaitu Syeikh Abdul Malik bin Abdullah.
- 2- Menghuraikan latar belakang, isi kandungan dan metodologi penulisan Kitab *al-Kifāyah*.
- 3- Melakukan *tahqīq* terhadap Kitab *al-Kifāyah*.
- 4- Menganalisis isu-isu fiqh terpilih yang terdapat di dalam Kitab *al-Kifāyah*, iaitu hukum-hukum berkaitan dengan binatang halal dan haram dimakan.

#### 1.5) DEFINISI TAJUK

1. Kajian teks:

Teks yang dimaksudkan di sini ialah proses mentahqīq isi kandungan yang terdapat di dalam manuskrip *al-Kifāyah*. *Tahqīq* pula boleh diertikan sebagai satu usaha ke arah mengemasukkan teks sesebuah manuskrip dari segi teknik penulisan dan susunannya serta mempastikan kesahihan isinya<sup>28</sup>. Dalam kajian ini, pengkaji akan melakukan transliterasi, *takhrij* hadis, memasukkan tajuk-tajuk bab, meletakkan tanda baca yang

<sup>28</sup> Mat Saad Abdul Rahman, "Tahqiq Manuskrip Arab Melayu", 273

sesuai, menghuraikan perkataan atau ayat yang kurang jelas, memasukkan nama surah serta nombor ayat al-Quran dan beberapa perkara lain berkaitan *tahqīq*.

## 2. Analisis

Dalam Kamus Dewan, perkataan analisis mempunyai makna yang sama dengan analisa. Ia bermaksud penyelidikan atau penghuraian sesuatu untuk mengetahui pelbagai aspeknya secara terperinci atau mendalam<sup>29</sup>. Dalam kajian ini, penyelidik akan menganalisis kaedah yang digunakan oleh Syeikh Abdul Malik dalam menentukan hukum memakan beberapa jenis binatang yang terdapat di dalam Kitab *al-Kifāyah*. Selain itu, hukum beberapa jenis binatang dalam kitab ini yang tidak dibincangkan dalam kitab-kitab muktabar bagi Mazhab Syafie juga dianalisis.

### 1.6) SKOP KAJIAN

Kajian yang akan dijalankan ini hanya akan memfokuskan kepada Kitab *al-Kifāyah* karangan Syeikh Abdul Malik bin Abdullah dan tidak termasuk kitab-kitab yang lain. Kerja-kerja mentahqīq akan melibatkan keseluruhan kandungan manuskrip yang bernombor MSS517 yang mengandungi 119 halaman. Oleh kerana kitab ini mengandungi dua bahagian iaitu akidah dan fiqh, pengkaji hanya melakukan *tahqīq* yang lengkap untuk bahagian fiqh yang bermula daripada halaman 35 sehingga 119. Bagi bahagian akidah, pengkaji hanya melakukan transliterasi dari tulisan jawi klasik kepada tulisan rumi moden. Memandangkan waktu yang diperuntukkan untuk menjalankan kajian ini adalah terhad, *tahqīq* yang lengkap hanya dapat dilakukan pada bahagian fiqh yang merupakan bidang kajian sebenar pengkaji. Di dalam menjalankan kerja-kerja mentahqīq, pengkaji akan melakukan perbandingan di antara naskhah induk iaitu yang bernombor MSS517 dengan dua buah naskhah lagi yang masing-masing bernombor MSS1897 dan IAMM 1998.1.179.

<sup>29</sup> Kamus Dewan, ed. ke-4 (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1993), 38.

## **1.7) KEPENTINGAN KAJIAN**

Kajian ini amat penting dilakukan kerana:

- 1- Dapat membantu masyarakat mengenali Syeikh Abdul Malik bin Abdullah dan ketokohnanya dalam bidang fiqh dengan terperinci.
- 2- Dapat memperkenalkan Kitab *al-Kifāyah* kepada masyarakat dari segi latar belakang, isi kandungan dan metodologi penulisannya.
- 3- Dapat membantu masyarakat memahami hukum-hukum fiqh yang terdapat di dalam Kitab *al-Kifāyah* dengan mendalam setelah kerja-kerja *mentahqīq* kitab ini selesai dijalankan.
- 4- Dapat menonjolkan kehebatan ulama silam di Nusantara ini di dalam menentukan sesuatu hukum atau permasalahan semasa yang timbul di kalangan masyarakat ketika itu.
- 5- Dapat memelihara khazanah silam yang berbentuk manuskrip daripada terus lenyap supaya dapat diambil manfaat oleh masyarakat.
- 6- Dapat menerbitkan Kitab *al-Kifāyah* agar dapat dibaca dan difahami serta dihayati oleh masyarakat Islam khususnya di Malaysia.
- 7- Dapat dijadikan bahan bacaan penting di Perpustakaan-perpustakaan.
- 8- Dapat memberikan maklumat tentang tokoh ulama silam kepada Arkib Negara dan jabatan-jabatan yang berkenaan.

## **1.8) ULASAN KAJIAN LEPAS**

Hasil daripada pembacaan penyelidik di beberapa buah perpustakaan, penulisan atau kajian lepas yang berkaitan dengan tajuk kajian ini dapat dikategorikan kepada tiga jenis iaitu penulisan yang hanya menjelaskan sejarah hidup Syeikh Abdul Malik bin Abdullah, penulisan yang menjelaskan riwayat hidup beliau berserta keterangan tentang Kitab *al-Kifāyah* dan penulisan yang hanya membincangkan Kitab *al-Kifāyah*.

Di dalam buku berjudul *Tokoh Ulama Negeri Terengganu: Biografi, Sumbangan dan Pemikiran*<sup>30</sup> yang dihasilkan oleh Engku Ahmad Zaki bin Engku Alwi juga ada diceritakan tentang riwayat hidup dan sumbangan Syeikh Abdul Malik bin Abdullah. Penulisan beliau ini sangat penting untuk dirujuk oleh pengkaji kerana banyak maklumat tentang riwayat hidup diuraikan di dalamnya.

Pada tahun 1989, Shafie Abu Bakar telah menulis sebuah artikel berjudul *Syeikh Abdul Malik Bin Abdullah (Tuk Pulau Manis)*<sup>31</sup>. Artikel yang dimuatkan dalam Jurnal Warisan ini menyentuh tentang riwayat hidup Syeikh Abdul Malik bin Abdullah, latar belakang pendidikan beliau dan institusi pengajiannya di Pulau Manis, Kuala Terengganu. Artikel ini juga dapat membantu penyelidik menambahkan maklumat tentang riwayat hidup dan pendidikan Syeikh Abdul Malik bin Abdullah.

Pada tahun 1980, Norizan binti Kadir telah menulis sebuah artikel bertajuk *Peristiwa-peristiwa Dalam Kehidupan Datuk Pulau Manis*<sup>32</sup>. Artikel ini dimulakan dengan sedikit sejarah kelahiran dan kewafatan Tuk Pulau Manis dan lebih banyak menceritakan tentang peristiwa-peristiwa aneh atau ganjil yang pernah berlaku dalam kehidupan Tuk Pulau Manis sehingga masyarakat menganggap kubur beliau sebagai keramat. Di antara keganjilan itu ialah pokok sirih sujud kepadanya ketika beliau ingin memetik daunnya. Walau bagaimanapun, artikel ini langsung tidak disertakan sumber rujukannya yang menyebabkan fakta-faktanya boleh dipertikaikan.

Ketiga-tiga penulisan yang diterangkan di atas hanya menghuraikan tentang riwayat hidup pengarang kitab ini iaitu Syeikh Abdul Malik bin Abdullah, tanpa menyentuh tentang Kitab *al-Kifayah* yang menjadi objek kajian ini. Dengan ini,

<sup>30</sup> Engku Ahmad Zaki bin Engku Alwi, *Tokoh Ulama' Negeri Terengganu: Biografi, Pemikiran dan Sumbangan* (Kuala Terengganu: Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Terengganu, 2007).

<sup>31</sup> Shafie Abu Bakar, "Syeikh Abdul Malik bin Abdullah (Tuk Pulau Manis)" dalam *Warisan*, Bil 5 (1989).

<sup>32</sup> Norizan binti Kadir, "Peristiwa-peristiwa Dalam Kehidupan Datuk Pulau Manis" dalam *Warisan*, Bil 2 (1980).

pengkaji berpandangan kajian khusus tentang salah sebuah kitab karangan beliau ini sangat perlu dilakukan agar kajian tentang tokoh ini menjadi lebih lengkap dan mantap.

Hasil daripada tinjauan pengkaji juga, terdapat empat buah penulisan yang menjelaskan tentang riwayat hidup Syeikh Abdul Malik bin Abdullah dan kitab yang dikaji di dalam tesis ini iaitu *Kitab al-Kifayah*. Pada tahun 1977, Shafie Abu Bakar telah menghasilkan tesis bertajuk *Institusi Syeikh Abdul Malik bin Abdullah: Satu Corak Pengajian Tradisi di Terengganu dan Kitab-kitab Padanya*<sup>33</sup>. Dalam bahagian pertama, penulis telah menjelaskan tentang latar belakang keagamaan di Terengganu, kitab-kitab yang terdapat di Institusi Syeikh Abdul Malik bin Abdullah serta kedudukan dan peranan Syeikh Abdul Malik bin Abdullah di Terengganu dan seluruh Nusantara.

Di dalam tesis tersebut, ada dinyatakan tentang *Kitab al-Kifayah* ini yang mengandungi dua bahagian iaitu aqidah dan fiqh. Penulis telah menyatakan bahawa terdapat dua naskhah kitab ini di Institusi Syeikh Abdul Malik bin Abdullah, yang beliau namakan sebagai naskhah A dan naskhah B. Beliau mendapati naskhah A telah disalin semasa Syeikh Abdul Malik bin Abdullah masih hidup, manakala naskhah B disalin 144 tahun selepas itu. Setelah meneliti keterangan beliau tentang ciri-ciri kedua-dua naskhah tersebut, pengkaji mendapati ia berbeza dengan dua buah naskhah yang ditemui oleh pengkaji di PNM. Namun, huraian mengenai *Kitab al-Kifayah* di dalam tesis ini sangat ringkas dan hanya ditulis sebanyak dua halaman<sup>34</sup>.

Pada tahun 1991 pula, Muhammad Abu Bakar telah menghasilkan satu artikel bertajuk *Tok Pulau Manis dan Pengasasan Pendidikan Islam*<sup>35</sup>. Artikel ini menceritakan sedikit sebanyak tentang sejarah kelahiran Syeikh Abdul Malik bin Abdullah, latar belakang pendidikannya dan kematiannya. Penulis juga menerangkan

<sup>33</sup> Shafie Abu Bakar, "Institusi Syeikh Abdul Malik bin Abdullah: Satu Corak Pengajian Tradisi di Terengganu dan Kitab-kitab Padanya" (Tesis Sarjana, Jabatan Persuratan, Selangor, Universiti Kebangsaan Malaysia, 1977).

<sup>34</sup> Shafie Abu Bakar, *Ibid*, 78-79.

<sup>35</sup> Muhammad Abu Bakar, "Tok Pulau Manis dan Pengasasan Pendidikan Islam" dalam *Ulama Terengganu: Suatu Sorotan* (Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd, 1991).

tentang kitab-kitab yang telah berjaya dikarang oleh beliau termasuklah Kitab *al-Kifayah*. Namun, huraian mengenai Kitab *al-Kifayah* sangat ringkas iaitu sepanjang satu perenggan sahaja.

Pada tahun 2005, Amnah Saayah telah menghasilkan tesis bertajuk *Ulama dan Perkembangan Ilmu di Tanah Melayu Pada Abad ke-19 Masihi: Fokus Negeri-negeri Pantai Timur*. Tesis yang bertujuan untuk mengkaji peranan ulama terhadap perkembangan Islam sepanjang abad ke-19 M ini telah dibahagikan kepada lima bab. Di dalam bab keempat, penulis telah menerangkan tentang karya-karya masyhur yang dihasilkan oleh ulama-ulama silam di Tanah Melayu termasuklah karya Syeikh Abdul Malik bin Abdullah iaitu Kitab *al-Kifayah*<sup>36</sup>. Tetapi, tidak terdapat fakta baru berkaitan kitab ini kerana pengkaji mandapati ia dirujuk kepada penulisan Muhammad Abu Bakar seperti yang telah diterangkan sebelum ini.

Shafie Abu Bakar juga telah menghasilkan sebuah artikel berjudul *Syeikh Abdul Malik bin Abdullah dan Karangan-karangannya*<sup>37</sup>. Artikel yang diterbitkan pada tahun 1984 ini memuatkan sejarah hidup Syeikh Abdul Malik bin Abdullah dan juga karya-karya yang beliau hasilkan. Karya-karya yang dijelaskan oleh pengarang di dalam artikel ini boleh dibahagikan kepada dua iaitu karya-karya yang dinisbahkan kepada beliau tetapi tidak jelas buktinya dan juga karya-karya yang memang jelas menunjukkan ia merupakan karangan Syeikh Abdul Malik bin Abdullah. Karya-karya yang jelas sebagai karangan beliau ialah *al-Hikam*, Kitab *al-Kifayah*, Risalah *Naql* dan Risalah *Kayfiyah Niyyah*.

Daripada keempat-empat penulisan di atas, dapatlah disimpulkan bahawa kajian-kajian yang telah sedia ada belum memadai untuk menerangkan latarbelakang dan isi

<sup>36</sup> Amnah Saayah, "Ulama dan Perkembangan Ilmu di tanah Melayu Pada Abad ke-19 Masihi: Fokus Negeri-negeri Pantai Timur" (Disertasi Ijazah Sarjana Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 2005), 154.

<sup>37</sup> Shafie Abu Bakar, "Syeikh Abdul Malik bin Abdullah dan Karangan-karangannya".

kandungan Kitab *al-Kifayah* secara mendalam. Gaya penulisan pengarang-pengarang di atas didapati lebih menumpukan kepada riwayat hidup Syeikh Abdul Malik bin Abdullah. Huraian yang begitu ringkas tentang Kitab *al-Kifayah* telah membuka ruang kepada pengkaji untuk mengkajinya dengan lebih mendalam dan menjadikannya sebagai objek kajian.

Penyelidik mendapati hanya satu penulisan yang menceritakan tentang Kitab *al-Kifayah* secara khusus iaitu artikel yang ditulis oleh Allahyarham Wan Mohd Shaghir bin Abdullah pada tahun 1990. Beliau telah menerangkan tentang dua buah kitab yang dikarang oleh Syeikh Abdul Malik bin Abdullah iaitu Kitab *Syarah Hikam* (Hikam Melayu) dan Kitab *al-Kifayah*. Beliau telah menjelaskan bagaimana metod Syeikh Abdul Malik bin Abdullah menulis pada bahagian permulaan kitab yang dimulai dengan basmalah, hamdalah, selawat dan salam serta diikuti dengan dua kalimah syahadah<sup>38</sup>.

Namun, perbahasan beliau lebih tertumpu kepada bahagian akidah, manakala perbahasan tentang fiqh hanya dibuat secara ringkas iaitu tentang isi kandungannya yang merangkumi bab bersuci, solat, haji dan puasa, dan jenis-jenis binatang yang halal dan haram dimakan. Setelah membaca manuskrip yang terdapat di PNM, pengkaji mendapati tidak terdapat pun huraian mengenai bab haji sebagaimana disebut oleh pengarang artikel ini. Ciri-ciri fizikal kitab ini tidak disebut oleh pengarang dan metod penulisannya juga diterangkan dengan terlalu ringkas.

Beliau juga mendapati Syeikh Abdul Malik bin Abdullah telah menggunakan bahasa yang sesuai dengan masyarakat ketika itu di dalam penulisannya. Sebagai contoh, perkataan ‘biji sabak’ yang bermaksud meratapi kematian atau perbuatan yang

<sup>38</sup>Wan Mohd Shaghir bin Abdullah, “Bahasa Melayu Bahasa Ilmu: Syeikh Abdul Malik Terengganu” dalam *Jurnal Dewan Bahasa*, Bil 7 (Julai 1990), 531.

menunjukkan sikap memuji mayat secara keterlaluan seperti menampar pipi dan dada mayat serta mengerangkan rambutnya<sup>39</sup>.

Selain daripada penulisan-penulisan di atas, terdapat juga kajian yang telah dilakukan tentang kaedah di dalam menentukan hukum memakan sesuatu jenis haiwan. Kajian yang dilakukan oleh Ahmad Sharafi Idris ini hanya memfokuskan kepada haiwan-haiwan karnivor<sup>40</sup>. Beliau membincangkan kaedah penetapan hukum berdasarkan dalil-dalil daripada al-Quran dan hadis. Perbincangan yang terdapat di dalam tesis beliau tidak merujuk kepada mana-mana teks sebagaimana yang akan dilakukan oleh pengkaji yang akan merujuk kepada teks dari Kitab *al-Kifāyah*.

Setelah meneliti penulisan-penulisan di atas, pengkaji mendapati belum ada kajian terperinci yang menjelaskan tentang sejarah penulisan Kitab *al-Kifāyah*, isi kandungan serta metod penulisannya. Kajian-kajian yang ada sebelum ini belum mencukupi untuk menerangkannya dengan terperinci. Kitab ini juga belum ditahqīq oleh mana-mana pengkaji. Apa yang ada hanyalah transliterasi beberapa baris ayat daripada kitab ini<sup>41</sup>.

### 1.9) METODOLOGI KAJIAN

Kajian yang akan dijalankan ini merupakan kajian perpustakaan, iaitu tertumpu kepada sebuah manuskrip yang telah ditentukan di samping menggunakan rujukan-rujukan lain untuk menjelaskan lagi manuskrip yang dikaji. Data ialah apa ju maklumat dalam pelbagai bentuk yang dikumpul dengan tujuan untuk dianalisis. Dalam penyelidikan ilmiah, data boleh dibahagikan kepada dua jenis iaitu data kuantitatif dan data kualitatif.

<sup>39</sup> *Ibid*, 533.

<sup>40</sup> Ahmad Sharafi Idris, "Kaedah Menentukan Halal Haram Haiwan Berdasarkan al-Quran, Hadis dan Kajian Moden Serta Pelaksanaannya Dalam Order Karnivora (Tesis Sarjana Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 2007).

<sup>41</sup> *Ibid*, 532-534.

### 1.9.1) Kaedah Pengumpulan Data

Bagi penyelidikan ini, jenis data yang sesuai dikumpul ialah data kualitatif, iaitu data yang diperolehi daripada manuskrip yang telah ditentukan, kitab-kitab atau buku-buku lain, jurnal-jurnal dan kertas-kertas kerja persidangan. Proses pengumpulan data dilakukan berdasarkan dua kaedah iaitu:

#### 1.9.1.1) Kaedah dokumentasi

Dalam kajian ini, pengkaji mendapat data dengan membuat penelitian khusus terhadap manuskrip yang dipilih iaitu Kitab *al-Kifayah* yang didapati tersimpan di Pusat Manuskrip Melayu, Perpustakaan Negara Malaysia dengan nombor sirinya MSS 517 dan sebuah lagi yang nombor sirinya ialah MSS 1897. Sebuah lagi naskhah Kitab *al-Kifayah* telah ditemui di Muzium Kesenian Islam Malaysia dengan nombor sirinya IAMM 1998.1.179. Usaha untuk mendapatkan naskhah-naskhah lain telah pun dilakukan oleh penyelidik, tetapi hanya tiga buah naskhah yang berjaya ditemui sehingga sekarang<sup>42</sup>. Menurut Mahdi Faḍl Allah, jumlah naskhah yang hendak dikaji mestilah sekurang-kurangnya tiga buah naskhah. Malah, beliau juga berpendapat jika dipastikan kewujudan naskhah yang hendak dikaji kurang daripada jumlah tersebut, maka memadai dengan bergantung kepada dua naskhah sahaja atau satu naskhah tunggal sahaja.<sup>43</sup>

<sup>42</sup> Penyelidik telah mengunjungi Perpustakaan Awam Negeri Terengganu, Muzium Negeri Terengganu dan Jabatan Arkib Negara Cawangan Terengganu/Pahang, namun Kitab *al-Kifayah* ini tidak tersimpan di tempat tersebut. Pada 24hb Jun 2010, penyelidik juga telah menemuramah Dr. Shafie bin Abu Bakar, iaitu pengkaji tentang Syeikh Abdul Malik bin Abdullah dan karya-karyanya. Pada 1hb Februari 2011, pengkaji menemubual Dato Hj Ambak bin Ismail iaitu AJK Majlis Fatwa Negeri Terengganu dan juga pengumpul manuskrip-manuskrip silam, tetapi beliau juga tidak menyimpan dan tidak pernah melihat naskhah Kitab *al-Kifayah*. Pada 4hb Jun 2010, pengkaji menghubungi Ustaz Engku Ali bin Engku Endut iaitu pengumpul manuskrip yang dihasilkan oleh ulama Terengganu silam dan pengarang *Syarah Kitab Hikam*, tetapi Kitab *al-Kifayah* ini tidak juga terdapat dalam simpanan beliau. Selain itu, pada 20hb Februari 2011, pengkaji telah mendapat maklumat daripada Ustaz Syed Fadhil Bin Syed Omar tentang kemungkinan kitab ini disimpan oleh Ustaz Shamsuddin Azama yang berasal dari Terengganu, tetapi telah berpindah ke Kelang. Setelah menghubungi Ustaz Shamsuddin melalui telefon, beliau mengakui ada menyimpan senaskhah Kitab *al-Kifayah* tetapi beliau memerlukan masa untuk menyemaknya samada masih berada dalam simpanan beliau atau dipinjam oleh orang lain. Pada 26hb Februari 2011, pengkaji sekali lagi menghubungi Ustaz Shamsuddin, tetapi beliau memaklumkan tidak menemui naskhah tersebut dan kemungkinan besar sudah lama dipinjam oleh seseorang yang tidak dapat diingati namanya.

<sup>43</sup> Mahdi Faḍl Allah, *Uṣūl Kitābah al-Baḥth Wa Qawā'id al-Tahqīq*, Cet.3 (Beirut: Dār al-'Alī'ah, 1998), 146.

Kitab-kitab fiqh yang berkaitan dengan kandungan manuskrip yang dikaji juga akan dirujuk. Selain itu, tesis-tesis, disertasi-disertasi, artikel jurnal, buku-buku, majalah, petikan akhbar dan artikel dalam internet juga akan dirujuk khususnya bagi menjelaskan riwayat hidup dan ketokohan Syeikh Abdul Malik bin Abdullah. Rujukan-rujukan yang berkaitan akan diperolehi dengan mengunjungi perpustakaan-perpustakaan awam dan perpustakaan-perpustakaan di universiti-universiti tempatan. Di antara perpustakaan yang akan dikunjungi pengkaji ialah:

- i) Perpustakaan Negara Kuala Lumpur
- ii) Perpustakaan Awam Negeri Terengganu
- iii) Perpustakaan Arkib Negara Malaysia Cawangan Pantai Timur, Kuala Terengganu
- iv) Perpustakaan Pusat Islam Kuala Lumpur
- v) Perpustakaan Utama Universiti Malaya Kuala Lumpur
- vi) Perpustakaan Peringatan Za'ba Universiti Malaya Kuala Lumpur
- vii) Perpustakaan Tun Sri Lanang Universiti Kebangsaan Malaysia, Bandar Baru Bangi
- viii) Perpustakaan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia Gombak
- ix) Perpustakaan al-Mukhtar Universiti Darul Iman Terengganu

#### 1.9.1.2) Kaedah temubual

Bagi mendapatkan tambahan data tentang riwayat hidup pengarang Kitab *al-Kifayah* iaitu Syeikh Abdul Malik bin Abdullah, penyelidik menjalankan temubual dengan keturunan beliau yang masih ramai menetap di Kampung Pulau Manis, Kuala Terengganu. Penyelidik memilih temubual secara tidak berstruktur kerana soalan-soalan akan ditanya secara spontan berdasarkan apa yang diceritakan oleh mereka. Temubual juga akan dijalankan dengan beberapa orang tokoh akademik yang mempunyai kepakaran berkaitan dengan bidang kajian ini. Walaupun senarai soalan tidak

disediakan, tetapi penyelidik sudah mempunyai rangka ringkas mengenai maklumat yang ingin dipungut daripada responden<sup>44</sup>.

### 1.9.2) Kaedah Analisis Data

Data atau bahan mentah tidak akan memberikan sebarang maklumat yang berguna mengenai sesuatu masalah yang dikaji sekiranya tidak dianalisis dengan menggunakan kaedah-kaedah tertentu<sup>45</sup>. Bagi mendapatkan analisis data yang tepat, kajian ini akan menggunakan beberapa kaedah yang biasa digunakan iaitu:

#### 1.9.2.1) Metode Induktif

Penyelidik menganalisis dengan cara menghalusi setiap fakta dan selanjutnya menyimpulkan kepada suatu kesimpulan yang bersifat global. Metode ini biasanya banyak digunakan di dalam bab kesimpulan.

#### 1.9.2.2) Metode Deduktif

Semua data dan maklumat yang umum tentang perkara yang dikaji akan dikumpul, kemudian barulah dibuat pernyataan khusus yang menyentuh tentang salah satu daripada kumpulan yang terkelompok di dalamnya. Metode ini akan digunakan untuk menganalisa hukum-hukum fiqh berkaitan binatang halal dan haram dimakan. Selain itu, metode deduktif ini juga akan digunakan untuk menjelaskan metodologi penulisan Kitab *al-Kifāyah* ini.

#### 1.9.2.3) Metode Komparatif

Dengan menggunakan metode komparatif, pengkaji akan membuat kesimpulan dan perbandingan terhadap data-data yang diperolehi. Segala data, fakta dan pendapat yang berkenaan dikumpulkan dan dianalisis sebagai perbandingan untuk melihat hasilnya. Metode ini banyak digunakan untuk mentahqīq teks .

<sup>44</sup> Chua Yan Piaw, *Kaedah dan Statistik Penyelidikan Buku 1* (Malaysia: Mc Graw-Hill, 2006),118.

<sup>45</sup> Mohd Majid Konting, *Kaedah Penyelidikan Pendidikan* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1990), 309.

## 1.10) *TAHQIQ / FILOLOGI*

### 1.10.1) Definisi

Terdapat beberapa definisi tentang ilmu *tahqīq* yang telah dinyatakan oleh pengkaji-pengkaji berbangsa Arab mahupun tempatan. Dr Muḥammad al-Tunjī telah mendefinisikan ilmu *tahqīq* sebagai satu kajian ilmiah terhadap sesuatu manuskrip untuk mengeluarkannya dalam bentuk yang dikehendaki oleh pengarang asalnya dengan mengemukakan nas yang telah dibaca, ditarik, dipastikan kesahihan nas dengan dalil-dalil ilmiah, dipastikan tajuknya dan pengarangnya. Setiap nas dan perkataan diberi perhatian dengan sepenuhnya. *Tahqīq* juga merupakan satu kajian ilmiah yang dapat menghidupkan kembali karya-karya silam dan memeliharanya secara ilmiah<sup>46</sup>.

‘Abd al-Salām Muḥammad Hārūn pula mengemukakan definisi *tahqīq* di dalam kitabnya sebagai suatu usaha yang dijalankan secara bersungguh-sungguh terhadap sesebuah teks untuk mengeluarkannya dalam bentuk yang lebih sempurna berdasarkan prosedur-prosedur tertentu. Prosedur yang dimaksudkan ialah memastikan tajuknya, kesahihan nisbah kitab kepada pengarangnya dan menganalisa kandungan kitab tersebut. Semua prosedur di atas bertujuan untuk menerbitkan sebuah naskhah kitab dalam bentuk yang paling hampir dengan versi pengarang asal<sup>47</sup>.

Ilmu *tahqīq* turut dikenali sebagai ilmu filologi<sup>48</sup>. Perkataan filologi berasal dari bahasa Yunani “pholologia” yang merupakan gabungan perkataan “philos” yang membawa maksud “teman” dan “logos” yang bererti “pembicaraan” atau “ilmu”. Gabungan perkataan “philos” dan “logos” ini membawa maksud “senang

<sup>46</sup> Muḥammad al-Tunjī, *al-Minhaj fi Ta’lif al-Buhūth wa Tahqīq al-Makhtūfāt* (t.p: ‘Alam al-Kutub, t.t.) 172.

<sup>47</sup> ‘Abd al-Salām Muḥammad Hārūn, *Taqīq al-Nuṣūs wa Nashruha* (Kaherah: Maktabah al-Khanjī, 1998), 81.

<sup>48</sup> Nabilah Lubis, *Naskhah, Teks dan Metodologi Penelitian Filologi* (Jakarta: Penerbit Yayasan Madio Alo Indonesia, 1996), 15.

belajar”, “senang kepada ilmu, “senang kepada tulisan-tulisan” dan seterusnya bermaksud “senang kepada tulisan yang bernilai tinggi seperti karya-karya sastera”<sup>49</sup>.

Nabilah Lubis telah mengemukakan beberapa persoalan dan aspek penting yang sepatutnya diberi perhatian oleh *pentahqīq* iaitu adakah karya yang akan *ditahqīq* merupakan karya asal pengarang sebagaimana disebut dalam naskhah, adakah isi kandungannya benar-benar sesuai dengan mazhab pengarangnya, sejauhmanakah kesahihan isi kandungannya, *mentahqīq* dan *mentakhrīj* ayat-ayat al-Quran dan hadis serta memberi penjelasan tentang hal-hal yang kurang jelas. Oleh itu, *tahqīq* merupakan usaha keras yang dilakukan bertujuan untuk menampilkan sesebuah karya klasik dalam bentuk yang baru dan mudah difahami<sup>50</sup>.

Dr Mat Saad Abdul Rahman pula menyatakan bahawa *tahqīq* adalah satu proses untuk mendedahkan sesebuah manuskrip dalam bentuk yang betul sepertimana yang dikehendaki oleh pengarang asalnya tanpa sebarang syarah atau huraian yang panjang lebar. Beliau tidak bersetuju dengan cara yang dilakukan oleh kebanyakan *pentahqīq* masa kini yang memuatkan catatan nota kaki dengan pelbagai huraian dan penambahan seperti huraian bagi beberapa perkataan, biografi ulama dan pandangan mereka terhadap pengarang. Ini kerana catatan-catatan yang dilakukan itu boleh mempengaruhi pembaca dari melihat kepada teks asal naskhah itu<sup>51</sup>.

Daripada kesemua definisi di atas, dapatlah dibuat kesimpulan bahawa *tahqīq* dan filologi merupakan satu ilmu yang bertujuan untuk mengkaji naskhah-naskhah lama berdasarkan prosedur-prosedur tertentu untuk menghasilkan satu edisi teks yang paling hampir kepada maksud pengarangnya. Walaupun catatan nota kaki yang panjang tidak digalakkan ketika *mentahqīq* sesuatu kitab, namun pengkaji masih boleh melakukannya pada tempat-tempat yang sangat diperlukan berdasarkan kebijaksanaan *pentahqīq*.

<sup>49</sup> Siti Baroroh Baried et.al, *Pengantar Teori Filologi* (Jakarta: Pusat Pembinaan dan Pengembangan Bahasa, 1985), 2.

<sup>50</sup> Nabilah Lubis, *Naskhah, Teks dan Metodologi Penelitian Filologi*, 16.

<sup>51</sup> Mat Saad Abdul Rahman, “Tahqiq Manuskrip Arab Melayu”, 7.

### 1.10.2) Objek *Tahqīq*/ Filologi

Dalam menjalankan kajian *tahqīq*, dua perkara yang perlu diberi perhatian iaitu naskhah dan teks. Perkataan “naskhah” berasal dari perkataan Arab yang bermaksud bahan tulisan masa lampau. Dalam bahasa Latin pula, naskhah disebut sebagai manuskrip. Naskhah atau manuskrip mengandungi maklumat yang menggambarkan buah fikiran, perasaan, kepercayaan, adat kebiasaan dan nilai-nilai yang berlaku dalam masyarakat silam. Maklumat-maklumat tersebut pula dikenali sebagai teks<sup>52</sup>.

Naskhah yang dimaksudkan dalam ilmu *tahqīq* ini bukan sahaja terhad kepada kertas. Ia juga mungkin terdiri daripada tulisan-tulisan tangan yang terdapat pada batu, kulit kayu, kertas yang diperbuat dari kulit kayu atau daluang, daun lontar, kain dan kulit binatang. Ini kerana sebelum kertas digunakan secara meluas di Nusantara, orang Melayu telah menggunakan bahan-bahan tersebut untuk menulis<sup>53</sup>.

### 1.10.3) Ciri-ciri Naskhah Yang Perlu Ditahqīq

Terdapat beberapa ciri naskhah yang perlu ditahqīq berdasarkan pakar-pakar dalam bidang *tahqīq*:

- i- Naskhah yang dipilih belum pernah ditahqīq sebelum ini. Kadang-kadang terdapat naskhah yang telah dicetak dan diterbitkan, tetapi belum pernah mengalami proses tahqīq. Naskhah-naskhah ini biasanya banyak mengandungi kesalahan dalam teksnya.
- ii- Naskhah yang dipilih hendaklah mempunyai nilai akademik yang tinggi
- iii- Bilangan naskhah adalah tidak kurang daripada tiga buah, kecuali memang telah dipastikan tidak wujud naskhah-naskhah lain. Sekiranya telah dipastikan tidak wujud

<sup>52</sup> Siti Baroroh Baried et. al, *Pengantar Teori Filologi*, 6.

<sup>53</sup> Siti Hawa Salleh, "Ruang Lingkupan Pengajian Filologi Melayu", dalam *Jurnal Filologi Melayu*, Jil 3 (1994), 5.

naskhah yang lain, *tahqīq* boleh juga dijalankan dengan menggunakan satu atau dua buah naskhah sahaja<sup>54</sup>.

#### 1.10.4) Metode Penelitian

Dalam menjalankan penelitian terhadap naskhah dan teks, beberapa metode telah dikemukakan oleh sarjana-sarjana lepas. Di antara metode yang biasa digunakan oleh pengkaji-pengkaji dalam bidang ini ialah metode intuitif, metode objektif/ stema, metode gabungan, metode landasan, metode analisis struktur dan metode penelitian naskhah tunggal<sup>55</sup>.

Bagi kajian ini, pengkaji memilih untuk menggunakan metode landasan. Ia juga disebut sebagai metode induk atau metode legger. Metode ini perlu digunakan apabila terdapat satu atau sekumpulan naskhah yang tinggi kualitinya jika dibandingkan dengan naskhah-naskhah lain. Ia lebih tinggi kualitinya dari segi bahasa, kesusastraan, sejarah, segala hal tentang teksnya dan paling jelas untuk dibaca<sup>56</sup>.

Setelah membuat perbandingan antara Naskhah A, B dan C, pengkaji mendapati Naskhah A lebih lengkap isinya, lebih jelas tulisan dan bahasa yang digunakan, mengandungi maklumat pengarang dan penyalin, tarikh salinan dan tempat ia disalin.

Walaupun hanya sebuah naskhah dipilih sebagai naskhah induk, namun dua buah naskhah lagi tetap diberi perhatian oleh pengkaji. Ini kerana setiap naskhah yang ditemui boleh menjadi pelengkap. Ia perlu disebut dalam catatan dan digunakan sebagai bahan perbandingan<sup>57</sup>.

<sup>54</sup> Mahdi Faḍl Allāh, *Uṣūl Kitābah al-Baḥth wa Qawā'id al-Tahqiq* (Beirut: Dār al-'Āliah, 1998), 141-146.

<sup>55</sup> Siti Baroroh Baried et.al, *Pengantar Teori Filologi*, 66-67. Nabilah Lubis, *Naskhah, Teks dan Metodologi Penelitian Filologi*, 77-88.

<sup>56</sup> Siti Baroroh Baried et.al, *Pengantar Teori Filologi*, 62. Nabilah Lubis, *Naskhah, Teks dan Metodologi Penelitian Filologi*, 85.

<sup>57</sup> Nabilah Lubis, *Ibid*, 86. Mat Saad Abdul Rahman, "Tahqīq Manuskip Arab Melayu", 7.

### 1.10.5.) Deskripsi Naskhah

Deskripsi tiga buah naskhah yang ditemui adalah seperti berikut:

#### i- MSS 517

Naskhah ini berukuran 20.8cm x 17.5cm dan mengandungi 120 halaman atau 60 helaian (folio). Setiap halaman mengandungi 21 baris. Naskhah ini jelas diakui oleh penyalinnya merupakan kitab karangan Syeikh Abdul Malik bin Abdullah atau Tok Pulau Manis. Ia disalin oleh Abdullah Latif bin Almarhum Abdul Mu'min yang juga dikenali sebagai Tok Kelaba dan selesai disalin pada 16 Oktober 1880M / 13 Zulkaedah 1297H di Kampung Beris, Negeri Kelaba. Tulisannya berdakwat hitam, berubrik untuk perkataan-perkataan tertentu dan ditulis di atas kertas Belanda<sup>58</sup>. Naskhah ini mempunyai halaman yang lengkap dan lebih jelas tulisannya sekaligus memudahkan pengkaji membacanya. Dengan ini, naskhah ini dipilih sebagai naskhah induk dan ditandai sebagai naskhah A.

#### ii- MSS 1897

Naskhah ini mengandungi 125 helaian (folio) iaitu 250 halaman. Setiap halaman hanya mengandungi 15 baris. Naskhah ini mempunyai tajuk dan isi kandungan yang sama dengan naskhah A, tetapi tidak disebut sebagai karangan Syeikh Abdul Malik bin Abdullah. Sebaliknya, pada halaman terakhir disebut nama pengarangnya ialah Imam Shafie dan selesai penulisannya pada hari Khamis 2 Safar 1180H/ 8 Julai 1766M. Ini bermakna naskhah kedua ini ditulis 117 tahun lebih awal daripada naskhah A. Nama penyalinnya tidak tercatat pada naskhah ini. Naskhah ini didapati tidak lengkap beberapa halaman mungkin kerana telah terkoyak dan telah melalui proses pemuliharaan daripada keadaan asal yang terlalu lusuh<sup>59</sup>. Naskhah ini asalnya

<sup>58</sup> Katalog Pameran Manuskip Melayu Antarabangsa, (Perpustakaan Negara Malaysia, 2-31 Oktober 1995), 66. Lihat juga Manuskip Melayu Kegemilangan Tamadun Melayu: Katalog Pameran (Siri Bibliografi Manuskip, No 6, Perpustakaan Negara Malaysia), 44.

<sup>59</sup> Syeikh Abdul Malik Bin Abdullah, Kitab *al-Kifayah*, MSS 1897, Pusat Manuskip Melayu, Perpustakaan Negara Malaysia Kuala Lumpur.

merupakan koleksi Allahyarham Haji Wan Mohd Shaghir bin Abdullah dan ditemui pada bulan Mei 1993 di Kampung Kepala Bukit Senggora dan akhirnya diserahkan kepada Pusat Manuskip Melayu, Perpustakaan Negara Malaysia. Naskhah ini ditandai sebagai naskhah B.

iii- IAMM 1998.1.179<sup>60</sup>

Naskhah yang ketiga ini menggunakan kertas laid Eropah yang berwarna kuning dan mempunyai garis melintang. Ia mengandungi 61 halaman dan setiap halamannya mengandungi 27 baris. Setiap helaian mempunyai bayang atau tera air. Setiap halaman naskhah ini juga didapati telah melalui proses pembaikan tisu. Halamannya banyak yang telah hilang dan halaman yang ada cuma sebanyak 55%, iaitu bermula daripada bab solat sunat dua hari raya. Dakwat yang digunakan berwarna hitam dan berubrikasi merah bagi ayat bahasa Arab dan perkataan bahasa Melayu tertentu. Pada halaman-halaman Naskhah C yang ditemui pengkaji, tidak ada catatan tentang nama pengarang kitab ini. Disebabkan halaman yang ada hanya 55% daripada keseluruhan kandungan kitab, maka besar kemungkinan nama pengarangnya dicatatkan pada halaman pengenalan yang telah hilang. Dari segi tarikh penulisan atau penyalinannya, naskhah ini hanya mengandungi hari dan bulan tamatnya Kitab *al-Kifayah* iaitu pada hari Isnin bulan Zulkaedah. Tiada catatan tentang tarikh dan tahun. Naskhah ini ditandai oleh pengkaji sebagai Naskhah C.

Selain daripada tiga buah naskhah yang telah ditemui oleh pengkaji, terdapat dua buah lagi naskhah yang hanya diperolehi maklumatnya, tetapi tidak ditemui naskhahnya oleh pengkaji sehingga sekarang iaitu:

<sup>60</sup> Syeikh Abdul Malik Bin Abdullah, Kitab *al-Kifayah*, IAMM 1998.1.179, Perpustakaan Muzium Kesenian Islam Antarabangsa Malaysia, Kuala Lumpur.

i- Naskhah A<sup>61</sup>

Naskhah ini berukuran 21.3 cm x 16.6 cm dan mengandungi 130 halaman. Ia selesai disalin pada malam Khamis, jam 9.00 malam, pada 25 Syawal 1138H iaitu semasa pengarang masih hidup. Tetapi, nama penyalin naskhah ini tidak disebut. Pada halaman permulaannya terdapat kenyataan berikut:

"Kitab ini dikatai orang Kifayah namanya daripada susunan Datuk Pulau Manis yang dimasyhur orang dengan keramatnya".<sup>62</sup>

ii- Naskhah B<sup>63</sup>

Naskhah ini berukuran 20.7cm x 17 cm dan mengandungi 152 halaman. Tulisan yang digunakan didapati besar sedikit daripada naskhah A, menyebabkannya lebih tebal daripada naskhah A. Pada naskhah ini, tidak tercatat apa-apa keterangan tentang nama pengarang pada halaman permulaan. Tetapi, pada halaman terakhir naskhah ini, terdapat maklumat nama pengarang, nama penyalin, nama pemilik dan juga tarikh penyalinannya:

"Sesungguhnya telah sempurnalah Kifayah ini, karangan Haji Abdul Malik. Pemiliknya ialah Mariam binti Haji Ahmad, penulisnya ialah faqir yang hina yang mengakui berdosa dan taqsir iaitu Ali bin Qadi Haji Muhammad Salih Patani yang kemudian tinggal di Terengganu. Semoga Allah mengampunkannya, kedua ibu bapanya, guru-gurunya dan bagi orang-orang muslimin dan muslimat, mu'minin dan mu'minat sama ada yang masih hidup ataupun yang telah meninggal. Salawat dan salam ke atas Sayyidina wa mawlana Muhammad, ahli-ahlinya dan sahabat-sahabatnya dan segala puji itu terpulang kepada Tuhan Seru sekalian alam. Tahun 1282."

Kedua-dua naskhah iaitu A dan B tidak ditemui oleh penyelidik dan tidak ada dalam simpanan pengkaji lepas. Hasil temubual penyelidik dengan pengkaji lepas, beliau mengatakan naskhah-naskah tersebut sudah tidak diketahui tempat simpanannya sekarang dan kemungkinan terdapat pada waris-waris keturunan Syeikh Abdul Malik

<sup>61</sup> Naskhah ini dinamakan sebagai Naskhah A oleh Shafie Abu Bakar, "Institusi Syeikh Abdul Malik bin Abdullah: Satu Corak Pengajian Tradisi di Terengganu dan Kitab-kitab Padanya", 78.

<sup>62</sup> Shafie Abu Bakar (1977), *Ibid*.

<sup>63</sup> *Ibid*.

bin Abdullah<sup>64</sup>. Ini memandangkan kajian yang beliau jalankan telah berusia 33 tahun dan kemungkinan tidak ada pihak yang menguruskan naskhah-naskhah yang tersimpan di surau-surau dan madrasah yang dikenali sebagai Institusi Syeikh Abdul Malik bin Abdullah.

#### 1.10.6) Prosedur *Tahqīq*

Bagi menghasilkan tesis ini, satu prosedur telah dibentuk oleh penyelidik iaitu:

##### Peringkat Pertama

- i. Pengkaji akan mengkaji latar belakang riwayat hidup Syeikh Abdul Malik bin Abdullah dari sudut nama dan keturunan beliau, tahun kelahiran, pendidikan, peranan beliau, kematian beliau dan karya-karya beliau.
- ii. Seterusnya, kajian akan dilakukan terhadap Kitab *al-Kifāyah* dari sudut judulnya, kesahihan nisbah kitab kepada pengarang, sebab dan tujuan kitab ini dikarang, tahun kitab ini dikarang, tahun penyalinan dan kepentingan kitab ini. Pengkaji akan turut mengkaji metodologi penulisan yang digunakan oleh Syeikh Abdul Malik bin Abdullah di dalam kitabnya ini.

##### Peringkat Kedua

Pada peringkat ini, pengkaji menumpukan kajian kepada kerja-kerja mentahqīq Kitab *al-Kifāyah*:

- i. Pengkaji perlu memilih satu naskhah sebagai teks induk untuk menjalankan kerja-kerja pentahqīqan<sup>65</sup>. Pengkaji telah memilih Naskhah MSS 517 sebagai naskhah induk untuk kajian ini dan ditandai sebagai Naskhah A. Manuskip ini dijadikan naskhah induk kerana halamannya didapati lebih lengkap dan jelas nama penyalinnya. Penyelidik akan membuat perbandingan dari segi metod penulisan

<sup>64</sup> Shafie Abu Bakar, (Sarjana yang mengkaji tentang karya-karya Syeikh Abdul Malik bin Abdullah), dalam temubual dengan penulis, 24 Jun 2010.

<sup>65</sup> Solāhuddīn al-Munajjid, *Qawā'id Tahqīq al-Makhfūfāt* (Beirut: Dār al-Kutub al-Jadīd, 1982), 13.

dan isi kandungannya dengan dua buah lagi naskhah Kitab *al-Kifāyah* iaitu yang bernombor siri MSS1897 (Naskhah B) dan IAMM 1998.1.179 (Naskhah C). Walaupun tarikh yang tercatat pada naskhah B jauh lebih awal daripada naskhah A, tetapi halamannya banyak yang tidak lengkap dan terdapat perkataan-perkataan yang tidak dapat dibaca kerana dakwatnya yang telah pudar. Naskhah yang lebih baik isi kandungannya dan lebih lengkap perlu diutamakan untuk dijadikan naskhah induk walaupun tarikh penyalinannya lebih akhir<sup>66</sup>.

- ii. Naskhah MSS 517 atau Naskhah A dijadikan asas untuk ditransliterasikan daripada tulisan Jawi kepada tulisan rumi. Perkataan yang berubrikasi pula akan dihitamlegamkan. Kenyataan-kenyataan yang panjang dalam bahasa Arab seperti ayat-ayat al-Quran, lafaz-lafaz hadis, doa-doa, zikir-zikir dan petikan-petikan berbahasa Arab yang dipetik daripada kitab rujukan pengarang dikekalkan tanpa dilakukan transliterasi.
- iii. Perbezaan halaman-halaman yang terdapat pada naskhah-naskhah yang dikaji akan ditandai dengan merujuk kepada permulaan sesuatu halaman. Penjelasannya boleh dilihat dalam contoh-contoh berikut :
  - a. /A1/ : permulaan halaman 1 bagi naskhah A
  - b. /B1/ : permulaan halaman 1 bagi naskhah B
  - c. /C1/ : permulaan halaman 1 bagi naskhah C
- iv. Memasukkan tanda-tanda bacaan seperti tanda koma, noktah, tanda soal, perenggan, pengikat kata dan sebagainya<sup>67</sup>. Proses ini sangat penting dilakukan kerana tanda-tanda bacaan ini tidak terdapat di dalam naskhah yang dikaji dan gaya penulisan ini sangat berbeza dengan gaya penulisan yang digunakan pada hari ini. Dengan memasukkan tanda-tanda bacaan ini, masyarakat pada hari ini

<sup>66</sup> *Ibid*, 16.

<sup>67</sup> *Ibid*, 23.

akan lebih mudah memahami isi kandungan kitab ini dan dapat mengambil manfaat daripadanya.

- v. Mencatatkan sebarang perbezaan yang ada di antara naskhah induk dengan naskhah yang lain pada bahagian nota kaki. Sekiranya terdapat kesalahan catatan, pengkaji juga akan menjelaskannya pada nota kaki. Bagi perbezaan yang tidak membawa kepada perubahan maksud teks, pengkaji hanya mencatatkan perbezaannya tanpa memilih teks manakah yang lebih tepat. Bagi perkataan yang memerlukan tambahan huruf, imbuhan atau perlu dipadamkan huruf, pengkaji akan mencatatkannya pada nota kaki.
- vi. Mempastikan kesahihan isi kandungan teks dengan merujuk kepada rujukan-rujukan yang dinyatakan oleh pengarang dan rujukan-rujukan lain jika timbulnya keperluan. Jika terdapat sebarang penjelasan atau pembetulan, pengkaji akan menjelaskan perkara ini pada nota kaki.
- vii. Memasukkan tajuk-tajuk yang sesuai pada teks<sup>68</sup>. Ini kerana huraian-huraian dalam teks ini tidak diberi tajuk oleh pengarang. Tajuk-tajuk yang akan dimasukkan diletakkan dalam kurungan bersegi dan akan dihitamlegamkan seperti berikut: [.....].
- viii. Menyatakan nama surah dan nombor ayat-ayat al-Quran yang terdapat di dalam teks. Ini memandangkan perkara ini tidak diberi perhatian dalam teks asal. Pengkaji akan menyalin ayat-ayat al-Quran berdasarkan Rasm ‘Uthmani.
- ix. Mentakhrīj hadis-hadis<sup>69</sup> yang terdapat dalam teks dengan menyebut sumbernya dan menyatakan status hadis tersebut seperti sahih, hasan, daif dan sebagainya melainkan hadis-hadis yang bersumberkan *Sahih Bukhārī* dan *Sahih Muslim*. Pengkaji akan menggunakan perisian *takhrīj* hadis *Maktabah al-Syāmilah* untuk mengetahui di mana sumber sebenar hadis-hadis yang dikemukakan dalam Kitab

<sup>68</sup> Solāh al-dīn al-Munajjid, *Qawā'id Tahqīq al-Makhṭūtāt*, 22.

<sup>69</sup> Ibid.

*al-Kifāyah* ini. Selain itu, martabat sesebuah hadis juga dapat dikesan melalui perisian ini. Namun, penggunaan perisian ini sebenarnya hanyalah sebagai panduan awal untuk pengkaji mendapatkan maklumat yang sebenar dengan menggunakan Kitab-kitab hadis yang berautoriti khususnya *Kutub al-Sittah*. Pengkaji akan merujuk kepada beberapa buah kitab hadis yang terdapat di perpustakaan-perpustakaan seperti Perpustakaan Peringatan Zaaba Universiti Malaya dan perpustakaan Tun Seri Lanang di Universiti Kebangsaan Malaysia.

- x. Menghuraikan nama-nama individu, nama kitab, nama tempat, nama kabilah dan kaum dengan merujuk kepada buku-buku biografi, kamus-kamus dan rujukan-rujukan lain yang berkaitan<sup>70</sup>.
- xi. Menghuraikan maksud ayat-ayat dan istilah-istilah yang sukar difahami<sup>71</sup> dengan merujuk kepada sumber rujukan pengarang, kamus-kamus dan rujukan-rujukan lain yang berkaitan. Sekiranya perkataan yang sukar difahami itu digunakan oleh pengarang kitab secara berulang kali, pengkaji akan menghuraikan maksud perkataan tersebut untuk kali pertama penggunaannya sahaja.
- xii. Pengkaji juga akan melakukan ulasan terhadap fakta-fakta tertentu yang terdapat dalam teks untuk memantapkan kesahaman terhadap teks kitab ini.<sup>72</sup>

#### Peringkat Ketiga :

Pada peringkat ini, pengkaji akan menganalisis hukum-hukum yang berkaitan dengan binatang halal dan haram dimakan. Pengkaji akan menilai pandangan pengarang di dalam menggariskan hukum-hukum tersebut dan menghuraikan metodologi yang digunakan oleh beliau. Bagi menganalisis hukum-hukum tersebut, pengkaji akan

<sup>70</sup> Muhammad al-Tunjī, *al-Minhāj fī Ta'līf al-Buhūth wa Tahqīq al-Makhtūtāt* (t.t.p.: 'Ālam al-Kutub, 1986), 178.

<sup>71</sup> *Ibid.*

<sup>72</sup> *Ibid.* Lihat juga 'Abd al-Salām Muhamad Hārūn, *Tahqīq al-Nuṣūṣ wa Nashruha*, 81. Lihat juga Wan Ali Wan Mamat, *Mentahqīq Manuscrip Melayu* (Bengkel Tesis & Mentahqīq Manuscrip di Hyatt Gegency, Kuantan, 19-21 Dis 2008), 11.

merujuk kepada al-Quran, hadis dan ijma' serta menggunakan beberapa kaedah fiqh iaitu *qiyās* dan uruf masyarakat.

### 1.11) SISTEMATIKA PENULISAN

Kajian ini akan mengandungi enam bab yang dimulai dengan bab pendahuluan. Bab ini akan menerangkan bagaimana proses penyelidikan akan dijalankan. Ia mengandungi latarbelakang masalah, pernyataan masalah, objektif, kepentingan, skop kajian, sorotan literatur dan juga metodologi kajian. Bahagian ini sangat penting kerana sesebuah penyelidikan yang akan dijalankan memerlukan persediaan yang rapi supaya ia berjalan mengikut sistem yang diatur<sup>73</sup>.

Bab kedua pula akan menjelaskan riwayat hidup pengarang Kitab *al-Kifayah* iaitu Syeikh Abdul Malik bin Abdullah dan ketokohnanya dalam bidang fiqh. Bab ini akan dimulakan dengan sejarah dan keadaaan negeri Terengganu ketika hayat Syeikh Abdul Malik bin Abdullah, sejarah kelahiran dan kematian beliau, pendidikan, keistimewaan-keistimewaan yang dimiliki oleh beliau, peranan beliau sebagai ulama di Terengganu dan juga karya-karya yang dihasilkan oleh beliau.

Dalam bab ketiga pula, penyelidik akan menghuraikan tentang latar belakang Kitab *al-Kifayah* yang akan dimulai dengan huraian tajuk kitab, tarikh penulisan dan penyalinannya, tujuan dan kepentingan kitab, ciri-ciri fizikal Kitab *al-Kifayah*, pembahagian bab, metodologi penulisan dan kitab-kitab rujukan yang digunakan.

Seterusnya, dalam bab keempat penyelidik akan melakukan proses mentahqīq Kitab *al-Kifayah* dimulai dengan bab rukun iman dan islam, bab bersuci, bab solat, bab pengurusan jenazah, bab zakat, bab puasa, bab korban dan akikah dan juga bab binatang yang halal dan haram dimakan. Dalam bab ini, semua perbezaan yang terdapat pada

<sup>73</sup> Idris Awang, *Penyelidikan Ilmiah Amalan dalam Pengajaran Islam*, (Selangor: Kamil & Syakir Sdn. Bhd., 2009), 51.

teks di antara tiga buah naskhah Kitab *al-Kifāyah* yang digunakan dalam kajian ini akan dicatatkan dan diletakkan tanda-tanda bacaan yang sesuai pada perkataan atau ayat yang perlu. Berbeza dengan bahagian fiqh yang ditahqīq dengan lebih lengkap, bahagian akidah hanya dicatatkan perbezaan dan huraian perkataan yang sukar difahami. Ini kerana kekangan waktu yang ditetapkan untuk tempoh pengajian PhD dan juga keutamaan kepada bidang penyelidikan pengkaji sendiri iaitu bidang fiqh dan usul.

Bab kelima pula merupakan bab analisa terhadap beberapa hukum fiqh yang terpilih. Analisa hukum ini akan dibuat khusus bagi bab binatang halal dan haram sahaja. Ini kerana dalam bab binatang halal dan haram dimakan, terdapat banyak khilaf di kalangan fuqaha dan banyak binatang yang dicatatkan dalam kitab ini tidak ditemui hukumnya dalam kitab-kitab fiqh berbahasa Arab.

Bab yang keenam ialah bab rumusan dan cadangan. Rumusan yang dikemukakan merupakan hasil daripada kajian yang telah selesai dijalankan. Beberapa cadangan juga diharap dapat pengkaji kemukakan sebagai panduan dan rujukan kepada penyelidikan akan datang.

## BAB 2

### 2.1) PENGENALAN

Sebelum penyelidik mengkaji dengan lebih mendalam tentang Kitab *al-Kifayah*, penyelidik memulakan dahulu perbincangan tentang sejarah Negeri Terengganu ketika hayat pengarang kitab iaitu Syeikh Abdul Malik bin Abdullah. Perbincangan juga diteruskan dengan riwayat hidup Syeikh Abdul Malik bin Abdullah dan ketokohnanya dalam pelbagai bidang ilmu, khususnya bidang pengajian fiqh.

### 2.2) NEGERI TERENGGANU PADA KURUN KE-17 M SEHINGGA AWAL

#### KURUN KE-18 M

Sejarah Terengganu pada kurun ke-17 M masih belum dapat dinyatakan dengan jelas oleh para pengkaji sejarah. Bahan-bahan bertulis tentang sejarahnya ketika itu juga tidak ditemui. Pemerintah Terengganu pada kurun ke-17 M juga tidak dapat dipastikan. Bahan-bahan sejarah yang ada hanya dapat menjelaskan pemerintahan Terengganu pada kurun ke-15 M dan ke-16 M. Terengganu ketika itu diperintah oleh Telanai dan Seri Akar Raja dan seterusnya berada di bawah kekuasaan Melaka sehingga tahun 1511M<sup>74</sup>. Cerita-cerita berkenaan Terengganu samada dari segi pemerintahan dan kehidupan masyarakat selepas itu seolah-olah terputus sehinggalah peritiwa pelantikan Sultan Zainal Abidin I.

#### 2.2.1) Pelantikan Sultan Terengganu Yang Pertama

Sejarah Kesultanan di Terengganu telah bermula pada awal kurun ke-18 dengan pelantikan Sultan Zainal Abidin I sebagai Sultan Terengganu yang pertama. Baginda sebenarnya telah tinggal di Terengganu lebih awal, iaitu pada akhir kurun ke-17. Sultan Zainal Abidin I atau dikenali sebagai Tun Zainal Abidin sebelum dilantik menjadi

<sup>74</sup> Buyong Adil, *Sejarah Terengganu* (Kuala Lumpur: DBP, t.t.), 10.

Sultan merupakan anak kepada Bendahara Johor (1677M-1697M) yang bernama Tun Habib Abdul Majid<sup>75</sup>. Pada tahun 1697M, kekanda kepada Tun Zainal Abidin iaitu Tun Abdul Jalil telah dilantik menjadi Bendahara Johor yang baru menggantikan ayahnya Tun Habib Abdul Majid yang meninggal dunia. Tun Abdul Jalil kemudiannya dilantik menjadi Sultan Johor menggantikan Sultan Mahmud Shah II<sup>76</sup>.

Pada 21 Mac 1718, Raja Kechil dari Siak telah berjaya menakluk negeri Johor dan mendakwa beliau adalah putera almarhum Sultan Mansur Shah II dan berhak mewarisi takhta. Disebabkan kekalahan tersebut, pada tahun 1719M Sultan Abdul Jalil telah berangkat ke Terengganu menemui adiknya Tun Zainal Abidin untuk berlindung di Negeri Terengganu. Baginda juga telah mengurniakan gelaran “Paduka Maharaja” kepada Tun Zainal Abidin. Setahun kemudian, baginda berangkat pula ke Kuala Pahang dan tinggal di sana. Dengan ini, Negeri Terengganu diserahkan kepada Tun Zainal Abidin dan Bendahara Tun Hussein yang juga dilantik oleh Sultan Abdul Jalil. Peristiwa ini menunjukkan walaupun Sultan Abdul Jalil telah diturunkan takhtanya, namun Negeri Pahang dan Terengganu masih berada di bawah kekuasaan baginda<sup>77</sup>.

Pada tahun 1725, Sultan bagi Kerajaan Johor-Riau-Pahang yang bergelar Sultan Sulaiman Badrul Alam Shah telah melantik Tun Zainal Abidin Sebagai Sultan Terengganu. Keturunan bagindalah yang turun temurun menjadi Sultan di Terengganu. Ketika berada di Kampung Pulau Manis, Kuala Terengganu, Sultan Zainal Abidin telah berkahwin dengan anak Syeikh Abdul Malik bin Abdullah bernama Siti Zubaidah<sup>78</sup>. Sesetengah pendapat mengatakan Kü Tana Mansur atau Sultan Mansur Shah (I) merupakan putera kepada Sultan Zainal Abidin hasil daripada perkahwinan baginda

<sup>75</sup> Muhammad Saleh Awang, *Sejarah Darul Iman Hingga 1337H-1918M* (Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distributors Sdn Bhd, 1983), 95.

<sup>76</sup> Buyong Adil, *Sejarah Terengganu*, 15

<sup>77</sup> *Ibid.*, 17.

<sup>78</sup> *Ibid.*, 21.

dengan Siti Zubaidah<sup>79</sup>. Sebahagian para pengkaji pula berpendapat Ku Tana Mansur ialah putera Sultan Zainal Abidin dengan Nang Ruqayah yang berasal dari Patani<sup>80</sup>. Walau bagaimanapun, mereka sepakat mengatakan Syeikh Abdul Malik bin Abdullah merupakan orang yang bertanggungjawab mengazan, mengiqamat dan mendoakan Ku tana Mansur ketika kelahirannya.

#### 2.2.2) Corak Pemerintahan Terengganu Pada Kurun ke-18

Kuasa pemerintahan ketika itu diserahkan sepenuhnya kepada baginda Sultan. Segala titahnya akan menjadi undang-undang. Hal ehwal di jajahan-jajahan diserahkan kepada wakilnya yang digelar ‘Raja Anak Sungai’. Berdasarkan kepada cerita-cerita lama, didapati Sultan melantik beberapa orang besar atau pegawai-pegawai untuk membantu Baginda. Mereka yang dilantik termasuklah Menteri, Hakim, Mufti atau Kadi yang menjadi tempat rujukan Sultan apabila berlaku sesuatu masalah seperti masalah menetapkan hukuman ke atas pesalah. Pada waktu itu, terdapat hukuman potong tangan di atas kesalahan mencuri, dipenjarakan bagi mereka yang bergaduh dan didenda bagi kesalahan mal<sup>81</sup>.

Walaupun Terengganu ketika itu telah menjalankan sebahagian daripada undang-undang Islam, namun berlaku juga ketidakadilan apabila ada di antara orang-orang besar dan anak-anak raja yang berkuasa membebaskan orang-orang di bawahnya daripada dikenakan hukuman dengan bersembunyi di rumah pembesar. Ada juga kes yang berlaku melibatkan rampasan harta rakyat oleh Budak-budak Raja. Sebahagian orang-orang besar agak angkuh dan sompong dengan ulama tetapi sebahagiannya sangat

<sup>79</sup> Muhammad Saleh Awang, *Sejarah Darul Iman Hingga 1337H-1918M*, 118. Ibrahim Mohamad, *Manaqib Tok Pulau Manis* (Terengganu: Ikatan Pengkajian Tauhid Tasawuf, 1999), 31.

<sup>80</sup> Buyong Adil, *Sejarah Terengganu*, 21. M.C. ff Sheppard, “A Short History of Terengganu”, dalam *Papers Relating to Terengganu*, (Kuala Lumpur: The Malaysian Branch of The Royal Asiatic Society, 1983), h. 11.

<sup>81</sup> Muhammad Saleh Awang, *Sejarah Darul Iman Hingga 1337H-1918M*, 115.

menghormati dan menyanjung golongan ulama. Undang-undang pula tidak bertulis dan fatwa-fatwa yang dikeluarkan tidak disusun<sup>82</sup>.

#### 2.2.3) Kedudukan Golongan Ulama Dalam Masyarakat Terengganu Pada Awal

##### Kurun ke-18

Sewaktu pemerintahan baginda, golongan ulama mendapat tempat istimewa di istana dan menganggotai Jemaah Pangkuhan Negeri. Syeikh Abdul Malik bin Abdullah yang hidup sezaman dengan pemerintahan Sultan Zainal Abidin I telah dilantik sebagai ahli Jemaah Pangkuhan Negeri dan mempunyai pengaruh yang besar dalam membuat sesuatu keputusan. Segala permasalahan yang melibatkan hukum diserahkan kepada orang alim<sup>83</sup>. Menurut cerita lama, Kadi Besar ketika pemerintahan Sultan Zainal Abidin I ialah Wan Iman Mahmud iaitu salah seorang anak murid Syeikh Abdul Malik bin Abdullah<sup>84</sup>. Terdapat juga satu jawatankuasa khusus dalam hal ehwal mengeluarkan fatwa-fatwa iaitu Imam Fatawa. Fungsinya sama seperti jawatan mufti yang terdapat di setiap negeri di Malaysia sekarang.

#### 2.2.4) Keadaan Bandar Kuala Terengganu Pada Awal Kurun ke-18

Seorang ahli pelayaran Inggeris bernama Kapten Alexander Hamilton telah singgah di Kuala Terengganu sebanyak dua kali iaitu pada tahun 1719M dan 1720M. Hamilton singgah di Kuala Terengganu untuk menjual sebahagian daripada dagangan yang dibawanya dan membeli barang yang baru. Dalam catatannya, beliau menceritakan terdapat lebih kurang 10000 buah rumah di Bandar Kuala Terengganu dengan kedudukan yang tidak tersusun dan dibina secara berkelompok. Setiap kelompok pula terdiri daripada 10 atau 20 buah rumah. Hasil negerinya ialah lada hitam

<sup>82</sup> Ibid.

<sup>83</sup> Muhammad Yusoff Hashim, *Tradisi Persejarahan Malaysia*, 97.

<sup>84</sup> Muhammad Saleh Awang (1983), *Sejarah Darul Iman Hingga 1337H=1918M*, 117.

dan emas. Sebahagian tempat dalam bandar ini didiami oleh masyarakat Cina. Hamilton menyifatkan mereka sebagai pendatang yang baik dengan mengatakan:

“a good trade of three or four junks yearly, besides some that trade to Siam, Cambodia, Tunquen and Sambas”.<sup>85</sup>

Selain itu, Hamilton juga menceritakan ketika lawatannya ke Terengganu, Sultan Abdul Jalil yang dikalahkan oleh Raja Kecil Siak sedang berlindung di Terengganu. Boleh dikatakan setiap hari baginda ingin menemui dan berbual dengan Hamilton untuk mempelawa Inggeris membuka sebuah kota di tanah jajahannya. Namun, Hamilton hanya memberikan pendapat Inggeris mungkin tidak berminat untuk berbuat demikian<sup>86</sup>.

#### 2.2.5) Keadaan Ekonomi dan Pekerjaan Masyarakat Melayu di Terengganu Pada Awal Kurun ke-18

Dalam lawatan Hamilton ke Terengganu pada tahun 1719 dan 1720, beliau mendapati Terengganu merupakan sebuah pusat perdagangan yang besar. Aktiviti pertukaran barang-barang telah membuktikan bahawa Terengganu ketika itu mempunyai hubungan perdagangan dengan negeri-negeri luar<sup>87</sup>. Pada kurun ke-16, 17 dan 18 Terengganu didapati telah membentuk duit-duit tempatan bagi menampung perdagangan yang sedang pesat membangun. Duit-duit tersebut diperbuat daripada logam emas dan timah dan dikenali sebagai mas dan kupang. Duit-duit yang digunakan di Terengganu telah dikeluarkan semasa pemerintahan Sultan Zainal Abidin I kerana tertera nama baginda pada bahagian hadapan syiling dan di belakangnya ditulis puji-

<sup>85</sup> M.C. ff Sheppard, “A Short History of Terengganu”, 8.

<sup>86</sup> Ibid.

<sup>87</sup> Ibid.

pujian kepada Khalifatul Mukminin. Terdapat sekeping duit syiling yang dicatatkan tarikh hijrah pada 1120 A.H. iaitu pada tahun 1708M<sup>88</sup>.

Dari segi aktiviti pekerjaan yang dilakukan oleh penduduk Terengganu ketika itu, beberapa pengkaji telah mencatatkan berdasarkan cerita-cerita lisan. Masyarakat Melayu yang tinggal di tepi pantai Terengganu ketika itu kebanyakannya menjadi nelayan. Bagi penduduk yang agak jauh daripada pantai atau dikenali juga sebagai penduduk darat, kebanyakannya mereka melakukan kerja-kerja bercucuk tanam. Walaupun Terengganu ketika itu merupakan sebuah pusat perdagangan yang besar, namun kehidupan mereka ketika itu didibaratkan sebagai “kais pagi makan pagi kais petang makan petang”<sup>89</sup>.

## 2.3) KELAHIRAN DAN KEWAFATAN SYEIKH ABDUL MALIK BIN ABDULLAH

Syeikh Abdul Malik bin Abdullah merupakan seorang ulama kelahiran Negeri Terengganu yang berketurunan pendakwah dari Baghdad. Menurut catatan kelahiran dan kewafatan yang terdapat pada makam beliau di Kampung Pulau Manis, Kuala Terengganu, Syeikh Abdul Malik bin Abdullah telah dilahirkan pada tahun 1089H/1678M dan meninggal pada tahun 1149H/1736M<sup>90</sup>. Tarikh-tarikh yang tercatat ini menunjukkan bahawa Syeikh Abdul Malik bin Abdullah telah meninggal pada usia 58 tahun.

Namun, menurut waris-waris keturunan Syeikh Abdul Malik bin Abdullah yang masih hidup sekarang, usia beliau ketika meninggal ialah 80 tahun lebih<sup>91</sup>. Beberapa

<sup>88</sup> Mohd. Kassim Bin Haji Ali, “Sejarah Ringkas Mata Wang Negeri Terengganu” dalam *Terengganu Darul Iman Tradisi Persejarahan Malaysia*, ed. Muhammad Yusoff Hashim (Kuala Lumpur: DBP, 1991), 29-31.

<sup>89</sup> Muhammad Saleh Awang, *Sejarah Darul Iman Hingga 1337H-1918M*, 114.

<sup>90</sup> Lawatan penyelidik ke Makam Tok Pulau Manis, Kampung Pulau Manis, Serada, Kuala Terengganu, Terengganu pada 15 Januari 2011.

<sup>91</sup> Ibrahim bin Mohamad (Generasi ke-9 keturunan Syeikh Abdul Malik bin Abdullah yang juga pengasas Pusat Pengkajian Tauhid Tasawuf Pulau Manis), dalam temubual bersama penulis, 15 Januari 2011.

fakta lain juga menunjukkan tarikh kelahiran yang tercatat di makam beliau tidak munasabah dan boleh dipertikaikan. Ini kerana di dalam sebuah karangan Syeikh Abdul Malik bin Abdullah, dicatatkan bahawa beliau pernah berguru dengan seorang ulama Mekah yang terkenal iaitu Syeikh Ibrāhīm al-Kurānī atau dikenali sebagai Maulā Ibrāhīm al-Kurānī atau al-Kurdī dan juga al-Madīnī yang hidup di antara tahun 1025H/1661M- 1101H/1690M<sup>92</sup>. Jika dikatakan Syeikh Abdul Malik bin Abdullah lahir pada tahun 1678M, usia beliau ketika gurunya meninggal baru sahaja menjangkau 12 tahun. Tidak munasabah seorang kanak-kanak berhijrah ke Mekah untuk menuntut ilmu dan belajar dengan seorang guru yang sangat terkenal sebelum berusia 12 tahun<sup>93</sup>.

Berdasarkan kepada sebuah risalah yang disalin oleh Syeikh Abdul Malik bin Abdullah ketika berada di Mekah berjudul *Khabar Mi'raj*, pada akhir tulisannya tercatat tarikh beliau tamat menulis iaitu pada tahun 1092H/ 1681M. Jika dikatakan beliau lahir pada tahun 1678M sebagaimana tercatat pada makam beliau, usianya ketika selesai menyalin kitab ini baru sahaja 3 tahun. Pada pandangan pengkaji, tidak munasabah seorang kanak-kanak berusia 3 tahun dapat menyalin sebuah kitab fiqh yang menjadi rujukan ramai.

Cerita-cerita yang disampaikan secara lisan dari waris keturunan beliau juga menguatkan lagi fakta bahawa Syeikh Abdul Malik bin Abdullah lahir lebih awal dari tarikh yang tercatat di makam beliau. Hasil temuramah yang dijalankan oleh Shafie Abu Bakar dengan waris-waris keturunan Syeikh Abdul Malik bin Abdullah, mereka menceritakan bahawa Syeikh Abdul Malik bin Abdullah pulang dari menuntut ilmu di Mekah ketika berusia kira-kira 40 tahun dan gurunya Maulā Ibrāhīm juga meninggal

<sup>92</sup> Shafie Abu Bakar, "Institusi Syeikh Abdul Malik bin Abdullah: Satu Corak Pengajian Tradisi di Terengganu dan Kitab-kitab Padanya" (Tesis Sarjana, Jabatan Persuratan, Selangor, Universiti Kebangsaan Malaysia, 1977), 86.

<sup>93</sup> Shafie Abu Bakar, "Syeikh Abdul Malik bin Abdullah dan Karangan-karangannya", dalam *PESAKA, Monograf Lembaga Muzium Negeri Terengganu* (Bil 2, 1984), 71.

ketika Syeikh Abdul Malik bin Abdullah menjangkau usia 40 tahun<sup>94</sup>. Tarikh yang tercatat pada makam beliau iaitu 1089H/1678M - 1149H/1736 menunjukkan dalam tempoh tersebut beliau masih hidup<sup>95</sup>. Dengan ini, dapat disimpulkan bahawa Syeikh Abdul Malik bin Abdullah telah lahir pada pertengahan abad ke-17 M, kira-kira pada tahun 1650M.

Tarikh meninggal Syeikh Abdul Malik bin Abdullah yang tercatat pada makam beliau pula adalah munasabah dan tidak dipertikaikan oleh mana-mana pihak iaitu pada tahun 1149H/1736M. Beliau meninggal ketika berusia kira-kira 86 tahun. Fakta ini bersesuaian dengan satu maklumat yang menyebut bahawa peringkat akhir hayatnya beliau merupakan seorang yang lanjut usianya<sup>96</sup>. Cerita-cerita lisan dari keturunan beliau juga menyebut bahawa Syeikh Abdul Malik bin Abdullah meninggal ketika usianya agak tua<sup>97</sup>.

#### 2.4) PENGAJIAN SYEIKH ABDUL MALIK BIN ABDULLAH

Latar belakang keluarga Syeikh Abdul Malik bin Abdullah yang sememangnya cintakan ilmu telah mendorong beliau untuk mengembara mencari ilmu sehingga ke peringkat tinggi. Pengajian Syeikh Abdul Malik boleh dikategorikan kepada dua peringkat iaitu pengajian di Jawa dan Aceh, dan juga pengajian di Mekah dan Madinah. Pengajian beliau di Jawa dan Aceh boleh disifatkan sebagai pencarian ilmu agama di peringkat asas, manakala di Mekah dan Madinah, beliau menuntut ilmu yang lebih tinggi peringkatnya.

<sup>94</sup> Ibid

<sup>95</sup> Mohd Saleh bin Awang, "Perkembangan Penulisan dan Pengarang-pengarang Terengganu sebelum Perang Dunia Kedua", *PESAKA* (1983), 87.

<sup>96</sup> M.C. ff. Sheppard, *A History of Terengganu*, Vol XXII, Part III, Jun 1949, 11.

<sup>97</sup> Shafie Abu Bakar, "Syeikh Abdul Malik bin Abdullah dan Karangan-karangannya", 71.

#### 2.4.1) Pengajian Syeikh Abdul Malik bin Abdullah di Jawa dan Aceh

Guru pertama Syeikh Abdul Malik bin Abdullah adalah bapanya sendiri iaitu Syeikh Abdullah bin Syeikh Abdul Qahar. Sebelum berhijrah ke negeri-negeri lain, beliau juga menuntut ilmu dengan ulama-ulama tempatan<sup>98</sup>. Sebelum menuntut ilmu di Mekah, Syeikh Abdul Malik bin Abdullah pernah belajar di Jawa dan di Aceh, iaitu ketika berusia 20 – 30 tahun. Beliau telah mengikuti bapa saudaranya yang bernama Ismail untuk berdagang dan berdakwah di Jawa. Penghijrahan beliau ini sekaligus telah menambahkan pengetahuan agamanya<sup>99</sup>.

Syeikh Abdul Malik bin Abdullah kemudiannya disuruh oleh bapanya untuk menuntut ilmu agama di Aceh dan suruhan bapanya ini disambut baik oleh beliau yang sememangnya amat berminat di dalam menuntut ilmu. Aceh ketika itu merupakan pusat ilmu di Nusantara dan menjadi tempat pengajian pertama sebelum seseorang itu melanjutkan pelajaran di Mekah. Sesuai dengan kemasyhuran dan kehebatannya ketika itu, Aceh dikenali juga dengan nama Serambi Mekah<sup>100</sup>.

Pada usia 20-an, Syeikh Abdul Malik bin Abdullah telah berhijrah ke Aceh bersama-sama dengan beberapa orang sahabatnya. Setibanya di Aceh, Syeikh Abdul Malik bin Abdullah dan sahabat-sahabatnya terus menuju ke Madrasah Syeikh Abdul Rauf Singkel iaitu seorang ulama Aceh yang sangat terkenal<sup>101</sup>. Syeikh Abdul Malik bin Abdullah dikenali sebagai seorang murid yang hebat dan terkemuka kepada Syeikh Abdul Rauf Singkel<sup>102</sup>. Bukti pengembalaan Syeikh Abdul Malik bin Abdullah ke

<sup>98</sup> Ibrahim Mohamad, *Manaqib Tok Pulau Manis Syeikh Abdul Malik bin Syarif Abdullah*, 15.

<sup>99</sup> Shafie Abu Bakar, "Syeikh Abdul Malik Bin Abdullah (Tuk Pulau Manis)", dalam *Warisan*, Bil 5 (1989), 14.

<sup>100</sup> Ibid.

<sup>101</sup> Shafie Abu Bakar, "Syeikh Abdul Malik Bin Abdullah (Tuk Pulau Manis)", 15.

<sup>102</sup> Azyumardi Azra, *Jaringan Ulama Timur Tengah Dengan Kepulauan Nusantara Abad XVII dan XVIII*, (t.p.: Penerbit Mizan, 1994), 210.

Achех ialah terdapat sebuah kitab yang disalin tangan oleh beliau berjudul *Tafsiran Baiďawī* dan dikarang dalam Bahasa Melayu oleh Syeikh Abdul Raūf Singkel<sup>103</sup>.

Syeikh Abdul Raūf Singkel merupakan murid kepada dua orang ulama terkenal di Mekah iaitu Syeikh Ibrāhīm al-Kurānī dan Syeikh Aḥmad al-Qusaisyī. Syeikh Abdul Raūf Singkel ketika itu merupakan ulama istana yang alim dalam bidang hadis, fiqh, usuluddin, nahu, saraf, tafsir, tasawuf dan juga pemimpin Tarekat Shatariyyah. Setelah Syeikh Abdul Raūf Singkel mendapati muridnya yang bernama Abdul Malik bin Abdullah menguasai ilmu hadis, tafsir, nahu, saraf, fiqh dan tasawuf, beliau telah bersetuju untuk membawa'hkannya dengan Tarekah Shatariyyah<sup>104</sup>.

#### 2.4.2) Pengajian Syeikh Abdul Malik bin Abdullah di Mekah dan Madinah

Setelah hampir 10 tahun menuntut ilmu di Achех, Syeikh Abdul Malik bin Abdullah telah diperintahkan oleh gurunya agar meneruskan pengajian di peringkat yang lebih tinggi di Mekah dan Madinah. Kecintaan yang mendalam terhadap ilmu dan kepatuhan kepada gurunya telah menjadikan Syeikh Abdul Malik bin Abdullah nekad untuk berhijrah ke Mekah walaupun beliau sebenarnya merindui keluarga dan tanahair<sup>105</sup>.

Syeikh Abdul Malik bin Abdullah telah berhijrah ke Mekah sekitar tahun 1680-an iaitu ketika usianya dalam lingkungan 30-an. Sehingga kini, belum dapat dipastikan siapakah penduduk Tanah Melayu yang pertama berhijrah untuk menuntut ilmu di Mekah, tetapi kajian yang dilakukan oleh sarjana lepas menunjukkan Syeikh Abdul Malik bin Abdullah merupakan di antara penduduk terawal Tanah Melayu yang menuntut di Mekah. Beliau akhirnya pulang ke tanahair memberikan sumbangan yang amat signifikan sebagaimana juga ulama-ulama lain seperti Muhammad Arsyad al-

<sup>103</sup> Shafie Abu Bakar, "Syeikh Abdul Malik bin Abdullah (Tok Pulau Manis)", 14.

<sup>104</sup> Ibid, 16.

<sup>105</sup> Ibrahim Mohamad, *Manaqib Tok Pulau Manis Syeikh Abdul Malik bin Syarif Abdullah*, 18.

Banjari, Nawawi al-Bantani dan Syeikh Daud al-Fatani<sup>106</sup>. Pada waktu tersebut, Mekah merupakan pusat pengajian agama peringkat tertinggi.

Selain menjadi tempat ibadat umat Islam, Mekah juga menjadi tempat berkumpulnya para ulama yang besar dan pusat kegiatan mengarang atau menterjemahkan kitab-kitab ke dalam Bahasa Melayu (Jawi)<sup>107</sup>. Sistem pengajian di Mekah dan Madinah berpusatkan Masjidil Haram dan Masjid Nabawi. Sistem pengajiannya menekankan kepada pelbagai cabang ilmu iaitu fiqh, usuludin, tasawuf, pengajian tafsir, hadis dan ilmu-ilmu bantu seperti nahu, saraf dan sebagainya<sup>108</sup>.

Dalam bidang Tasawuf, Syeikh Abdul Malik bin Abdullah cenderung kepada pendekatan etika ubudiyyah al-Imām al-Ghazālī. Dalam bidang fiqh pula, beliau merupakan pengikut Mazhab Syafii yang mana antara guru fiqhnya ialah Syeikh Ibrāhīm al-Kurānī yang menggantikan Syeikh Ahmad al-Qusaishī, iaitu seorang ulama Madinah yang masyhur dan telah menyusun amalan zikir selepas sembahyang yang diamalkan di Nusantara dan kebanyakan umat Islam di seluruh dunia<sup>109</sup>.

Di antara ketiga-tiga bidang ilmu ini, Syeikh Abdul Malik bin Abdullah amat meminati pengajian ilmu tasawuf. Sesuai dengan zaman tersebut yang kebanyakan ulama mengamalkan tarikat, Syeikh Abdul Malik bin Abdullah juga menghayati pengajian tarikat, iaitu Tarekat *Shādhiliyyah* yang berkembang di Mesir dan diasaskan oleh Abū al-Hassan al-Shādhilī (M. 656H/1258M)<sup>110</sup>. Karangan-karangan dalam bidang ini yang telah menarik minatnya ialah *Hikam*, *al-Tanwīr fī Isqāt al-Tadbīr*, *Laṭā'if al-Minan* dan *Tāj al-'Arus*.

<sup>106</sup> Mohammad Redzuan Othman (1998), "The Role of Makka-Educated Malays In The Development of Early Islamic Scholarship And Education In Malaya" dalam *Jurnal of Islamic Studies* (9:2 ,1998), 146-157.

<sup>107</sup> Ibrahim Mohamad, *Manaqib Tok Pulau Manis Syeikh Abdul Malik bin Syarif Abdullah*, 18.

<sup>108</sup> Shafie Abu Bakar, "Syeikh Abdul Malik Bin Abdullah (Tuk Pulau Manis)", 16.

<sup>109</sup> *Ibid.*

<sup>110</sup> Ibrahim Mohamad, *Manaqib Tok Pulau Manis Syeikh Abdul Malik bin Syarif Abdullah*, 19.

Bidang pengajian kedua yang diberi perhatian oleh Syeikh Abdul Malik bin Abdullah ialah ilmu fiqh. Guru utamanya ialah Syeikh Ibrāhīm al-Kurānī. Berdasarkan kitab-kitab karangannya, terdapat banyak kitab-kitab fiqh yang menjadi rujukan beliau iaitu *Daw al-Shama'ah* karangan Syeikh Jalaluddin al-Suyūtī, *Munyah Ahl al-Warā'* karangan Syeikh Aḥmad al-Qusaishī, *Minhāj al-Tālibīn* karangan Imam Nawawī, *Tatīmmah* oleh Ibn Matūlī, *al-Hāwī* oleh al-Mawardī, *Nihāyah* oleh Imam al-Ramlī, *Fath al-Wahhāb* oleh Abu Yaḥyā Zakariyyā al-Anṣārī, *Fath al-Qarīb* oleh Muhammad Ibn Qasim al-Ghuzzā, *al-Minhāj al-Qawīm* oleh Aḥmad bin Ḥajar al-Haytamī, *Tuhfat al-Muhtāj* dan *Fath al-Mujīb* karangan Muḥammad al-Sharbinī dan *Kitab al-Farwiyyah* karangan Syeikh Ibrahim al-Kurānī<sup>111</sup>.

Dalam bidang Usuludin, Syeikh Abdul Malik bin Abdullah telah memilih pendekatan Imam al-Ash'arī yang menjadi ikutan umum pengikut ahli al-Sunnah wal Jamaah di dunia Islam. Pendekatan ini jugalah yang telah diikuti oleh pemimpin-pemimpin Tarikat Shādhiliyyah seperti Abū al-Hassan al-Shadhilī dan Abū al-'Abbās al-Mursī<sup>112</sup>.

Berdasarkan kitab-kitab hasil karangan Syeikh Abdul Malik bin Abdullah, beliau bukan hanya menguasai tiga bidang ilmu yang diterangkan di atas, tetapi turut mendalami ilmu-ilmu lain seperti tafsir, hadis, mustalah dan ilmu-ilmu bantu seperti nahu, saraf, balaghah dan sirah nabawiyah. Keluasan ilmu pengetahuannya dalam pelbagai bidang telah melayakkannya menjadi seorang ulama<sup>113</sup>.

Dalam usia kira-kira 40 tahun, Syeikh Abdul Malik bin Abdullah telah meninggalkan Mekah dan kembali ke kampung halamannya. Kepulangan beliau ke tanahair dikaitkan dengan kesedihannya di atas kematian guru yang amat dikasihinya

<sup>111</sup> Shafie Abu Bakar, "Risalah Naql Syeikh Abdul Malik bin Abdullah dengan Anotasi", *PESAKA* (3, 1985), 5-6.

<sup>112</sup> Shafie Abu Bakar, "Syeikh Abdul Malik bin Abdullah (Tuk Pulau Manis)", 49.

<sup>113</sup> *Ibid.*

iaitu Syeikh Ibrāhīm al-Kurānī pada tahun 1101H/ 1690M. Ini kerana beliau pulang ke tanahair selepas beberapa hari Syeikh Ibrāhīm al-Kurānī meninggal dunia. Kepulangan Syeikh Abdul Malik disambut dengan penuh kegembiraan oleh ahli keluarga, kenalan dan penduduk Terengganu<sup>114</sup>.

## 2.5) KETOKOHAN SYEIKH ABDUL MALIK BIN ABDULLAH DALAM BIDANG TASAWUF

Syeikh Abdul Malik bin Abdullah sangat meminati ilmu tasawuf berdasarkan pendekatan etika ubudiyah Imām al-Ghazālī. Tarikat yang menjadi ikutannya pula ialah Tarekat Shādhiliyyah yang berkembang di Mesir dan diasaskan oleh Abū al-Ḥassan al-Shādhilī yang berasal dari Morocco. Beliau mengenali tarekat ini melalui pengajiannya yang menggunakan kitab pendukung utamanya iaitu Ibn ‘Atā Allāh (M. 709/1309)<sup>115</sup>. Dengan ilmu tasawuf yang mendalam, Syeikh Abdul Malik bin Abdullah telah berjaya menghasilkan kitab yang bertajuk *Hikam Melayu* ketika beliau masih berada di Mekah dan merupakan karangan terbesar beliau<sup>116</sup>. Ia merupakan syarah terhadap *Matan Hikam* karangan Imām Tāj al-Dīn ‘Atāāillāh al-Sakandary yang menurut aliran Shādhili<sup>117</sup>.

Di dalam Kitab Hikam Melayu telah tercatat:

“(Dan) sanya telah meminta akan daku setengah saudaraku yang salik bahawa menterjemahkan aku akan dia dengan bahasa Jawi supaya memberi manfaat dengan dia segala orang yang mutbadi, maka kuperkenankan atas yang demikian itu dengan sekira-kira yang difahamkan Allah Taala akan daku (dan) adalah aku memanjangkan sedikit perkataannya kerana aku memasukkan perkataan sharahnya dengan sekadar *kifāyah* bagi orang yang mutbadi mengetahui dia dan sanya kupohonkan kepada Allah Subhanahu wa Taala akan sempurnanya dan akan beroleh manfaat segala orang yang talib akan

<sup>114</sup> Ibrahim Mohamad, *Manaqib Tok Pulau Manis Syeikh Abdul Malik bin Syarif Abdullah*, 21.

<sup>115</sup> Shafie Abu Bakar, *Syeikh Abdul Malik bin Abdullah (Tok Pulau Manis)*, 16.

<sup>116</sup> Ibrahim Mohamad, *Manaqib Tok Pulau Manis Syeikh Abdul Malik bin Syarif Abdullah*, 21.

<sup>117</sup> Shafie Abu Bakar, *Syeikh Abdul Malik bin Abdullah dan karangan-karangannya*, 76-77.

dia dalam dunia dan dalam akhirat dengan berkat *Sayyid al-Mursalīn wa ālihī wa ṣāḥbihī ajma'īn*<sup>118</sup>

Petikan di atas menunjukkan Syeikh Abdul Malik bin Abdullah mempunyai kedudukan yang tinggi dalam kalangan sahabat-sahabatnya. Disebabkan kitab ini telah disyarah dan digunakan sebagai bahan pengajaran di Mekah yang maju dengan percetakan dan penerbitan, kitab ini banyak disalin, dicetak dan tersebar luas di seluruh rantau Melayu. Kitab ini masih digunakan di tempat-tempat pengajian samada di kampung atau di bandar.

## 2.6) KETOKOHAN SYEIKH ABDUL MALIK BIN ABDULLAH DALAM BIDANG FIQH

Syeikh Abdul Malik bin Abdullah merupakan ulama yang mahir dalam pelbagai bidang keilmuan Islam. Walaupun lebih terkenal dalam bidang tasawwuf, namun beliau juga sebenarnya sangat berpengetahuan dalam bidang fiqh. Ini kerana sudah menjadi amalan para ulama silam untuk menguasai syariat atau fiqh sebelum mendalami ilmu tasawwuf. Hal ini dapat dilihat kepada beberapa peribadi mulia iaitu Imām Abū Hassan al-Shādhilī dan Imām Abū al-'Abbās al-Mursī. Kajian ini akan cuba menghuraikan satu persatu apakah sumbangan yang telah dilakukan oleh Syeikh Abdul Malik bin Abdullah dalam bidang fiqh.

### 2.6.1) Peranan Sebagai Mufti Dan Penasihat Agama Kepada Sultan

Syeikh Abdul Malik bin Abdullah telah berperanan sebagai Syeikh al-Ulama dan juga mufti bagi pemerintah negeri ketika itu dan berperanan mengeluarkan fatwa-fatwa berkaitan hukum-hukum dan pegangan Islam. Sebagai contoh, sebuah kitab yang berjudul *Risālah Naql* telah dikarang oleh Syeikh Abdul Malik bin Abdullah untuk menjelaskan masalah bilangan jemaah bagi solat Jumaat. Pada zaman beliau bilangan

<sup>118</sup> Syeikh Abdul Malik bin Abdullah, *Hikam Melayu*, 21

penduduk di kampung-kampung di sepanjang Sungai Terengganu masih sedikit sehingga sukar untuk mereka mendirikan solat Jumaat. Risalah *al-Naql* akhirnya dikarang oleh beliau untuk menjelaskan pendapat-pendapat ulama tentang masalah tersebut<sup>119</sup>.

Kehebatan Syeikh Abdul Malik bin Abdullah sebagai mufti juga diceritakan secara turun-temurun oleh masyarakat khususnya waris-waris keturunannya. Menurut Dato' Haji Ambak, Syeikh Abdul Malik bin Abdullah adalah seorang yang faqih, sufi dan arif. Kehebatannya dapat dilihat dalam karangan beliau berjudul *Kitab Hikam* yang bukan sekadar diterjemah, tetapi disusun dan diuraikan berdasarkan realiti semasa ketika itu<sup>120</sup>.

Menurut Haji Ismail bin Embong, Syeikh Abdul Malik bin Abdullah adalah ulama yang mendahului zaman dan jasanya dikenang sehingga ke hari ini<sup>121</sup>. Di dalam Seminar Maal Hijrah yang berlangsung di Kuala Terengganu, satu resolusi telah dikemukakan iaitu cadangan mengabadikan nama Syeikh Abdul Malik bin Abdullah sebagai nama yang bersejarah. Akhirnya, sebuah sekolah menengah agama berasrama penuh telah diletakkan nama beliau dan kini sekolah tersebut dinamakan sebagai Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Syeikh Abdul Malik.

#### 2.6.2) Peranan Syeikh Abdul Malik bin Abdullah Sebagai Pengarang Kitab-kitab Fiqh

Syeikh Abdul Malik bin Abdullah bukan sahaja berperanan sebagai mufti atau penasihat agama, tetapi juga telah mengarang beberapa buah kitab fiqh sebagai bahan pengajaran kepada murid-murid beliau dan juga sebagai panduan kepada masyarakat pada zaman beliau.

<sup>119</sup> Shafie Abu Bakar, Syeikh Abdul Malik bin Abdullah (Tuk Pulau Manis), 22.

<sup>120</sup> Ambak bin Ismail (AJK Majlis Fatwa Terengganu dan juga generasi ke-8 keturunan Syeikh Abdul Malik bin Abdullah), dalam temubual bersama penulis, 1 Februari 2011.

<sup>121</sup> Ismail bin Embong (Generasi ke-8 dari keturunan Syeikh Abdul Malik bin Abdullah), dalam temubual bersama penulis pada 1 Februari 2011.

Terdapat tiga buah penulisan dalam bidang fiqh yang jelas dikarang oleh Syeikh Abdul Malik bin Abdullah iaitu Kitab *al-Kifayah*, Risalah *al-Naql* dan Risalah *Kayfiyah Niyyah*. Syeikh Abdul Malik bin Abdullah aktif di dalam bidang penulisan kitab semenjak berada di Aceh. Tetapi kitab-kitab yang ditulis di Aceh lebih berbentuk salinan semula dan terjemahan<sup>122</sup>.

i- Kitab *al-Kifayah*

Kitab yang kedua terbesar hasil karangan Syeikh Abdul Malik bin Abdullah ialah Kitab *al-Kifayah* yang membicarakan tentang Usuluddin dan fiqh. Ia membicarakan tentang persoalan-persoalan aqidah dan hukum-hukum fiqh seperti taharah, solat, puasa, zakat, binatang yang halal dan haram dimakan dan pengurusan jenazah<sup>123</sup>. Kitab ini dikarang bertujuan untuk dijadikan bahan pengajaran oleh beliau untuk masyarakat setempat. Namun, kitab ini tidak pernah dicetak dan sudah tidak berjaya ditemui oleh pengkaji kecuali dua naskhah yang tersimpan di Perpustakaan Negara Malaysia dan satu naskhah lagi di Muzium Kesenian Islam Malaysia.

Menurut Dato' Haji Ambak, beliau hanya mengetahui tentang Kitab *al-Kifayah* berdasarkan apa yang diterangkan dalam buku dan artikel, tetapi tidak pernah melihat sendiri kitab tersebut<sup>124</sup>. Malah menurut keturunan Syeikh Abdul Malik bin Abdullah yang lain seperti Ustaz Ibrahim bin Mohamad, Encik Mohamad bin Embong dan Tuan Haji Ismail bin Embong, mereka tidak pernah mengetahui tentang kewujudan Kitab *al-Kifayah* ini. Dengan ini, usaha untuk memelihara dan mencetak semula kitab ini sangat perlu dilakukan agar khazanah yang berharga ini dapat diambil manfaat dan terpelihara daripada lenyap begitu sahaja.

<sup>122</sup> Shafie Abu Bakar, "Syeikh Abdul Malik bin Abdullah dan Karangan-karangannya", 37.

<sup>123</sup> Syeikh Abdul Malik bin Abdullah, Kitab *al-Kifayah*, MSS587, Pusat Manuscrip Melayu, Perpustakaan Negara Malaysia Kuala Lumpur.

<sup>124</sup> Ambak bin Ismail (AJK Majlis Fatwa Terengganu dan juga generasi ke-8 keturunan Syaikh Abdul Malik bin Abdullah), dalam temubual bersama penulis, 1 Februari 2011.

## ii- Risalah *al-Naql*

Risalah *al-Naql* merupakan sebuah kitab yang hanya mengandungi 23 halaman. Terdapat juga sebuah naskhah yang hanya mempunyai 14 halaman. Ini kerana dalam naskhah yang mengandungi 23 halaman terdapat beberapa pengulangan salinan dan terdapat juga komentar-komentar tambahan yang mungkin dibuat oleh Syeikh Abdul Malik bin Abdullah<sup>125</sup>. Kitab ini dikarang oleh Syeikh Abdul Malik bin Abdullah kira-kira selepas tiga tahun beliau kembali ke tanahair dan banyak merujuk kepada kitab karangan Syeikh Jalāluddn as-Suyuṭī (849-911/ 1445-1505)<sup>126</sup>. Ia disertai dengan dalil-dalil dari al-Quran, hadis, ijmak, qiyas dan sebagainya. Tujuan utama risalah atau kitab ringkas ini ditulis oleh Syeikh Abdul Malik bin Abdullah ialah bagi memberikan panduan tentang masalah bilangan jemaah yang tidak cukup 40 orang untuk dilaksanakan solat Jumaat terutamanya di kawasan-kawasan yang terpencil dengan bilangan penduduk yang sangat sedikit<sup>127</sup>.

## iii- Risalah *Kayfiyyah Niyyah*

Syeikh Abdul Malik bin Abdullah menulis Risalah *Kayfiyyah Niyyah* berdasarkan karangan gurunya berjudul A'māl al-Fikri wa Rawiyyatu (Amalan-amalan Berdasarkan Fikiran-fikiran dan Riwayat-riwayat) dan juga karangan Syeikh Ahmad Ibn 'Aṭā'illāh berjudul *Miftāḥ al-'Ulā* (Kunci tertinggi). Kitab *Miftāḥ al-'Ulā* pula disaring dari karangan al-Imām al-Ghazālī berjudul *Iḥyā' 'Ulūm ad-dīn*. Risalah ini mengandungi perbincangan tentang niat yang menjadi asas dalam setiap amal ibadat<sup>128</sup>.

<sup>125</sup> Shafie Abu Bakar, "Syeikh Abdul Malik dan Karangan-karangannya", 78.

<sup>126</sup> Ibrahim Mohamad, *Manaqib Tok Pulau Manis Syeikh Abdul Malik bin Syarif Abdullah*, 21.

<sup>127</sup> Shafie Abu bakar, "Syeikh Abdul Malik dan Karangan-karangannya", 78-79

<sup>128</sup> *Ibid*, h. 79.

## 2.7) PERANAN SYEIKH ABDUL MALIK BIN ABDULLAH SEBAGAI PENGASAS PENDIDIKAN ISLAM DI TERENGGANU

Syeikh Abdul Malik bin Abdullah telah menjadi pelopor kepada pengajian pondok secara tradisi dan tertua di Terengganu. Beliau telah membina rumahnya berhampiran dengan Masjid Kampung Pulau Manis. Perpindahan Sultan dan Syeikh Abdul Malik bin Abdullah ke Kampung Pulau Manis ini telah menjadikan Kampung Pulau Manis sebagai Pusat Pentadbiran dan Pusat Kerohanian Islam. Tidak lama selepas Syeikh Abdul Malik bin Abdullah memulakan pengajian, ramai pelajar yang datang dari segenap pelusuk negeri untuk berguru dengan beliau<sup>129</sup>. Malah, pelajar-pelajar beliau bukan sahaja datang dari Terengganu, tetapi dari seluruh Semenanjung Tanah Melayu. Para pelajar yang datang telah membina rumah-rumah kecil atau dikenali sebagai pondok di sekeliling masjid sebagai tempat penginapan mereka sepanjang pengajian<sup>130</sup>.

Selain menjadi pusat pendidikan Islam yang terawal, kawasan pengajian Syeikh Abdul Malik bin Abdullah ini juga telah dipenuhi dengan kitab-kitab yang digunakan sebagai bahan pengajaran dan rujukan. Beliau telah menggunakan kitab-kitab yang dibawa pulang dari Mekah, Aceh dan kitab-kitab yang dikarang sendiri<sup>131</sup>.

Pengajian yang diasaskan oleh Syeikh Abdul Malik bin Abdullah ini menggunakan model pengajian di Masjid al-Haram yang berpusatkan masjid. Ramai juga pelajar-pelajar dari luar perkampungan beliau yang datang menuntut ilmu dan mendirikan tempat-tempat kediaman sepanjang mengikuti pengajian. Kurikulumnya pula merangkumi ilmu fiqh, usuluddin, tasawuf, tafsir hadis, nahu saraf dan sastera keagamaan. Penguasaan terhadap ilmu nahu dan saraf sangat dititik beratkan kerana pelajar-pelajar perlu memahami kitab-kitab berbahasa Arab<sup>132</sup>.

<sup>129</sup> Ibrahim Mohamad, *Manaqib Tok Pulau Manis Syeikh Abdul Malik bin Syarif Abdullah*, 28.

<sup>130</sup> Tok Pulau Manis, [Http://islaminus.blogspot.com/2009/06/Tok-Pulau-Manis-1650-1736.html](http://islaminus.blogspot.com/2009/06/Tok-Pulau-Manis-1650-1736.html), dicapai pada 7 Mac 2011.

<sup>131</sup> Shafie Abu Bakar, "Tok Pulau Manis dan Pengasasan Pendidikan Islam", 59.

<sup>132</sup> Shafie Abu Bakar, "Syeikh Abdul Malik dan karangan-karangannya", 73-74.

Hasil daripada pengasasan sistem pengajian pondok oleh Syeikh Abdul Malik bin Abdullah di Terengganu, telah lahir ramai ulama-ulama yang hebat dan tradisi pengajian pondok di Terengganu yang diasaskan oleh beliau diteruskan pula oleh keturunan dan murid-murid beliau.

Keturunan beliau yang paling terkenal mengendalikan institusi pengajian beliau ialah Haji Abdul Malik bin Isa iaitu cicit kepada Syeikh Abdul Malik bin Abdullah. Pusat Pengajian yang dikendalikan oleh Haji Abdul Malik bin Isa ini sering dikunjungi oleh ramai pelajar yang akhirnya menjadi ulama terkenal. Di antaranya ialah Ali bin Qadi Muhammad Patani dan Lebai Jaafar bin Zakariyya al-Fatani. Anak kepada Haji Abdul Malik bin Isa iaitu Haji Muhammad bin Haji Abdul Malik, juga meneruskan tradisi pengajian yang telah dimulakan oleh Syeikh Abdul Malik bin Abdullah<sup>133</sup>.

## 2.8) KELEBIHAN-KELEBIHAN SYEIKH ABDUL MALIK BIN ABDULLAH

Sebagai seorang ulama yang hebat dan berketurunan istana, Syeikh Abdul Malik bin Abdullah merupakan seorang imam yang masyhur di kalangan masyarakat ketika itu. Beliau juga sering digambarkan sebagai seorang ulama yang mempunyai banyak keistimewaan atau karamah yang tidak ada pada imam biasa.

Sewaktu masih kecil, Syeikh Abdul Malik bin Abdullah telah menunjukkan ciri-ciri sebagai seorang pelajar yang pintar. Ketika gurunya mengajar huruf-huruf al-Quran seperti ( ﴿ ) , beliau dengan pantas akan menyebut ( ﴽ ). Kebijaksanaan beliau dalam pelajarannya telah menyebabkan gurunya tidak sanggup lagi mengajarnya dan akhirnya telah menghantar Syeikh Abdul Malik bin Abdullah ke Mekah untuk menuntut ilmu<sup>134</sup>.

Ketika berada di Mekah pula, berlaku satu peristiwa pelik di mana kenalan-kenalan Syeikh Abdul Malik bin Abdullah di sana telah bertanyakan beliau apakah

<sup>133</sup> Shafie Abu Bakar, "Tok Pulau Manis dan Pengasasan Pendidikan Islam", 61.

<sup>134</sup> Ibid.

makanan yang paling sedap di tanahair beliau. Beliau memberitahu bahawa makanan yang paling sedap ialah buah durian sambil menceritakan sifat-sifat buah tersebut. Kenalan-kenalan dan guru beliau terpegun mendengar apa yang diceritakan kerana tidak pernah mendengar mahupun melihatnya. Keesokan harinya, Syeikh Abdul Malik bin Abdullah membawa sebiji buah durian untuk ditunjukkan kepada rakan-rakan dan gurunya di Mekah. Dalam masa yang sama, sebiji daripada dua biji buah durian yang terdapat pada pokok di halaman rumah keluarganya di Terengganu<sup>135</sup>.

Buah durian yang dibawa oleh Syeikh Abdul Malik bin Abdullah diletakkan di dalam masjid dan jemaah yang hadir berebut-rebut untuk melihat dan menciumnya sehingga duri-duri-duri yang tajam menjadi tumpul. Peristiwa ini diceritakan berlaku pada suatu malam di antara waktu Maghrib dan Isyak<sup>136</sup>. Melalui kisah yang sering diceritakan secara lisan ini, keturunan Syeikh Abdul Malik bin Abdullah mempercayai bahawa beliau pernah suatu ketika diberikan keistimewaan oleh Allah S.W.T. untuk bergerak dari satu tempat ke satu tempat yang lain dalam waktu yang sebegitu singkat walaupun jaraknya beribu batu.

Berdasarkan temubual pengkaji dengan Tuan Haji Ismail bin Embong, iaitu keturunan Syeikh Abdul Malik bin Abdullah, terdapat dua lagi peristiwa menarik yang pernah diceritakan kepadanya oleh nenek moyangnya secara lisan. Menurut beliau, Syeikh Abdul Malik bin Abdullah merupakan seorang yang kuat amal ibadatnya dan amat gemar mendirikan solat di bawah sepohon pokok rengas yang biasanya tidak boleh dimakan kerana berbisa. Tetapi, dengan izin Allah s.w.t. buah-buah rengas yang tumbuh

<sup>135</sup> Ambak bin Ismail (AJK Majlis Fatwa Terengganu dan juga generasi ke-8 keturunan Syeikh Abdul Malik bin Abdullah), dalam temubual bersama penulis, 1 Februari 2011.

<sup>136</sup> Ibid

daripada dahan yang memayungi tempat solat Syeikh Abdul Malik bin Abdullah boleh dimakan dan menjadi manis<sup>137</sup>.

Syeikh Abdul Malik bin Abdullah juga diceritakan pernah bertemu dengan malam Lailatul Qadar. Sudah menjadi amalan kebiasaan para salafussoleh, mereka gemar bangun pada sepertiga malam untuk berqiamullail, khususnya di bulan Ramadhan. Pada suatu malam, Syeikh Abdul Malik bin Abdullah telah mengambil wudhuk di tepi sebuah sungai dan serbannya diletakkan pada dahan pokok yang rendah. Selesai sahaja berwudhuk, beliau terus mendirikan solat sunat dan terlupa tentang serbannya tadi. Keesokan harinya, apabila beliau teringat pada serban yang telah ditinggalkan, beliau pun bergegas ke sungai tempatnya berwudhuk. Apa yang mengejutkan, dahan tempat beliau meletakkan serbannya semalam berada di bahagian atas pokok seolah-olah pokok itu telah bangun daripada sujud<sup>138</sup>.

Satu lagi peristiwa aneh yang juga berlaku di bulan Ramadhan ialah pokok sirih sujud kepada Syeikh Abdul Malik bin Abdullah. Pada suatu ketika, ayahnya Sharif Abdullah telah datang mengunjunginya di rumah. Sebelum waktu berbuka tiba, ayahnya memintanya supaya mengambil daun sirih pada pokok sirih di halaman rumahnya sebagai juadah berbuka puasa. Namun, Syeikh Abdul Malik bin Abdullah tidak segera mengambilnya kerana katanya waktu berbuka masih lambat. Apabila waktu berbuka sangat hampir, beliau pun bangun untuk mengambilnya tanpa tergopoh-gapah. Sebaik sahaja beliau tiba berhampiran pohon itu, dengan tiba-tiba ia sujud ke arahnya dan memudahkan Syeikh Abdul Malik bin Abdullah untuk memetik daun sirih<sup>139</sup>.

Peristiwa-peristiwa aneh yang diterangkan di atas tidak dapat dipastikan kesahihannya kerana telah berlaku beratus-ratus tahun yang lampau dan tiada rujukan

<sup>137</sup> Ismail bin Embong (Generasi ke-8 dari keturunan Syeikh Abdul Malik bin Abdullah), dalam temubual bersama penulis pada 1 Februari 2011.

<sup>138</sup> Norizan binti Abdul Kadir, "Peristiwa2 Dalam Kehidupan Tok Pulau Manis" *Warisan*, (2:1980/81), 21.

<sup>139</sup> *Ibid*, 21.

yang sahih dicatatkan. Walau bagaimanapun, ia sering diceritakan secara lisan dari satu generasi kepada generasi yang lain sehingga ke hari ini.

## 2.9) PENUTUP

Syeikh Abdul Malik bin Abdullah merupakan seorang ulama yang telah memulakan tradisi keilmuan di Terengganu. Sumbangan beliau samada dalam bentuk pengajaran kepada masyarakat, penghasilan kitab-kitab agama dan penasihat agama kepada Sultan telah meninggalkan sumbangan yang begitu besar kepada perkembangan Islam di Terengganu. Dengan sokongan daripada pemerintah ketika itu iaitu Sultan Zainal Abidin I, aktiviti penyebaran ilmu oleh Syeikh Abdul Malik bin Abdullah menjadi lebih mudah dan lancar.

## BAB 3

### 3.1) PENGENALAN

Setelah menghuraikan tentang sejarah Negeri Terengganu ketika hayat Syeikh Abdul Malik bin Abdullah dan juga riwayat hidup beliau, pengkaji akan menjelaskan pula latar belakang Kitab *al-Kifayah* dan metodologi penulisannya. Di antara perkara penting yang perlu dihuraikan dalam bab ini ialah huraian tajuk kitab, tarikh penulisan dan penyalinannya, nisbah kitab kepada pengarang, kepentingan kitab, pembahagian bab-bab, metodologi penulisan kitab dan pendalilannya.

### 3.2) LATARBELAKANG KITAB *AL-KIFAYAH* DAN CIRI-CIRI FIZIKALNYA

#### 3.2.1) Huraian Tajuk Kitab

Sesebuah manuskrip biasanya mempunyai tajuk tersendiri seperti mana buku-buku yang ditulis ketika ini. Ketiga-tiga naskhah yang digunakan oleh pengkaji dalam kajian ini mengandungi catatan nama tajuk kitab dengan jelas. Di dalam Naskhah A, nama kitab dinyatakan pada halaman pertama di bahagian atas:

"هذا الكتاب المسمى بالكافية ترجمة الإمام العالم العلامة تو فولو مانس ترغكانو"

Maksudnya: "Kitab ini dinamakan dengan al-Kifayah terjemahan al-Imam yang alim Tok Pulau Manis"<sup>140</sup>.

Berbeza dengan Naskhah A, nama Kitab *al-Kifayah* di dalam naskhah B dinyatakan pada halaman keempat terakhir:

"Tamat Kitab al-Kifayah ini pada hari Khamis pada 2hb Safar daripada karangan Imam Syafie pada hijrah Nabi S.A.W. 1180H Wallahu'lam tamat Amin..".<sup>141</sup>

<sup>140</sup> Syeikh Abdul Malik bin Abdullah, Kitab *al-Kifayah*, MSS517 (folio 2), Pusat Manuskip Melayu, Perpustakaan Negara Malaysia Kuala Lumpur.

<sup>141</sup> Syeikh Abdul Malik bin Abdullah, Kitab *al-Kifayah*, MSS1897 (folio 236), Pusat Manuskip Melayu, Perpustakaan Negara Malaysia Kuala Lumpur.

Pada Naskhah C, nama kitab dinyatakan pada ayat terakhir halaman yang mengandungi kolofon iaitu:

“Maka tamatlah Kitab Kifayah bulan Zulkaedah pada hari Isnin...”<sup>142</sup>

Selain daripada tiga buah naskhah yang dikaji, dua buah naskhah lagi yang pernah dikaji oleh Shafie Abu Bakar juga dicatatkan nama Kitab *al-Kifayah*:

i- Naskhah A

“Ini kitab dikatai orang *Kifayah* namanya daripada susunan Datuk Pulau Manis yang dimasyhur orang dengan keramatnya”.

ii- Naskhah B

“Sesungguhnya telah sempurnalah *Kifayah* ini, karangan Haji Abdul Malik. Pemiliknya ialah....”<sup>143</sup>

Daripada kesemuauraian di atas, didapati tiada sebarang pertikaian tentang tajuk kitab yang sedang dikaji ini.

Perkataan “*Kifayah*” berasal dari kalimah Arab yang bermaksud ‘mencukupi’. Fardu kifayah pula membawa erti kewajipan yang harus dikerjakan oleh ummat Islam yang mukallaf. Kewajipan tersebut cukup atau memadai sekiranya dilakukan oleh sebahagian ummat Islam. Jika salah seorang atau sebahagian daripada orang Islam telah mengerjakannya, maka orang yang lain bebas dari kewajiban tersebut. Tetapi jika kewajipan itu tidak dikerjakan oleh sebahagian ummat Islam, meskipun seorang, maka seluruh ummat Islam setempat akan berdosa kerananya. Contohnya ialah menguruskan jenazah orang Islam”<sup>144</sup>.

Dengan ini, dapat disimpulkan bahawa perkataan *Kifayah* bagi tajuk kitab ini membawa maksud ilmu-ilmu agama yang sangat penting, mencukupi dan menjadi asas

<sup>142</sup> Syeikh Abdul Malik bin Abdullah, Kitab *al-Kifayah*, IAMM 1998, 1.179 (folio 60), Muzium Kesenian Islam Malaysia

<sup>143</sup> Shafie Abu Bakar (1977), Institusi Syeikh Abdul Malik Bin Abdullah (satu Corak Pengajaran Tradisi di Terengganu) Dan Kitab-kitab PadaNya, Disertasi Sarjana Universiti kebangsaan Malaysia, 78-79.

<sup>144</sup> M. Abdul Mujieb et al, *Kamus Istilah Fiqih* (Batu Caves: Advance Publication, 1997), 238.

bagi seorang muslim. Ini bermaksud Kitab *al-Kifāyah* ialah kitab yang mengandungi perbahasan yang lengkap tentang ilmu asas yang wajib diketahui oleh seorang muslim atau disebut juga sebagai ilmu fardu ain.

### 3.2.2) Tarikh Penulisan dan Penyalinan Kitab

Kajian tentang isi kandungan sesebuah manuskrip tidak akan lengkap sekiranya aspek tarikh penulisan dan penyalinannya tidak dititikberatkan. Ini kerana sebuah manuskrip itu biasanya dikarang kerana adanya keperluan bagi masyarakat yang hidup pada zaman tersebut. Dengan ini, seseorang yang terlibat dengan kajian dalam bidang teks perlu juga mengkaji tarikh penulisan dan penyalinan manuskrip yang dikaji.

Berdasarkan kepada apa yang tercatat pada ketiga-tiga buah naskhah Kitab *al-Kifāyah* yang ditemui oleh pengkaji, cara penulisan tarikhnya adalah berbeza-beza. Pada Naskhah A atau naskhah induk bagi kajian ini, dicatatkan hari, tarikh bulan dan tahun selesai penyalinannya oleh Muhammad Hussin bin Abdul Latif atau lebih dikenali sebagai Tok Kelaba. Beliau mencatatkannya di dalam Bahasa Arab iaitu:

"وقد حصل الفراغ من هذه الرسالة في يوم الأحد المبارك وقت الظهر الثالث عشر  
شهر ذوالقعدة سنة ١٢٩٧ بعد الهجرة التي صر من بلاد المكّة إلى بلاد المدينة الف  
مئنان تسعون سبع في القول الصحيح فكان الفقير الخاتم للرسالة هذه سمي محمد  
حسين بن عبد اللطيف ..."

Maksudnya: "Sesungguhnya pada hari Ahad yang diberkati, pada waktu zuhur 13hb Zulkaedah, pada tahun 1297 selepas hijrah Nabi s.a.w dari Negeri Mekah ke Negeri Madinah seribu dua ratus pada pandangan yang sahih. Maka adalah *al-faqīr* yang mengkhatamkan risalah ini namanya Muhammad Husin bin Abdul Latif..."<sup>145</sup>

Catatan di atas menerangkan Naskhah A ini selesai disalin pada hari Ahad bersamaan 13hb Zulkaedah 1297H/ 1879M. Ini bermakna naskhah ini selesai disalin selepas 129 tahun kematian Syeikh Abdul Malik bin Abdullah iaitu pada tahun 1736M.

<sup>145</sup> Syeikh Abdul Malik bin Abdullah, Kitab *al-Kifāyah*, MSS517 (folio 118), Pusat Manuskrip Melayu, Perpustakaan Negara Malaysia Kuala Lumpur.

Dengan adanya tarikh penyalinan ini, maka usia naskhah ini dapat dipastikan dengan mudah iaitu 132 tahun.

Pada Naskhah B pula, dinyatakan hari, tarikh, bulan dan tahun tamatnya Kitab *al-Kifayah* tanpa dijelaskan samada tamat penulisan atau penyalinan. Pada bahagian akhir naskhah ini dicatatkan:

“Tamat Kitab *al-Kifayah* ini pada hari Khamis pada 2hb Safar daripada karangan Imam Shafie pada hijrah Nabi S.A.W. 1180H Wallahu’lam...”<sup>146</sup>

Daripada kenyataan di atas, didapati Naskhah ini telah tamat disalin pada hari Khamis bersamaan 2hb Safar 1180H (1766M) tanpa dijelaskan tamat penulisan atau tamat penyalinan. Pada pandangan pengkaji, maksud perkataan ‘tamat’ pada bahagian akhir naskhah ini ialah selesai penyalinan. Ini kerana tarikh yang tercatat ialah 36 tahun selepas kematian Syeikh Abdul Malik bin Abdullah. Usia naskhah ini pula jauh lebih tua daripada Naskhah A iaitu 245 tahun.

Pada Naskhah C pula, hanya dicatatkan hari dan bulan tamatnya Kitab *al-Kifayah*. Tiada catatan tentang tarikh dan tahun. Pada bahagian akhir naskhah dicatatkan:

“Maka tamatlah Kitab *Kifayah* bulan Zulkaedah pada hari Isnin...”<sup>147</sup>

Seperiti Naskhah B, pada naskhah C juga tidak dijelaskan samada hari dan bulan yang dicatatkan berkaitan dengan penulisan kitab atau penyalinannya sahaja. Tahun naskhah ini selesai ditulis atau disalin langsung tidak dicatatkan pada halaman-halaman yang dijumpai oleh pengkaji. Sekiranya ada dicatatkan, kemungkinan ia terdapat pada halaman yang telah hilang atau rosak.

<sup>146</sup> Syeikh Abdul Malik bin Abdullah, Kitab *al-Kifayah*, MSS517 (folio 233), Pusat Manusrip Melayu, Perpustakaan Negara Malaysia Kuala Lumpur.

<sup>147</sup> Syeikh Abdul Malik bin Abdullah, Kitab *al-Kifayah*, IJAMM 1998, 1, 179 (folio 60), Muzium Kesenian Islam Antarabangsa Malaysia.

Dua buah naskhah Kitab *al-Kifāyah* yang dijumpai oleh pengkaji lepas iaitu Shafie Abu bakar di Institusi Pengajian Syeikh Abdul Malik bin Abdullah juga didapati tidak dicatatkan tarikh sebenar kitab ini ditulis. Apa yang ada hanyalah tarikh selesai penyalinan<sup>148</sup>.

Daripada penelitian terhadap ketiga-tiga naskhah Kitab *al-Kifāyah* tiada satu pun naskhah yang menyatakan tarikh asal Syeikh Abdul Malik mengarang Kitab *al-Kifāyah* ini. Setakat ini, belum dapat dipastikan bilakah tarikh sebenar Syeikh Abdul Malik bin Abdullah mengarang kitab ini. Daripada perbandingan di antara ketiga-tiga naskhah yang dibuat, didapati Naskhah B jauh lebih tua usianya berbanding dengan Naskhah A yang ditulis 131 tahun selepasnya.

### 3.2.3) Nisbah Kitab Kepada Pengarang Dan Penyalin Kitab

Telah menjadi tradisi, kebanyakan ulama silam tidak menulis nama mereka pada kitab yang dikarang kerana ingin mengelakkan perasaan riyak serta sanjungan yang melampau. Mereka menghasilkan karya hanya dengan satu tujuan, iaitu menyebarkan ilmu Allah Taala kepada masyarakat setempat ketika itu. Namun, seskorang pengkaji manuskrip pada zaman ini amat perlu memastikan kesahihan pengarangnya kerana pemikiran dan gaya penulisan yang terdapat di dalam kitabnya akan menggambarkan peribadi seseorang pengarang.

Daripada penelitian yang telah dibuat oleh pengkaji terhadap ketiga-tiga buah naskhah Kitab *al-Kifāyah*, didapati hanya Naskhah A yang menyatakan dengan jelas bahawa pengarang kitab ini ialah Syeikh Abdul Malik bin Abdullah. Pada halaman kedua naskhah ini dicatatkan di dalam Bahasa Arab oleh penyalinnya:

<sup>148</sup> Shafie Abu Bakar, "Institusi Syeikh Abdul Malik bin Abdullah: Satu Corak Pengajian Tradisi di Terengganu dan Kitab-kitab Padanya" (Tesis Sarjana, Jabatan Persuratan, Selangor, Universiti Kebangsaan Malaysia, 1977), 78-79.

"هذا الكتاب المسيحي بالكفاية ترجمة الإمام العالم العلام توك فولو مانيس ترغكانو"

Maksudnya: "Kitab ini dinamakan dengan *al-Kifayah* terjemahan<sup>149</sup> *al-Imām* yang alim Tok Pulau Manis"<sup>150</sup>.

Pada Naskhah B, tidak disebutkan nama Syeikh Abdul Malik bin Abdullah atau gelarannya Tok Pulau Manis, sebaliknya dicatatkan nama pengarangnya ialah Imam Shafie. Kenyataan yang terdapat di dalam naskhah B ini telah mencetuskan pertikaian siapakah sebenarnya pengarang Kitab *al-Kifayah*<sup>151</sup>:

"Tamat Kitab al-Kifayah ini pada hari Khamis pada 2hb Safar daripada karangan Imam Shafie pada hijrah Nabi S.A.W. 1180H Wallahu'lam tamat Amin..."<sup>152</sup>

Walau bagaimanapun, hasil temubual pengkaji dengan Dato' Haji Ambak bin Ismail, beliau berpandangan karangan Imam Shafie yang dimaksudkan di dalam Naskhah B ialah Kitab *al-Kifayah* yang banyak menukilkan pandangan-pandangan dalam Mazhab Shafie dan bukannya membawa maksud pengarang kitab ini bernama Syafie<sup>153</sup>.

Pada halaman-halaman Naskhah C yang ditemui pengkaji, tidak ada catatan tentang nama pengarang kitab ini. Disebabkan halaman yang ada hanya 55% daripada keseluruhan kandungan kitab, maka besar kemungkinan nama pengarangnya dicatatkan pada halaman pengenalan yang telah hilang.

Walaupun catatan di dalam Naskhah B mencetuskan percanggahan pendapat tentang siapakah sebenarnya pengarang kitab ini, pengkaji sangat yakin bahawa pengarang Kitab *al-Kifayah* ialah Syeikh Abdul Malik bin Abdullah. Pengkaji lebih cenderung kepada pandangan Dato' Haji Ambak bin Ismail yang mengatakan

<sup>149</sup> Perkataan ini juga boleh membawa maksud 'dikarang' atau 'disusun'. Wan Ali b Wan Mamat (Pensyarah UIAM, Pengkaji Manuscrip Melayu, dalam temubual dengan penulis, 26hb Mei 2011).

<sup>150</sup> Syeikh Abdul Malik bin Abdullah, Kitab *al-Kifayah*, MSS517 (folio 2).

<sup>151</sup> Wan Mohd Shaghir Abdullah, "Tok Pulau Manis Syeikh Abdul Malik Terengganu", Utusan Malaysia, 22 Oktober 2007, 18.

<sup>152</sup> Syeikh Abdul Malik bin Abdullah, Kitab *al-Kifayah*, MSS 1897, (folio 236).

<sup>153</sup> Ambak bin Ismail (AJK Majlis Fatwa Terengganu dan juga generasi ke-8 keturunan Syaikh Abdul Malik bin Abdullah), dalam temubual bersama penulis, 1 Februari 2011.

pengarang Kitab *al-Kifāyah* banyak menukilkan pandangan dalam Mazhab Syafie, bukannya dikarang oleh seseorang yang bernama Shafie. Pandangan pengkaji diperkuuhkan lagi dengan fakta-fakta yang telah ditemui oleh Shafie Abu Bakar dalam kajian M.A. beliau<sup>154</sup>. Dalam kajian tersebut, beliau telah meneliti dua buah Naskhah Kitab *al-Kifāyah* yang ketika itu tersimpan di tempat-tempat pengajian agama di Terengganu yang beliau namakan sebagai Institusi Pengajian Syeikh Abdul Malik bin Abdullah. Dalam kedua-dua naskah yang dikaji, terdapat catatan tentang pengarang Kitab *al-Kifāyah*:

iii- Naskhah A

“Ini kitab dikatai orang *al-Kifāyah* namanya daripada susunan Datuk Pulau Manis yang dimasyhur orang dengan keramatnya”<sup>155</sup>.

iv- Naskhah B

“Sesungguhnya telah sempurnalah *Kifāyah* ini, karangan Haji Abdul Malik. Pemiliknya ialah.....”<sup>156</sup>.

Dengan fakta-fakta yang telah dikemukakan di atas, terdapat asas yang sangat kuat untuk dinisbahkan Kitab *al-Kifāyah* ini kepada Syeikh Abdul Malik bin Abdullah atau dikenali juga dengan Tok Pulau Manis.

Perkara lain yang perlu juga diketahui oleh seseorang pengkaji manuskrip ialah penyalin kitab. Daripada tiga buah naskhah yang dikaji, hanya sebuah sahaja dicatatkan nama penyalinnya. Kenyataan tentang penyalinnya dapat dilihat pada Naskhah A di bahagian penutup dan ditulis dalam Bahasa Arab iaitu:

”فَكَانَ الْفَقِيرُ الْخَاتَمُ الرِّسَالَةُ هَذَا شَهِيْدٌ مُحَمَّدٌ حُسْنَى بْنُ عَبْدِ اللَّطِيفِ بْنِ الْمَرْحُومِ عَبْدِ الْمُؤْمِنِ فِي الْبَلَادِ الْكَلَابِيِّ فِي دَارِ الْبَرِّيْسِ الْمُضِيْعِ الْمُتَجَاهِ رَحْمَةُ رَبِّ الْعَالَمِينَ ...”

Maksudnya: “Maka adalah *al-faqīr* yang mengkhatamkan risalah ini namanya Muhammad Hussin Bin Abdul Latif bin al-Marhum Abdul

<sup>154</sup> Shafie Abu Bakar, “Institusi Syeikh Abdul Malik Bin Abdullah; Satu Corak Pengajian Tradisi di Terengganu Dan Kitab-kitab PadaNya”, 78-79.

<sup>155</sup> Ibid, 78.

<sup>156</sup> Ibid,79.

Mukmin di Negeri Kelaba di Kampung Beris yang daif yang berhajat kepada rahmat Tuhan semesta alam...”<sup>157</sup>

Daripada kenyataan di atas, penyalin bagi Naskhah A ialah Muhammad Hussin Bin Abdul Latif yang menulisnya di Kampung Beris, Negeri Kelaba. Beliau juga dikenali sebagai Tok Kelaba dan merupakan seorang penyalin kitab yang telah mendapat pendidikan dalam pelbagai bidang ilmu agama di Mekah dengan Syeikh Ahmad bin Muhammad Zain al-Fatani. Kitab *al-Kifayah* adalah kitab salinan beliau yang pertama dan beliau telah melibatkan diri di dalam bidang penyalinan kitab hampir 55 tahun. Ini kerana salinan terakhir beliau ialah pada tahun 1354H (1935M)<sup>158</sup>.

Dalam dua buah naskhah yang dikaji oleh Shafie Abu Bakar, sebuah daripadanya dicatatkan nama penyalin:

وقد تم (تمت) هذه الكفاية للحاج عبد الملك وصاحبها مريم بنت حاج احمد وكاتبه  
الفقير الحقير المعترف بالذنب والتقصير علي ابن القاضي حاج محمد صالح فطاني ثم  
الترغكانوى ...

Maksudnya: “ Sesungguhnya telah sempurnalah *Kifayah* ini, karangan Haji Abdul Malik. Pemiliknya ialah Mariam binti Haji Ahmad, penulisnya ialah faqir yang hina yang mengakui berdosa dan taqsir iaitu ‘Ali bin qadi haji Muhammad Salih Fatani yang kemudian tinggal di Terengganu<sup>159</sup>.

### 3.2.4) Tujuan Kitab *al-Kifayah* Dikarang

Sesebuah kitab biasanya dikarang kerana tujuan yang tertentu. Berdasarkan penelitian kepada ketiga-tiga naskhah yang ada, tidak terdapat kenyataan oleh pengarang tentang apakah tujuan Kitab *al-Kifayah* ini dikaji.

<sup>157</sup> Syeikh Abdul Malik bin Abdullah, Kitab *al-Kifayah*, MSS517 (folio 119).

<sup>158</sup> Wan Mohd Shaghir Abdullah, “Tokoh-tokoh Penyalin Kitab dari Semenanjung Tanah Melayu” dalam *Jurnal Filologi Melayu* (Jilid 2,1993), 47.

<sup>159</sup> Shafie Abu Bakar, “Institusi Syeikh Abdul Malik Bin Abdullah : Satu Corak Pengajaran Tradisi di Terengganu Dan Kitab-kitab PadaNya”,78-79.

Sebagai kitab fiqh tertua yang ditulis di Terengganu dan di antara kitab fiqh tertua di Tanah Melayu selepas Kitab *Širāt al-Mustaqīm*, pengkaji berpendapat Kitab *al-Kifāyah* ini dikarang dengan tujuan untuk menyebarkan ilmu agama yang asas samada dari aspek tauhid dan juga fiqh kepada masyarakat ketika itu. Memandangkan pengetahuan agama Islam di kalangan masyarakat ketika itu sangat terbatas dan Syeikh Abdul Malik bin Abdullah merupakan salah seorang penduduk Tanah Melayu yang terawal menuntut ilmu di Mekah<sup>160</sup>, sudah tentulah Kitab *al-Kifāyah* ini menjadi perhatian rakyat Terengganu ketika itu dan memainkan peranan besar di dalam menyebarkan ilmu agama Islam.

Pada akhir abad ke-17 dan awal abad ke-18, kitab-kitab agama yang ditulis di dalam bahasa Melayu khususnya yang membahaskan ilmu fiqh juga amat terhad<sup>161</sup>. Kitab fiqh yang ada pada zamannya hanyalah kitab yang dikarang oleh ulama Aceh dan kitab yang dianggap paling muktabar sehingga pertengahan abad ke-19 ialah kitab karangan Syeikh Nūr al-Dīn al-Rānīrī iaitu Kitab *Širāt al-Mustaqīm* (1054H/1664M)<sup>162</sup>. Hasil daripada penelitian pengkaji, tidak terdapat ulama lain di Terengganu maupun di negeri-negeri lain yang menghasilkan kitab fiqh ketika itu selain Syeikh Abdul Malik bin Abdullah yang mengarang Kitab *al-Kifāyah*, Risalah *al-Naql* dan Risalah *Kayfiyyah al-Niyyah*. Kitab fiqh yang kedua penting di alam Melayu selepas *Širāt al-Mustaqīm* ialah Kitab *Mir'āt al-Tullāb li Ma'rīfah al-Shārī'ah al-Malik al-Wahhāb* yang dikarang oleh Syeikh Abdul Ra'ūf al-Fansūrī (1024H/1615M-1105H/1693M). Seterusnya, muncul pula Kitab *Sabīl al-Muhtadīn* karangan Syeikh Muhammad Arshad al-Banjari yang dihasilkan pada tahun 1195H/1779M<sup>163</sup>. Dalam tempoh di antara kemunculan Kitab *Mir'āt al-Tullāb li Ma'rīfah al-Shārī'ah al-Malik al-Wahhāb* dan Kitab *Sabīl al-*

<sup>160</sup> Mohammad Redzuan Othman, "The Role of Makka-Educated Malays In The Development Of Early Islamic Scholarship and Education In Malaya" dalam *Jurnal of Islamic Studies*, 9:2,(1998),147.

<sup>161</sup> Shafie Abu Bakar, "Risalah Naql Syeikh Abdul Malik bin Abdullah dengan Anotasi", *PESAKA*, (3, 1985), 2.

<sup>162</sup> Abdul Kadir Muhammad, *Sejarah Pemisian Hukum Islam di Malaysia* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka,1996), 34.

<sup>163</sup> *Ibid.*

*Muhtadin*, lahirlah Kitab *al-Kifayah*. Kelahiran kitab-kitab fiqh karangan Syeikh Abdul Malik bin Abdullah dalam tempoh tersebut dilihat bertujuan untuk mengisi kekurangan bahan-bahan rujukan khususnya dalam bidang fiqh untuk masyarakat Melayu ketika itu.

Kemunculan sebuah risalah fiqh karangan Syeikh Abdul Malik bin Abdullah iaitu Risalah *al-Naql* telah membuktikan bahawa beliau telah menjadi tempat rujukan masyarakat Terengganu apabila berlaku isu-isu berkaitan dengan hukum Islam. Ini kerana pada waktu itu banyak kampung-kampung terpencil yang penduduknya sangat sedikit sehingga menimbulkan masalah untuk mendapatkan 40 orang lelaki dewasa bagi dilaksanakan solat Jumaat. Bagi merungkai permasalahan ketika itu, Syeikh Abdul Malik telah mengarang Kitab *al-Naql* yang membincarkan pendapat ulama-ulama tentang bilangan tersebut untuk dijadikan panduan masyarakat setempat dan sezamannya<sup>164</sup>. Oleh sebab itu, tidak mustahil Kitab *al-Kifayah* ini juga dikarang untuk memberi penjelasan kepada masyarakat ketika itu yang sangat ketandusan ilmu-ilmu Islam tentang perkara-perkara asas yang wajib diketahui dan difahami oleh seorang muslim.

Selain itu, Kitab *al-Kifayah* ini juga dikarang sebagai teks asas atau sebahagian daripada silibus bagi para pelajar yang mengikuti pengajian di pondok yang diasaskan oleh Syeikh Abdul Malik bin Abdullah sendiri. Hal ini telah dinyatakan oleh Shafie Abu Bakar di dalam kajiannya:

“Kitab ini dikarang untuk kegunaan di dalam pengajaran di institusi pengajian yang diasaskan oleh ulama tersebut (Syeikh Abdul Malik bin Abdullah) dan panduan keagamaan masyarakat setempat.”<sup>165</sup>

<sup>164</sup> Shafie Bin Abu Bakar, “Syeikh Abdul Malik bin Abdullah dan Karangan-karangannya”, *PESAKA* ,(2, 1984), 79.

<sup>165</sup> Ibid, 78.

### 3.2.5) Kepentingan Kitab *al-Kifāyah*

- i- Mempunyai nilai sejarah yang sangat tinggi kerana setakat penemuan yang ada, kitab ini merupakan kitab fiqh pertama dikarang di Terengganu dan merupakan kitab fiqh ketiga tertua di Tanah Melayu selepas Kitab *Sirāt al-Mustaqīm* dan *Mir'āt al-Tullāb*.
- ii- Kitab ini tetap sesuai dijadikan bahan pengajaran di surau dan masjid-masjid pada hari ini kerana ia mengandungi perbahasan tentang perkara-perkara asas tauhid dan fiqh yang wajib diketahui oleh seorang muslim. Perbahasan di dalam kitab ini pula adalah paling lengkap iaitu mengandungi tujuh bab tentang fiqh berbanding dua buah risalah karangan Syeikh Abdul Malik bin Abdullah iaitu *al-Naql* dan *Kayfiyyat Al-Niyah* yang masing-masing hanya memfokuskan kepada satu bab sahaja.
- iii- Kitab yang ditulis dalam Bahasa Melayu dan bertulisan jawi ini telah menjadi rujukan yang sangat penting kepada masyarakat setempat kerana kebanyakan kitab-kitab yang ada pada masa itu berbahasa Arab dan tentulah tidak difahami oleh masyarakat yang rata-ratanya berbangsa Melayu.
- iv- Kelahiran kitab ini telah menjadi bukti yang mengukuhkan lagi fakta bahawa Negeri Terengganu merupakan tempat perkembangan Islam sejak beberapa abad yang lalu.
- v- Kewujudan kitab ini juga menggambarkan kesungguhan pengarang menyebarkan ilmu kepada seluruh masyarakat khususnya di Terengganu sekaligus menjadi perintis kepada kegiatan penulisan kitab yang sebelumnya lebih banyak tertumpu di Aceh.

### 3.2.6) Ciri-ciri Fizikal Naskhah-naskhah Kitab *al-Kifayah*

#### 3.2.6.1) Bilangan Halaman

Seperti kitab-kitab silam yang lain, bilangan halaman bagi setiap naskhah Kitab *al-Kifayah* juga berbeza-beza bergantung kepada saiz tulisan yang akhirnya mempengaruhi bilangan patah perkataan dan bilangan baris ayat yang ditulis pada setiap halaman. Perbezaan bilangan halaman pada ketiga-tiga Naskhah Kitab *al-Kifayah* dapat dilihat dalam jadual di bawah:

Jadual 3.2.6 : Bilangan halaman setiap naskhah Kitab *al-Kifayah*

	Naskhah	Bil halaman yang ditemui	Anggaran / Bil halaman sebenar
1	A	122	119
2	B	235	255
3	C	61	109

Bilangan halaman sebenar bagi Naskhah B yang ditemui dalam keadaan yang tidak lengkap halamannya diperolehi dengan membandingkan isi kandungannya dengan Naskhah A. Naskhah B didapati bermula dengan perbincangan tentang sifat-sifat Allah Taala. Isi kandungan yang ada pada Naskhah B ialah 92%. Formula berikut digunakan untuk mendapatkan jumlah halaman sebenar:

$$92\% = 235 \text{ halaman}$$

$$100\% = 235 \text{ halaman} \times 100\% \div 92\%$$

= 255 halaman

Begitu juga dengan naskhah C yang hanya mengandungi 56% sahaja perbincangannya berbanding Naskhah A, bilangan halaman sebenarnya diperolehi dengan menggunakan formula di atas:

$$56\% = 61 \text{ halaman}$$

$$100\% = 61 \text{ halaman} \times 100 \div 56\%$$

$$= 109 \text{ halaman}$$

### 3.2.6.2) Jenis Kertas dan Dakwat

Dalam mengkaji isi kandungan sesebuah manuskrip, pengkaji juga mestilah mengetahui tentang keadaan fizikal manuskrip yang dikaji. Salah satu cirri-ciri fizikal yang perlu diketahui ialah jenis kertas dan dakwat yang digunakan. Oleh kerana naskhah yang ditemui oleh pengkaji bukan naskhah asal *Kitab al-Kifayah*, maka pengkaji hanya dapat menghuraikan jenis kertas dan dakwat yang digunakan bagi naskhah-naskhah yang disalin sahaja.

#### i- Naskhah A

Kertas yang digunakan ialah kertas Belanda<sup>166</sup>. Setiap helaian mempunyai bayang atau tera air dengan gambar singa bermahkota memegang pedang di dalam bulatan bergaris tiga dan bermahkota yang tertulis CONCORDIA RESPARVAE CRESCUNT di antara garis<sup>167</sup>. Keadaan kertas sekarang pula telah bercarikan.

<sup>166</sup> Katalog Pameran Manuskrip Melayu Antarabangsa, 66.

<sup>167</sup> Effah Imtiaz bin Zainol (Pegawai Perpustakaan Negara Malaysia, Pusat Manuskrip Melayu), temubual bersama penulis, 28 Jun 2011.

Dakwat yang digunakan masih jelas berwarna hitam<sup>168</sup> dan berubrikasi<sup>169</sup> pada perkataan Arab dan Melayu tertentu.

ii- Naskhah B

Naskhah ini menggunakan kertas laid Eropah yang berwarna kuning dan mempunyai garis melintang. Setiap helaian mempunyai bayang atau tera air “bulan sabit berprofil manusia di dalam perisai”<sup>170</sup>. Setiap halaman naskhah ini telah melalui proses pembaikan tisu dan kira-kira 10 halaman di hadapannya telah hilang. Dakwat yang digunakan berwarna hitam, tetapi sesetengah perkataan dakwatnya kelihatan berwarna coklat, mungkin kerana telah pudar. Terdapat juga rubrikasi merah bagi ayat bahasa Arab dan perkataan bahasa Melayu tertentu.

iii- Naskhah C

Naskhah yang ketiga ini menggunakan kertas laid Eropah yang berwarna kuning dan mempunyai garis melintang. Setiap helaian mempunyai bayang atau tera air yang tertentu. Setiap halaman naskhah ini juga didapati telah melalui proses pembaikan tisu. Halamannya banyak yang telah hilang dan halaman yang ada cuma sebanyak 56%, iaitu bermula daripada bab solat sunat dua hari raya. Dakwat yang digunakan berwarna hitam dan berubrikasi merah bagi ayat bahasa Arab dan perkataan bahasa Melayu tertentu.

<sup>168</sup> Masyarakat Melayu dipercayai mempunyai teknik pembuatan dakwat yang tersendiri. William Marsden dalam bukunya History of Sumatra menceritakan Masyarakat Melayu membuat dakwat hitam daripada campuran jelaga dan telur putih. Munsyi Abdullah dalam Hikayat Abdullah pula mencatatkan di Melaka, dakwat hitam diperbuat daripada beras yang dibakar hangus sehingga menjadi arang, dicampurkan dengan air dan akhirnya ditapis. Lihat Wan Mamad b Wan Ali, “Persiapan untuk Kerja Menulis Manuskrip”, 30.

<sup>169</sup> Rubrikasi ialah tulisan yang menggunakan dakwat berwarna merah dan biasanya digunakan untuk menulis perkataan-perkataan penting di dalam teks seperti ayat-ayat al-Quran, permulaan bab serta hiasan manuskrip samada pada halaman akhir, halaman hadapan dan juga bingkai halaman teks. Dakwat merah dipercayai dihasilkan daripada jus teras batang kayu sepang *Brazilwood*. Lihat Ibid, 31.

<sup>170</sup> Effah Imtiaz bin Zainol (Pegawai Perpustakaan Negara Malaysia, Pusat Manuskrip Melayu), temubual bersama penulis, 28 Jun 2011.

Keterangan di atas menunjukkan dua buah naskhah iaitu Naskhah B dan C ditulis di atas kertas laid Eropah samada yang bergaris melintang<sup>171</sup>. Dakwat yang digunakan bagi menulis teks pula berwarna hitam dan berubrikasi merah. Setiap helaian pula mempunyai tera air tertentu. Walaupun penyalinan naskhah ini dibuat pada abad yang berbeza, tetapi kertas laid eropah telah digunakan dalam kegiatan penulisan manuskrip di alam Melayu dalam tempoh yang begitu panjang.

### 3.2.6.3) Penggunaan Bahasa

Sesebuah manuskrip atau karya mestilah menggunakan bahasa yang boleh difahami oleh golongan pembaca yang disasarkan oleh pengarang. Sekiranya bahasa yang digunakan tidak difahami oleh pembaca, sudah tentu ilmu-ilmu yang terkandung di dalam manuskrip tersebut tidak dapat disampaikan dengan baik.

Bagi mengenalpasti jenis bahasa Melayu yang digunakan oleh pengarang di dalam Kitab *al-Kifayah*, terlebih dahulu pengkaji perlu mengetahui apakah jenis bahasa Melayu yang digunakan oleh penduduk Terengganu ketika itu, iaitu pada abad ke-17. Berdasarkan kepada ahli-ahli sejarah bahasa Melayu, terdapat lima jenis bahasa Melayu sesuai dengan peringkat perkembangannya:

- i- Bahasa Melayu Purba yang berkembang pada abad ke-2 sehingga abad ke-4
- ii- Bahasa Melayu Kuno yang berkembang dari abad ke-4 sehingga abad ke-13
- iii- Bahasa Melayu Klasik yang berkembang dari awal abad ke-14 sehingga akhir abad ke-18
- iv- Bahasa Melayu Pramoden yang berkembang pada abad ke-19

<sup>171</sup> Sebahagian besar manuskrip Melayu yang masih terpelihara ditulis pada kertas yang diperbuat di Eropah: Lihat Wan Mamat b Wan Ali, "Persiapan untuk Kerja Menulis Manuskrip" dalam *Warisan Manuskrip Melayu* (Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia,2002), 29.

Daripada pembahagian di atas, jelaslah bahawa bahasa Melayu yang digunakan di dalam kitab al-Kifayah yang ditulis di antara abad ke-17 dan abad ke-18 ini ialah Bahasa Melayu Klasik. Ia dikesan mula digunakan pada prasasti-prasasti atau batu bersurat seperti Batu Bersurat Terengganu yang bertarikh 1303 Masihi. Terdapat juga prasasti yang ditemui di Pangkalan Kempas, Negeri Sembilan, Pahang, Perak, Kelantan dan Kedah. Selain itu, tulisan melayu Klasik juga didapati tertulis pada kulit kambing, kertas, kain, ukiran pada kayu, gading, batang buluh dan daun lontar<sup>173</sup>. Jika dibandingkan dengan zaman Bahasa Melayu Kuno, zaman Bahasa Melayu Klasik adalah jauh lebih maju. Ini kerana ilmu pengetahuan pada zaman ini berkembang pesat dan kegiatan intelektual<sup>174</sup> dalam bahasa Melayu juga berada di tahap yang tinggi<sup>175</sup>.

Bahasa Melayu Klasik dapat dikenal pasti dengan lapan ciri iaitu:

- i- Menggunakan tulisan Jawi yang dipinjam daripada bahasa Arab, tetapi ditambah dengan huruf-huruf baru yang sesuai dengan sebutan Melayu iaitu pa ( ﴿ ), nga ( ﴽ ), ga ( ﴾ ), nya ( ﴽ ) dan ca ( ﴽ ).
- ii- Terdapat pengaruh fonem Arab seperti kha ( ﴺ ) d ( ﴻ ), sy ( ﴼ ).
- iii- Terdapat pengaruh pelbagai jenis kosa kata Arab dan Parsi dalam ilmu keagamaan, undang-undang, kesusasteraan, pemerintahan dan pentadbiran, perubatan dan sebagainya.

<sup>172</sup> Abdul Rashid Melebek & Amat Juhari Moain, *Sejarah Bahasa Melayu* (Kuala Lumpur: Utusan Publications, 2006), 25.

<sup>173</sup> *Ibid*, 28-29.

<sup>174</sup> Pada abad ke-16 telah lahir hasil karya falsafah tasawuf bahasa Melayu, pada abad ke-17 pula berlaku polemik ilmiah di antara Hamzah Fansuri dan Syamsuddin Pasai dengan Nuruddin Al-Raniri.

<sup>175</sup> Abdul Rashid Melebek & Amat Juhari Moain, *Sejarah Bahasa Melayu*, 31.

- iv- Banyak menggunakan frasa dan ayat dari bahasa Arab seperti “Ketahuilah olehmu”<sup>176</sup> dan “maka kemudian daripada itu”<sup>177</sup>
- v- Wujudnya unsur-unsur falsafah Islam dalam tulisan Melayu seperti bidang ilmu kalam, tasawuf, ilmu aqai’d dan lain-lain.
- vi- Beberapa genre sastera Islam seperti syair, nazam, ruba’i, tamsil dan ibarat mula meresap ke dalam bahasa Melayu.
- vii- Terdapat pengaruh kesusasteraan Islam seperti cerita-cerita Nabi dan para sahabat, sastera agama, sastera sejarah dan lain-lain<sup>178</sup>.

Selain daripada lapan ciri di atas, Bahasa Melayu Klasik juga dapat dikenali dengan keadaan ayatnya yang panjang dan berulang-ulang. Ia juga mengandungi banyak ayat pasif dan songsang serta terdapat juga penggunaan bahasa istana<sup>179</sup>.

Daripadauraian di atas, pengkaji mendapati bahawa bahasa yang digunakan di dalam Kitab *al-Kifayah* mempunyai ciri-ciri yang sama seperti yang dinyatakan di atas. Contohnya, terdapat banyak perkataan “maka adalah” dan “syahadan” di dalam teks. Selain itu, ayat-ayatnya juga panjang dan banyak ayat pasif digunakan di dalam teks.

### 3.2.6.4) Sejarah Percetakan Kitab

Sehingga hari ini, telah banyak manuskrip Melayu dicetak semula oleh syarikat-syarikat percetakan. Namun, keadaan ini biasanya hanya berlaku kepada manuskrip-manuskrip yang telah *ditahqīq* atau sekurang-kurangnya ditransliterasikan kepada tulisan Jawi. Cetakan semula kitab-kitab yang belum pernah *ditahqīq* seperti Kitab *al-Kifayah* ini sudah tentu tidak dapat dilakukan dan tidak mampu dibaca oleh kebanyakan orang awam.

<sup>176</sup> Berasal dari perkataan Arab (اعلَمْ)

<sup>177</sup> Berasal dari perkataan Arab (إِنَّمَا بَعْدَ)

<sup>178</sup> Abdul Rashid Melebek & Amat Juhari Moain (2006), *Sejarah Bahasa Melayu*, 69-70.

<sup>179</sup> Bahasa Melayu Klasik, [http://ms.wikipedia.org?wiki=Bahasa\\_Melayu\\_Klasik](http://ms.wikipedia.org?wiki=Bahasa_Melayu_Klasik), dicapai pada 28 Jun 2011.

Hasil daripada pemerhatian yang dilakukan oleh pengkaji, Kitab *al-Kifāyah* sememangnya belum pernah dicetak. Melalui temuramah pengkaji dengan Ustaz Azrul bin Basirudin yang menguruskan Kedai Buku Khazanah Fathaniyyah di Gombak, beliau menyatakan bahawa Kitab *al-Kifāyah* ini tidak tersimpan di kedainya dan tidak pernah dicetak<sup>180</sup>. Dalam kajian yang dilakukan oleh Shafie Abu Bakar, beliau mendapati Kitab *al-Kifāyah* ini kurang dikenali kerana tidak pernah diusahakan untuk dicetak walaupun selepas wujudnya mesin cetak<sup>181</sup>.

Oleh itu, pengkaji amat berharap Kitab *al-Kifāyah* yang telah selesai *tahqīq* oleh pengkaji akan dapat dicetak dan dijadikan bahan pengajaran di kuliah-kuliah agama di negara ini.

### 3.3) KANDUNGAN KITAB *AL-KIFĀYAH* DAN METOD PENGGUNAAN DALIL

#### 3.3.1) Penyusunan Bab Dalam Kitab *al-Kifāyah*

Kitab *al-Kifāyah* merangkumi perbincangan dari aspek akidah dan juga fiqh. Namun, perbahasan mengenai akidah hanya sebanyak 30% daripada keseluruhan kandungan kitab, manakala 70% lagi merangkumi perbahasan tentang fiqh. Bab-bab di dalam kitab ini boleh dibahagikan kepada 12 bab atau juga dikenali sebagai kitab iaitu:

- 1) Kitab Rukun Iman
- 2) Kitab Rukun Islam
- 3) Kitab Jenis-jenis Hukum Fiqh Ke atas Perbuatan Manusia dan Perkara-perkara Yang Menyebabkan Menjadi Kafir
- 4) Kitab Bersuci
- 5) Kitab al-Solat

<sup>180</sup> Azrul bin Basirudin (Pengusaha Kedai Buku Khazanah Fataniyyah, Gombak, Selangor), dalam temubual bersama penulis pada 15 Februari 2011.

<sup>181</sup> Shafie Abu Bakar, "Syeikh Abdul Malik bin Abdullah dan Karangan-karangannya", 76.

yang terdapat di dalam rukun Islam yang wajib dilaksanakan oleh seorang muslim.

- ii- Syeikh Abdul Malik bin Abdullah berkemungkinan besar menggunakan metodologi penulisan fiqh ulama Shāfi'iyyah di Yaman yang hanya menumpukan kepada bahagian ibadat sahaja. Di antara penulisan fiqh utama yang dihasilkan oleh mereka yang menumpukan kepada ibadat sahaja ialah *al-Muqaddimah al-Hadramiyyah* karya Syeikh 'Abdullah b. 'Abd al-Rahmān b. Abi Bakr al-Madhhījī (m. 918H), *al-Risālah al-Jamī'ah Wa al-Tadhkirah al-Nafī'ah* oleh al-Sayyid Aḥmad b. Zayn al-Habshi (m. 1145H) dan *Safīnah al-Najāh Fī Mā Yajibū 'Alā al-'Abd Li Mawlāh* oleh Syeikh Salim b. 'Abdullah (m. 1270H).<sup>182</sup>

Di dalam membahagikan bab-bab bagi kitab al-Kifayah yang banyak menumpukan bahagian ibadah ini, Syeikh Abdul Malik bin Abdullah tidak terikat sepenuhnya dengan kaedah pembahagian bab yang dibuat oleh kebanyakan ulama Mazhab Syafie. Hasil daripada penelitian yang dilakukan oleh pengkaji, bab-bab atau dikenali juga sebagai kitab-kitab bagi bahagian ibadah di dalam karya-karya<sup>183</sup> karangan ulama'-ulama Syafie boleh disimpulkan seperti berikut:

- 1) Kitab Taharah
- 2) Kitab Solat
- 3) Kitab Pengurusan Jenazah
- 4) Kitab Zakat

<sup>182</sup> Lihat 'Umar bin Hamid al-Jilānī, "Musharakah Fuqaha' Hadramawt Fī Khidmah al-Fiqh al-Shāfi'i", (Kertas Kerja di Nadwah 'Abd al-'Aziz al-Rifa'i di Riyad, 10 Muhamarram 1418H), 16.

<sup>183</sup> Contohnya Syihāb al-dīn Aḥmad Ibn Ḥajar al-Haytamī , *Tulṣīfat al-Muḥṭāj Bisyarḥ al-Minhāj*, j.1 – j.10, (t.pt: Maṭba'ah Muṣṭafā Muḥammad, t.t.). Shams al-dīn Muḥammad bin Abī al-Abbās Aḥmad bin Hamzah Ibn Shihāb al-dīn al-Rāmī , *Nihāyah al-Muḥṭāj Ilā Syarḥ al-Minhāj*, (t.t). Shams al-dīn Muḥammad bin al-Khāṭib al-Sharbiī , *Mughnī al-Muḥṭāj Ilā Ma'rīfah Ma'ānī Alfāz al-Minhāj* (Beirut: Dar al-Fikri, 1998). Abī Zakariyyā Maḥyuddīn bin Sharīf al-Nawawī , *Al-Majmū' Bī Sharḥ al-Muhazzab lī al-Shirādhī*, Juz 1-9, (t.pt.: al-Maktabah al-Ālamiyah, 1972). Abī Yahyā Zakariyyā al-Anṣārī , *Fath al-Wahhāb bi Sharḥ Minhāj al-Tālibīn*, Juzuk 1-2, (t.pt: Dār Khaya' al-Kutub al-'Arabiyyah, t.t.). Al-Syeikh Sulaymān al-Bujairīmī , *Bujairīmī 'alā al-Khāṭib*, (t.pt: Muṣṭafā al-Bābī , 1951). Taqīuddīn Abī Bakr bin Muḥammad al-Husainī , *Kifāyah al-Akhyār Ḥallī Ghāyah al-Ikhtīṣār*, Juz 1-2 ( t.pt: Dār al-Khairt.t.).

- 5) Kitab Puasa
- 6) Kitab Iktikaf
- 7) Kitab Haji

Secara perbandingan, Syeikh Abdul Malik bin Abdullah didapati tidak memasukkan kitab iktikaf dan juga kitab haji di dalam Kitab *al-Kifāyah* yang sebahagian besarnya mengandungi bahagian Ibadah. Ketiadaan kitab iktikaf dan kitab haji dalam bahagian ibadah ini telah menjadikan bahagian ibadah di dalam kitab *al-Kifāyah* ini tidak lengkap sebagaimana dilakukan oleh kebanyakan ulama Syafie. Hasil daripada penelitian pengkaji terhadap ketiga-tiga buah naskhah Kitab *al-Kifāyah*, tidak ditemui sebarang keterangan tentang penyusunan isi kandungan kitab ini khususnya tentang ketiadaan kitab iktikaf dan kitab haji. Pengkaji juga tidak menemui sebarang bukti yang menunjukkan berlakunya keciciran halaman bagi kedua-dua topik ini. Ini kerana selepas selesai perbahasan tentang kitab puasa yang kebiasannya ditulis sebelum kitab haji, perbahasan terus disambung dengan kitab korban.<sup>184</sup>

Bagi tiga kitab atau bab terakhir yang terdapat di dalam Kitab *al-Kifāyah* iaitu kitab korban, kitab akikah dan juga kitab makanan, majoriti ulama Syafie membahaskannya selepas bahagian jenayah<sup>185</sup>. Manakala sebahagian yang lain pula meletakkannya selepas bahagian ibadat kerana mengikuti kaedah yang digunakan oleh segolongan ulama-ulama Mazhab Syafie yang lain.<sup>186</sup>

Sebahagian ulama cenderung kepada golongan yang kedua kerana mencari sesuatu yang halal itu merupakan kewajipan ke atas setiap individu. Oleh itu, amat

<sup>184</sup> Syeikh Abdul Malik bin Abdullah, Kitab *al-Kifāyah*, MSS517 (folio 103). Lihat Syeikh Abdul Malik bin Abdullah, Kitab *al-Kifāyah*, MSS1897 (folio 197). Lihat Syeikh Abdul Malik bin Abdullah, Kitab *al-Kifāyah*, IAMM 1998.1.179 (folio 49).

<sup>185</sup> Contohnya Kitab *Minhāj al-Tālibīn Wa 'Umdah al-Muftīn* oleh al-Imām al-Nawawī.

<sup>186</sup> Contohnya *al-Muhadhdhab* oleh al-Imām al-Shirādhī dan *Rawḍah al-Tālibīn Wa 'Umdah al-Muftīn* oleh al-Imām al-Nawawī.

sesuailah kitab-kitab ini diletakkan selepas bahagian ibadat yang juga merupakan amalan yang berkaitan dengan perbuatan setiap individu muslim.<sup>187</sup>

Dari segi struktur penyusunan setiap tajuk dalam Kitab *al-Kifayah* ini, Syeikh Abdul Malik didapati tidak mengikuti kaedah kebanyakan ulama fiqh Mazhab Syafie yang biasanya membahagikan tajuk-tajuk yang dibincangkan kepada “Kitab”, “Bab”, “Fasl” dan “Mas’alah”. Sebaliknya, Syeikh Abdul Malik bin Abdullah labih gemar menyebutnya sebagai bab sahaja tanpa mengambilkira samada sesuatu tajuk itu merupakan tajuk utama atau sekadar tajuk-tajuk kecil sahaja. Cara yang beliau gunakan ini boleh menimbulkan sedikit masalah kepada pembaca untuk membezakan di antara tajuk utama dengan tajuk-tajuk kecil.

### 3.3.2) Kitab-kitab Rujukan Yang Digunakan Oleh Pengarang

Kitab-kitab agama yang dikarang oleh ulama silam biasanya dirujuk kepada kitab-kitab berautoriti dalam bidang penulisan mereka. Ini bertujuan untuk memastikan fakta yang mereka kemukakan adalah tepat atau sekurang-kurangnya paling hampir dengan apa yang diperintahkan oleh Allah S.W.T.

Dalam Kitab *al-Kifayah*, Syeikh Abdul Malik bin Abdullah hanya menyebut dengan jelas sebuah kitab rujukan sahaja seperti mana yang terdapat di dalam dua kenyataan beliau di dalam kitab ini iaitu:

- i- [Dan telah berkata Syeikh Ibnu Hajar di dalam Kitab *Tuhfat*: “Apabila tiada dapat sampai air kepada barang yang di bawah kulit orang yang tiada dikhatar itu, maka ditayatumukkan akan dia dengan tanah yang suci karena ganti membasuh akan dia”]<sup>188</sup>.
- ii- [Dan kata Syeikh Ibn Hajar di dalam Kitab *Tuhfat Syarḥ Minhāj*: *وَمَا اعْتَدَ مِنْ حَلْ* “أهْلُ الْمَيْتِ طَعَامًا لَيَدْعُوا النَّاسَ عَلَيْهِ بِدُعَةٍ مُكْرَوْهًا كَجَاهَتِهِمْ بِذَلِكَ”] Yakni barang yang diadatkan daripada perbuatan orang kematian itu akan makanan supaya dipanggil

<sup>187</sup> Sayyid al-Bakrī Ibn al-Sayyid Muhammad Shatā al-Dimyātī, *Hāshiah Fānah al-Tālibīn ’Alā Itall Alfāz Fath al-Mu’īn* (Beirut: Dār al-Fikr, 1993), 388.

<sup>188</sup> Syeikh Abdul Malik bin Abdullah, Kitab *al-Kifayah*, MSS517 (folio 73).

mereka itu segala manusia memakan dia, yaitu bidaah lagi makruh. Demikian lagi makruh lagi bidaah pergi memakan dia”]<sup>189</sup>.

Kitab *Tuhfat al-Muhtāj Bisyarh al-Minhāj* dikarang oleh Syeikh al-Islām Shihāb al-Dīn Abū al-‘Abbās Aḥmad bin Muḥammad bin ‘Alī bin Ḥajar al-Haytamī, iaitu seorang faqih yang berasal dari Mesir. Beliau telah lahir pada tahun 909H di satu kawasan bernama Abī al-Haitam iaitu di Barat Mesir. Syeikh Ibn Ḥajar menuntut ilmu di al-Azhar dan meninggal di Mekah pada tahun 974H<sup>190</sup>. Kitab *Tuhfat* ini telah dianggap sebagai karya agung dalam bidang fiqh dan mendapat kedudukan yang tinggi di kalangan ulama Shāfi‘iyyah.

Syeikh Abdul Malik bin Abdullah juga ada menyebut nama dua orang ulama lain. Dalam bahagian akidah, beliau telah mencatatkan nama Imam Nawawi sebanyak dua kali:

- i- “Telah berkata Imam Nawawi dan tiada harus dibacakan doa atas sedekah yang satu sebelum lagi dikeluarkan zakat dari kerana rezeki atas yang meninggalkan zakat itu haram dan barang siapa membaca doa atas sedekah yang haram maka yaitu kufur Wallahu’lam”<sup>191</sup>.
- ii- “Dan telah berkata Imam Nawawi Radhiyallahu anhu barang siapa tiada mengucap dua kalimah syahadah dengan lidahnya serta kuasa ia menyebut akan keduanya nescaya jadi kafir ia jika ada ia mengucap dalam hatinya sekalipun”<sup>192</sup>.

Setelah meneliti kitab-kitab karangan Imam Nawawi, pengkaji mendapati kitab yang paling hampir isi kandungannya dengan Kitab *al-Kifāyah* ialah *Minhāj al-Tālibīn Wa ‘Umdah al-Muftīn*. Nama sebenar beliau ialah Muhyi al-Dīn Abū Zakariyyā Yahyā bin Sharf bin Murri al-Hazami al-Shāfi‘ī. Beliau lahir pada bulan Muharam tahun 631H mendiami satu kawasan yang bernama al-Rawajiyah. Ketika berusia 14 tahun, Imam al-Nawawi telah membaca satu perempat daripada Kitab *al-Tanbīh* dan Kitab *al-*

<sup>189</sup> *Ibid*, (folio 83).

<sup>190</sup> Ibn Ḥajar al-Haytamī, *Tuhfat al-Muhtāj Bisyarh al-Minhāj*, 1:6.

<sup>191</sup> Syeikh Abdul Malik bin Abdullah, Kitab *al-Kifāyah*, MSS517 (folio 2).

<sup>192</sup> *Ibid*, (folio 4).

*Muhadhab* karangan Imam al-Shirāzi. Beliau kemudian telah berjaya menghafaznya.<sup>193</sup>

Imam Nawawi mengarang Kitab *Minhāj* berdasarkan Kitab *al-Muḥarrar* karangan Imam al-Rafī<sup>194</sup>. Beliau menuntut ilmu di Damsyik dan menetap di sana dalam tempoh yang agak panjang<sup>195</sup>. Selain daripada Kitab *Minhāj al-Tālibīn*, beliau juga telah menghasilkan banyak lagi kitab-kitab yang dirujuk oleh ummat Islam sehingga sekarang iaitu *Sharh Ṣaḥīḥ Muslim*, *Riyāḍ al-Ṣāliḥīn*, *al-Adhkār*, *Al-Arba'īn*, *al-Irsyād*, *al-Taqrīb* dan *al-Tibyān*. Di antara rahsia kebijaksanaan Imam al-Nawawi ialah beliau mengulangkaji 12 pelajaran pada setiap hari dengan guru-gurunya. Imam al-Nawawī telah wafat pada tahun 676H<sup>196</sup>.

Seorang lagi ulama yang disebut oleh pengarang di dalam Kitab *al-Kifāyah* ini ialah Imam al-Ruyānī:

“Dan telah berkata Ruyānī bermula segala tumbuh-tumbuhan yang memabukkan dan tiada sangat menyukakan hati yaitu haram memakan dia dan tiada had atas orang yang memakan dia tetapi harus memakan dia jika dicampurkan dalam ubat hingga menyampaikan kepada khayal sekalipun maka.....”<sup>197</sup>

Berdasarkan penelitian pengkaji terhadap kitab-kitab karangan Imam al-Ruyānī, terdapat sebuah karya fiqh yang besar dan meliputi pelbagai bab dalam bidang fiqh iaitu *Bahr al-Madhab fi Furū' Madhab al-Imām al-Shāfi'i*. Nama penuh Imam Ruyānī ialah Abu al-Maḥasin Abd al-Wahid bin Ismail bin Ahmad bin Muhammad Ruyānī. Beliau dilahirkan pada tahun 415H dan mengarang banyak kitab fiqh dan juga hadis. Di

<sup>193</sup> Muhyī al-Dīn Abī Zakariyyā Muhyī al-Dīn bin Sharf al-Nawawī, *Al-Majmū'* (Jeddah: Maktabah al-Muṭṭī, 1980), 1:4.

<sup>194</sup> Muhyī al-Dīn Abī Zakariyyā Yaḥyā bin Sharf al-Nawawī, *Minhāj al-Tālibīn Wa 'Umdah al-Muṭṭī*, Cet 1 (Beirut: Dār al-Minhāj, 2005), 5.

<sup>195</sup> Ibn Hajar al-Haytāmī, *Tuhfat al-Muhtāj Bisyarh al-Minhāj*, 1:5.

<sup>196</sup> Jalāl al-Dīn Muḥammad bin Ahmad al-Muḥallā, *Hāshiyat al-Qālyūbī wa 'Umairah* (Beirut: al-Maktabah al-'Aṣriyyah, 2009), 1:8.

<sup>197</sup> *Ibid*, 117.

antara kitab karangannya ialah *Hilyah al-Mu'min fī al-Furū'*, *al-Mubtada'*, *al-Kāfi fī al-Furū'* dan *al-Tahdhīb fī Gharīb al-Hadīth*<sup>198</sup>.

Selain daripada tiga buah kitab di atas, terdapat juga kitab-kitab lain yang dirujuk oleh pengarang, namun tidak dicatat di dalam teks. Di antara kitab yang didapati mempunyai fakta yang sama dengan sebahagian teks *al-Kifāyah* ialah *Fath al-Wahhāb Bi Syarh Manhaj al-Tullāb* karangan Imam Abū Zakariyyā al-Anṣārī, *Sharh al-Waraqāt Li Imām al-Haramain al-Juwainī* oleh Imam Tāj al-Dīn al-Farāzī, *Mughnī al-Muhtāj Ilā Ma'rīfah Ma'ānī Alfāz al-Minhāj* oleh Imam Shams al-Dīn al-Khaṭīb al-Sharbinī dan *Al-Mustasfā Min 'Ilm al-Uṣūl* oleh Imam al-Ghazali.

### 3.3.3) Metod Penggunaan Dalil Dalam Kitab *al-Kifāyah*

#### 3.3.3.1) Metod Pendalilan Berdasarkan Ayat al-Quran

Di dalam kitab yang dikaji ini, Syeikh Abdul Malik bin Abdullah ada mencatatkan ayat-ayat al-Quran berserta terjemahannya ketika membahaskan beberapa masalah. Seperti kebanyakan kitab-kitab silam yang membahaskan tentang ilmu Islam, ayat-ayat al-Quran yang dinyatakan di dalam Kitab *al-Kifāyah* ini tidak disertakan nama surah dan nombor ayat. Bilangan ayat al-Quran yang dicatatkan di dalam kitab ini agak sedikit iaitu sebanyak 20 ayat.

Jadual 3.3.3 : Bilangan ayat al-Quran dalam Kitab *al-Kifāyah* mengikut bahagian ilmu

	Bahagian	Bil Ayat al-Quran
1	Aqidah	18
2	Fiqh	2
	Jumlah	20

<sup>198</sup> Abī al-Mahāsin 'Abd al-Wāhid bin Ismā'īl al-Ruyānī, *Bahr al-Madhab fī Furū'* *Madhab al-Imām al-Shāfi'i*, J.1, Cet.1 (Beirut: Dar Iḥyā' al-Turāth al-'Arabi, 2002), 9.

Daripada lapan ayat al-Quran yang dikemukakan, hanya dua ayat dijadikan dalil kepada hukum fiqh. Ayat-ayat yang dimaksudkan ialah:

i-

فَكُلُّو مِنْهَا وَأَطْعِمُوا الْقَانِعَ وَالْمُعْتَمِرَ

Ertinya: “Makanlah sebahagian daripadanya, dan berilah (bahagian yang lain) kepada orang-orang yang tidak meminta dan yang meminta”.

(Surah *al-Hajj* 22:36)

ii-

إِلَّا مَا ذَكَرْنَا

Ertinya: “Kecuali apa yang telah mereka sembelih.”

(Surah *al-Māidah* 6:3)

Walaupun Syeikh Abdul Malik bin Abdullah tidak banyak mencatatkan ayat-ayat al-Quran yang dijadikan dalil kepada hukum fiqh, namun ia bukanlah bererti beliau tidak merujuk kepada dalil al-Quran terlebih dahulu. Sebagai seorang ulama yang turut mendalamai ilmu tafsir<sup>199</sup>, sudah tentu beliau merujuk kepada ayat-ayat al-Quran terlebih dahulu sebelum menetapkan sesuatu hukum. Berkemungkinan besar tujuan Syeikh Abdul Malik kurang mencatatkan ayat-ayat al-Quran kerana beliau ingin menghasilkan sebuah karya fiqh yang ringkas tetapi padat. Tambahan pula, masyarakat ketika itu juga lebih suka mengetahui hukum sahaja tanpa menyelidiki dalil-dalilnya.

### 3.3.3.2) Metod Pendalilan Berdasarkan Hadis

Sebagai sumber hukum yang kedua, beberapa hadis telah dicatatkan oleh Syeikh Abdul Malik bin Abdullah di dalam membahaskan permasalahan akidah dan fiqh di dalam kitab yang dikaji ini. Hadis-hadis yang dicatatkan telah disertakan

<sup>199</sup> Shafie Abu Bakar, “Syeikh Abdul Malik bin Abdullah (Tok Pulau Manis)” (Kertas Kerja Seminar Tokoh Islam Negeri Terengganu di Wisma Darul Iman, Kuala Terengganu pada 27-29 Ogos, 1987), 16.

terjemahannya. Bilangan hadis yang telah dicatatkan di dalam kitab ini didapati lebih banyak berbanding ayat-ayat al-Quran. Jumlah hadis yang terdapat dalam kitab ini dapat dikelaskan sebagai berikut:

Jadual 3.332 (a) : Bilangan hadis dalam Kitab *al-Kifayah* mengikut bahagian ilmu

Bil	Bahagian	Bilangan Hadis
1	Aqidah	5
2	Fiqh	23
	Jumlah	28

Daripada keseluruhan hadis yang dinyatakan, sebahagiannya dicatatkan nama ulama yang mengeluarkan hadis tersebut, manakala sebahagiannya pula tidak dicatatkan. Contoh-contoh hadis yang dicatatkan nama ulama hadis ialah:

- i- Sabda Nabi S.A.W.:

الشَّهْرُ تِسْعَ وَعِشْرُونَ لَيْلَةً ، فَلَا تَصُومُوا حَتَّىٰ تَرُوْهُ ، فَإِنْ غَمَ عَلَيْكُمْ فَأَكْمِلُوا الْعِدَّةَ  
ثَلَاثَيْنَ

Ertinya: “Bermula bulan Sya’ban ini dua puluh sembilan malam maka jangan kamu puasa hingga kamu lihat akan sehari bulan maka jika atas kamu maka sempurnakan lihat kamu akan bilang bulan Sya’ban tiga puluh hari”. Meriwayatkan hadis ini Bukhari dan Muslim<sup>200</sup>.

- ii- Sabda Nabi S.A.W.:

وَحِسَامٌ يَوْمَ عَاشُورَاءَ أَخْتَبَ عَلَى اللَّهِ أَنْ يَكْفُرَ السَّنَةَ الَّتِي قَبْلَهُ . ”

Ertinya: “Puasa pada hari Asyura itu dengan karena Allah Taala diampun Allah dosanya setahun dahulunya”.

Menceriterakan hadis ini Muslim<sup>201</sup>

<sup>200</sup> Syeikh Abdul Malik bin Abdullah, Kitab *al-Kifayah*, MSS517 (folio 91).

<sup>201</sup> *Ibid*, (folio 102).

- iii- Dalam riwayat hadis yang diceriterakan Siti Aisyah R.A. dengan katanya:

أَمْرَنَا رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَنْ تُعَقَّ عَنِ الْغَلَامِ بِشَاتِينَ مُكَافِتَيْنِ وَعَنِ الْجَارِيَةِ

٢٠٢  
بِشَاتِينَ

“Yakni telah menyuruhkan kami Rasulullah S.A.W. bahawa menyembelih aqiqah kamu daripada kanak-kanak laki-laki dua ekor kambing yang bersamaan keduanya dan daripada kanak-kanak perempuan itu seekor kambing”<sup>203</sup>

Di antara hadis-hadis yang tidak dicatatkan nama ulama yang mengeluarkannya ialah:

- i- Sabda Nabi S.A.W. :

مَنْ أَفْطَرَ حَيَّاً مِثْلَ أَجْرِهِ وَلَا يَنْفَضُّ مِنْ أَجْرِ الصَّانِمِ شَيْءٍ

“Yakni barang siapa memberi makan akan orang yang berbuka puasa maka adalah baginya pahala seperti orang yang puasa dan tiada dikurangkan suatu jua pun daripada orang yang puasa itu”<sup>204</sup>.

- ii- Sabda Nabi S.A.W.:

صَوْمُ شَهْرِ الصَّيْرِ، وَثَلَاثَةُ أَيَّامٍ، مِنْ كُلِّ شَهْرٍ، يُدْهِنُ وَحْزَ الصَّدْرِ

Ertinya: “Puasa pada bulan Ramadhan dan tiga hari daripada tiap bulan itu membuangkan tutup hati dan waswas hati”<sup>205</sup>.

- iii- Sabda Nabi S.A.W.:

فِي كُلِّ أَيَّامِ التَّشْرِيقِ ذَبْحٌ

Ertinya: “Pada tiap-tiap hari tasyrik yang tiga hari itu hari menyembelih korban”<sup>206</sup>.

Dalam menerangkan sesuatu masalah fiqh, kadang kala pengarang kitab ini turut menghuraikan hadis-hadis yang telah dinyatakan. Hal ini dapat dilihat pada hadis-hadis berikut:

<sup>202</sup> Hadis riwayat Ibn Majah, Kitab al-Dhabâih, Bab al-'aqiqah, no. hadis 3163. Abû 'Abdullâh Muhammad bin Yazîd al-Qâzwainî, Sunan Ibn Mâjah (Beirut:Dâr al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1998), 3:552. Menurut Al-Albânî dan Ibn al-Mulaqqîn, hadis ini sahih. Lihat Muhammad Nâşir al-Dîn al-Albânî, Sahîh Sunan Ibn Mâjah, 3:92. Lihat Ibn al-Mulaqqîn, al-Badr al-Munîr fî Takhrij al-Hadîth al-Shârh al-Kâbir ,23:221.

<sup>203</sup> Syeikh Abdul Malik bin Abdullah, Kitab al-Kifayah, MSS517 (folio 110).

<sup>204</sup> Ibid. (folio 99).

<sup>205</sup> Ibid. (folio 103).

<sup>206</sup> Ibid. (folio 106).

- i- Sabda Nabi S.A.W.:

مَنْ شَهِدَ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ ، وَأَنَّ مُحَمَّداً رَسُولَ اللَّهِ حَرَمَ عَلَيْهِ النَّارُ

Ertinya: “Barangsiapa mengetahui bahwasanya tiada tuhan hanya Allah dan bahwasanya Nabi Muhammad itu pesuruh Allah nescaya diharamkan Allah atasnya nareka”<sup>207</sup>.

- ii- Sabda Nabi S.A.W.

الْعَلَامُ مُرْتَهِنٌ بِعَقِيقَةٍ . رواه الترمذى

“Yakni kanak-kanak itu tersandar ia dengan aqiqahnya maka murad daripada tersandar itu tiada ia jadi besar seperti sebagainya dan kata Imam Ahmad bin Hanbal murad daripada tersandar itu tiada ia memohonkan syafaat pada hari kiamat akan dua ibu bapaknya jika mati ia tatkala lagi kecil dan kata setengah pendeta murad daripada tersandar itu banyak penyakit kanak-kanak itu maka apabila diaiqiqahkannya daripadanya nescaya hilanglah daripadanya segala penyakitnya”<sup>208</sup>.

- iii- Sabda Nabi S.A.W. :

مَنْ لَمْ يُبَيِّنْ الصِّيَامَ قَبْلَ الْفَجْرِ فَلَا صِيَامَ لَهُ

“Ertinya barang siapa tiada bermalamkan niat puasa dahulu daripada fajar maka tiadalah puasa baginya” Yakni barang siapa tiada berniat puasa pada malam tiadalah sah puasanya jika ada niat itu beserta ketika fajar sekalipun **dan demikian lagi** tiada sah niat itu jika syak ia akan keadaannya itu gugur dahulu daripada fajarkah atau kemudian maka syak ia adakah niat fajarkah atau tidak maka sahlah niatnya itu karena adalah ia berniat itu dahulu daripada syak akan fajar”<sup>209</sup>.

Contoh-contoh di bawah pula ialah hadis-hadis yang tidak diuraikan:

- i- Sabda Nabi S.A.W.:

خَلُوفُ فِمْ الصَّائِمِ أَطْيَبُ عِنْدَ اللَّهِ عَزَّ وَجَلَّ مِنْ رِيحِ الْمِسْكِ

Ertinya: “Bahwasanya bau mulut orang puasa itu pada hari kiamat terlebih harum pada Allah Taala daripada bau kasturi”<sup>210</sup>.

- ii- Sabda Nabi S.A.W. :

مَنْ أَفْعَلَ صَائِمًا فَلَهُ مُثْلُ آجِرِهِ وَلَا يَنْفَضُّ مِنْ أَجْرِ الصَّائِمِ شَيْءٌ

<sup>207</sup> Syeikh Abdul Malik bin Abdullah, Kitab al-Kifayah, MSS517 (folio 4-5).

<sup>208</sup> Ibid, (folio 108).

<sup>209</sup> Ibid, (folio 91).

<sup>210</sup> Ibid, (folio 100).

“Yakni barang siapa memberi makan akan orang yang berbuka puasa maka adalah baginya pahala seperti orang yang puasa dan tiada dikurangkan suatu jua pun daripada orang yang puasa itu”.<sup>211</sup>

iii- Sabda Nabi S.A.W.:

فِي كُلِّ أَيَّامِ التَّشْرِيقِ ذَبْحٌ

“Yakni pada tiap-tiap hari tasyrik yang tiga hari itu hari menyembelih korban”<sup>212</sup>.

Bagi melengkapkan lagi huraihan tentang penggunaan al-hadis dalam penulisan kitab ini, pengkaji telah melakukan *takhrīj*. Melalui proses takhrij al-hadis yang telah dilakukan, hadis-hadis yang terdapat di dalam kitab ini boleh dibahagikan kepada beberapa kumpulan seperti di bawah:

Jadual 3.3.3.2 (b) : Jadual Bilangan dan Peratusan Hadis Mengikut Kategori

Kategori Hadis	Bilangan	Peratusan
1) Hadis Sahih	19	68%
2) Hadis Hasan	5	18%
3) Hadis Daif	4	14%

### 3.3.3.3) Metod Pendalilan Berdasarkan Qiyas

Syeikh Abdul Malik bin Abdullah juga telah menggunakan kaedah qiyas bagi mengemukakan dalil bagi hukum-hukum yang beliau kemukakan. Beliau sebenarnya telah mengikuti metodologi pembinaan hukum yang digunakan oleh keempat-empat Imam<sup>213</sup> bagi mazhab-mazhab utama fiqh yang telah meletakkan *qiyas* sebagai salah satu di antara sumber hukum Islam.

<sup>211</sup> *Ibid*, (folio 99).

<sup>212</sup> *Ibid*, (folio 106).

<sup>213</sup> Imam Hanafi, Imam Malik, Imam Syafie dan Imam Hanbali.

Di dalam Kitab *al-Kifayah* ini, terdapat pelbagai perkataan yang telah beliau gunakan bagi menggambarkan penggunaan qiyas. Selain menggunakan perkataan al-qiyas itu sendiri, beliau juga menggunakan perkataan ‘seperti’ dan juga ‘kerana itulah’.

Di antara contoh penggunaan perkataan qiyas secara jelasnya ialah:

- i- “**Bermula** tiada wajib zakat kerbau dan lembu itu melainkan apabila sampai nisabnya iaitu tiga puluh ekor maka zakatnya seekor kerbau atau lembu yang jantan yang setahun umurnya atau yang betina setahun umurnya. Dan pada tiap-tiap empat puluh ekor kerbau atau lembu itu zakatnya seekor kerbau atau lembu yang betina yang dua tahun umurnya maka demikianlah qiyas jikalau beberapa banyaknya sekalipun”,<sup>214</sup>.
- ii- “**Bermula** nisab emas itu dua puluh mithqal maka zakatnya tengah mithqal maka adalah dua puluh mithqal itu jika ditimbang dengan dirham Aceh itu beratnya lima busok yang agahari maka dirham yang dua lapan tahil tujuh emas itu tiga emas dan tiga kenari zakatnya dan pada tiap-tiap sepuluh tahil dirham Aceh empat emas akan zakatnya. Demikianlah diqiaskan maka jika dikira-kirai dengan emas Johor itu dua tahil tujuh kupang emas urai atau emas yang tiada berecampur dengan tembaga”,<sup>215</sup>.
- iii- “Dan adalah nisab perak itu iaitu dua puluh riyal tiga suku dan dua lapan saga maka adalah zakat itu tengah rial lima saga maka barang yang lebih daripada suatu nisab itu maka dengan kira-kirakan dengan qias dahulu itulah maka adalah syarat wajib zakat segala binatang dan zakat emas dan perak itu hendaklah dimiliki setahun genap melainkan emas atau perak yang didapat daripada pertaruhan zaman kafir dahulu kala atau emas diperoleh pada galian maka tiada disyaratkan genap setahun dimilik akan dia maka hanya disyaratkan itu genap nisabnya juga”,<sup>216</sup>.

Di antara contoh-contoh kaedah qiyas yang menggunakan perkataan seperti pula ialah:

- i- “**Dan demikian lagi** tiada batal puasanya jikalau termasuk lalat atau barang sebagainya kepada had batin rangkungan maka jangan dikeluarkannya akan dia dan jika dikeluarkannya maka batallah puasanya tetapi harus mengeluarkan dia jika takut akan mudharat yang harus dengan dia tayamum kemudian maka wajib mengqadha’ puasa itu maka adalah batal puasa itu sebab mengeluarkan lalat atau barang sebagainya itu karena ia seperti hukum muntah”,<sup>217</sup>.

<sup>214</sup> Syeikh Abdul Malik bin Abdullah, Kitab *al-Kifayah*, MSS517 (folio 83).

<sup>215</sup> *Ibid.*

<sup>216</sup> *Ibid.* (folio 84).

<sup>217</sup> *Ibid.* (folio 94).

ii- “Dan adalah aqiqah itu seperti perintah korban juga pada umurnya dan baiknya dan sejahteranya daripada segala aib yang menegahkan pada memadai akan dia dan pada afdhalnya dan akmalnya dan mensedekahkan dia akan segala fakir dan miskin dan memberi hadiah dan menaruh dia dan kadar dimakan daripada dagingnya dan barang sebagainya”<sup>218</sup>.

Contoh-contoh kaedah qiyas yang menggunakan perkataan ‘kerana itulah’ pula ialah:

- i- “**Dan sunat** membaca doa yang dibacanya kemudian daripada mengambil air sembahyang itu yaitu أَشْهُدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ hingga kesudahannya dan makruh mengerat kuku dan menyukur atau menggunting atau membantunnya rambut atau romah mayat karena hormat segala suku anggotanya dari karena itulah tiada harus mengkhatakan orang yang tiada khatan tetapi jikalau rambutnya itu kena getah dan tiada sampai air pada tempat pohon rambut itu maka wajib menghilangkan dia”<sup>219</sup>.
- ii- “Dan masuklah waktu makan sahur itu daripada tengah malam dan sunat hendaklah ia mandi junub atau haid atau nifas dahulu daripada fajar dari karena itulah sunat disegerakan mandi ihtilam pada siang atau malam supaya jangan masuk air kepada batin telinga atau pada batin dubur dan qubul”<sup>220</sup>.

### 3.3.3.4) Metod Pendalilan Berdasarkan Kaedah Fiqhiyyah

Terdapat dua kaedah fiqhiyyah yang jelas digunakan oleh Syeikh Abdul Malik bin Abdullah dalam Kitab *al-Kifayah* iaitu:

- i- *Al-Darūrah Tubīḥ al-Mahzūrah*  
“Dan **demikian lagi** haram mengorek kubur karena memindahkan mayat atau lainnya kemudian daripada ditanam jikalau karena hendak bawak ke negeri Mekah sekalipun. Melainkan karena darurat yaitu seperti ditanamnya dengan tiada dimandikan atau ditanam dengan tiada menghadap kiblat”<sup>221</sup>.
- ii- *Al-'Ādah Muḥakkamah*  
“Maka apabila dimasukkannya pada /A94/ salah suatu daripada segala rongga baru itu sesuatu yang berupa, maka sampailah sesuatu itu kepada batinnya, maka batallah puasanya jikalau kecil sekalipun seperti biji lenga atau sesuatu yang tiada memakan pada adat seperti batu yang *seni-seni* dengan disahajanya”<sup>222</sup>

<sup>218</sup> *Ibid*, (folio 108-109).

<sup>219</sup> *Ibid*, (folio 73).

<sup>220</sup> *Ibid*, (folio 99).

<sup>221</sup> *Ibid*, (folio 82).

<sup>222</sup> *Ibid*, (folio 94).

#### 4) PENUTUP

Kitab *al-Kifāyah* merupakan sebuah kitab fiqh yang dikarang oleh seorang ulama mparan yang lahir di Terengganu. Ia telah menjadi rujukan penting bagi rakyat Terengganu dan juga penduduk di luar Terengganu yang majoritinya mengamalkan Mazhab Syafie. Walaupun tarikh penulisan kitab ini tidak dapat dipastikan, namun apa yang pasti ia dikarang telah kepulangan Syeikh Abdul Malik bin Abdullah dari Mekah, iaitu di antara tahun 690M sehingga 1736M dan merupakan di antara kumpulan penulisan fiqh terawal di Terengganu. Metodologi penulisan Kitab *al-Kifāyah* didapati menepati metodologi yang gunakan oleh ulama-ulama dalam Mazhab Syafie yang merujuk kepada al-Quran, hadis dan yas,

[Pengenalan Kitab *al-Kifayah* dan pengarangnya]

A2/ وقال صلى الله عليه وسلم: الجمعةُ واجبٌ على كلِّ مُتَحَلِّمٍ. هذا الكتاب المستئنَى بالْكِفَايَةِ ترجمَةُ الإمامِ

العامِّ العَلَامَةَ تُوْ فُؤَدَ مَانِسَ تر عَكَانُو.<sup>223</sup>

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى رَسُولِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى إِلَهِ وَصَاحِبِهِ وَسَلَّمَ أَمَّا بَعْدُ فَهَذِهِ رِسَالَةُ صَغِيرَةٍ الْجِيْمِ كَثِيرَةُ الْفَوَائِدِ وَعَظِيمُ الْمَنَافِعِ وَكَفَايَةٌ لِعُمُومِ الْمُسْلِمِينَ فِي مَعْرِفَةِ مَا أُوجِبَ عَلَيْهِمْ مِنْ فُرُوضِ الْعَيْنِ. بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ.

Telah berkata Imām Nawawī: “Dan tiada harus dibacakan doa atas sedekah yang satu sebelum lagi dikeluarkan zakat dari karena<sup>224</sup> rezeki atas yang meninggalkan zakat itu haram. Dan barang siapa membaca doa atas sedekah yang haram maka iaitu kufur. *Wallāhu 'lam*”.

Syahdan<sup>225</sup> bahawa syarat korban itu jika ada ia lembu atau kerbau atau kambing, maka hendaklah ada umurnya itu dua tahun masuk kepada yang ketiga tahun. Dan jika ada ia daripada biri-biri, maka hendaklah ada umurnya setahun masuk maka kelak kepada tahun yang kedua. *Wallāhu 'lam*.

<sup>223</sup> Terdapat catatan di tepi teks yang berbunyi: “*Dan yang memilik akan kitab ini Haji Muhammad Husin atau Abdul Latif atau Abdul Mu'min Negeri Kelaba Kampung Beris*”.

<sup>224</sup> kerana. Lihat *Kamus Dewan*, ed. ke-4 (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2005), 1495.

<sup>225</sup> Bermaksud kata yang biasa dipakai pada permulaan cerita atau bab, atau membawa maksud selanjutnya atau lalu. *Kamus Dewan* (Kuala Lumpur: DBP, 2005), 1557. Lihat Yaakub Isa, *Kamus Bahasa Melayu Klasik* (Kuala Lumpur: Berita Publishing Sdn. Bhd., 1997), 180. *Kamus Bahasa Melayu Nusantara* (Brunei: Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei, 2003), 2646.

Dan lagi disyaratkan hendaklah ada korban itu jangan ada ia bergudal<sup>226</sup> jikalau sedikit sekalipun. Dan jangan ada ia capik kakinya. Jangan tinggal daripada tempatnya tatkala pergi makan rumput. Dan lagi jangan ada ia buta kedua belah matanya atau buta sebelah matanya ada ia /A3/.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ وَالْعَاقِبةُ لِلْمُتَقْبِلِينَ وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ سَيِّدِنَا إِلَيْهِ وَآلِهِ وَصَحْبِهِ الطَّاهِرِينَ الظَّاهِرِينَ .

**Ertinya:** Segala puji itu tertentu bagi Allah tuhan seru alam sekalian. Dan kebijakan akhirat itu bagi segala orang yang takut akan Allah. Dan rahmat Allah dan salamnya atas penghulu kita penghulu segala nabi dan segala pesuruh dan atas segala keluarganya dan segala sahabatnya yang baik mereka itu, lagi suci mereka itu daripada segala dosanya.

#### [Tujuan Kitab *al-Kifāyah* dikarang]

أَمَّا بَعْدُ فَهَذِهِ رِسَالَةٌ مُخْتَصَرَةٌ نَافِعَةٌ إِنْ شَاءَ اللَّهُ تَعَالَى فِي بَيْانِ مَا لَا بُدُّ لِلْمُكْلَفِ مِنْهُ .

**Ertinya:** Adapun<sup>227</sup> kemudian dari itu, maka ini suatu risalah yang simpan<sup>228</sup> lagi memberi manfaat, *Insyā* Allah Taala pada menyatakan barang yang tiada dapat tiada bagi segala orang yang akil baligh mengetahui dia.

<sup>226</sup> Kudal (كودل), bermaksud kudis atau bisul. Lihat William Marsden, *Dictionary of The Malayan Language* (New York: Books For Libraries Press, 1973), 273.

<sup>227</sup> Perihal atau mengenai. Lihat *Kamus Bahasa Melayu Nusantara* (Brunei: Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei, 2003), 13.

<sup>228</sup> Dalam bahasa sastera lama membawa maksud ringkas atau singkat ceritanya. Lihat *Kamus Dewan*, 1495.

## BAHAGIAN AKIDAH

### 1) KITAB RUKUN ISLAM

Ketahui olehmu bermula segala rukun Islam itu lima perkara.

[Bab mengucap dua kalimah syahadah]

Pertama mengucap dua kalimah syahadah iaitu mengata dengan lidah **لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَلَا شَرِيكَ لَهُ أَنَّ**

**اللَّهُ**. **Ertinya:** Ketahuilah bahawasanya tiada yang disembah seorang juapun melainkan

Allah". Atau maknanya tiada yang disembah dengan sebenarnya melainkan Allah.

**Ertinya** bahawasanya Allah itulah yang disembah dengan sebenarnya.

Maka barang yang lain daripada Allah Taala itu tiada harus disembah dengan sebenarnya.

Maka adalah asal makna **لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ** itu yang disembah maka dari karena itulah kita ingatkan

tatkala mengata **لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ** itu tiada yang disembah seorang jua pun melainkan Allah.

Atau kita ingatkan tiada yang disembah dengan sebenarnya itu melainkan Allah.

**وَأَشْهُدُ أَنَّ مُحَمَّدًا رَسُولُ اللَّهِ**

"Dan ketahuilah bahawasanya Nabi Muhammad itu pesuruh Allah yang disuruhkannya kepada segala makhluknya".

Maka wajiblah atas tiap-tiap orang yang akil baligh itu mengucap dua kalimah syahadah ini seumurnya hidup itu sekali. Serta menyungguhkan akan barang yang terkandung di dalamnya, yakni serta iktikadkannya bahawasanya Allah Taala ada ia selama-lamanya. Dan lagi lengkap ia dengan segala sifatnya dan tiada diperoleh sekali-kali kepadanya

segala sifat kekurangan iaitu seperti mati /A4/ dan bebal<sup>229</sup> dan lemah dan tiada berkehendak dan buta dan tuli dan kelu dan barang sebagainya daripada segala sifat yang menyerupai akan segala sifat makhluknya.

**Dan lagi** ia menyungguhkan akan Nabi Muhammad itu benar ia pada barang yang dibawanya daripada Allah Taala. Dan tiada ia bersifat dengan barang yang tiada layak baginya seperti dusta sekali dan khianat dan membunyikan<sup>230</sup> segala titah Allah Taala.

#### [Hukum mengulang-ulang menyebut kalimah syahadah]

Maka<sup>231</sup> tatkala sudah disebut sekali akan dua kalimah syahadah itu, maka mengulang-ulang menyebut dia itu sunat jua melainkan jika masuk pula ia menjadi kafir, maka wajib pula menyebut dua kalimah syahadah itu.

**Dan** telah berkata Imām Nawawī R.A.: “Barangsiapa tiada mengucap dua kalimah syahadah ini dengan lidahnya serta kuasa ia menyebut akan keduanya, nescaya jadi kafir ia jikalau ada ia mengucap di dalam hatinya sekalipun”.

Dan kata kebanyakan segala ulama sah jua imannya orang yang tiada mengucap dua kalimah syahadah ini dengan lidahnya jikalau ada ia mengetahui dan menyungguhkan dengan hatinya akan keadaan Allah Taala serta segala sifatnya. Dan menepikan<sup>232</sup> ia akan segala barang yang tiada layak bagiNya, yakni segala barang yang mustahil atasnya. Dan menyungguhkan ia akan kebenaran Rasulullah dan menepikan ia akan barang yang tiada layak baginya yakni segala barang yang mustahil atasnya.

**Maka adalah** mengucap dua kalimah syahadah itu syarat pada melakukan segala hukum Islam di dalam dunia jua.

<sup>229</sup> Bermaksud tumpul otak atau bodoh. *Kamus Dewan*, 143. Juga bermaksud tidak cepat menanggapi sesuatu atau tidak tajam fikiran. *Kamus Bahasa Melayu Nusantara*, 263.

<sup>230</sup> Menyembunyikan. Dalam teks ditulis *منْبَهِنَ*.

<sup>231</sup> Perkataan yang digunakan pada permulaan kisah, terutamanya dalam hikayat lama. Lihat Yaakub Isa, *Kamus Bahasa Melayu Klasik*, 106.

<sup>232</sup> Mengenepikan. Dalam teks dieja *منْبَكِنَ*.

## [Hukum orang yang tidak mengucap dua kalimah syahadah]

Maka barang siapa tiada mengucap dua kalimah syahadah ini dengan lidahnya, maka harus dibunuh akan dia dan diambil segala artanya<sup>233</sup>, dan tiada mengucap dua kalimah syahadah ini jadi syarat pada mengesahkan iman seorang di dalam akhirat. Maka diterima juga iman seorang yang tiada mengucap dua kalimah syahadah ini jika putuslah di dalam hatinya percaya akan Allah dan akan Rasulullah.

Tetapi adalah ia derhaka sebab meninggalkan mengucap dua kalimah syahadah ini karena sabda Nabi S.A.W.:

مَنْ شَهِدَ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ ، وَأَنَّ مُحَمَّدًا رَسُولُ اللَّهِ حَرَمٌ عَلَيْهِ النَّارُ<sup>234</sup>

Ertinya: Barangsiapa mengetahui bahwasanya /A5/ tiada tuhan hanya Allah dan bahwasanya Nabi Muhammad itu pesuruh Allah, nescaya diharamkan Allah atasnya nareka ertinya tiada kekal ia di dalam nareka.

## [Pandangan ulama tentang asal-usul kalimah Allah]

Maka adalah lafaz الله itu suatu nama yang jatuh ia atas tiap-tiap yang disembah dengan sebenarnya atau disembah dengan sia-sia seperti berhala dan barang sebagainya. Kemudian maka dikeraskan الله itu atas yang disembah dengan sebenarnya. Maka kata setengah ulama, adalah lafaz Allah itu asalnya الـ maka dibuangkan alif yang sama tengah dan diidghamkan lama yang pertama itu kepada lama yang kedua, maka jadi Allah.

Dan telah bersalah-salahan segala ulama pada mengatakan tempat terbit lafaz Allah itu. Kata setengah mereka itu diambil daripada الله ertinya menolong. Dan kata setengah ulama diambil daripada يَوْمَ الْقُرْبَةِ ertinya kasih yang sangat. Dan kata setengah mereka

<sup>233</sup> Hartanya. Ejaan dalam teks ialah ارثات.

<sup>234</sup> Hadis riwayat Muslim, Kitab *al-Imān*, Bab *al-Dalīl 'alā anna man māta 'alā al-Tauhid dakhala al-Jannah Qat'ani*, no. hadis 29. Lihat Abi al-Husayn Muslim Bin al-Hajjāj, *Sahih Muslim* (Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 2001), 36.

itu diambil daripada ﴿كُوٰه﴾ ertiya terdinding. Yakni terdindinglah segala akal daripada mendapat hakikat keadaan zatnya.

Dan kata **setengah** mereka itu diambil daripada ﴿كُوٰه﴾ ertiya tinggi. Yakni tiada sampai sekali-kali pendapat segala hambanya kepada *kunh*<sup>235</sup> zatnya. Dan kata **setengah** mereka itu diambil daripada ﴿إِلَه﴾ ertiya tetap yakni berkekalan zatnya itu selama-lamanya. Dan kata **setengah** mereka itu diambil daripada ﴿إِلَهٌ يَأْلَهُ إِلَهٌ﴾ ertiya tercengang yakni tercenganglah segala akal daripada memfahamkan<sup>236</sup> *kunh* hakikatnya. Dan kata **setengah** mereka itu diambil daripada ﴿إِلَهٌ يَأْلَهُ إِلَهٌ﴾ ertiya menyembah maka makna inilah yang muafakat dengan Quran seperti firman Allah Taala:

*Ertinya: "Meninggalkan ia akan dikau dan menyembah daku".*

Maka jadilah makna ﴿إِلَهٌ يَأْلَهُ إِلَهٌ﴾ itu tiada yang disembah melainkan Allah. Dan kata setengah mereka itu pula tiada ada dilafaz Allah itu diterbitkan daripada sesuatu lafadz juapun. Maka adalah ia diperoleh atas rupanya itulah.

Maka adalah Allah itu nama bagi zat yang wajib *al-wujūd*nya yang menghimpunkan bagi sekalian sifat dan adalah Allah itu nama zat yang mutlak. Maka adalah yang dinamai Allah dan ﴿خَالِق﴾ itu tuhan yang ada baginya wujud yang sempurna dan yang tiada

*diqayadkan*<sup>237</sup> oleh segala alam ini. Ertinya adalah yang dinamai Allah dan ﴿خَالِق﴾ itu tuhan yang lengkap dengan /A6/ sekalian sifatnya dan tiada dapat dibagikan ia dengan suatu bagi juapun. Dan tiada dapat ditempatkan ia dengan sesuatu tempat juapun dan yang tiada berubah keadaannya itu selamanya.

<sup>235</sup> Bermaksud tujuan dan hakikat. Lihat *Al-Mu'jam al-Wasit*, Cet.4 (Mesir: Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah, 2004), 832.

<sup>236</sup> memahamkan

<sup>237</sup> Bermaksud diikatkan atau bergantung. Lihat *Al-Mu'jam al-Wasit*, 769.

## [Rukun-rukun syahadah]

**Bermula** segala rukun syahadah itu empat perkara, yakni tiada sempurna pengenal kita dan iktikad kita kepada Allah dan kufur Rasulullah melainkan dengan mengetahui akan segala rukun syahadah yang empat ini.

## [Mengithbātkan zat Allah Taala]

**Pertama** mengithbātkan<sup>238</sup> zat Allah Taala, ertiannya hendaklah kita ketahui dan kita iktikadkan bahawasanya Allah Taala itu ada ia selama-lamanya. Dan tiada bepermulaan adanya dan tiada berkesudahan adanya. Dan tiada dapat dibagikan zatnya itu dengan sesuatu bagi jua pun. Dan tiada dapat zatNya itu diserupai dan disamai oleh segala makhluknya. Dan atas zatNya itu tiada ada sesuatu yang menyertai dia pada sifat ketuhanannya.

Dan tiada berkehendak kepada sesuatu jua pun dan maha besar zatNya dan maha tinggi zatNya. Yakni tiada sampai sekali-kali pengenal dan penglihat dan pendapat segala nabi dan segala wali kepada *kunh* zatNya yang mutlak. Yakni kepada keadaan dirinya yang tiada berhingga itu atas pihak meliput dia dari karena zatNya yang mutlak itu tiada dapat dihinggakan kebesarannya.

Dan maha kaya zatNya itu yakni tiadalah ia berkehendak kepada sesuatu zat yang lain daripada zat dirinya yang berdiri dengan dia. Dan tiada ia berkehendak kepada seseorang yang menjadikan dia dan tiada ia berkehendak kepada sesuatu jua pun pada memerintahkan segala alam ini.

Dan tiada berhingga kebesarannya dan ketinggiannya dan kekayaannya itu selama-lamanya. Dan tiada ia beranak dan tiada ia diperanakkan dan tiada ia sebangsa dengan seorang juapun. Dan tiada ia berubah zatNya itu selama-lamanya. Dan tiada dapat dirupakan zatnya itu dengan sesuatu rupa jua pun, seperti putih atau merah atau kuning

<sup>238</sup> Bermaksud menetapkan. Lihat *Ibid*, 93.

atau hitam atau barang sebagainya. Dan tiada dapat ditentukan zatnya itu dengan sekian-kian besarnya atau kecilnya dan tiada dapat ditempatkan zatnya itu dengan suatu tempat jua /A7/ pun seperti di atas atau di bawah atau di kanan atau di kiri atau di hadapan atau di belakang.

Maka adalah zatnya itu meliputi ia pada sekalian alam samahanya. Dan tiada ia masuk dan berbuat dengan segala alam ini sebab meliputi itu dari karena sekali-kali tiada dapat bercampur zat Allah Taala itu dengan zat segala makhluknya sebab meliputinya itu. Maka adalah meliputnya dengan segala alam ini tiada dapat dibagikan dengan suatu bagi jua pun.

#### [*Mengibarkan* sifat Allah Taala]

**Dan kedua** mengibarkan sifat Allah Taala itu ertinya hendaklah kita ketahui dan kita iktikadkan dengan iktikad yang putus bahawasanya Allah Taala itu mempunyai beberapa sifat. Erti sifat itu laku zat. **Maka** setengah daripada sifatnya itu *hayāh*, ertinya hidup ia selama-lamanya. Maka adalah hidupnya itu dengan hidupnya jua dan tiada ia hidup dengan nyawa dan tiada ia hidup dengan nafas dan dengan tubuh. Dan tiada diberkesudahan hidupnya. Dan *'ilmun* ertinya tahu ia selama-lamanya. Maka adalah tahunya itu dengan tiada difikir dan sangka dan tiada lupa dan tiada baharu mendatang tahunya. Maka adalah Allah Taala itu mengetahui ia akan tiap-tiap sesuatu.

Maka tiadalah terbuat pada ilmunya suatu juapun jikalau ada ia di dalam batu yang pejal sekalipun. Dan lagi diketahuinya akan segala rupa alam ini dan akan segala kelakuannya samahanya dahulu daripada menjadikan dia. Dan lagi diketahuinya akan zat dirinya dan akan sekalian kelakuannya dirinya yang tiada diberhingga dan tiada berkesudahan dengan ilmunya yang tiada berhingga.

Dan *irādah* ertinya berkehendak ia selama-lamanya, maka adalah kehendaknya itu dengan tiada hati. Dan dengan kehendaknya itulah ia menjadikan sekalian alam ini

daripada tiada kepada ada. Maka adalah kehendaknya itu tiada berkesudahan. Maka tiadalah dapat lepas sekalian alam ini daripada kehendaknya jikalau suatu yang kecil *qudrat* sekalipun.

Dan ertinya kuasa. Maka adalah kuasanya itu dengan tiada pegawai<sup>239</sup> dan tiada tulang dan tiada urat dan tiada diberhingga dan tiada berkesudahan selama-lamanya. Maka adalah segala makhluk ini samahanya dikuasainya akan dia hingga sesuatu yang amat kecil sekalipun.

Dan *sama*<sup>4</sup> ertinya menengar<sup>240</sup> ia /A8/ maka adalah menengarnya itu tiada telinga. Maka didengarnya akan sekalian alam ini samahanya sama ada suara atau tiada suara. Maka sekaliannya didengarnya selama-lamanya dan lagi didengarnya akan kata dirinya yang tiada dihuruf dan tiada disuara itu dengan penengarnya yang tiada berkesudahan.

Dan *besar* ertinya melihat ia selama-lamanya. Maka adalah melihatnya itu dengan tiada biji mata. Maka dilihatnya akan sekalian alam ini samahanya samada berupa atau tiada berupa. Maka sekaliannya itu dilihatnya selama-lamanya dan lagi dilihatnya akan segala alam ini dan akan segala kelakuannya dahulu daripada menjadikannya dia. Dan lagi dilihatnya akan zat dirinya dan akan segala kelakuan dirinya yang tiada berupa dan tiada berkesudahan, dan tiada diberhingga dengan penglihatnya yang tiada diberhingga dan tiada berkesudahan.

Dan *kalām* ertinya berkata-kata ia selama-lamanya, maka adalah katanya itu dengan tiada huruf dan tiada suara dan tiada dahulu oleh diam dan tiada berputusan ia selama-lamanya. Dan tiada dapat katanya itu diserupakan dan disamakan dengan kata segala makhluk samahanya. Dan tiada dapat dibagikan katanya dengan suatu bagi juapun.

<sup>239</sup> Menurut sastera lama, ia bermaksud alat atau perkakas. *Kamus Dewan*, 1159. Lihat juga *Kamus Bahasa Melayu Nusantara*, 2020.

<sup>240</sup> Mendengar. Dalam teks ditulis *je&ng*.

Dan beberapa lagi sifat Allah Taala tiada diberhingga banyaknya maka adalah segala sifatnya itu berdiri ia dengan zat dan tiada lain daripadanya. Maka adalah segala sifat Allah Taala itu tiada dapat dibagikan dan tiada dapat diserupakan dengan sifat segala makhluknya sekali-kali.

**Dan ketika mengithbatkan *afālullāh*** ertinya segala perbuatan Allah Taala. Yakni hendaklah kita ketahui dan kita iktikadkan dengan iktikad yang putus bahwasanya Allah Taala itu mempunyai beberapa perbuatan yang amat banyak.

Yaitu **ia jua** yang menjadikan segala makhluknya samahanya. **Dan ia jua** yang memberi rezeki akan segala hambanya. **Dan ia jua** yang menunjukkan akan segala hambanya yang mukmin **dan ia jua** yang menyesatkan akan segala hambanya yang kafir. **Dan ia jua** yang menghidupkan **dan ia jua** yang mematikan akan segala makhluknya. **Dan ia jua** yang menyakitkan akan segala hambanya /A9/ **dan ia jua** yang menyembuhkan akan segala hambanya.

**Dan ia jua** yang membangkitkan akan segala makhluknya pada hari kiamat di dalam kubur mereka itu. **Dan ia jua** yang menghimpunkan mereka itu kepada padang mahsyar. **Dan ia jua** yang mengira-ngirai akan segala perbuatan segala hambanya yang baik dan yang jahat. **Dan ia jua** yang membala akan segala perbuatan mereka itu. **Dan ia jua** yang memerintahkan akan sekalian pekerjaan mereka itu dan barang sebagainya daripada segala pekerjaan samahanya. Maka tiadalah ada sesuatu yang memberi bekas dengan sendirinya lain daripada Allah Taala di dalam segala alam ini.

**Dan lagi** hendaklah kita iktikadkan dengan iktikad yang putus bahwasanya sekali-kali tiada diperoleh bagi Allah Taala itu tiada ada wujudnya melainkan ada jua ia selama-lamanya. **Dan sekali-kali** tiada diperoleh wujudnya itu baharu adanya. **Dan sekali-kali** tiada diperoleh wujudnya itu dihubung oleh tiada kemudiannya. **Dan sekali-kali** tiada diperoleh zatnya dan segala sifatnya itu bersamaan dengan segala yang baharu. **Dan**

**sekali-kali** tiada diperoleh zatnya itu tiada ia berdiri dengan sendirinya. **Dan sekali-kali** tiada diperoleh tiada Esa pada zatnya dan pada segala sifatnya. **Dan sekali-kali** tiada diperoleh ia mati **dan** tiada diperoleh sekali-kali ia bebal dan lupa dan tidur dan mengantuk. Dan tiada ia berkehendak mengadakan segala alam ini dan lemah daripada mengadakan segala alam ini.

**Dan sekali-kali** tiada diperoleh ia tuli **dan** buta **dan** kelu. **Maka adalah** tanda ada Allah Taala itu baharu segala alam ini dan berubah-ubahnya dari karena tiap-tiap yang baharu. Dan berubah-berubah adalah yang membaharu dia dan yang mengubahkan dia maka tiada diperoleh sekali-kali pada akal segala alam ini bahawa ia membaharui ia akan dirinya atau jadi ia sendirinya dengan tiada yang menjadikan dia.

Maka tatkala kita lihat akan segala alam ini baharu dan berganti-ganti, maka kita ketahuilah dengan pengetahuan yang putus ada yang menjadikan dia yang maka yang menjadikan dia itulah tuhan yang sebenarnya. **Dan hendaklah** kita iktikadkan pula harus pada Allah Taala mengadakan segala alam ini harus tiada ia mengadakan dia.

/A10/ **Dan lagi** harus padanya membalas segala perbuatan hambanya yang baik dan yang jahat. Harus ia memasukkan segala mukmin itu ke dalam syurga dan harus ia memasukkan segala kafir itu ke dalam nareka. Dan harus pula padanya menyeksa akan orang yang berbuat baik sentiasa dan harus pula padanya memberi nikmat akan segala orang yang berbuat dosa. Dan tiada diperoleh sekali-kali bahawa Allah Taala itu anjaya pada barang perbuatannya dari karena sekalian alam ini samahanya hambanya dan miliknya. Maka erti anjaya itu mengerjakan sesuatu pekerjaan pada milik orang lain. Maka adalah Allah Taala itu mengerjakan ia pada miliknya barang sekehendaknya. Dan tiada dapat ditanyai ia pada segala perbuatannya karena mengerjakan di dalam miliknya juga.

Maka adalah Allah Taala itu menyakit ia akan segala kanak-kanak dan menghinakan ia segala binatang di dalam dunia daripada tiada sesuatu balas yang membala ia akan mereka itu. Dan tiada suatu manfaat yang memberi manfaat ia akan mereka itu di dalam dunia dan di dalam akhirat. Maka adalah demikian itu dengan adilnya jua, tiada harus kita kata akan dia aninya sebab menyakit segala kanak-kanak dan menghinakan segala binatang dengan tiada sesuatu sebab jua pun dari karena sekaliannya itu hambanya dan miliknya jua. Maka barang yang dikerjakannya di dalam miliknya itu tiada harus kita kata akan dia aninya.

Dan lagi hendaklah kita ketahui dan kita iktikadkan bahawasanya Allah Taala itu menghimpunkan ia akan segala sifat yang berlawanan, yaitu ia jua yang *awwal* ertinya yang dahulu. Dan ia jua<sup>241</sup> akhir ertinya yang kemudian. Yakni ia jua yang dahulu daripada tiap-tiap sesuatu dengan tiada bepermulaan adanya. Dan yang kekal ia kemudian daripada tiap-tiap sesuatu dengan tiada berkesudahan adanya.

Dan ia jua yang *zāhir*, ertinya yang keras<sup>242</sup> lagi tinggi atas tiap-tiap sesuatu. Dan ia jua yang *bāqin* ertinya yang mengetahui akan tiap-tiap sesuatu. [Dan ia jua yang *hādī* ertinya yang menunjuk]<sup>243</sup> dan ia jua yang *mudill* ertinya yang<sup>244</sup> menyesatkan. Dan ia jua yang *mun'im* ertinya yang memberi nikmat dan ia jua yang *muntaqim* ertinya yang<sup>245</sup> menyeksa. /A11/ Dan ia jua yang *mui'zz* ertinya yang memuliakan<sup>246</sup> akan suatu kaum dan ia jua yang *mudzill* ertinya yang menghinakan ia akan suatu kaum. Dan ia jua yang *muhyī* ertinya yang menghidupkan. Dan ia jua yang *mumīt* ertinya yang mematikan akan segala makhluknya. Dan barang sebagainya daripada segala sifat yang berlawa/B2/nan, maka adalah kesempurnaan<sup>247</sup> iktikad kita kepada Allah Taala itu

<sup>241</sup> Pada B: [Ia jua yang]

<sup>242</sup> Pada B: [kuasa]

<sup>243</sup> Tiada pada B

<sup>244</sup> Tiada pada B

<sup>245</sup> Tiada pada B

<sup>246</sup> Pada B: [muliakan]

<sup>247</sup> Pada B: [sempurnaan]

[bahawa kita iktikadkan]<sup>248</sup> bahawasanya Allah Taala itu menghimpunkan ia akan segala sifat yang berlawanan yang tersebut itu.

### [*Mengithbātkan benar Rasulullah*]

**Dan keempat** mengithbātkan benar Rasulullah, ertiya hendaklah kita ketahui dan kita iktikadkan dengan iktikad yang putus bahawasanya Nabi Muhammad itu benar ia pada barang yang disuruh akan<sup>249</sup> Allah Taala akan dia menyampaikan kepada segala manusia daripada suruh dan tegah [dan lainnya]<sup>250</sup>.

**Dan lagi** benar<sup>251</sup> pada segala ceriteranya yang ghaib-ghaib pada<sup>252</sup> kita iaitu seperti keadaan arasy dan *kursī* dan kalam dan *lūh mahfūz* dan segala malaikat dan segala syurga dan segala nikmatnya dan segala nareka<sup>253</sup> dan segala syeksanya<sup>254</sup> dan tujuh petala langit dan tujuh petala bumi dan barang<sup>255</sup> antara keduanya.

**Dan lagi** benar ia pada ceriteranya akan kesakitan<sup>256</sup> tatkala mati [dan mabuk mati dan tanya munkar dan nakir dan nikmat kubur dan syeksa kubur]<sup>257</sup> dan barang sebagainya daripada<sup>258</sup> segala pekerjaan yang ghaib-ghaib<sup>259</sup>.

### [*Sifat-sifat wajib bagi Rasul*]

Maka adalah yang wajib bagi Muhammad<sup>260</sup> /B3/ dan bagi segala pesuruh yang lainnya<sup>261</sup> itu tiga perkara. Pertama benar **dan kedua** kepercayaan dan ketiga menyampaikan segala titah Allah Taala kepada segala umat mereka itu.

<sup>248</sup> Tiada pada B

<sup>249</sup> Pada B: [kan]

<sup>250</sup> Tiada pada B

<sup>251</sup> Pada B: [benar ia]

<sup>252</sup> Tiada pada B

<sup>253</sup> Neraka, Dalam teks ditulis نَارٌ كَوَافِرُ

<sup>254</sup> Seksa, Dalam teks ditulis شَكْسَا

<sup>255</sup> Pada B: [barang yang]

<sup>256</sup> Pada B: [kesakitannya]

<sup>257</sup> Tiada pada B

<sup>258</sup> Pada B: [dari]

<sup>259</sup> Pada B: [ghaib]

<sup>260</sup> Pada B: [Nabi Muhammad itu]

<sup>261</sup> Pada B: [yang lain]

### [Sifat-sifat mustahil bagi Rasul]

Dan tiada diperoleh sekali-kali pada Nabi Muhammad dan segala pesuruh yang lainnya<sup>262</sup> itu tiga perkara: pertama dusta dan kedua khianat dengan mengerjakan sesuatu yang ditegahkan Allah Taala akan dia dengan tegah haram atau tegah makruh dan ketiga membunyikan<sup>263</sup> segala titah Allah Taala.

### [Sifat-sifat harus bagi Rasul]

Dan harus pada Nabi Muhammad<sup>264</sup> dan segala pesuruh yang lainnya<sup>265</sup> itu segala perangai tubuh manusia iaitu<sup>266</sup> sakit dan makan dan minum dan tidur dan beristeri dan berjual dan membeli dan barang sebagainya daripada segala pekerjaan yang tiada mengurangkan martabat mereka itu Yang Maha<sup>267</sup> tinggi.

Dan tiada harus bagi mereka itu makan /A12/ arta zakat dan mengarang syair dan buta dan tuli dan penakut. Dan adalah segala pesuruh itu terpelihara<sup>268</sup> mereka itu daripada segala /B4/ dosa besar dan kecil<sup>269</sup>, dan daripada kafir dahulu daripada turun wahyu, dan kemudian daripada turun wahyu.

### [Kedudukan Nabi Muhammad S.A.W. berbanding rasul-rasul yang lain]

Dan lagi hendaklah kita ketahui dan kita iktikadkan bahawa<sup>270</sup> Nabi Muhammad itu terlebih tinggi martabatnya dan terlebih mulia pada Allah Taala daripada sekalian makhluk samahanya dari karena adalah arasy<sup>271</sup> dan kursī dan lūh dan kalam dan segala malaikat dan syurga dan nareka dan sekalian makhlukNya<sup>272</sup> samahanya itu dijadikan

<sup>262</sup> Pada B: [lain]

<sup>263</sup> Menyembunyikan. Dalam teks ditulis حَمِيْكَنْ .

<sup>264</sup> Tiada pada B

<sup>265</sup> Pada B: [lain]

<sup>266</sup> Pada B: [iaitu seperti]

<sup>267</sup> Tiada pada B

<sup>268</sup> Pada B: [pelihara pada]

<sup>269</sup> Tiada pada B

<sup>270</sup> Pada B: [bahawasanya]

<sup>271</sup> Bermaksud kekuasaan atau kerajaan. Lihat Libat *Al-Mu'jam al-Wasit*, 623.

<sup>272</sup> Pada B: [makhluk]

Allah Taala daripada Nur Muhammad S.A.W. **Dan lagi** firman Allah Taala kepada<sup>273</sup> Nabi Muhammad S.A.W.: “Jikalau tiada ada engkau nescaya tiada aku<sup>274</sup> jadikan segala makhluk samahanya<sup>275</sup>,”

#### [Sejarah kelahiran, kerasulan dan kewafatan Rasulullah S.A.W.]

Dan<sup>276</sup> Nabi Muhammad S.A.W. tempat [jadinya di dalam]<sup>277</sup> negeri Mekah. **Dan** tempat kuburnya itu di dalam negeri Madinah. **Dan nama** bapaknya Abdullah anak Abdul Mutalib **dan** nama ibunya Aminah anak Wahab. Maka tatkala sampailah umurnya kira-kira empat puluh tahun lamanya, maka dititahkan Allah Taala kepadanya dengan menjagakan dan jadi pesuruh kepada segala manusia sekaliannya dan kepada<sup>278</sup> segala jin. Dan<sup>279</sup> pada menyuruhkan mereka itu berbuat ibadat kepada Allah Taala dan melarangkan mereka itu daripada mengerjakan sekalian<sup>280</sup> barang yang diharamkan Allah Taala akan dia dan diturunkan wahyu kepadanya.

#### [Peristiwa penurunan wahyu kepada Nabi Muhammad S.A.W.]

Maka **adalah** pertama-tama turun wahyu kepadanya itu pada hari Isnin pada dulapan<sup>281</sup> belas<sup>282</sup> haribulan Rabiulawwal maka adalah pertama-tama<sup>283</sup> ayat Quran<sup>284</sup> turunnya<sup>285</sup> itu ﴿فَإِذَا أَفْرَغْنَا إِلَيْهِ مِنْ كُلِّ مِنْزَلٍ مِّنْ نَّحْشُورٍ﴾ . Maka adalah kelakuan turunnya itu seperti sabda nabi S.A.W.: “Adalah aku<sup>286</sup> beberapa kali pergi kepada Bukit Hirak padahal aku<sup>287</sup> bawa<sup>288</sup> bekal barang sedapatnya karena bersuni-suni diri dan berbuat ibadat

<sup>273</sup> Tiada pada B

<sup>274</sup> Pada B: [ku]

<sup>275</sup> Tiada pada B

<sup>276</sup> Pada B: [Dan adalah]

<sup>277</sup> Pada B: [jadi dalam]

<sup>278</sup> Tiada pada B

<sup>279</sup> Tiada pada B

<sup>280</sup> Pada B: [segala]

<sup>281</sup> Sebutan ini berdasarkan sastera lama, membawa maksud delapan atau lapan. *Kamus Dewan*, 366. Lihat Yaakub Isa, *Kamus Bahasa Melayu Klasik*, 39.

<sup>282</sup> Tiada pada B

<sup>283</sup> Pada B: [pertama itu]

<sup>284</sup> Tiada pada B

<sup>285</sup> Pada B: [turun]

<sup>286</sup> Tiada pada B

<sup>287</sup> Tiada pada B

ketika<sup>289</sup> malam. Kemudian maka kembali pula aku kepada rumah Khadijah<sup>290</sup>. Maka segala peristiwa [ertinya suatu ketika]<sup>291</sup> keluarlah aku pergi kepada Bukit Hirak itu maka tiba-tiba datang kepada aku Jibrail kemudian maka berkata ia bagiku: اقْرَأْ إِنْسَانٌ مِّنْ عَلَيْكِ<sup>292</sup> Ertinya: “Baca olehmu!”/A13/ Maka kataku baginya:“Tiada aku tahu membaca!” [Kemudian]<sup>292</sup> mengambil ia akan daku. Maka /B6/ menutup ia akan daku. Kemudian maka melepaskan ia akan daku. Kemudian maka berkata ia bagiku : اقْرَأْ إِنْسَانٌ مِّنْ عَلَيْكِ<sup>292</sup>

**Ertinya:** “Baca olehmu!”. Maka kataku baginya<sup>293</sup>: “Tiada aku tahu membaca!”. Maka adalah dikerjakannya demikian itu tiga kali. Kemudian daripada tiga kalinya berkata Jibrail bagiku:

اَقْرَأْ بِاسْمِ رَبِّكَ الَّذِي حَلَقَ (۱) خَلَقَ الْإِنْسَانَ مِنْ عَلَقٍ (۲)

Ertinya: “Baca olehmu Ya Muhammad akan nama tuhanmu yang menjadikan ia akan segala manusia itu daripada darah yang<sup>294</sup> beku”.

(Surah *al-'Alaq* 96: 1-2)

اَقْرَأْ وَرَبُّكَ الْأَكْرَمُ (۱) الَّذِي عَلِمَ بِالْقَلْمَنِ (۲) عَلِمَ الْإِنْسَانَ مَا لَمْ يَعْلَمْ (۳)

Ertinya<sup>295</sup>: “Baca olehmu bermula tuhanmu jua yang terlebih mulia yang [mengajar ia akan manusia itu]<sup>296</sup> menyurat dengan kalam lagi mengajari ia akan manusia itu barang yang tiada diketahuinya akan dia”.

(Surah *al-'Alaq* 96: 3-5)

Kemudian maka ghaiblah Jibrail itu<sup>297</sup> daripada aku maka kembalilah aku kepada rumah Khadijah<sup>298</sup>. Maka tatkala itu bergerak-gerak hatiku, maka masuklah aku kepada

<sup>288</sup> Pada B: [membawa]

<sup>289</sup> Pada B: [pada ketika]

<sup>290</sup> Pada B: [Khatijah]

<sup>291</sup> Tiada pada B

<sup>292</sup> Pada B: [kemudian maka]

<sup>293</sup> Tiada pada B

<sup>294</sup> Tiada pada B

<sup>295</sup> Tiada pada B

<sup>296</sup> Pada B:[akan manusia itu barang yang tiada diketahuinya itu]

<sup>297</sup> Tiada pada B

Khadijah. Maka kataku<sup>299</sup> baginya: selubung olehmu akan daku hingga hilanglah daripadaku takut<sup>300</sup>.

Kemudian maka turun pula [Jibrail kepadaku]<sup>301</sup>.

Maka berkata ia bagiku:

يَأَيُّهَا الْمُدَّثِّرُ ﴿٣﴾ قُمْرَ فَانِدِرُ ﴿٤﴾

/B7/ Ertinya: “Hai orang yang berselubung! Bangkitlah engkau maka pertakut olehmu akan segala kafir di dalam Mekah itu dengan syeksa api nareka”.

(Surah *al-Muddaththir* 74: 1-2)

وَرِبِّكَ فَكَبِرُ ﴿٥﴾

“Dan besarkan olehmu akan tuhanmu”.

(Surah *al-Muddaththir* 74: 3)

وَرِبِّابَكَ فَطَهَرُ ﴿٦﴾

“Dan sucikan olehmu akan kainmu”.

(Surah *al-Muddaththir* (74): 4)

وَالْرُّجُزُ فَاهْبِرُ ﴿٧﴾

“Dan jauh olehmu akan segala berhala”.

(Surah *al-Muddaththir* 74: 5)

<sup>298</sup> Pada B:[Khatijah]

<sup>299</sup> Tiada pada B

<sup>300</sup> Hadis riwayat al-Bukhari, Kitab al-Tafsir, Bab Surah Iqra' Bi Ism rabbika, no hadis 4953. Lihat Abu 'Abd Allah Muhammad bin Isma'il al-Bukhari, *Al-Jami' al-Sahih* (Kaherah: Ma'ba'ah al-Salfiyyah, 1403H), 3: 327. Lihat Abi al-Husayn Muslim Bin al-Hajjaj, *Sahih Muslim*, Kitab al-iman, Bab Bad'u al-wahy Ilā Rasulillah S.A.W., no hadis 160, 1: 77.

<sup>301</sup> Pada B: kepadaku Jibrail

وَلَا تَمْنُنْ تَسْتَكِبُرُ (٥)

“Dan jangan aku<sup>302</sup> memberi sesuatu akan seseorang karena menghendaki<sup>303</sup> balasan<sup>304</sup> di dalam dunia”.

(٦) فَاصْبِرْ وَلِرَبِّكَ

“Dan sabar<sup>305</sup> engkau atas mengerjakan segala suruh<sup>306</sup> [tuhanmu dan menjauh segala larangannya]”.

(Surah al-Muddaththir 74; 1-7)

Maka tatkala itu belum lagi disuruhkan sembahyang. Kemudian maka ghaiblah Jibrail pula daripadaku. Kemudian maka datang pula ia<sup>307</sup> kepadaku maka berkata ia bagiku:

يَأَيُّهَا الْمُزَمِّلُ (٧) قُمِ الْلَّيلَ إِلَّا قَلِيلًا (٨) نَصْفُهُ

Ertinya: “Hai orang yang berselubung! Sembahyanglah engkau pada malam hingga setengah malam”.

- أوْ أَنْقُصْ مِنْهُ قَلِيلًا (٩)

atau kurangkan olehmu daripada setengah malam sedikit

أَوْ زِدْ عَلَيْهِ

atau lebihkan olehmu atas /A14/ setengah malam”.

(Surah al-Muzzammil 73; 1-4)

### [Sejarah perintah melaksanaan solat fardu dan solat sunat]

Maka tatkala itu, adalah difardukan atas Rasulullah [sembahyang malam jua]<sup>308</sup> serta dengan segala saha /B8/ batnya itu beberapa lamanya. Kemudian maka difardukan

<sup>302</sup> Pada B: [kau]

<sup>303</sup> Pada B: [menghendak]

<sup>304</sup> Pada B: [balas]

<sup>305</sup> Pada B: [sabarlah]

<sup>306</sup> Pada B: [suruhkan]

<sup>307</sup> Tiada pada B

<sup>308</sup> Pada B: [Maka adalah Rasulullah mengerjakan sembahyang malam jua]

sembahyang lima waktu, maka jadilah sembahyang malam itu pula sunat kemudian daripada difardunya<sup>309</sup>.

[Tertib rukun Islam]

Maka adalah Allah Taala memfardukan<sup>310</sup> segala rukun Islam itu<sup>311</sup> sedikit-sedikit<sup>312</sup>.

Maka pertama difardukan mengucap لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ, Kemudian maka sembahyang adalah<sup>313</sup>

yang dua perkara ini<sup>314</sup> difardukan di dalam negeri Mekah. **Dan** puasa **dan** memberi zakat **dan** naik haji itu difardukan ketiganya itu di dalam Negeri Madinah. **Maka adalah** lama diam Rasulullah dalam negeri Mekah kemudian daripada turun wahyu itu sekira-kira<sup>315</sup> tiga belas tahun lamanya.

Maka<sup>316</sup> tatkala sampailah umurnya kira-kira lima puluh tiga tahun lamanya, maka pindahlah ia ke Negeri Madinah pada hari Isnin. Maka tatkala sampailah umurnya enam puluh tiga tahun lamanya kembalilah ia ke Rahmatullahi Taala pada hari Isnin, pada dua belas hari bulan Rabiulawwal.

[Isteri-isteri Nabi Rasulullah S.A.W.]

Dan adalah bilangan segala isteri Rasulullah S.A.W. itu sebelas orang jua: Khadijah anak Khuwailid<sup>317</sup> /B9/ dan Saudah anak Zama'ah dan Aisyah anak Abū Bakr<sup>318</sup> dan

<sup>309</sup> Pada B: Jdifardunval

<sup>310</sup> Pada B: [memfardukan akan]

<sup>311</sup> Tiada pada B.

<sup>312</sup> Pada B; [sedikit]

<sup>313</sup> Pada B: [maka adalah]

<sup>314</sup> Pada B: [itul]

<sup>315</sup> Pada B: [sekiral]

<sup>316</sup> Tiada pada B

<sup>317</sup> Pada B: Hid1. Nama no

[Ada B. [nd]. Naima pen al-Qursiyyah al-'Asadiyyah]

al-Qursiyyah al-Asadiyyah iaitu isteri pertama Rasulullah S.A.W. dan merupakan orang yang pertama membenarkan kenabian Nabi Muhammad S.A.W. Terdapat percanggahan pendapat tentang tarikh kematian beliau. Menurut Ibn Ishak, Khadijah Binti Khuwailid telah meninggal dunia pada tahun pertama hijrah, tetapi sebahagian yang lain mengatakan beliau wafat meninggal tiga tahun sebelum hijrah. Menurut al-Wāqīdī, Khadijah telah meninggal pada sepuluh Ramadan ketika berusia 60 tahun. Lihat Ahmad Ibn Ḥāfiẓ Ibn Ijār al-Asqalānī, *Al-Isābah fi Tamyīz al-Šāhābat*, (Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1995), 8: 99-103.

<sup>318</sup> Aisyah Binti Abu Bakr al-Šiddiq ialah anak kepada khalifah Islam yang pertama. Beliau dilahirkan empat atau lima tahun selepas kenabian. Sayyidatina Aisyah telah mengahwini Rasulullah S.A.W. 3 tahun sebelum hijrah ketika berusia 6 tahun dan sesetengah pendapat mengatakan usianya ketika itu ialah tujuh tahun. Beliau seorang yang sangat menyintai ilmu dan dapat menguasai ilmu *fiqh*, *hadis* dan perubatan.

Hafṣah anak Umar<sup>319</sup> dan Ummu<sup>320</sup> Habibah anak Abi Sufyan dan [Zainab anak Khuzaimah]<sup>321</sup> dan Zainab anak Ḥajsyin<sup>322</sup> dan Juwairiyah [anak Harith]<sup>323</sup> dan Ummu Salamah [anak Umayya]<sup>324</sup> dan Maimunah<sup>325</sup> dan Sofyah anak Ḥuyai<sup>326</sup> dan seorang gundik yang bernama Mariyah<sup>327</sup>.

---

Menurut *al-Zuhri*, sekiranya dibandingkan ilmu yang ada pada diri Sayyidatina Aisyah dengan ilmu yang ada pada semua wanita, sesungguhnya ilmu Sayyidatinā Aisyah lebih banyak. Beliau juga merupakan di antara wanita yang dijanjikan syurga oleh Nabi S.A.W. dan meninggal dunia pada tahun 58 hijrah. Ahmad Ibn ‘Alī Ibn Ḥajar al-‘Asqalānī, *Al-Isābah fi Tamyīz al-Saḥābāt*, 231-235.

<sup>319</sup> Nama penuh beliau ialah Ḥafṣah binti ‘Umar bin al-Khaṭṭāb. Sebelum beliau mengahwini Rasulullah S.A.W., beliau telah berkahwin dengan Khunais bin Hudhāfah. Suami pertamanya ini telah mati syahid dalam perperangan Badar. Rasulullah S.A.W. telah mengahwini Ḥafṣah binti ‘Umar selepas berkahwin dengan Sayyidatinā ‘Āi’syah. Terdapat pendapat yang mengatakan beliau dilahirkan 5 tahun sebelum kenabian. Pernikahan Ḥafṣah dengan Rasulullah telah berlangsung pada tahun ketiga selepas hijrah. Rasulullah S.A.W. pernah menjatuhkan talak satu kepada Ḥafṣah, tetapi kemudiannya Baginda Rasulullah merujuknya kembali. Beliau meninggal dunia pada bulan Jamadil Awwal tahun 41 Hijrah. Tetapi, terdapat juga sesetengah pendapat mengatakan beliau meninggal pada tahun 45 Hijrah. *Ibid*, 85-87.

<sup>320</sup> Tiada pada B

<sup>321</sup> Tiada pada B. Nama penuh beliau ialah Zainab Binti Huzaimah bin ‘Abdullah bin ‘Umar bin ‘Abd al-Manaf bin Hilāl bin ‘Amīr bin Sa’sa’ah al-Hilāliyyah. Beliau turut digelar sebagai U’mmu al-Masākin memandangkan beliau suka memberi makan dan bersedekah kepada orang-orang miskin. Suami pertama Zainab telah mati syahid dalam perperangan Uhud, dan beliau kemudiannya berkahwin dengan Rasulullah. *Ibid*, 157.

<sup>322</sup> Nama sebenar beliau ialah Zainab binti Jaḥsyin al-‘Asadiyyah. Zainab telah berkahwin dengan Rasulullah pada tahun ketiga hijrah, dan sesetengah pendapat mengatakan pada tahun kelima hijrah. Peristiwa yang berlaku ke atas beliau telah menjadi sebab kepada penurunan ayat tentang hijab, iaitu ayat 37 Surah al-Āḥzāb. Menurut al-Wāqidī, Zainab binti Jahsyin telah meninggal dunia pada tahun ke-20 Hijrah. Beliau berkahwin dengan Rasulullah ketika berusia 35 tahun, dan meninggal dunia ketika berusia 50 tahun. *Ibid*, 153-155.

<sup>323</sup> Tiada pada B. Nama penuhnya ialah Juwairiyah Binti al-Ḥārith bin Abī Dharrar Bin Ḥabīb bin Jazīmah. Beliau telah meninggal dunia pada tahun 50 Hijrah. Terdapat juga sesetengah pendapat mengatakan beliau meninggal pada bulan Rabiulawal tahun 56 Hijrah. *Ibid*, 72-74.

<sup>324</sup> Tiada pada B. Nama penuh beliau ialah U’mmu Salāmah Binti Abi U’mayyah bin al-Mughīrah bin Abdullah bin Amru bin Makhzum al-Qursiyah al-Makhzumiyyah, dan nama sebenar beliau ialah Hindun. Tarikh beliau meninggal tidak dinyatakan dengan jelas, tetapi diandaikan sebelum tahun 50 Hijrah. *Ibid*, 404-407.

<sup>325</sup> Nama penuh beliau ialah Maimūnah Binti al-Harith bin Hazni al-Hilaliyyah. Terdapat juga pendapat mengatakan nama sebenar beliau ialah Barrah, tetapi Rasulullah S.A.W. menamakannya sebagai Maimūnah. Rasulullah S.A.W. telah menikahinya pada bulan Zulkaedah tahun ketujuh *Hijriyyah*. Sebelum berkahwin dengan Rasulullah, Maimūnah pernah beberapa kali berkahwin. Menurut I’bn Sa’d, Maimūnah telah meninggal pada tahun 61 *Hijriyyah* dan beliau merupakan isteri Rasulullah S.A.W. yang paling akhir meninggal. Terdapat juga pandangan lain yang mengatakan beliau meninggal pada tahun 49 H, 63H dan 66H. *Ibid*, 322-324.

<sup>326</sup> Nama penuh beliau ialah Sofyah Binti Ḥuyai bin Akhṭab bin Sa’nah bin Tha’labah bin ‘Ubaid bin Ka’āb bin Abī Ḥubāib, berketurunan *Banū Nadīr* dan daripada keturunan Nabi Harun, iaitu saudara Nabi Musa A.S. Beliau dikatakan telah meninggal pada tahun 36 *Hijriyyah* dan sebahagian lain mengatakan beliau meninggal pada tahun 50 *Hijriyyah*. *Ibid*, 210-212.

<sup>327</sup> Beliau ialah Māriyah al-Qibriyyah, iaitu ibu kepada salah seorang anak lelaki Rasulullah S.A.W. iaitu Ibrahim. Menurut al-Wāqidī, Māriyah telah meninggal pada tahun 16 *Hijriyyah*, manakala menurut pendapat yang lain, beliau meninggal selepas 5 tahun kewafatan Rasulullah S.A.W. *Ibid*, 310-311.

[Putera dan puteri Nabi Muhammad S.A.W.]

Dan adalah segala anak Rasulullah S.A.W. itu<sup>328</sup> tujuh orang. Tiga orang laki-laki: Pertama Qāsim dan kedua Abdullah dan [Tayyib] pun namanya dan Tahir pun namanya dan ketiga Ibrahim dan empat orang perempuan pertama Zainab<sup>329</sup> dan kedua Ruqayyah<sup>330</sup> dan ketiga Ummu Kalthum<sup>331</sup> dan keempat Fatimah al-Zuhri<sup>332</sup>. Maka adalah segala anak Rasulullah itu<sup>333</sup> samahanya daripada Siti Khadijah jua melainkan Ibrahim adalah<sup>334</sup> ibunya itu Mariyah al-Qibtiyyah. Maka adalah<sup>335</sup> anak cucu Rasulullah S.A.W. itu samahanya daripada anak Hasan dan Husin jua hingga hari kiamat.

[Sembahyang, zakat, puasa dan naik haji]

[Erti sembahyang, zakat, puasa dan naik haji]

Dan /A15/ kedua daripada segala rukun Islam itu mendirikan sembahyang lima waktu. Maka adalah yang dinamai sembahyang /B10/ itu beberapa perkataan dan perbuatan<sup>336</sup> yang dimulai dengan takbir dan [disudahi dengan]<sup>337</sup> memberi salam. Dan ketiga

<sup>328</sup> Tiada pada B

<sup>329</sup> Beliau ialah *Zainab Binti Muhammad bin 'Abd al-Mutālib al-Qurāsyiyah al-Hasyimiyyah*. *Zainab* merupakan puteri Rasulullah S.A.W. yang paling tua, dan telah berkahwin dengan sepupunya iaitu *Abu al-'As bin al-Rabi'* iaitu anak kepada *Halah Binti Khuwailid*. *Zainab* telah berhijrah bersama-sama dengan Rasulullah dan juga suaminya. Beliau meninggal pada tahun ke-8H. *Ibid*, 151-152.

<sup>330</sup> Beliau ialah *Ruqayyah Binti Muhammed bin 'Abdullah bin 'Abd al-Mutālib*, dan merupakan isteri kepada *Khalīfah 'Uthmān bin 'Affān*. Terdapat percanggahan pendapat samada *Ruqayyah* atau *Fātimah* merupakan puteri Rasulullah yang lebih muda sedikit daripada *Zainab*. Beliau meninggal dunia pada tahun ke-3H. *Ibid*, 138-139.

<sup>331</sup> Beliau ialah *U'mmu Kalthūm Binti Muhammed bin 'Abdullah bin 'Abd al-Mutālib*. Selepas kematian *Ruqayyah*, *Sayyidinā 'Uthmān bin 'Affān* telah mengahwini *Ummu Kalthūm*. Tidak lama kemudian, *U'mmu Kalthūm* juga telah meninggal dunia, iaitu pada tahun ke-9H. Sebelum berkahwin dengan *Sayyidina 'Uthmān*, *U'mmu Kalthūm* pernah mengahwini *'Utbah bin Abī Lahab*, tetapi *'Utbah* telah meninggal dunia sebelum menyentubuhinya. *Ibid*, 460-461.

<sup>332</sup> Nama sebenar beliau ialah *Fātimah al-Zahrā' Binti Muhammad bin 'Abdullah bin 'Abd al-Mutālib bin Hasyim*, dan merupakan anak perempuan Rasulullah yang paling muda. *Fātimah* telah mengahwini *Sayyidinā 'Ali* dan telah dijanjikan syurga oleh Rasulullah S.A.W. bersama-sama ibunya *Siti Khadijah*, *Maryam* dan juga *Asiah*. Menurut *al-Wāqidi*, *Fatimah* telah meninggal dunia pada malam Selasa, pada bulan Ramadan tahun ke-11 Hijrah. *Ibid*, 262-267.

<sup>333</sup> Tiada pada B

<sup>334</sup> Pada B: [maka adalah]

<sup>335</sup> Pada B: [adalah segala]

<sup>336</sup> Pada B: [beberapa perbuatan]

<sup>337</sup> Pada B: [sudah]

memberi zakat. Erti zakat itu bertambah kebajikan dan menyucikan arta, membaik arta dan beroleh berkat dan puji.

Dan<sup>338</sup> keempat puasa pada bulan Ramadan. Erti puasa itu menahan<sup>339</sup> diri daripada segala yang membina sakan puasa [dan menahan diri daripada barang yang membina sakan pahala puasa]<sup>340</sup>. Dan<sup>341</sup> kelima naik haji kepada Ka‘batullah jika kuasa ia berjalan kepadanya. Dan<sup>342</sup> erti haji itu menyahaja pergi mengucung<sup>343</sup>.

[Golongan yang diwajibkan sembahyang, puasa, zakat dan naik haji]

Maka adalah sembahyang itu difardukan ia atas segala orang yang akil baligh. Maka tiada difardukan ia<sup>344</sup> atas segala kanak-kanak dan orang gila. Dan zakat itu difardukan atas segala orang kaya dan tiada difardukan ia<sup>345</sup> atas segala orang yang fakir dan miskin, yang tiada mereka itu mempunyai arta. Dan puasa itu difardukan<sup>346</sup> ia atas segala orang yang akil baligh, yang kuasa mereka itu atas mengerjakan puasa.

Dan tiada difardukan atas segala orang yang<sup>347</sup> tuha<sup>348</sup> dan orang yang tiada kua/B11/sa mengerjakan puasa sebab sakitnya. Dan haji itu difardukan ia atas segala orang yang beroleh bekal naik haji pada perginya dan kembalinya, dan tiada difardukan ia atas segala orang yang tiada beroleh bekal naik haji. Maka adalah sembahyang dan puasa dan [naik haji]<sup>349</sup> dinamai [fardu *badaniyyah* yakni fardu yang dikerjakan dengan tubuh. Dan zakat itu dinamai]<sup>350</sup> fardu *māliyyah* yakni fardu yang<sup>351</sup> diambil daripada

<sup>338</sup> Tiada pada B

<sup>339</sup> Pada B: [menahan]

<sup>340</sup> Tiada pada B

<sup>341</sup> Tiada pada B

<sup>342</sup> Tiada pada B

<sup>343</sup> Pada B: [menunjung]. Mengunjung, dalam teks ditulis ﺥَوْجَةً

<sup>344</sup> Tiada pada B

<sup>345</sup> Tiada pada B

<sup>346</sup> Pada B: [difardu]

<sup>347</sup> Tiada pada B

<sup>348</sup> Sebutan perkataan ini berdasarkan sastera lama, sebutan Bahasa Malaysia berdasarkan Daftar Kata Bahasa Melayu, (DMP, 2001) ialah “tua”. *Kamus Dewan*, 1722. Lihat juga *Kamus Bahasa Melayu Nusantara*, 2895.

<sup>349</sup> Pada B: [naik haji itu]

<sup>350</sup> Tiada pada B

<sup>351</sup> Tiada pada B

arta. Maka barang siapa mengatakan atau mengiktiadkan segala rukun Islam itu tiada difardukan atas Nabi Muhammad S.A.W. dan atas segala ummatnya nescaya jadi kafir ia.

### [Pengertian Islam dan Iman]

Maka erti Islam itu pada bahasa Arab *الإِيمَانُ لِأَوْامِرِ اللَّهِ وَالْجُنُبَاتُ عَنْ تَوَاهِيهِ* [dan erti]<sup>352</sup>

Islam pada bahasa kita itu menjunjung<sup>353</sup> segala titah Allah dan menjauh segala larangannya<sup>354</sup> dan merendahkan diri kepada Allah Taala. Dan erti iman itu menyungguhkan dengan hati akan barang yang /A16/ dibawa oleh Rasulullah S.A.W. daripada Allah Taala.

## 2) KITAB RUKUN IMAN

Bermula segala rukun iman itu enam perkara yaitu: /B12/

### [Percaya kepada Allah]

*أَمْنَتُ بِاللَّهِ وَمَلَائِكَتِهِ وَكُتُبِهِ وَرُسُلِهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ وَالْقَدْرِ خَيْرٌ وَشَرٌّ مِنْ اللَّهِ تَعَالَى*

Ertinya: “Percaya aku akan Allah dan akan segala malaikatnya dan akan segala kitabnya dan akan segala pesuruhnya dan akan hari yang kemudian dan akan untung baiknya<sup>355</sup> dan jahatnya daripada Allah Taala”.

Bermula rupa percaya akan Allah Taala itu hendaklah kita ketahui dan kita percaya dan kita sungguhkan bahawasanya Allah Taala ada ia selama-lamanya, tiada bepermulaan adanya seperti yang telah lalu sebutnya pada perkataan rukun syahadah itu.

<sup>352</sup> Pada B: [ertinya]

<sup>353</sup> Menjunjung. Dalam teks ditulis *من حيث*.

<sup>354</sup> Pada B: [larangan]

<sup>355</sup> Pada B: [baik]

### [Percaya kepada malaikat]

Dan rupa percaya akan segala Malaikat itu hendaklah kita ketahui dan kita percaya dan kita sungguhkan bahawasanya segala Malaikat itu hamba Allah Taala, bukan mereka itu laki-laki dan bukan mereka itu perempuan.

### [Sifat-sifat malaikat]

Dan tiada mereka itu beribu dan berbapa dan tiada<sup>356</sup> beristeri dan beranak<sup>357</sup> dan tiada mereka itu tidur dan<sup>358</sup> bersyahwat. Dan tiada mereka itu makan dan minum dan tiada mereka itu berbuat derhaka kepada Allah Taala sekejap mata jua pun. **Dan adalah** /B13/ tubuh mereka itu terlalu *latif* [ertinya halus, tiada dapat kita lihat akan dia]<sup>359</sup> dijadikan Allah Taala akan mereka itu daripada Nur.

Maka **adalah** diperbuat mereka itu barang yang dititahkan Allah Taala kepada mereka itu dan adalah segala rupa mereka itu berlain-lainan. **Dan setengah** mereka itu mempunyai beberapa puluh sayap **dan setengah** mereka itu mempunyai beberapa ratus sayap **dan setengah** mereka itu mempunyai beberapa ribu sayap dan beberapa kepala.

### [Tugas-tugas malaikat]

Dan demikian lagi kerja mereka itu pun berlain-lainan atas pekerjaan yang sudah ditentukan<sup>360</sup> oleh Tuhan mereka itu. Setengah mereka itu menanggung 'arasy sentiasa **dan setengah** mereka itu mengelilingi 'arasy sentiasa **dan setengah** mereka itu menanggung *kursi*<sup>361</sup> sentiasa.

<sup>356</sup> Pada B: [tiada mereka itu]

<sup>357</sup> Pada B: [anak]

<sup>358</sup> Pada B: [dan tiada mereka itu]

<sup>359</sup> Tiada pada B

<sup>360</sup> Pada B: [tentukan]

<sup>361</sup> Pada B: ['arasy]

Dan setengah mereka itu [وَمُعْهَدُوا يَ] <sup>362</sup> syurga sentiasa dan setengah mereka itu [وَمُعْهَدُوا يَ]

[وَ] nareka sentiasa. Dan setengah mereka itu rukuk sentiasa dan setengah mereka itu sujud sentiasa. Dan setengah mereka itu /A17/ duduk sentiasa dan setengah mereka itu mengucap tasbih sentiasa yaitu membaca *Subhānallāhi wa Bihamdihi*. Dan setengah mereka itu mengucap tahlil sentiasa yaitu *Lā ilāha illallāh* dan setengah <sup>363</sup> /B14/ mengucap istighfar sentiasa <sup>364</sup> iaitu *astaghfirullāh al-'Azīm*. Dan barang sebagainya dan beberapa malaikat *karūbīn*, malaikat <sup>365</sup> *muqarrabīn* dan malaikat *muhaimīn*<sup>366</sup> atas berbagai-bagai rupa maka <sup>367</sup> mereka itu dan kelakuan mereka itu.

Dan <sup>368</sup> adalah segala malaikat itu amat banyak hingga penuhlah segala langit yang tujuh itu hingga sampai kepada 'arasy tiada siapa-siapa mengetahui bilangan banyak mereka itu melainkan Allah Taala jua seorang dirinya. Maka adalah yang pilihan daripada mereka itu empat orang yaitu: Jibrail adalah kerjanya itu menyampaikan wahu Allah Taala kepada segala pesuruhnya.

Dan Mikail adalah kerjanya itu menentukan hujan dan rezeki segala hamba Allah. Dan Israfil adalah kerjanya meniup sangka kala pada ketika hari kiamat. Dan Izrail<sup>369</sup> yaitu mala-maut adalah kerjanya itu mengambil nyawa segala hamba Allah. Dan kata setengah ulama adalah penghulu segala malaikat itu dinamai ruh.

<sup>362</sup> Pada B: [وَمُعْهَدُوا يَ]

<sup>363</sup> Pada B: [setengah mereka itu]

<sup>364</sup> Tiada pada B

<sup>365</sup> Pada B: [Dan malaikat]

<sup>366</sup> Pada B: [malamin]

<sup>367</sup> Tiada pada B

<sup>368</sup> Tiada pada B

<sup>369</sup> Pada B: [Izrail itu]

Maka adalah ia pada hari kiamat berdiri ia seorang dirinya dalam suatu saf dan berdiri<sup>370</sup> sekalian /B15/ malaikat itu di belakang<sup>371</sup> dalam suatu saf seperti firman Allah Taala:

يَوْمَ يُقُومُ الرُّوحُ وَالْمَلَائِكَةُ صَفَّا

Ertinya: "Pada hari kiamat itu berdirilah ruh itu seorang diri dalam suatu saf dan berdiri segala malaikat itu di belakangnya dalam suatu saf".

(Surah *al-Nabā'* 78: 38)

Dan<sup>372</sup> kata setengah ulama adalah yang dinamai ruh itu Jibril A.S. Maka adalah malaikat yang bernama ruh itu mengucap tasbih [ia di]<sup>373</sup> dalam tiap-tiap<sup>374</sup> hari dua belas ribu tasbih. Maka dijadikan Allah Taala akan sekalian<sup>375</sup> tasbihnya itu malaikat sebilang<sup>376</sup> banyak tasbihnya itu demikianlah kelakuannya<sup>377</sup> [di dalam]<sup>378</sup> tiap-tiap hari hingga hari kiamat. Maka adalah<sup>379</sup> terlebih besar daripada sekalian malaikat samahanya. Syahadan bahawa adalah kasih akan segala malaikat itu setengah daripada segala<sup>380</sup> syarat iman, yakni tiada diterima Allah Taala akan iman seorang itu melainkan kasih akan segala malaikat samahanya. Maka barang siapa /A18/ berseteru<sup>381</sup> atau [benci atau]<sup>382</sup> menghinakan [atau menyumpah]<sup>383</sup> akan<sup>384</sup> sekalian mereka itu atau akan salah seorang daripada mereka itu bahawasanya jadi kafir ia.

<sup>370</sup> Pada B: [beri]

<sup>371</sup> Pada B: [di belakangnya]

<sup>372</sup> Tiada pada B

<sup>373</sup> Tiada pada B

<sup>374</sup> Pada B: [tiap]

<sup>375</sup> Pada B: [segala]

<sup>376</sup> Bermaksud tiap-tiap atau setiap. *Kamus Bahasa Melayu Nusantara*, 336, W.G. Shellabear, *Malay-English Vocabulary* (Singapura: American Mission Press, 1902), 99.

<sup>377</sup> Pada B: [kelakuan]

<sup>378</sup> Pada B: [dalam]

<sup>379</sup> Pada B: [adalah ia]

<sup>380</sup> Tiada pada B

<sup>381</sup> Bermaksud bermusuh, *Kamus Dewan*, 1481. Yaakub Isa, *Kamus Bahasa Melayu Klasik.*, 180.

<sup>382</sup> Tiada pada B

<sup>383</sup> Tiada pada B

<sup>384</sup> Tiada pada B

## [Percaya kepada Kitab Allah]

Dan rupa percahaya<sup>385</sup> akan segala kitab Allah itu henda/B16/klah kita percaya dan kita sungguhan bahawasanya sebenarnya Allah Taala itu menurunkan [beberapa kitab kepada segala]<sup>386</sup> nabinya<sup>387</sup> yang jadi pesuruh. **Maka adalah** banyak segala kitab Allah Taala itu seratus empat<sup>388</sup> kitab.

**Maka** diturunkan kepada Nabi Allah Adam itu sepuluh buah<sup>389</sup> kitab. **Dan** diturunkan kepada Nabi Allah<sup>390</sup> Syaith itu lima puluh<sup>391</sup> buah<sup>392</sup> kitab. **Dan** diturunkan kepada Nabi Allah Idris<sup>393</sup> tiga puluh buah kitab **dan** diturunkan kepada Nabi Allah Ibrahim itu sepuluh buah<sup>394</sup> kitab dan diturunkan kepada Nabi Allah Musa dahulu daripada tauriah itu<sup>395</sup> sepuluh buah<sup>396</sup> kitab.

**Maka adalah** sekalian kitab itu *ṣuḥuf* namanya. **Maka adalah** asal makna *ṣuḥuf* itu kitab yang kecil lagi bergulung-gulung<sup>397</sup> dan diturunkan kepada Nabi Allah Musa sebuah kitab pula Tauriah namanya. **Dan** diturunkan kepada Nabi Allah Daud sebuah kitab Zabūr namanya. **Dan** diturunkan kepada Nabi Allah Isa sebuah kitab Injil namanya<sup>398</sup>. **Dan** diturunkan kepada<sup>399</sup> Nabi kita<sup>400</sup> Muhammad S.A.W. sebuah kitab Quran /B17/ namanya.

<sup>385</sup> Pada B: [percaya]

<sup>386</sup> Tiada pada B

<sup>387</sup> Pada B: [nabi]

<sup>388</sup> Pada B: [empat buah]

<sup>389</sup> Tiada pada B

<sup>390</sup> Pada B: [Allahnya]

<sup>391</sup> Pada B: [sepuluh]

<sup>392</sup> Tiada pada B

<sup>393</sup> Pada B: [Idris itu]

<sup>394</sup> Tiada pada B

<sup>395</sup> Tiada pada B

<sup>396</sup> Tiada pada B

<sup>397</sup> Pada B: [bergulung]

<sup>398</sup> Tiada pada B

<sup>399</sup> Pada B: [kepada kita]

<sup>400</sup> Tiada pada B

Maka adalah tersebut dalam segala<sup>401</sup> kitab itu suruh berbuat kebajikan dan tegah daripada berbuat kejahanan dan janji maknugerahi<sup>402</sup> nikmat akan segala hambanya yang mukmin dan janji akan menyeksa segala hambanya yang derhaka<sup>403</sup> dan segala kafir dan segala pengajar. Dan segala ceritera<sup>404</sup> yang ghaib-ghaib dan segala perintah agama dan halal dan haram dan sunat dan *mubāh* dan makruh.

#### [Isi kandungan al-Quran]

Dan adalah tersebut dalam Quran itu sembilan bagi: **pertama** halal **dan kedua** haram **dan ketiga** *muhibah* ertinya yang nyata maknanya kepada kebanyakan manusia.

Dan **keempat** *mutasyābih* ertinya barang yang tiada nyata maknanya kepada kebanyakan manusia. **Dan kelima** *basyīr* ertinya menceritarakan segala mukmin dengan masuk syurga. **Dan keenam** *nadhīr* ertinya menceriterakan segala kafir itu dengan masuk nareka. **Dan ketujuh** *iżāh*<sup>405</sup> ertinya pengajar dan **kedelapan**<sup>406</sup> *qisāṣ* ertinya segala ceritera yang ghaib-ghaib.

Dan **kesembilan** *mathal* ertinya segala rupa<sup>407</sup> /A19/ yakni menyerupakan kehid/B18/upan di dalam dunia itu seperti air hujan yang dihamburkan oleh segala angin dan diserupakan segala kafir yang menyembah berhala itu<sup>408</sup> seperti sarang laba-laba dan<sup>409</sup> barang sebagainya. Maka adalah segala kitab Allah<sup>410</sup> itu samahanya sudahlah *mansūkh* hukumnya yakni tiadalah dipakai hukum sekaliannya<sup>411</sup>.

<sup>401</sup> Tiada pada B

<sup>402</sup> مانکر هي Menganugerahi. Dalam teks ditulis .

<sup>403</sup> Pada B: [derhaka itu]

<sup>404</sup> Bermaksud cerita,Lihat *Kamus Dewan*, 273, *Kamus Bahasa Melayu Nusantara*, 484. Perkataan ini berasal dari bahasa Sanskrit, bermaksud cerita,riwayat, kisah,berita yang dituturkan atau yang dituliskan tentang sesuatu yang telah terjadi. Yaakub Isa, *Kamus Bahasa Melayu Klasik*, h.34.

<sup>405</sup> Pada B: [*ghizzah*]

<sup>406</sup> Pada B: [dengan]

<sup>407</sup> Pada B: [serupa]

<sup>408</sup> Tiada pada B

<sup>409</sup> Tiada pada B

<sup>410</sup> Pada B: [Allah Taala]

<sup>411</sup> Pada B: [sekalian]

Maka adalah yang dipakai itu hukum Quran jua hingga hari Kiamat. **Maka adalah** Quran itu setengahnya *nāsikh*, **ertinya** [mengubahkan hukum ayat yang dahulunya. Dan setengahnya *mansūkh*, **ertinya**]<sup>412</sup> yang diubahkan hukumnya. **Maka adalah** dalam Quran<sup>413</sup> empat bagi: **Pertama** segala suratannya dan hukumnya yaitu kebanyakan Quran. **Dan kedua** segala suratannya dan bacaannya dan tiada terpakai hukumnya<sup>414</sup> yaitu seperti

قُلْ يَتَعَالَى اللَّهُ كَبِيرُونَ

hingga kesudahannya dan pertama surah

يَتَعَالَى الْمُزَمِّلُ

hingga sampai kepada<sup>415</sup>

أَوْ رَدَ عَلَيْهِ

dan lainnya. Maka adalah surah

قُلْ يَتَعَالَى اللَّهُ كَبِيرُونَ

itu tiada menyuruh Rasulullah berparang<sup>416</sup> dengan segala kafir tatkala ada ia di dalam

negeri Mekah. Maka tatkala ia berpindah ke negeri Madinah maka /B19/ turun<sup>417</sup> ayat yang<sup>418</sup> menyuruh ia<sup>419</sup> berparang pula. Dan adalah awal **يَتَعَالَى الْمُزَمِّل** itu menyuruh Rasulullah sembahyang pada malam jua kemudian maka<sup>420</sup> turun ayat menyuruh Rasulullah sembahyang lima waktu. **Dan yang ketiga** itu kekal hukumnya dan *mansūkh*

<sup>412</sup> Tiada pada B

<sup>413</sup> Pada B: [Quran itu]

<sup>414</sup> Pada B: [hukum]

<sup>415</sup> Tiada pada B

<sup>416</sup> Berperang, juga dieja dengan بِرْ فَرْغ. Lihat William Marsden, *Dictionary of The Malayan Language*, 211.

<sup>417</sup> Pada B: [diturunkan]

<sup>418</sup> Tiada pada B

<sup>419</sup> Tiada pada B

<sup>420</sup> Tiada pada B

suratannya dan bacaannya yaitu seperti<sup>421</sup> ayat *al-rajm* yakni ayat yang mengatakan rejam ertinya<sup>422</sup> dilotar<sup>423</sup> dengan batu.

Maka barangkali laki-laki<sup>424</sup> yang *muhsan* dan perempuan yang *muhsanah*<sup>425</sup> berbuat zina keduanya maka dilotar keduanya<sup>426</sup> dengan batu [hingga mati]<sup>427</sup> keduanya. **Maka adalah** ayat *al-rajm* yang dimansuhkan suratannya [dan bacaannya]<sup>428</sup> yaitu

الشيخ والشیخة اذا زنا فارجموهما

Ertinya: Laki-laki yang tuha<sup>429</sup> dan perempuan yang tuha itu apabila berbuat zina keduanya maka lotar oleh kamu akan keduanya [dengan batu]<sup>430</sup>.

Maka adalah ayat ini dihilangkan suratannya **dan keempat** itu *mansūkh* hukumnya dan suratannya dan bacaannya yaitu suatu surah seperti panjang surah al-Baqarah. **Maka /B20/ adalah** ia dihilangkan<sup>431</sup> suratannya dan bacaannya dan dihilangkan<sup>432</sup> ia hati<sup>433</sup> Rasulullah<sup>434</sup> /A20/ dan daripada hati segala sahabat Rasulullah. Maka adalah erti<sup>435</sup> *mansūkh* itu dua<sup>436</sup> maknanya suatu maknanya mengubahkan dan memindahkan dan<sup>437</sup> menghilangkan.

**Maka adalah** sekalian kitab Allah Taala dan Quran itu dinamai kalam Allah pada pihak harus jua karena menuncukkan<sup>438</sup> sekalian akan<sup>439</sup> yang *qadīm* itu. **Maka adalah** kalam

<sup>421</sup> Pada B: [seperti ayat]

<sup>422</sup> Pada B: [iaitu]

<sup>423</sup> Dilontar. Dalam teks ditulis دلور.

<sup>424</sup> Pada B: [laki-laki yakni yang dinikah dengan سفراط]

<sup>425</sup> Pada B: [muhsan]

<sup>426</sup> Tiada pada B

<sup>427</sup> Tiada pada B

<sup>428</sup> Tiada pada B

<sup>429</sup> tua

<sup>430</sup> Tiada pada B

<sup>431</sup> Pada B: [hilangkan]

<sup>432</sup> Pada B: [hilang]

<sup>433</sup> Pada B:[pada hati]

<sup>434</sup> Pada B: [Rasulullah s.a.w.]

<sup>435</sup> Pada B: [ertinya]

<sup>436</sup> Tiada pada B

<sup>437</sup> Pada B; [dan kedua maknanya mengatakan dan menghilangkan]

<sup>438</sup> Menunjukkan. Dalam teks ditulis منتجون.

<sup>439</sup> Pada B: [akan kalam Allah Taala]

Allah yang *qadīm* itu tiada dihuruf dan tiada disuara dan tiada dibepermulaan<sup>440</sup> dan tiada berputusan dan tiada berkesudahan<sup>441</sup>.

**Maka adalah** kalam Allah yang<sup>442</sup> *qadīm* itu dinamai kalam *nafṣī* yakni<sup>443</sup> kata-kata<sup>444</sup> Allah Taala yang dalam dirinya. **Maka adalah** ia berdiri dengan zatNya dan tiada lain daripada zatNya. **Maka adalah** sekalian barang yang tersebut<sup>445</sup> [di dalam Quran dan barang yang tersebut]<sup>446</sup> di dalam segala kitab dan lainnya<sup>447</sup> itu sudahlah dinyatakan /B21/ Allah<sup>448</sup> dan dikatakannya akan dia dengan ilmunya pada azali. Kemudian maka diturunkannya<sup>449</sup> akan<sup>450</sup> segala kitab dan Quran itu seperti barang yang telah dinyatakan dan dikatakannya dalam dirinya dengan ilmunya itulah tiadalah berlebih kurang lagi.

Maka jadilah segala kitab dan Quran itu menunjukkan sekaliannya itu akan kata-kata Allah Taala yang dalam dirinya yang tiada huruf dan tiada suara itu<sup>451</sup>. **Maka adalah** kata-kata Allah Taala yang dalam dirinya itu sekali-kali tiada ia tanggal dan cerai daripada zatNya. Adalah ia esa serta zatnya.

Maka adalah ia meliput akan sekalian kitab yang diturunkan itu yakni adalah yang dikatakannya dalam dirinya itu sekaliannya<sup>452</sup> barang yang disebutkan dalam segala kitab dan dalam<sup>453</sup> Quran dan lainnya daripada segala maklumnya yang tiada berhingga.

<sup>440</sup> Pada B: [bepermulaan]

<sup>441</sup> Pada B: [kesudahan]

<sup>442</sup> Pada B: [yang itu]

<sup>443</sup> Pada B: [yang]

<sup>444</sup> Pada B: [kata]

<sup>445</sup> Pada B: [sebut]

<sup>446</sup> Tiada pada B

<sup>447</sup> Pada B: [lain]

<sup>448</sup> Pada B: [akan Allah]

<sup>449</sup> Pada B: [diturunkan]

<sup>450</sup> Tiada pada B

<sup>451</sup> Tiada pada B

<sup>452</sup> Pada B: [sekalian]

<sup>453</sup> Pada B: [di dalam]

## [Malaikat Jibrail menurunkan kitab-kitab kepada para Rasul]

Maka adalah yang membawak turun segala kitab dan Quran itu Jibrail A.S. Maka adalah Jibrail itu duduk ia pada tempat yang tinggi maka didengarnyakan<sup>454</sup> kalam /B22/ Allah yang tiada dihuruf<sup>455</sup> dan tiada suara itu<sup>456</sup> atau diilhamkan Allah Taala akan katanya<sup>457</sup> yang tiada dihuruf dan<sup>458</sup> suara itu ke dalam hati Jibrail.

Kemudian maka dibawaknya kepada segala nabi yang mempunyai kitab dan pada<sup>459</sup> nabi kita Muhammad S.A.W. seperti barang yang didengarnya itu atau seperti barang yang diilhamkannya<sup>460</sup> ke dalam hatinya.

## [Bahasa-bahasa bagi kitab-kitab yang diturunkan oleh Allah]

Maka diibaratkan oleh Jibrail akan<sup>461</sup> kalam Allah yang didengarnya atau yang<sup>462</sup> diilhamkan kepadanya itu dengan bahasa Arab seperti lafaz Quran yang ada sekarang /A21/ ini atau dengan bahasa ‘Ibrani atau dengan bahasa Sarbani.

Maka **tatkala** diibaratkan kalam Allah itu dengan bahasa ‘Arabi dinamai Quran. Dan **tatkala** diibaratkan kalam Allah itu dengan bahasa ‘Ibrani<sup>463</sup> dinamai Taurah. **Dan** **tatkala** diibaratkan kalam<sup>464</sup> Allah itu dengan bahasa Sarbani dinamai Zabur dan Injil dari karena adalah keduanya itu dengan bahasa Sarbani.

Maka **adalah** [yang bersalahan itu ibarat Jibrail jua tiada dibersalahan yang dinamai]<sup>465</sup>, yakni katanya yang dalam dirinya dari karena /B23/ kalam Allah yang berdiri dengan zatnya itu bukan ia bahasa Arabi dan bukan ia bahasa Ibrani dan bukan

<sup>454</sup> Pada B: [didengarnya akan]

<sup>455</sup> Pada B: [huruf]

<sup>456</sup> Tiada pada B

<sup>457</sup> Pada B: [kitab]

<sup>458</sup> Pada B: [dan tiada]

<sup>459</sup> Pada B: [kepada]

<sup>460</sup> Pada B: [diilhamkan]

<sup>461</sup> Tiada pada B

<sup>462</sup> Tiada pada B

<sup>463</sup> Bermaksud bahasa Yahudi kuno. Lihat *Kamus Bahasa Melayu Nusantara*, 962.

<sup>464</sup> Pada B: [segala kalam]

<sup>465</sup> Tiada pada B

ia bahasa Sarbani dari karena kalam Allah Taala ertinya kata-kata Allah<sup>466</sup> Taala yang dalam dirinya itu tiada ia huruf dan tiada suara dan tiada bepermulaan [dan tiada berputusan dan tiada berkesudahan.

### [Al-Quran diturunkan secara bercerai-cerai dan tidak teratur]

**Maka adalah** segala kitab yang lain]<sup>467</sup> daripada<sup>468</sup> Quran itu diturunkan sekaliannya itu dengan sekali turun juga, **maka adalah** Quran itu turunnya bercerai-cerai. **Maka adalah** turun Quran itu sekira-kira dua puluh tiga tahun lamanya. Maka adalah pertama turunnya itu tatkala sampailah umur Nabi S.A.W. itu empat puluh tahun hingga sampai kepada hampir matinya, maka habislah turun<sup>469</sup> ayat. **Maka adalah** turun segala ayat Quran itu bercerai-cerai dan berputus-putus<sup>470</sup>. Setengah Quran itu diturunkan ia di dalam Negeri Mekah dan setengahnya diturunkan di dalam Negeri Madinah.

**Maka adalah** segala Quran itu pada masa Nabi kita Muhammad S.A.W. tiada /B24/ beratur seperti sekarang ini. **Maka adalah** Quran pada masa itu samahanya dihafazkan oleh Rasulullah dan dihafazkan oleh segala sahabat<sup>471</sup> Rasulullah. **Maka adalah** yang mengaturkan<sup>472</sup> [Quran seperti yang ada sekarang ini]<sup>473</sup> ‘Uthmān anak ‘Affān.

### [Hukum orang yang tidak percaya akan kitab Allah atau menghinakannya]

Maka barang siapa tiada percaya akan kitab<sup>474</sup> Allah atau akan setengahnya atau akan Quran<sup>475</sup> atau akan [setengahnya atau akan]<sup>476</sup> suatu ayat daripadanya atau menghinakan

<sup>466</sup> Tiada pada B

<sup>467</sup> Tiada pada B

<sup>468</sup> Pada B:[dan tiada daripada]

<sup>469</sup> Pada B: [turunnya]

<sup>470</sup> Pada B: [berputusán]

<sup>471</sup> Pada B: [sahabatnya]

<sup>472</sup> Pada B: [mengarang ia]

<sup>473</sup> Tiada pada B

<sup>474</sup> Pada B; [segala kitab]

<sup>475</sup> Pada B; [Quran setengahnya]

<sup>476</sup> Tiada pada B

Quran atau akan setengahnya, seperti dicampakkan akan dia ke dalam tempat yang cemar, nescaya jadi kafir ia<sup>477</sup>.

### [Percaya kepada Rasul]

Dan rupa percaya akan segala pesuruh itu hendaklah kita ketahui [dan kita percaya]<sup>478</sup> dan kita sungguhkan bahwasanya sebenarnya Allah Taala itu menyuruhkan ia beberapa pesuruh kepada segala makhluknya daripada manusia laki-laki [lagi merdeheka<sup>479</sup>] <sup>480</sup> lagi berbangsa lagi budiman lagi /A22/ benar lagi kepercayaan mereka itu.

Maka adalah yang disampaikan oleh segala pesuruh itu kepada segala makhluknya<sup>481</sup> itu barang yang dititahkan Allah Taala akan mereka itu menyampaikan dia kepada mereka itu supaya nyatalah jalan bahagia dan jalan celaka, /B25/ yakni barang yang mengikut mereka itu akan segala pesuruh itu adalah mereka itu [berbahagia dan barang yang tiada mengikut mereka itu akan segala pesuruh itu adalah mereka itu]<sup>482</sup> celaka. Dan lagi tiadalah dapat<sup>483</sup> segala manusia itu mendalih kepada Allah Taala pada hari kiamat.

Maka adalah pada hari kiamat itu ditanyai Allah Taala akan segala kafir: “Mengapa maka tiada kamu percaya akan aku<sup>484</sup> dan berbuat bakti kepada aku? Bukankah<sup>485</sup> sudah aku<sup>486</sup> suruhkan kepada kamu segala pesuruhku di dalam dunia? Dan sudahkah<sup>487</sup> disampaikan mereka itu akan barang yang ku suruhkan mereka itu menyampaikan dia kepada kamu<sup>488</sup>”, Maka tatkala itu [tiadalah dapat mereka itu]<sup>489</sup> menjawab akan

<sup>477</sup> Tiada pada B

<sup>478</sup> Tiada pada B

<sup>479</sup> Bermaksud merdeka, *Kamus Dewan*, 2005, h.1024

<sup>480</sup> Tiada pada B.

<sup>481</sup> Pada B: [makhluk]

<sup>482</sup> Tiada pada B

<sup>483</sup> Pada B: [boleh]

<sup>484</sup> Pada B: [daku]

<sup>485</sup> Pada B: [bukanlah]

<sup>486</sup> Pada B: [ku]

<sup>487</sup> Pada B: [sudahlah]

<sup>488</sup> Pada B: [mu]

katanya Allah<sup>490</sup> itu sebab sudah disuruhkan Allah Taala kepada mereka itu segala pesuruhnya.

Dan adalah pesuruh itu perantaraan antara yang<sup>491</sup> menyuruh dan tempat<sup>492</sup> disuruh.

Dan adalah dinyatakan oleh segala pesuruh itu<sup>493</sup> kepada<sup>494</sup> segala manusia itu daripada hukum agama, yaitu halal dan haram dan<sup>495</sup> sunat dan makruh dan *mubāh*. Dan ceriterakan mereka itu akan segala orang yang beriman dan akan segala orang yang berbuat amal soleh dengan balas syurga dan akan segala kafir itu dengan balas masuk neraka dan segala syeksanya.

Dan adalah segala pesuruh dan segala nabi itu terpelihara mereka itu daripada kufur dan daripada segala dosa besar dahulu daripada jadi<sup>496</sup> pesuruh dan kemudianya. Dan adalah banyak bilangan segala nabi itu samahanya sakti dua laksa<sup>497</sup> empat ribu. Maka adalah yang pertama daripada mereka itu Adam A.S. dan yang kesudahan daripada mereka itu nabi kita Muhammad S.A.W.

#### [Bilangan para nabi dan rasul]

Dan adalah bilangan segala nabi yang jadi pesuruh itu tiga ratus tiga belas orang dan segala pesuruh /B27/ yang keturunan kitab itu dulapan orang yaitu: Adam **dan** Syaith **dan** Idris **dan** Ibrahim **dan** Musa **dan** Daud **dan** Isa **dan** Muhammad S.A.W. Dan adalah segala pesuruh yang empunya syariat itu enam orang yaitu Adam **dan** Nuh **dan** Ibrahim /A23/ **dan** Musa **dan** Isa **dan** Muhammad S.A.W.

<sup>489</sup> Pada B: [tiadalah dapat mereka itu menyampaikan dia kepadamu maka tatkala itu tiadalah dapat mereka itu]

<sup>490</sup> Pada B: [Allah Taala]

<sup>491</sup> Tiada pada B

<sup>492</sup> Pada B: [antara tempat yang]

<sup>493</sup> Tiada pada B

<sup>494</sup> Pada B: [kepada mereka itu segala pesuruhnya dan /B26/ dan adalah dinyatakan oleh segala pesuruh itu kepada ]

<sup>495</sup> Tiada pada B

<sup>496</sup> Tiada pada B

<sup>497</sup> Bermaksud sepuluh ribu. *Kamus Dewan*, 2005, h.871. Yaakub Isa (1997), *op.cit*, h.97. Oleh itu, dua laksa empat ribu bermaksud dua puluh empat ribu. W.G. Shellabear, *Malay-English Vocabulary*, .65.

**Maka adalah** segala pesuruh yang tiada mempunyai kitab dan syariat itu disampaikan oleh mereka itu akan kitab dan syariat pesuruh yang dahulu daripada mereka itu, yakni adalah segala pesuruh yang ada mereka itu pada antara segala pesuruh yang mempunyai syariat itu disampaikan oleh mereka itu akan syariat pesuruh yang dahulu daripada mereka itu.

**Maka adalah** sekalian nabi itu samahanya daripada anak cucu Nabi Allah<sup>498</sup> Ibrahim A.S. [dulapan orang]<sup>499</sup> juga<sup>500</sup> yaitu Adam **dan** Syaith **dan** Idris **dan** Nuh **dan** Hud /B28/ **dan** Soleh **dan** Lüt **dan** Yunus.

**Dan** adalah segala nabi itu pula samahanya daripada anak cucu Nabi Allah Yaakob A.S. melainkan segala Nabi yang dulapan yang telah tersebut itu.

#### [Bahasa-bahasa para nabi]

Dan Ibrahim **dan** Ishak **dan** ‘Ayş **dan** Syu‘aib]<sup>501</sup> **dan** Ismail **dan** Ayub **dan** Muhammad S.A.W. **dan adalah** bahasa segala nabi itu tiga bahasa **pertama** bahasa Sarbani **dan kedua** bahasa Ibrani **dan ketiga** bahasa Arabi. **Maka adalah** segala nabi yang mempunyai bahasa /A24/ Sarbani itu Idris **dan** Nuh **dan** Lüt **dan** Ibrahim **dan** Yunus.

**Dan segala** Nabi yang mempunyai bahasa Ibrani itu segala nabi Bani Israil yakni segala anak cucu Nabi Allah Yaakob A.S. **Dan segala** nabi yang mempunyai bahasa Arabi itu yaitu Hud **dan** Soleh **dan** Ismail **dan** Syu‘aib **dan** Muhammad S.A.W.

<sup>498</sup> Tiada pada B

<sup>499</sup> Pada B:[melainkan dulapan orang]

<sup>500</sup> Tiada pada B

<sup>501</sup> Tiada pada B

## [Takrif nabi dan rasul]

**Maka adalah** erti<sup>502</sup> nabi itu dua maknanya: suatu makna /B29/ nya menceritarakan dari karena adalah segala nabi itu menceritarakan mereka itu akan pekerjaan yang ghaib-ghaib kepada segala manusia dan kedua maknanya itu tinggi dari karena adalah segala Nabi itu tinggi martabat mereka itu daripada segala manusia. **Maka adapun** yang bernama nabi itu seorang<sup>503</sup> laki-laki yang diwahyukan<sup>504</sup> Allah Taala kepadanya syariat dengan mengerjakan dia dan<sup>505</sup> tiada disuruhkan dia menyampaikan syariat itu kepada seorang jua pun.

**Dan adapun** yang dinamai pesuruh lagi nabi<sup>506</sup> [lagi mempunyai itu]<sup>507</sup> seorang laki-laki yang diwahyukan<sup>508</sup> kepadanya suatu syariat dengan mengerjakan dia lagi disuruh menyampaikan dia kepada segala kaumnya.

**Dan adapun** yang dinamai pesuruh lagi nabi lagi mempunyai kitab<sup>509</sup> [lagi mempunyai syariat]<sup>510</sup> itu yaitu seorang laki-laki yang diturunkan kepadanya kitab lagi disuruh akan dia menyampaikan kitab itu kepada kaumnya.

**Maka daripada** Adam datang kepada Nuh dipakai syariat Adam. **Dan /B30/** daripada Nuh datang kepada Ibrahim dipakai syariat Nuh. **Dan** daripada<sup>511</sup> Ibrahim datang kepada Musa dipakai syariat Ibrahim . **Dan** daripada Musa datang kepada Isa dipakai syariat Musa. **Dan** daripada Isa itu datang kepada Muhammad S.A.W. dipakai syariat Isa. **Dan** daripada Muhammad S.A.W. dipakai syariat Muhammad S.A.W. hingga hari Kiamat.

<sup>502</sup> Pada B:[ertinya nabi]

<sup>503</sup> Pada B:[sesuatu]

<sup>504</sup> Pada B:[diwajibkan]

<sup>505</sup> Tiada pada B

<sup>506</sup> Pada B: [nabi itu]

<sup>507</sup> Tiada pada B

<sup>508</sup> Pada B: [diwajibkan]

<sup>509</sup> Pada B:[kitab syariat]

<sup>510</sup> Tiada pada B

<sup>511</sup> Tiada pada B

### [Jenis-jenis para nabi]

Maka adalah segala nabi itu lima jenis: **pertama**<sup>512</sup> itu nabi lagi pesuruh lagi mempunyai syariat lagi mempunyai kitab yaitu Adam **dan**<sup>513</sup> Ibrahim **dan** Musa **dan** Isa **dan** Muhammad S.A.W. **Dan kedua** jenis itu nabi lagi pesuruh lagi mempunyai kitab yaitu Syaith **dan** Idris **dan** Daud. **Dan ketiga** jenis itu nabi lagi [pesuruh lagi]<sup>514</sup> mempunyai syariat yaitu Nuḥ. **Dan keempat** /A25/ jenis itu nabi lagi pesuruh mereka itulah segala pesuruh yang lain daripada segala<sup>515</sup> pesuruh yang sembilan orang yang telah tersebut itu. **Dan kelima** jenis itu /B31/ segala nabi yang lain daripada segala pesuruh yang tiga ratus tiga belas orang itu.

**Syahadan** bahawa adalah kasih akan segala nabi itu setengah daripada syarat iman, ertiinya tiada sah iman seseorang itu melainkan kasih akan sekalian mereka itu<sup>516</sup>.

### [Hukum seseorang yang tidak mengetahui nama dan bilangan nabi-nabi]

Dan mengetahui akan<sup>517</sup> segala bilangan mereka itu tiada daripada syarat iman seorang, yakni sahlah<sup>518</sup> iman seorang<sup>519</sup> dengan tiada mengetahui akan<sup>520</sup> segala nama mereka itu dan bilangan mereka itu.

### [Hukum mereka yang tidak percaya kepada nabi-nabi dan menghinakan mereka]

Maka barang siapa tiada percaya<sup>521</sup> akan sekalian nabi itu<sup>522</sup> atau akan setengah mereka itu atau menghinakan mereka itu atau akan setengah daripada mereka itu atau

<sup>512</sup> Pada B:[pertama dipakai syariat Isa dan daripada]

<sup>513</sup> Tiada pada B

<sup>514</sup> Tiada pada B

<sup>515</sup> Tiada pada B

<sup>516</sup> Pada B: [mereka itu dan mengetahui segala nama mereka itu]

<sup>517</sup> Tiada pada B

<sup>518</sup> Pada B: [sah]

<sup>519</sup> Pada B: [seseorang itu]

<sup>520</sup> Tiada pada B

<sup>521</sup> Pada B: [percaya]

<sup>522</sup> Tiada pada B

berseteru dengan mereka itu atau meringan-ringan akan<sup>523</sup> mereka itu atau mencela-cela akan<sup>524</sup> mereka itu atau akan salah seorang daripada mereka itu nescaya jadi kafir<sup>525</sup>. *Wallāhu 'lam.*

### [Percaya kepada hari Kiamat]

Dan rupa percaya akan hari Kiamat<sup>526</sup> itu yaitu<sup>527</sup> hendaklah kita ketahui dan kita percaya dan kita sungguhkan bahwasanya hari Kiamat itu sebenar-benarnya<sup>528</sup> lagi akan datang dan<sup>529</sup> dalamnyalah /B32/ [huru-hara ia]<sup>530</sup> yang amat besar.

Maka adalah makna kiamat itu berdiri [dari karena]<sup>531</sup> berdiri sekalian makhluk itu di sana maka adalah dalamnya itu ditiup sangkala dan dihidupkan segala makhluk samahanya dan dikira-kira<sup>532</sup> akan<sup>533</sup> segala perbuatan mereka itu dan<sup>534</sup> timbang segala amal mereka itu.

### [Balasan syurga dan neraka]

Maka barangsiapa berat amalnya yang baik maka dimasukkan ia ke dalam syurga dan barang siapa berat amalnya yang jahat maka dimasukkan ia ke dalam nareka. Maka dimasukkan mukmin ke dalam syurga kekal selama-lamanya dan [dimasukkan segala]<sup>535</sup> mukmin yang berdosa ke dalam nareka itu sekira-kira dosa mereka itu. Kemudian maka dikeluarkan mereka itu pula [maka dimasukkan ia ke dalam syurga kekal selama-lamanya]<sup>536</sup> dan adalah pada hari Kiamat beberapa kelakuan yang amat

<sup>523</sup> Pada B: [kan]

<sup>524</sup> Pada B: [kan]

<sup>525</sup> Pada B: [kafir ia]

<sup>526</sup> Pada B: [yang kemudian]

<sup>527</sup> Tiada pada B

<sup>528</sup> Pada B: [sebenarnya]

<sup>529</sup> Tiada pada B

<sup>530</sup> Pada B: [hari]

<sup>531</sup> Tiada pada B

<sup>532</sup> Pada B: [kira-kira]

<sup>533</sup> Pada B: [ia]

<sup>534</sup> Tiada pada B

<sup>535</sup> Pada B: [dimasukkan segala kafir ke dalam nareka kekal selama-lamanya dan dimasukkan segala]

<sup>536</sup> Tiada pada B

banyak /A26/ tiadalah disebutkan di sini samahanya. Dan adalah titi itu tujuh terbentang<sup>537</sup> sekaliannya di atas nareka jahanam terlebih seni<sup>538</sup> daripada rambut dan terlebih tajam daripada pedang. Dan adalah<sup>539</sup> di atas tiap-tiap suatu titi itu seperti<sup>540</sup> bukit yang tinggi kira-kira perjalanan tiga /B33/ ribu tahun, seribu tahun naiknya<sup>541</sup> [dan seribu tahun rata]<sup>542</sup> dan seribu tahun turun.

### [Keadaan-keadaan manusia ketika meniti titian]

Dan berhenti tiap-tiap seorang daripada mereka itu [di atas tiap-tiap sesuatu titi]<sup>543</sup> daripada yang tujuh itu seribu tahun lamanya, itupun apabila *taqṣīr*<sup>544</sup> ia pada<sup>545</sup> suatu<sup>546</sup> pekerjaan yang ditanyai<sup>547</sup> daripadanya.<sup>548</sup> Tiada sekalian mereka itu karena kata<sup>549</sup> setengah mereka itu lalu di atas titi itu seperti kilat [yang menyambar]<sup>550</sup> dan setengah mereka itu lalu di atas titi itu seperti [angin dan setengah mereka itu lalu di atas titi itu sekejap mata]<sup>551</sup>. Dan setengah mereka itu lalu [di atas]<sup>552</sup> seperti kuda [yang lari]<sup>553</sup> dan setengah mereka itu lalu [di atas titi itu]<sup>554</sup> seperti laki-laki berjalan<sup>555</sup> dengan kaki [dan merengkuk]<sup>556</sup> dan setengah mereka itu [lalu di atas titi itu mengayut dan setengah

<sup>537</sup> Terbentang. Dalam teks ditulis تَرْبَقْتَ.

<sup>538</sup> Kecil-kecil saiznya. Lihat William Marsden, *Dictionary of The Malayan Language Dictionary of The Malayan Language*, 188. Lihat R.J. Wilkinson (1901), *op.cit.*, h. 415.

<sup>539</sup> Pada B: [ada]

<sup>540</sup> Pada B: [suatu]

<sup>541</sup> Pada B: [naik]

<sup>542</sup> Tiada pada B

<sup>543</sup> Pada B: [atau tiap-tiap seorang titi daripada yang tujuh]

<sup>544</sup> Bermaksud mempunyai kelemahan atau kekurangan. Lihat *Kamus Besar Arab-Melayu Dewan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2006, h.1884.

<sup>545</sup> Pada B: [atas pada]

<sup>546</sup> Pada B: [seorang]

<sup>547</sup> Pada B: [ditanyakan]

<sup>548</sup> Pada B: [daripadanya juga]

<sup>549</sup> Tiada pada B

<sup>550</sup> Tiada pada B

<sup>551</sup> Pada B: [sekejap mata dan setengah mereka itu lalu seperti angin]

<sup>552</sup> Tiada pada B

<sup>553</sup> Tiada pada B

<sup>554</sup> Tiada pada B

<sup>555</sup> Pada B: [yang berjalan]

<sup>556</sup> Tiada pada B

mereka itu]<sup>557</sup> tiadalah<sup>558</sup> dapat mentiti<sup>559</sup> sekali-kali atas masing-masing martabat mereka itu.

### [Nama-nama neraka]

Dan atas sekira-kira amal mereka itu di dalam dunia maka adalah nareka ini<sup>560</sup> tujuh bagi : pertama Jahannam [dan kedua Laz̄zī dan ketiga Ḥuṭomah dan keempat Saqr]<sup>561</sup> dan kelima Jahīm dan keenam Sya‘īr dan ketujuh Hāwiyah.

Maka adalah di dalam nareka itu berbagai-bagai syeksa yang tiada didapat dihinggakan banyaknya **dan** kelakuannya. [Di dalam]<sup>562</sup> syurga itu berbagai-bagai nikmat Allah Taala yang tiada /B34/ dapat dihinggakan banyaknya kekal selama-lamanya.

### [Hukum orang yang tidak percaya akan hari Kiamat]

Maka barang siapa tiada percaya akan hari Kiamat atau akan segala kelakuannya yang berbagai-bagai itu atau akan syurga dan<sup>563</sup> segala nikmatnya atau akan titi atau segala nareka atau akan syeksanya<sup>564</sup> yang berbagai-bagai itu nescaya [jadilah ia]<sup>565</sup> kafir, *wallāhu ‘lam*.

### [Percaya kepada untung baik dan jahat]

**Dan rupa** percaya akan untung baik dan jahat itu<sup>566</sup> daripada Allah Taala itu hendaklah kita ketahui [dan kita iktikadkan]<sup>567</sup> dan kita percaya dan kita sungguhan bahawasanya segala<sup>568</sup> barang yang berlaku di dalam segala alam ini /A27/ dan sekalian yang

<sup>557</sup> Tiada pada B

<sup>558</sup> Pada B: [tiada]

<sup>559</sup> meniti

<sup>560</sup> Pada B: [itu]

<sup>561</sup> Tinda pada B

<sup>562</sup> Pada B: [Dan adalah dalam]

<sup>563</sup> Pada B: [dan akan]

<sup>564</sup> Pada B: [syeksa]

<sup>565</sup> Pada B: [jadi]

<sup>566</sup> Tiada pada B

<sup>567</sup> Tiada pada B

<sup>568</sup> Pada B: [sekalian]

berganti-ganti dan<sup>569</sup> berbagai-bagai dan bertukar-tukar samahanya itu sudahlah diketahui Allah Taala akan sekalianya itu pada azali. Ertinya dahulu daripada menjadikan<sup>570</sup> segala alam ini yakni telah diketahui Allah Taala akan penerimaan dan pesegerahaan hakikat segala alam ini samahanya selama-lamanya.

Kemudian maka dijadikan Allah Taala akan segala alam ini samahanya<sup>571</sup> seperti barang yang<sup>572</sup> diketahui itulah maka tiadalah dapat bertukar dan berlebih kurang lagi. Maka adalah kelakua/B35/n segala alam ini samahanya mengikut kepada barang yang telah diketahui Allah Taala<sup>573</sup> akan dia pada azali itulah. Maka barang siapa yang sudah diketahui Allah Taala<sup>574</sup> akan dia pada azali itu berbahagia, maka dijadikannya [akan dia sekarang ini]<sup>575</sup> berbahagia. Dan barangsiapa yang sudah diketahui<sup>576</sup> akan dia pada azali itu celaka, maka dijadikannya<sup>577</sup> sekarang ini celaka dan barang sebagainya daripada segala pekerjaan samahanya. Maka<sup>578</sup> erti untung itu bahagian segala alam ini yang sudah diketahui Allah Taala<sup>579</sup> akan dia pada azali dan sudah ditakdirkannya dahulu daripada menjadikan<sup>580</sup> dia<sup>581</sup>.

**Maka adalah** untung baik dan jahat itu di dalam dua tempat: Pertama di dalam ilmu Allah Taala dan kedua di dalam Lūh Maḥfūz. Maka adalah Allah Taala itu telah<sup>582</sup> melimpahkan ia segala<sup>583</sup> maklumnya akan segala alam ini ke dalam *qalam*. Kemudian

<sup>569</sup> Pada B: [dan segala]

<sup>570</sup> Pada B: [menjadikan dia]

<sup>571</sup> Tiada pada B

<sup>572</sup> Pada B: [yang telah]

<sup>573</sup> Tiada pada B

<sup>574</sup> Tiada pada B

<sup>575</sup> Pada B: [sekarang itu]

<sup>576</sup> Pada B: [diketahuinya]

<sup>577</sup> Pada B: [dijadikannya]

<sup>578</sup> Pada B: [Maka adalah]

<sup>579</sup> Tiada pada B

<sup>580</sup> Pada B: [menjadikan segala alam ini]

<sup>581</sup> Tiada pada B

<sup>582</sup> Tiada pada B

<sup>583</sup> Pada B: [akan segala]

maka menyuratlah<sup>584</sup> *qalam* itu dengan sendirinya ke dalam Lūh Maḥfūz akan sekalian<sup>585</sup> maklumnya yang sudah dilimpahkan Allah Taala kepadanya itu.

Maka barang yang diperoleh di dalam ilmu Allah Taala itu dipero/B36/lehlah ia di dalam *qalam*, dan barang yang diperoleh ia di dalam *qalam* itu diperoleh ia di dalam Lūh Maḥfūz itu, dan barang yang diperoleh di dalam Lūh Maḥfūz itu diperolehlah ia pada A‘yān Khārijah ini<sup>586</sup>. Ertinya segala alam yang sudah dijadikan Allah Taala [dan yang lagi akan dijadikan itupun demikian juga]<sup>587</sup>.

[Allah Taala telah menentukan tempat seseorang di syurga atau neraka]

**Maka adalah** sabda Nabi S.A.W.: “**Bermula**<sup>588</sup> tiap-tiap seseorang itu telah disuratkan Allah Taala akan dia tempatnya daripada syurga atau ada<sup>589</sup> daripada nareka”. Maka tatkala itu berdatang sembah /A28/ seorang sahabat<sup>590</sup> katanya: “Ya Rasulullah, tiidakah baik kita berpegang atas suratan<sup>591</sup> kita yang pada azali itu? Yakni di dalam ilmu Allah Taala<sup>592</sup> dan di dalam Lūh Maḥfūz dan kita tinggalkan<sup>593</sup> akan segala<sup>594</sup> amal kita?”

Maka sabda Nabi S.A.W.: “Barang siapa ada ia daripada orang yang berbahagia, maka segeralah ia pergi kepada segala amal segala orang yang berbahagia. Dan barang siapa yang ada ia daripada segala orang yang celaka, maka segeralah ia pergi kepada segala amal orang yang celaka”.<sup>595</sup>

<sup>584</sup> Pada B: [menyuratkanlah]

<sup>585</sup> Pada B: [segala]

<sup>586</sup> Tiada pada B

<sup>587</sup> Tiada pada B

<sup>588</sup> Tiada pada B

<sup>589</sup> Tiada pada B

<sup>590</sup> Pada B: [sahabat Rasulullah]

<sup>591</sup> Pada B: [suratnya]

<sup>592</sup> Tiada pada B

<sup>593</sup> Pada B: [tinggalkanlah]

<sup>594</sup> Tiada pada B

<sup>595</sup> Hadis riwayat al-Tirmidhī, Kitab *al-Qadar*, Bab *Ma Jā'a fi al-Shiqā' wa al-Sa'ādah*, no. hadis 2135. Lihat Abū 'Isā Muhammad bin 'Isā bin Sūrah, *Al-Jāmi' al-Ṣahīh wa huwa Sunan al-Tirmidhī* (Kaherah: Dār al-Hadīth, 1999), 4: 198. Imaim al-Tirmidhī mengatakan hadis ini hasan sahih.

Kemudian maka sabda Nabi S.A.W.: “Berbuat amallah kamu! Maka tiap-tiap yang dimudahkan itulah untungnya adapun segala orang yang berbahagia dan adapun segala orang yang celaka itu dimudahkan ia akan segala amal orang yang celaka”.

#### [Kewajipan bersungguh-sungguh mengerjakan segala amal]

**Maka** hendaklah kita bersungguh-sungguh pada mengarjakan<sup>596</sup> segala amal yang baik, barang kuasa kita dan jangan kita semata-mata berpegang pada suratan kita yang pada azali itu dengan tiada mengarjakan segala amal, dari karena adalah Allah Taala itu telah menyuruhkan segala hambaNya itu dengan berbuat amal yang baik dan tiada disuruhnya akan hambaNya itu dengan meninggalkan segala amal yang baik.

#### [Hukum beriktikad akan untung baik dan jahat semuanya daripada Allah Taala]

Maka wajib atas kita mengiktikadkan akan untung baik dan jahat itu daripada Allah Taala, yakni adalah Allah Taala mengetahui dan mentaqdirkan akan untung baik dan jahat itu mengikut pada pesegeraan dan penerimaan segala hakikat kita yang pada azali itulah.

Dan telah berkata Abdullah Ibnu ‘Umar R.A. jika ada bagi seorang emas seperti besar Bukit Uhud, kemudian maka dibelancakannya<sup>597</sup> akan dia pada jalan Allah Taala, nescaya tiada diterima ia Allah Taala daripadanya suatu juapun percaya ia akan untung baik dan jahat itu daripada Allah.

#### [Sekurang-kurang iman yang melepaskan manusia daripada kekal di dalam neraka]

**Bermula** adalah sekurang-kurang iman yang melepaskan daripada kekal di dalam neraka itu yaitu percaya dan menyungguhkan akan barang yang dibawak oleh Nabi S.A.W. daripada Allah Taala. Jikalau tiada ia mengucap dua kalimah syahadah dengan

<sup>596</sup> مَنْأَرْجِعُكُنْ . Dalam teks ditulis مَنْأَرْجِعُكُنْ .

<sup>597</sup> dibelanjakannya

lidah dan tiada ia mengerjakan amal dengan anggota sekalipun dari karena sabda Nabi /A29/ S.A.W.:

مَنْ شَهِدَ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ ، وَأَنَّ مُحَمَّدًا رَسُولُ اللَّهِ حَقٌّ عَلَيْهِ التَّائِزُ<sup>598</sup>

Ertinya : “Barang siapa mengetahui bahawasanya tiada tuhan hanya Allah dan bahawasanya Nabi Muhammad itu pesuruh Allah, nescaya diharamkan Allah atasnya api nareka. Ertinya tiada kekal ia dalam nareka jikalau masuk ia ke dalam nareka sekalipun, kemudian maka dikeluarkan pula ia daripadanya”.

Dan Sabda Nabi S.A.W.:<sup>599</sup>

يَخْرُجُ مِنَ النَّارِ مَنْ قَالَ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَفِي قَلْبِهِ وَزْنُ ذَرَّةٍ مِنْ إِيمَانٍ<sup>600</sup>

Ertinya : Lagi akan dikeluarkan daripada api nareka<sup>601</sup> barang siapa mengata *Lā ilāha illallāh*, padahal<sup>602</sup> di dalam hatinya<sup>603</sup> seberat<sup>604</sup> zarah jua pun daripada iman.

### [Sifat-sifat kesempurnaan iman]

Dan adalah kesempurnaan iman itu mengatakan<sup>605</sup> dengan lidah لا إِلَهَ إِلَّا مُحَمَّدٌ رَسُولُ اللَّهِ dengan

/B37/ serta<sup>606</sup> menyungguhkan dengan hati akan sekalian<sup>607</sup> yang terkandung di

dalamnya dan mengerjakan segala amal dengan segala anggota seperti sabda nabi S.A.W. yang iman itu ada<sup>608</sup> baginya tujuh puluh cawan<sup>609</sup>. Maka adalah<sup>610</sup> yang terlebih

<sup>598</sup> Hadis riwayat Muslim, Kitab *al-Imān*, Bab *al-Dalīl ‘alā anna man māta ‘alā al-Tauhīd dakhala al-Jannah Qat’an*, no. hadis 29. Lihat Abī al-Husayn Muslim Bin al-Hajjāj, *Sahīh Muslim*, 36.

<sup>599</sup> Tiada pada B

<sup>600</sup> Lafaz hadis yang dinyatakan oleh pengarang tidak ditemui dalam kitab-kitab hadis. Lafaz yang paling hampir ialah:

يَخْرُجُ مِنَ النَّارِ مَنْ قَالَ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ ، وَفِي قَلْبِهِ وَزْنُ شَعِيرَةٍ مِنْ خَيْرٍ ، وَيَخْرُجُ مِنَ النَّارِ مَنْ قَالَ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ ، وَفِي قَلْبِهِ وَزْنُ ذَرَّةٍ مِنْ خَيْرٍ.

Hadis riwayat Bukhārī, Bab *Ziyādah al-Imān wa Nuqṣānihi*, Kitab *al-Imān*, no. hadis 44. Lihat Muhammad bin Ismā‘il al-Bukhārī, *Al-Jāmi‘ al-Ṣahīh*, 1:17.

<sup>601</sup> Pada B: [api neraka itu]

<sup>602</sup> Pada B: [dan]

<sup>603</sup> Pada B: [dan]

<sup>604</sup> Pada B: [hatinya itu]

<sup>605</sup> Pada B: [seperti]

<sup>606</sup> Pada B: [mengata]

<sup>607</sup> Pada B: [Dan]

<sup>608</sup> Pada B: [sekalian barang]

<sup>609</sup> Pada B: [di]

daripada segala cawan<sup>611</sup> itu yaitu kata لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ dan<sup>612</sup> sekurang-kurang cawannya<sup>613</sup>

itu<sup>614</sup> membuangkan segala yang menyakiti<sup>615</sup> daripada jalan manusia<sup>616</sup>.

Dan malu itu setengah daripada iman, dan beberapa lagi setengah daripada iman itu yaitu seperti mengasih Allah dan mengasih suatu dengan karena Allah. Dan benci akan sesuatu yang jahat<sup>617</sup> dengan karena Allah. Dan mengasih akan Nabi Muhammad S.A.W. dan mengiktiadkan membesar akan dia dan mengucap selawat atasnya dan mengikut jalannya dan ikhlas dalamnya.

Dan meninggalkan riyak [dan 'ujub]<sup>618</sup> dan *nifāq* dan taubat dan takut akan syeksa dan harap akan ampunNya dan syukur akan nikmatNya<sup>619</sup> dan menyempurnakan janji dan sabar [akan hukum Allah]<sup>620</sup> dan reda akan qada Allah<sup>621</sup> dan<sup>622</sup> malu dan tawakal dan penyayang akan segala hamba Allah. Dan merendahkan diri /B38/ bagi segala manusia dan muliakan segala orang tuha-tuha dan menyayang akan segala kanak-kanak dan meninggalkan membesarakan<sup>623</sup> dia<sup>624</sup> dan<sup>625</sup> meninggalkan dengki /A30/.

Dan meninggalkan<sup>626</sup> *amārah* dan berkata-kata dengan keesaan Allah dan membaca Qurān dan belajar<sup>627</sup> ilmu [yang memberi manfaat pada dunia dan akhirat]<sup>628</sup> dan

<sup>609</sup> Pada B: [cawang]. Perkataan “cawang” bermaksud cabang atau cawangan. *Kamus Bahasa Melayu Nusantara*, 452. William Marsden, *Dictionary of The Malayan Language*, 111.

<sup>610</sup>Tiada pada B

<sup>611</sup> Pada B: [cawanean]

<sup>612</sup> Tiada B. [law]

<sup>613</sup> Pada pada B

<sup>614</sup> Pada B: [cawang]

<sup>615</sup> Padra pada B

Pada B: [mengikat]

Pada B: [segala m

<sup>617</sup> Pada B: [jaha]

618 Tiada pada B

<sup>619</sup>Pada B: [ni]

<sup>620</sup> Tiada pada

<sup>621</sup> Pada B. Loyd

<sup>622</sup> Tiada B. Iqadha Allah da

<sup>623</sup> Pada pada B

624 Pada B: [membesar akan

625 Pada B: [diri]

623 Pada B: [dan meninggalkan ujub dan]  
626

<sup>626</sup> Tiada pada B

627 Pada B: [belajar akan]

628 *W. B. GOLDBECK*

mengajari<sup>629</sup> akan<sup>630</sup> dia bagi segala orang yang bebal. Dan memintak<sup>631</sup> doa dan berbanyak-banyak zikrullah dan mengucapkan istighfar dan menjauh akan<sup>632</sup> segala kata-kata<sup>633</sup> yang sia-sia<sup>634</sup>.

Dan bersuci daripada najis yang nyata dan<sup>635</sup> najis *hukmī* dan menjauhkan<sup>636</sup> daripada segala najis<sup>637</sup> dan menutup aurat dan sembahyang fardu dan sunat dan memberi zakat dan memerdekekakan hamba dan<sup>638</sup> *وَجْه*.

Dan memberi makan segala<sup>639</sup> orang yang lapar dan memberi makan segala jamuan<sup>640</sup> dan puasa fardu dan sunat. Dan berhenti dalam [masjid dan]<sup>641</sup> mencari laitaulqadar dan naik haji<sup>642</sup> [fardu dan sunat]<sup>643</sup> dan berkeliling pada ka'batullah dan menyempurnakan nazar dan membayar<sup>644</sup> kifarat. Dan memelihara akan diri daripada berbuat zina dengan nikah dan memberi hak segala isi rumah dan berbuat bakti akan ibu /B39/ bapak.

Dan memeliharkan segala anak yang kecil dan [berkasih-kasihan]<sup>645</sup> dengan segala keluarganya dan berbuat bakti akan segala orang yang<sup>646</sup> besar-besar dan penyayang akan segala<sup>647</sup> hamba. Dan mendirikan segala<sup>648</sup> pekerjaan itu serta adil dan mengikut

---

<sup>629</sup> Pada B: [mengajar]

<sup>630</sup> Pada B: [kan]

<sup>631</sup> Pada B: [meminta]

<sup>632</sup> Tiada pada B

<sup>633</sup> Pada B: [kata]

<sup>634</sup> Pada B: [sia]

<sup>635</sup> Pada B: [dan daripada]

<sup>636</sup> Pada B: [menjauh]

<sup>637</sup> Pada B: [najis aini]

<sup>638</sup> Perkataan ini tidak ditemui sebutan dan maknanya di dalam kamus.

<sup>639</sup> Pada B: [akan segala]

<sup>640</sup> Pada B: [jamu]

<sup>641</sup> Tiada pada B

<sup>642</sup> Pada B: [haji umrah]

<sup>643</sup> Tiada pada B

<sup>644</sup> Pada B: [memberi]

<sup>645</sup> Pada B: [kasihan-kasihan]

<sup>646</sup> Tiada pada B

<sup>647</sup> Tiada pada B

<sup>648</sup> Pada B: [akan segala]

akan segala jemaah daripada segala ulama dan mengikut akan suruh raja-raja pada pekerjaan yang muafakat dengan hukum<sup>649</sup> syarak.

Dan berdamaikan antara segala manusia yang berkelahi<sup>650</sup> dan bertolong-tolongan<sup>651</sup> atas berbuat baik [dan takut dan menyuruh berbuat baik]<sup>652</sup> dan melarangkan daripada berbuat jahat. Dan<sup>653</sup> mendirikan<sup>654</sup> hudud Allah iaitu seperti mendirikan segala orang yang berminum<sup>655</sup> arak dan akan<sup>656</sup> segala orang yang berbuat zina dan memotong<sup>657</sup> tangan dan kaki segala orang yang mencuri dan berperang *sabillāh* dan menggumbalikan<sup>658</sup> taruhan orang.

Dan mengutangi<sup>659</sup> akan segala<sup>660</sup> orang yang papa dan [berjamu-jamuan dengan karena Allah]<sup>661</sup> dan baik berjual beli<sup>662</sup> dan menghimpunkan arta daripada halal<sup>663</sup> [dan membelancakan<sup>664</sup> arta pada haknya dan meninggalkan /A31/ membuangkan arta]<sup>665</sup> dan berlebih-lebihnya<sup>666</sup> pada belanca. Dan menjawab orang bersin dan menahan daripada [segala pekerjaan yang] memberi mudarat akan segala manusia dan menjauh akan<sup>667</sup> segala permainan yang melalaikan daripada berbuat ibadat akan /B40/ Allah Taala dan baik<sup>668</sup> perangai dan barang sebagainya.

<sup>649</sup> Tiada pada B

<sup>650</sup> Pada B: [kelahi]

<sup>651</sup> Pada B: [bertolong-tolong]

<sup>652</sup> Tiada pada B

<sup>653</sup> Tiada pada B

<sup>654</sup> Pada B: [mendirikan akan segala]

<sup>655</sup> Pada B: [minum]

<sup>656</sup> Tiada pada B

<sup>657</sup> Memotong. Dalam teks ditulis .. مَنْتَعٌ .

<sup>658</sup> Mengembalikan. Dalam teks ditulis ، مُعْمَلِيْكَنْ . Pada B: mengembalikan

<sup>659</sup> Menghutangi. Dalam teks ditulis ، مَغْتَنَغِيْ . Pada B: mengutang

<sup>660</sup> Tiada pada B

<sup>661</sup> Pada B: [dan memuliakan jamu]

<sup>662</sup> Pada B: [dan membeli]

<sup>663</sup> Pada B: [yang halal]

<sup>664</sup> Membelanjakan. Dalam teks ditulis ، مَبْلَاجِاكَنْ .

<sup>665</sup> Tiada pada B

<sup>666</sup> Pada B: [berlebih-lebihan]

<sup>667</sup> Tiada pada B

<sup>668</sup> Pada B: [baik-baik]

## [Amalan-amalan yang membolehkan seseorang masuk syurga]

Dan lagi ceritera daripada Abī Hurairah R.A. berkata ia telah datang seorang [orang<sup>669</sup> dusun]<sup>670</sup> kepada Nabi S.A.W. berkata ia: “Ya Rasulullah! Tunjuki<sup>671</sup> olehmu akan daku atas suatu amal apabila aku<sup>672</sup> kerjakan akan dia nescaya masuk syurga”. Maka sabda Nabi S.A.W.: “Sembah olehmu akan Allah Taala dan jangan kau sekutukan dengan dia suatu juapun. Dan<sup>673</sup> kau kerjakan sembahyang<sup>674</sup> lima waktu yang difardukan dan kau berikan zakat yang difardukan dan engkau puasa pada bulan Ramadan”.<sup>675</sup> Maka dengan zahir kata ini adalah yang<sup>676</sup> memasukkan ke dalam syurga itu menyembah Allah Taala pada<sup>677</sup> keadaannya esa ia<sup>678</sup> dan sembahyang dan memberi zakat dan puasa pada bulan Ramadan.

Maka tiada disuruhkan oleh<sup>679</sup> Rasulullah akan dia naik haji<sup>680</sup> seolah-olah orang dusun itu orang yang<sup>681</sup> papa dari karena syarat wajib naik haji itu diperoleh bekal maka hendaklah kita bersungguh-sungguh pada<sup>682</sup> mengerjakan akan segala pekerjaan yang<sup>683</sup> memasukkan ke dalam syurga itu barang kuasa<sup>684</sup> kita.

<sup>669</sup> Tiada pada B

<sup>670</sup> Bermaksud orang kampung atau orang desa. *Kamus Dewan*, 373.

<sup>671</sup> Pada B: [tunjuk]

<sup>672</sup> Pada B: [ku]

<sup>673</sup> Tiada pada B

<sup>674</sup> Pada B: [segala sembahyang]

<sup>675</sup> Hadis riwayat Bukhārī, Kitab al-Zakāh, Bab Wujūb al-Zakāh, no. hadis 1397. Lihat Muhammad bin Ismā'īl al-Bukhārī, *Al-Jāmi' al-Sahīh*, 2:105 . Abī al-Husayn Muslim Bin al-Hajjāj, *Sahih Muslim*, 30.

<sup>676</sup> Tiada pada B

<sup>677</sup> Pada B: [padahal]

<sup>678</sup> Tiada pada B

<sup>679</sup> Tiada pada B

<sup>680</sup> Tiada pada B

<sup>681</sup> Tiada pada B

<sup>682</sup> Tiada pada B

<sup>683</sup> Tiada pada B

<sup>684</sup> Pada B: [sekuasa]

## [Iman, Islam, tauhid dan makrifat tidak dapat dipisahkan]

Dan lagi henda/B41/ klah kita ketahui bahwasanya Iman dan Islam dan tauhid dan makrifat<sup>685</sup> tiada dapat bercerai sekaliannya itu. Maka apabila tertinggal salah suatu daripada yang empat itu nescaya<sup>687</sup> tiadalah sah agama iman<sup>688</sup> seseorang. Maka apabila berhimpunlah keempatnya itu, maka<sup>689</sup> bernamalah agama yang<sup>690</sup> sebenarnya.

## [Pengertian makrifat, tauhid, Islam dan iman]

Maka<sup>691</sup> yang pertama itu makrifat, kemudian maka tauhid, kemudian maka Islam, kemudian maka iman. Maka erti makrifat itu mengetahui akan keadaan Allah Taala [itu lengkap]<sup>692</sup> dengan segala sifatnya dan menafikan barang yang tiada dipatut<sup>693</sup> baginya. Dan erti<sup>694</sup> tauhid itu mengiktikadkan bahwasanya Allah Taala itu esa ia tiada sekutu<sup>695</sup> yang menyertai dia pada sifat ketuhanannya<sup>696</sup>.

/A32/ Dan erti Islam itu menjunjung<sup>697</sup> segala titah<sup>698</sup> Allah Taala dan menjauh akan<sup>699</sup> segala larangannya dan merendahkan dirinya<sup>700</sup> kepada Allah Taala. Dan erti iman itu menyungguhkan dengan hati akan segala rukun iman yang enam itu.

Maka tiada diperoleh [mengikut segala suruhNya itu melainkan kemudian daripada mengesakan dia dan tiada diperoleh]<sup>701</sup> percaya itu melainkan kemudian daripada

<sup>685</sup> Tiada pada B

<sup>686</sup> Pada B: [makrifat itu]

<sup>687</sup> Tiada pada B

<sup>688</sup> Tiada pada B

<sup>689</sup> Tiada pada B

<sup>690</sup> Tiada pada B

<sup>691</sup> Pada B: [Maka adalah]

<sup>692</sup> Tiada pada B

<sup>693</sup> Pada B: [layak]

<sup>694</sup> Pada B: [erti]

<sup>695</sup> Pada B: [suatu]

<sup>696</sup> Pada B: [ketuhanan]

<sup>697</sup> Pada B: [menjunjung dan mengikut]

<sup>698</sup> Pada B: [suruh]

<sup>699</sup> Tiada pada B

<sup>700</sup> Pada B: [diri]

<sup>701</sup> Tiada pada B

mengikut segala suruhNya<sup>702</sup> dan merendahkan diri kepadaNya. Dan tiada diperoleh<sup>703</sup> mengenalkan<sup>704</sup> dia itu melainkan kemudian daripada mengenal dia dan mengetahui dia.

Maka adalah iman itu lain daripada makrifah dan tauhid dan terkadang diperoleh makrifah dan tauhid. Maka tiada diperoleh Islam dan Iman yaitu seperti makrifat Iblis dan Yahudi dan Abu Talib yaitu bapak baginda Ali R.A. Maka adalah mereka itu mengetahui akan keesaan Allah Taala dan akan kebenaran Rasulullah, tetapi tiada mau mereka itu merendahkan diri kepada Allah Taala dengan hati mereka itu<sup>705</sup> percaya<sup>706</sup> akan<sup>707</sup> Allah Taala dan akan Rasulullah.

Maka jadi ia<sup>708</sup> kafir jua<sup>709</sup> mereka itu sebab tiada mau mereka itu<sup>710</sup> percaya akan<sup>711</sup> keduanya. Maka adalah mengikut akan<sup>712</sup> segala suruh<sup>713</sup> dan merendahkan diri kepadaNya itu dengan hati /B43/ dan [dengan lidah dan anggota]<sup>714</sup>, dan adalah percaya akan Allah Taala<sup>715</sup> dan akan Rasūlullāh itu dengan hati dan dengan lidah.

Maka tiada diterima iman seseorang jika percayanya itu dengan lidah jua dan tiada sah Islam seseorang<sup>716</sup> mengikutnya<sup>717</sup> dan merendahkan dirinya itu dengan lidah dan dengan anggota jua. Maka erti kufur itu<sup>718</sup> tertutup daripada jalan yang<sup>719</sup> betul.

<sup>702</sup> Pada B: [suruhan]

<sup>703</sup> Pada B: [diperoleh mengikut /B42/ segala suruhannya dan merendah diri kepadaNya dan tiada diperoleh mengikut suruhnya itu melainkan kemudian daripada mengesakan dia dan tiada diperoleh]

<sup>704</sup> Pada B: [mengesakan]

<sup>705</sup> Pada B: [mereka itu dan dengan bubuh mereka itu dan]

<sup>706</sup> Pada B: [percaya mereka itu]

<sup>707</sup> Tiada pada B

<sup>708</sup> Tiada pada B

<sup>709</sup> Tiada pada B

<sup>710</sup> Pada B: [mereka itu mengikut suruhnya dan sebab tiada mau mereka itu]

<sup>711</sup> Tiada pada B

<sup>712</sup> Tiada pada B

<sup>713</sup> Pada B: [suruh Allah]

<sup>714</sup> Pada B: [lidah dengan anggota]

<sup>715</sup> Tiada pada B

<sup>716</sup> Pada B: [seseorang itu jika ada]

<sup>717</sup> Pada B: [mengikut]

<sup>718</sup> Tiada pada B

<sup>719</sup> Tiada pada B

## [Bahagian-bahagian kufur]

Maka adalah kufur itu atas empat bagi: Pertama kufur *inkār* dan kedua kufur *juhūd* ketiga kufur *'inād* dan keempat kufur *nifāq*.

Maka erti *inkār* itu tiada mengetahui dan percaya<sup>720</sup> segala-gala<sup>721</sup> yaitulah segala kafir /A33/ yang tiada tahu mereka itu akan keadaan Allah Taala dan tiada mereka itu mengaku dengan lidah mereka itu bertuhankan<sup>722</sup> Allah Taala. Dan erti *juhūd* itu menyangkal akan yang benar yaitulah segala kafir yang mengetahui mereka itu akan keadaan [Allah Taala dan akan]<sup>723</sup> kebenaran Rasulullah S.A.W.

Padahal<sup>724</sup> tiada mau mereka itu mengaku dengan lidah mereka itu pertuhan<sup>725</sup> akan dia, mereka itulah segala<sup>726</sup> Iblis dan Yahudi itu, tahu mereka itu akan keesaan Allah Taala dan kebenaran Rasulullah. Maka adalah mereka itu menyangkal akan jalan yang betul, maka [jadilah ia kafir mereka itu]<sup>727</sup>.

Dan erti *'inād* itu bantahan dan berpaling daripada jalan yang betul yaitu seperti<sup>728</sup> kufur Abu Talib bapak baginda Ali. Maka adalah [Abu Talib itu]<sup>729</sup> mengetahui ia dengan hatinya akan keesaan<sup>730</sup> Allah<sup>731</sup> dan kebenaran Rasulullah dan mengaku ia dengan lidahnya bertuhan akan dia tetapi tiada mau<sup>732</sup> ia beragama Islam sebab bantahan<sup>733</sup> dan [berpaling daripada]<sup>734</sup> jalan yang<sup>735</sup> betul.

<sup>720</sup> Pada B: [tiada percaya]

<sup>721</sup> Pada B: [sekali-kali]

<sup>722</sup> Pada B: [bertuhan akan]

<sup>723</sup> Tiada pada B

<sup>724</sup> Pada B: [Tetapi]

<sup>725</sup> Pada B: [bertuhan]

<sup>726</sup> Pada B: [segala Yahudi maka adalah /B44/ Iblis dan Yahudi maka adalah]

<sup>727</sup> Pada B: [jadi kafir juga mereka itu]

<sup>728</sup> Tiada pada B

<sup>729</sup> Pada B: [ia]

<sup>730</sup> Pada B: [keadaan]

<sup>731</sup> Pada B: [Allah Taala]

<sup>732</sup> Mahu. Dalam teks ditulis مَا .

<sup>733</sup> Pada B: [bantahannya]

<sup>734</sup> Pada B: [berpalingnya pada]

<sup>735</sup> Tiada pada B

Maka jadi kafir ia<sup>736</sup> dan erti *nifāq* itu menyatakan Islamnya dengan lidahnya<sup>737</sup> dan dengan anggotanya<sup>738</sup> tetapi tiada ia menyungguhkan dan percaya akan Allah Taala<sup>739</sup> dan akan Rasulullah dengan hatinya.

Maka jadi kafir ia jua<sup>740</sup> sebab tiada percayanya akan Allah Taala<sup>741</sup> dan akan<sup>742</sup> Rasulullah dengan [hati mereka]<sup>743</sup> itu tetapi adalah segala orang yang munafik itu terpelihara segala<sup>744</sup> arta mereka itu dan darah mereka itu /B45/ di dalam dunia daripada rampas dan bunuh sebab mereka itu mengucap لا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ مُحَمَّدُ رَسُولُ اللَّهِ.

Maka adalah mereka itu di dalam akhirat dimasukkan ke dalam nareka kekal selamalamanya. Maka hendaklah kita bersungguh-sungguh pada [menjauh akan]<sup>745</sup> kufur yang empat bagi yang tersebut itu, supaya dipeliharkan Allah Taala akan iman kita dari dunia datang ke akhirat.

#### [Hukum beriktikad ada pada kita *qudrat* yang baharu]

Dan lagi hendaklah kita ketahui dan kita iktikadkan bahawasanya ada<sup>746</sup> bagi kita *qudrat* yang baharu, ertinya kuasa yang baharu dijadikan Allah<sup>747</sup> pada kita. Maka dengan *qudrat* yang baharu itulah dapat kita berbuat akan segala<sup>748</sup> pekerjaan samahanya.

<sup>736</sup> Pada B: [ia jua]

<sup>737</sup> Pada B: [lidah]

<sup>738</sup> Pada B: [anggota]

<sup>739</sup> Tiada pada B

<sup>740</sup> Tiada pada B

<sup>741</sup> Tiada pada B

<sup>742</sup> Tiada pada B

<sup>743</sup> Pada B: [hatinya]

<sup>744</sup> Tiada pada B

<sup>745</sup> Pada B: [menjauhkan]

<sup>746</sup> Pada B: [Allah]

<sup>747</sup> Pada B: [Allah Taala]

<sup>748</sup> Tiada pada B

Maka adalah *qudrat* yang baharu itu segala-gala<sup>749</sup> /A34/ tiada dapat memberi bekas akan sesuatu pekerjaan dengan sendirinya. Maka adalah memberi bekas *qudrat* yang baharu itu dengan semata-mata izin Allah Taala dan dengan kehendaknya<sup>750</sup> juga.

Maka barang yang kita perbuat dengan *qudrat* yang baharu itu dinama ia usaha<sup>751</sup> [kita itu pada pekerjaan yang baik]<sup>752</sup> dibalas akan<sup>753</sup> kita dengan baik<sup>754</sup> dan<sup>755</sup> jika ada<sup>756</sup> usaha kita itu pada<sup>757</sup> pekerjaan /B46/ [yang jahat maka dibalas akan kita dengan kejahatan]<sup>758</sup>.

Dan kata setengah pendeta<sup>759</sup> bahwasanya tiada memberi bekas *qudrat* kita itu pada sesuatu perbuatan juapun daripada segala perbuatan kita yang kita perbuat dengan pemilih kita itu<sup>760</sup> seperti gerak kita<sup>761</sup> dan diam kita dan duduk kita dan berjalan kita dan barang sebagainya.Tetapi adalah sekaliannya<sup>762</sup> itu dijadikan Allah Taala [pada beserta]<sup>763</sup> ia dengan segala perbuatan kita.

Dan takluklah *qudrat* yang baharu itu dengan segala perbuatan kita daripada tiada memberi bekas baginya pada sesuatu daripada segala perbuatan kita<sup>764</sup>. Dan hanyasanya<sup>765</sup> telah dilakukan Allah Taala<sup>766</sup> akan adatnya itu bahawa menjadikan ia pada *qudrat* kita barang yang dikehendaknya daripada segala perbuatan kita. Dan telah

<sup>749</sup> Pada B: [sekali-kali]

<sup>750</sup> Pada B: [dikehendaknya]

<sup>751</sup> Pada B: [usaha maka dengan usaha itulah]

<sup>752</sup> Tiada pada B

<sup>753</sup> Tiada pada B

<sup>754</sup> Pada B: [kebajikan]

<sup>755</sup> Tiada pada B

<sup>756</sup> Tiada pada B

<sup>757</sup> Tiada pada B

<sup>758</sup> Pada B: [yang baik dan dibalas kita dengan kejahatan jika ada usaha kita itu pekerjaan yang jahat]

<sup>759</sup> Bermaksud orang yang banyak ilmu atau orang yang pandai-pandai. *Kamus Dewan*,773. Ia berasal daripada Bahasa Sanskrit, bermaksud orang yang berilmu terutama dalam hal agama Hindu dan Kristian. Yaakub Isa, *Kamus Bahasa Melayu Klasik*, 130. Tetapi, pendeta yang dimaksudkan dalam teks di atas bermaksud orang yang berilmu pengetahuan Islam atau dikenali sebagai ulama.

<sup>760</sup> Tiada pada B

<sup>761</sup> Tiada pada B

<sup>762</sup> Pada B: [sekalian]

<sup>763</sup> Pada B: [padahal berat]

<sup>764</sup> Pada B: [kita sekali-kali]

<sup>765</sup> Pada B: [hanya]

<sup>766</sup> Tiada pada B

dijadikan Allah Taala dengan semata-mata pemilihnya [akan *qudrat* kita itu pada kita padahal beserta dengan]<sup>767</sup> segala perbuatan kita karena hendaklah<sup>768</sup> memberat kita dengan mengerjakan segala suruhnya dan menjauh /B47/ segala larangannya.

[Allah berkuasa menjadikan sesuatu itu berlaku mengikut adatnya]

Maka ada<sup>769</sup> barang yang kita perbuat itu<sup>770</sup> dinamai usaha dan demikian lagi api itu tiada dapat memberi bekas dengan sendirinya pada menentukan sesuatu atau mengasingkan<sup>771</sup> dia dan tiada dapat<sup>772</sup> itu memberi bekas dengan perangainya.

Dan tiada<sup>773</sup> memberi bekas dengan kuat yang<sup>774</sup> dihantarkan<sup>775</sup> Allah Taala di dalamnya. Tetapi adalah Allah Taala itu<sup>776</sup> melakukan adatnya dengan<sup>777</sup> pemilihnya pada<sup>778</sup> menjadikan terbakar dan hangat itu pada api dan<sup>779</sup> [tiada terbakar dan hangat itu dengan api dan demikian lagi barang yang diperoleh putus itu daripada pedang dan *sikkim*<sup>780</sup>]<sup>781</sup>.

Dan diperoleh kenyang itu daripada<sup>782</sup> makanan dan diperoleh puas dahaga itu pada air dan diperoleh tumbuh-tumbuhan itu pada air dan barang sebagainya daripada barang yang memberi bekas pada segala /A35/ sesuatu maka adalah sekaliannya itu dijadikan Allah Taala juga.

<sup>767</sup> Tiada pada B

<sup>768</sup> Pada B; [hendak ia]

<sup>769</sup> Tiada pada B

<sup>770</sup> Pada B; [tatkala itu]

<sup>771</sup> Pada B; [mengikti kadkan]

<sup>772</sup> Pada B; [api]

<sup>773</sup> Pada B; [tiada ia]

<sup>774</sup> Tiada pada B

<sup>775</sup> Pada B; [dengan hantarkan]

<sup>776</sup> Tiada pada B

<sup>777</sup> Tiada pada B

<sup>778</sup> Tiada pada B

<sup>779</sup> Pada B; [dan hangat api dan demikian lagi barang yang diperoleh putus itu pedang dan *sikkim*]

<sup>780</sup> Bermaksud pisau atau alat untuk memotong. *Al-Mu'jam al-Wasit*, 440].

<sup>781</sup> Tiada pada B

<sup>782</sup> Pada B; [pada]

Maka adalah putus itu dijadikan Allah Taala pada ketika bertemu pedang itu dengan sesuatu. Dan dijadikan /B48/ kenyang itu pada makanan dan dijadikan puas dahaga itu pada air yakni pada ketika bertemu air itu dengan rangkungan dan barang sebagainya.

### [Hukum mengiktikadkan putus itu kerana pedang dan kenyang itu kerana makanan semata-mata]

Dan tiada harus kita iktikadkan putus itu dengan pedang semata-mata<sup>783</sup> dan kenyang itu dengan makanan dan puas dahaga itu dengan air dan barang sebagainya, dari karena sekaliannya itu dijadikan Allah Taala samahanya.

Maka tiap-tiap yang dijadikan Allah Taala itu tiada dapat ia menjadikan dan mengadakan sesuatu<sup>784</sup> bekas jua pun sekaliannya<sup>785</sup> itu dijadikan Allah Taala permulaannya dan berkekalan<sup>786</sup>, yakni adalah api itu<sup>787</sup> dan pedang dan segala makanan dan air dan barang sebagainya itu adalah sekalian itu dijadikan Allah jua sentiasa.

Dan demikian lagi memberi<sup>788</sup> bekas sekalian<sup>789</sup> [kita pun]<sup>790</sup> dijadikan Allah Taala. sentiasa [dan segala perbuatan kita pun dijadikan Allah sentiasa] seperti firman Allah Taala:

وَاللَّهُ خَلَقَكُمْ وَمَا تَعْمَلُونَ ﴿٩٦﴾

Ertinya : “Bermula Allah Taala jua /B49/ yang menjadikan kamu dan barang perbuatan kamu!

(Surah al-Sâffât: Ayat 96)

<sup>783</sup> Pada B: [semata-mata atau dengan sakin]

<sup>784</sup> Pada B: [bagi sesuatu]

<sup>785</sup> Pada B: [tetapi sekaliannya]

<sup>786</sup> Pada B: [berkekalan]

<sup>787</sup> Tiada pada B

<sup>788</sup> Pada B: [yang memberi]

<sup>789</sup> Pada B: [sekaliannya]

<sup>790</sup> Tiada pada B

Maka hendaklah kita putuskan iktikad kita<sup>791</sup> bahwasanya barang yang lain daripada Allah Taala itu sekali-kali tiada dapat<sup>792</sup> memberi bekas akan sesuatu dengan sendirinya”. Maka adalah sekalian makhluk itu samahanya memberi bekas semata-mata izin Allah Taala dan kehendaknya jua.

#### [Hukum beriktikad semua perbuatan hamba adalah perbuatan Allah]

Dan barang siapa mengiktikadkan bahwasanya tiada kuat dan kuasa bagi hamba itu<sup>793</sup> digagahi jua pada segala perbuatannya<sup>794</sup>, yakni segala<sup>795</sup> perbuatan hamba itu samahanya perbuatan Allah Taala jua, maka<sup>796</sup> adalah iktikad yang demikian itu salah dan sesat.

Dan barang siapa mengiktikadkan bahwasanya segala perbuatan hamba itu jatuh ia dengan perbuatan sendirinya jua<sup>797</sup>, tiadalah berkehendak kepada zat Allah Taala dan<sup>798</sup> takdirnya, maka adalah iktikad yang demikian itu salah lagi sesat<sup>799</sup>.

#### [Iktikad yang sebenar-benarnya]

Adapun<sup>800</sup> iktikad yang sebenar-benarnya<sup>801</sup> itu adalah bagi hamba itu *qudrat* yang baha/B50/ru tiada<sup>802</sup> memberi bekas dengan sendirinya dan hanyasanya<sup>803</sup> yang memberi bekas itu dengan /A36/ semata-mata izin Allah Taala dan tolongnya dan kehendaknya jua<sup>804</sup>.

<sup>791</sup> Tiada pada B

<sup>792</sup> Pada B: [dapat ia]

<sup>793</sup> Pada B: [hamba itu sekali-kali dan adalah hamba itu]

<sup>794</sup> Pada B: [perbuatan]

<sup>795</sup> Pada B: [sekalian]

<sup>796</sup> Pada B: [dan]

<sup>797</sup> Tiada pada B

<sup>798</sup> Pada B: [dan kepada]

<sup>799</sup> Pada B: [sesat jua

<sup>800</sup> Pada B: [Dan adapun]

<sup>801</sup> Pada B: [benar]

<sup>802</sup> Pada B: [yang tiada]

<sup>803</sup> Pada B: [hanya]

<sup>804</sup> Tiada pada B

## BAHAGIAN FIQH

### 3) KITAB JENIS-JENIS HUKUM FIQH KE ATAS PERBUATAN MANUSIA

[Hukum fiqh terbahagi kepada tujuh bahagian]

Dan lagi hendaklah kita ketahui bahawasanya segala perbuatan bagi orang<sup>805</sup> yang akil baligh itu tujuh perkara: Pertama wajib dan kedua mandub dan ketiga *mubāh* dan keempat *maḥzūr* yakni haram dan kelima makruh yakni benci oleh Rasulullah dan keenam sahih yakni dibilangkan dengan dia dan ketujuh batal ertinya sia-sia yakni tiada dibilangkan dengan dia<sup>806</sup>.

[Hukum wajib]

Maka yang wajib itu barang yang diberi pahala atas<sup>807</sup> orang yang berbuat dia dan syeksa atas orang yang meninggalkan dia<sup>808</sup>, yaitu seperti sembahyang lima waktu dan puasa dan memberi zakat dan naik haji dan bersuci dan [mandi *janābah*]<sup>809</sup> dan barang sebagainya daripada segala pekerjaan yang difardukan Allah Taala atas kita.

[Hukum mandub]

Dan yang mandub itu [ertinya]<sup>810</sup> barang yang diberi pahala /B51/ atas<sup>811</sup> orang yang meninggalkan dia<sup>812</sup> iaitu seperti segala sembahyang sunat dan segala puasa sunat dan

<sup>805</sup> Pada B: [segala orang]

<sup>806</sup> Tāj al-Dīn ‘Abd al-Rahmān Ibrāhīm al-Fazārī, *Sharh al-Waraqāt Li Imām al-Haramain al-Juwainī*, Sarah Syāfi’i al-Hajiri (ed.), t.tpt: Dār al-Basyā’ir al-Islāmiyyah, 1997), 89.

<sup>807</sup> Tiada pada B

<sup>808</sup> Tāj al-Dīn ‘Abd al-Rahmān Ibrāhīm al-Fazārī, *Sharh al-Waraqāt Li Imām al-Haramain al-Juwainī*, 92. Abū Ḥāmid Muḥammad b Muḥammad al-Ghazālī , Hamzah b Zuhair Ḥafiz (ed.), *Al-Mustasfā Min ‘Ilm al-Usūl* (Madinah: Jamiah al-Islamiyyah, 1413H), 82.

<sup>809</sup> Pada B: [mandi jenabah dan mandi haid dan nifas]. Dalam naskhah B, terdapat dua lagi contoh perkara wajib iaitu mandi haid dan mandi nifas.

<sup>810</sup> Pada B: [ertinya sunat]

<sup>811</sup> Pada B: [atas berbuat dia dan tiada diseksa atas.] Ayat di dalam naskhah A tidak lengkap, kemungkinan penyalin naskhah A tertinggal sebahagian ayat asalnya iaitu ‘atas berbuat dia dan tiada diseksa atas...’

<sup>812</sup> Tāj al-Dīn ‘Abd al-Rahmān Ibrāhīm al-Fazārī, *Sharh al-Waraqāt Li Imām al-Haramain al-Juwainī* , h.93. Abu Ḥāmid Muḥammad b Muḥammad al-Ghazālī, *Al-Mustasfā Min ‘Ilm al-Usūl*, 84.

memberi sedekah dan barang sebagainya daripada segala pekerjaan yang disunatkan tetapi adalah yang meninggalkan segala sunat itu makruh.

### [Hukum *mubāh*]

Dan yang *mubāh* itu yakni yang diharuskan Allah Taala dan diharuskan Rasulullah berbuat dia, iaitu barang yang tiada diberi pahala atas yang berbuat dia dan tiada disyeksa atas yang meninggalkan dia<sup>813</sup>, iaitu seperti beristeri dan berniaga dan berburu dan memakan segala buah-buahan dan makan segala barang yang beroleh nikmat pada memakan dia dan barang sebagainya.

### [Hukum *mahzūr*]

Dan *mahzūr* yakni haram iaitu barang yang diberi pahala atas meninggalkan dia dan disyeksa atas yang berbuat dia<sup>814</sup> iaitu seperti membunuh orang yang tiada sebenarnya dan meminum arak dan berbuat zina dan barang sebagainya daripada segala pekerjaan yang diharamkan Allah Taala.

### [Hukum makruh]

Dan yang makruh itu ertiinya yang dibenci oleh Rasulullah S.A.W. iaitu barang yang diberi /B52/ pahala atas yang meninggalkan dia dan tiada disyeksa atas yang<sup>815</sup> berbuat dia<sup>816</sup> iaitu seperti memakan segala<sup>817</sup> yang busuk baunya [dan meninggalkan segala yang disunatkan]<sup>818</sup> dan meninggalkan membaca *bismillāh* tatkala mengambil air

<sup>813</sup> *Ibid*, 97.

<sup>814</sup> *Ibid*, 99.

<sup>815</sup> Tiada pada B

<sup>816</sup> Tāj al-Dīn ‘Abd al-Rahmān Ibrāhīm al-Fazārī, *Sharḥ al-Waraqāt Li Imām al-Haramain al-Jawāfi*, 101.

<sup>817</sup> Tiada pada B

<sup>818</sup> Tiada pada B

sembahyang dan tatkala makan [dan minum]<sup>819</sup> dan makan dengan tangan kiri dan berbuang<sup>820</sup> /A37/ air suni<sup>821</sup> seraya berdiri dengan tiada darurat dan barang sebagainya.

### [Hukum sahih]

Dan yang sahih [itu barang yang takluk dengan dia lulus<sup>822</sup> dibilangkan]<sup>823</sup> dengan dia yakni dibilangkanlah pekerjaan itu tiadalah diulangi lagi berbuat dia.

### [Hukum batal]

Dan yang batal ertinya sia-sia iaitu barang yang tiada takluk dengan dia lulus dan tiada dibilangkan akan dia yakni tiada<sup>824</sup> dibilangkan pekerjaan itu dan diulangi<sup>825</sup> pula berbuat dia kemudiannya, yaitu<sup>826</sup> sembahyang dengan tiada air sembahyang dan barang sebagainya.

Dan seperti puasa dengan tiada berniat pada malam dan barang sebagainya daripada segala ibadat yang tiada sah<sup>827</sup> sebab tiada diperoleh segala syaratnya yang mengesahkan dia.

Maka hendaklah<sup>828</sup> iktikadkan pada segala yang wajib itu akan wajibnya, dan pada segala yang sunat itu akan sunatnya, dan pada yang harus itu akan harusnya, dan pada segala yang /B53 haramnya<sup>829</sup> dan pada segala yang makruh itu akan makruhnya dan

<sup>819</sup> Pada B: [Tatkala minum]

<sup>820</sup> Pada B: [buang]

<sup>821</sup> Tiada pada B

<sup>822</sup> Pada B: [lulus]

<sup>823</sup> Tiada pada B

<sup>824</sup> Pada B: [tiadalah]

<sup>825</sup> Pada B:[diulang]

<sup>826</sup> Pada B: [iaitu seperti]

<sup>827</sup> Tiada pada B. Maksud teks dalam Naskhah A ialah ibadat yang tidak sah kerana tidak mencukupi syarat-syaratnya. Manakala teks bagi Naskhah B membawa maksud ibadat yang tiada sebab. Penyalin Naskhah B berkemungkinan besar tertinggal perkataan ‘sah’ dan dalam ayat ini Naskhah A lebih tepat dan jelas maksudnya.

<sup>828</sup> Pada B: [hendaklah kita]

<sup>829</sup> Pada B: [haram itu akan haramnya]

pada segala yang sahih<sup>830</sup> dan pada segala yang batal itu akan batalnya dan jangan kita tukarkan akan segala perkara yang tersebut itu.

#### [Perkara-perkara yang menyebabkan seseorang menjadi kafir]

##### [Takrif kafir]

Dan lagi hendaklah kita ketahui akan segala pekerjaan yang menjadikan kafir, [maka erti kafir itu tertutup daripada jalan yang betul]<sup>831</sup>.

##### [Sujud kepada selain Allah]

Maka adalah segala pekerjaan yang menjadikan kafir itu amat banyak<sup>832</sup> seperti sujud kepada segala barang yang lain daripada Allah Taala dengan niat berbuat ibadat akan dia, iaitu seperti menyembah berhala dan<sup>833</sup> batu dan kayu dan menyembah matahari dan bulan dan barang sebagainya.

##### [Mengiktikadkan ada kuasa selain Allah]

Dan mengiktikadkan ada yang lain daripada Allah Taala itu yang menjadikan atau menghidupkan atau mematikan atau menyakitkan atau menyembuhkan dengan sendirinya.

##### [Mengiktikadkan Allah beranak atau beribu atau bertubuh atau tiada segala sifat]

Atau mengiktikadkan bahawasanya<sup>834</sup> [Allah Taala itu]<sup>835</sup> beranak atau beribu atau Allah Taala itu bertubuh seperti tubuh kita. Atau mengiktikadkan bahawa Allah Taala itu tiada mempunyai segala sifat.

<sup>830</sup> Pada B: [sahih itu akan sahihnya]

<sup>831</sup> Tiada pada B

<sup>832</sup> Pada B: [banyak yaitu]

<sup>833</sup> Pada B: [dan menyembah]

<sup>834</sup> Pada B: [bahawa]

<sup>835</sup> Pada B: [Allah Taala itu tiada atau]. Perkataan ‘tiada atau’ yang terdapat di dalam Naskhah B telah melengkapkan lagi maksud sebenar teks ini.

## [Tiada percaya segala Nabi, Malaikat, Kitab dan Kiamat]

Dan tiada percaya [akan segala nabi atau Nabi Muhammad]<sup>836</sup>. Dan tiada percaya akan segala malaikat dan akan segala /B54/ kitab dan tiada percaya akan hari Kiamat [dan]<sup>837</sup> syurga dan akan segala nareka.

[Menghinakan *Muṣṭaf*<sup>838</sup>, Menghalalkan yang haram dan Mengharamkan yang halal]

Dan menghinakan *muṣṭaf* seperti dicapatkannya<sup>839</sup> ke dalam tempat yang najis dan menghalalkan [segala]<sup>840</sup> yang diharamkan Allah /A38/ dan rasulnya dan mengharamkan akan segala barang yang dihalalkan Allah<sup>841</sup> dan Rasulnya.

Tetapi adalah menjadi kafir orang yang [menghalalkan]<sup>842</sup> barang yang diharamkan Allah Taala itu jikalau muafakat<sup>843</sup> imam yang empat [itu pada]<sup>844</sup> mengatakan haramnya atau halalnya atau menghalalkan barang yang mereka itu mengharamkan dia.

Maka jika tiada demikian itu, maka<sup>845</sup> tiadalah menjadi kafir orang yang [menghalalkan]<sup>846</sup> atau mengharamkan dia itu<sup>847</sup> dan mengiktikadkan [atau mengatakan]<sup>848</sup> bahwasanya segala sembahyang lima waktu itu tiada difardukan<sup>849</sup> atas kita.

Dan barang sebagainya daripada segala pekerjaan yang menjadikan kafir<sup>850</sup>, maka barangsiapa mengerjakan akan segala pekerjaan yang menjadikan kafir itu, maka

<sup>836</sup> Pada B: [akan Nabi Muhammad atau akan segala Nabi yang lain].

<sup>837</sup> Pada B: [dan akan]

<sup>838</sup> Bermaksud himpunan helaian-helaian dan biasanya perkataan ini digunakan untuk al-Quran (*Muṣṭaf al-Qurān*). Lihat *Al-Mu'jam al-Wasīt*, 508.

<sup>839</sup> Dicampakkannya. Pada B: [dijatuhkan]

<sup>840</sup> Pada B: [segala barang]

<sup>841</sup> Pada B: [Allah Taala]

<sup>842</sup> Pada B: [menghalalkan akan]

<sup>843</sup> Pada B: [muafakatlah]

<sup>844</sup> Tiada pada B

<sup>845</sup> Tiada pada B

<sup>846</sup> Pada B: [menghalalkan dia itu]

<sup>847</sup> Tiada pada B

<sup>848</sup> Tiada pada B

<sup>849</sup> Pada B: [tiada fardu]

<sup>850</sup> Pada B: [kafir itu]

wajiblah ia taubat dengan segeranya<sup>851</sup> serta mengucap لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ مُحَمَّدُ رَسُولُ اللَّهِ<sup>852</sup> serta

meninggal akan dia lagi jangan ia berniat kembali kepada<sup>853</sup> berbuat dia, *Wallāhu 'lam*.

Dan beberapa lagi pekerjaan yang menjadikan kafir itu tiadalah disebutkan di sini.

#### 4) KITAB BERSUCI

[Wajib mengambil air sembahyang dan mandi *janābah* dengan air mutlak]

Dan lagi /B55/ hendaklah kita ketahui akan segala hukum air. Ketahui olehmu bahawasanya tiada sah mengambil air sembahyang dan [mandi *janābah*]<sup>854</sup> dan membasuh segala najis itu melainkan dengan air yang<sup>855</sup> mutlak, ertinya air yang suci lagi menyucikan<sup>856</sup>.

[Jenis-jenis air]

Maka adalah segala<sup>857</sup> air itu terbahagi kepada hingga empat bahagi: pertama air mutlak, kedua air makruh, ketiga air *musta'mal*, keempat air najis.<sup>858</sup>

[Bab jenis-jenis Air]

[Air mutlak]

Maka air yang<sup>859</sup> mutlak itu tujuh bagi: pertama air hujan, kedua air embun, ketiga air beku, keempat air laut, kelima air sungai, keenam air mata, ketujuh air telaga<sup>860</sup>.

<sup>851</sup> Pada B: [bersegera]

<sup>852</sup> Pada B: [dan lagi]

<sup>853</sup> Pada B: [pada]

<sup>854</sup> Pada B: [dan mandi haidh dan nifas dan wiladah]. Pada Naskhah A, terdapat catatan di bahagian tepi teks yang menunjukkan penyalin tertinggal sebahagian daripada teks asal iaitu 'dan mandi haidh dan mandi nifas dan mandi wiladah'. Perkataan 'mandi janabah' pula tidak dicatatkan dalam Naskhah B. Perbezaan ini tidak member kesan yang besar kepada maksud sebenar teks kerana semua contoh yang dicatatkan adalah contoh-contoh mandi yang wajib.

<sup>855</sup> Tiada pada B

<sup>856</sup> Muhyī al-Dīn Abī Zakariyyā Yahyā bin Sharaf al-Nawawī, *Minhāj al-Tālibīn Wa 'Umdat al-Muftīn* (Beirut: Dār al-Minhāj, 2005), 1:67. Abū Yahyā Zakariyyā al-Anṣārī, *Fath al-Wahhāb bi Sharḥ Minhāj al-Tālibīn*, (t.t.p: Dār Khayā' al-Kutub al-'Arabiyyah, t.t.), 3.

<sup>857</sup> Tiada pada B

<sup>858</sup> Muhyī al-Dīn Abī Zakariyyā Yahyā bin Sharaf al-Nawawī, *Minhāj al-Tālibīn Wa 'Umdat al-Muftīn*, 1:67-69. Ibn Ḥajar al-Haytamī, *al-Minhāj al-Qawīm Syarḥ al-Muqaddimah al-Hadrāmiyyah Fi al-Fiqh al-Shāfiī*, (Damshik : Dār al-Fayhā', 1987), 15-16.

## [Hukum air mutlak yang berubah rasa, bau dan warna]

Maka terkadang air mutlak itu berubah rasanya atau baunya atau warnanya sebab bercampur<sup>861</sup> [dengan benda]<sup>862</sup> yang suci yaitu<sup>863</sup> seperti air<sup>864</sup> kunyit atau air<sup>865</sup> tempung<sup>866</sup> atau kesumba<sup>867</sup> atau air komkoma<sup>868</sup> atau barang sebagainya.

Maka tatkala itu hendaklah kita<sup>869</sup> tilik pada<sup>870</sup> air itu jika hilanglah daripada air itu nama air mutlak<sup>871</sup> yakni kita katakanlah<sup>872</sup> akan dia air kunyit atau [air tempung]<sup>873</sup> atau air kesumba atau barang sebagainya.

Maka tatkala itu tiadalah dapat<sup>874</sup> /B57/ menyucikan sesuatu dengan dia [dan tiada harus dipakai]<sup>875</sup> pada mengambil air sembahyang dan<sup>876</sup> sekalian mandi yang fardu, hanya suci juga hukumnya. Maka harus ia minum /A39/ dan ditanakkan nasi dan lainnya. Dan<sup>877</sup> jika tiada hilang<sup>878</sup> air itu daripada<sup>879</sup> nama air yang mutlak sebab sedikit berubahnya, maka air itu suci menyucikan juga hukumnya. Maka harus dipakai pada<sup>880</sup>

<sup>859</sup> Tiada pada B

<sup>860</sup> Muḥammad al-Khaṭīb al-Sharbiṇī, *Mughnī al-Muḥtāj Ilā Ma'rīfah Ma'ānī Alfāz al-Minhāj* (t.tpt: Dār al-Fikr, 1978), 1:17. Abī al-Mahāsin 'Abd al-Wāhid bin Ismā'īl al-Ruyānī, *Bahr al-Madhab fi Furū' Madhab al-Imām al-Shāfi'i* (Beirut: Dār Ḥayā' al-Turāth al-'Arabi, 2002), 1:47-50.

<sup>861</sup> Pada B: [dicampur]

<sup>862</sup> Pada B: [suatu benda]

<sup>863</sup> Tiada pada B

<sup>864</sup> Tiada pada B

<sup>865</sup> Tiada pada B

<sup>866</sup> Tiada pada B

<sup>867</sup> Pada B: [tepung]

<sup>868</sup> Sejenis tumbuhan yang menghasilkan cat atau pencelup merah dan dinamakan sebagai Carthamus tinctorius. Lihat *Kamus Dewan*, 773. Lihat juga Yaakub Isa, *Kamus Bahasa Melayu Klasik*, 92.

<sup>869</sup> Tumbuhan yang putik bunganya dikeringkan untuk dibuat bahan pewarna, rempah, ubat dan sebagainya. Ia dikenali dengan nama Saintifiknya Crocus Sativus. *Kamus Bahasa Melayu Nusantara*, 1391. Juga disebut sebagai kungkuma. R.O. Winstedt, *Kamus Bahasa Melayu*, 169.

<sup>870</sup> Tiada pada B

<sup>871</sup> Tiada pada B

<sup>872</sup> Pada B: [yang mutlak]

<sup>873</sup> Pada B: [kata]

<sup>874</sup> Tiada pada B

<sup>875</sup> Pada B: [dapat ia]

<sup>876</sup> Pada B: [tiada dipakai ia]

<sup>877</sup> Pada B: [dan pada]

<sup>878</sup> Tiada pada B

<sup>879</sup> Pada B: [hilang daripada]

<sup>880</sup> Tiada pada B

<sup>881</sup> Tiada pada B

membasuh segala najis dan pada<sup>881</sup> mengambil air sembahyang dan pada segala mandi yang fardu<sup>882</sup>.

### [Sebab-sebab berubahnya air mutlak]

Maka<sup>883</sup> terkadang air yang mutlak itu berubah ia dengan salah suatu daripada tiga sebab:

### [Mujāwarah]

Pertama sebab<sup>884</sup> *mujāwarah* iaitu bercampur dengan sesuatu benda [yang suci]<sup>885</sup> yang dimasukkan<sup>886</sup> air itu yaitu<sup>887</sup> gaharu<sup>888</sup> atau cedana<sup>889</sup> atau barang sebagainya daripada segala benda yang suci [yang berbau]<sup>890</sup>, maka jadi berubahlah air itu. Jika<sup>891</sup> sangat sekalipun ubahnya suci menyucikan juga hukumnya.

### [Tarawuh]

Dan kedua sebab *tarawuh* yaitu air<sup>892</sup> yang diukup<sup>893</sup> atau [ada bangkai]<sup>894</sup> [pada hampir air itu]<sup>895</sup> maka jadi berubahlah air itu. Itupun suci menyucikan juga hukumnya.

<sup>881</sup> Tiada pada B

<sup>882</sup> Abū Yahyā Zakariyyā al-Anṣārī, *Fatḥ al-Wahhāb bi Sharḥ Minhāj al-Tālibīn*, 3. Ibn Ḥajar al-Haytamī, *Tuhfat al-Muhtāj Bi Sharḥ al-Minhāj*, 33-34.

<sup>883</sup> Pada B; [Dan]

<sup>884</sup> Tiada pada B

<sup>885</sup> Tiada pada B

<sup>886</sup> Pada B; [dimasukkan ke dalam]

<sup>887</sup> Pada B; [seperti]

<sup>888</sup> Sejenis kayu yang harum dan berasal daripada pokok tengkaras, nama sainsnya ialah Aquilaria malaccensis. *Kamus Dewan*, 423. Biasanya dimasukkan ke dalam ramuan membuat minyak wangi, ubat-ubatan atau dibakar di tempat perasapan. Yaakub Isa, *Kamus Bahasa Melayu Klasik*, 51.

<sup>889</sup> Ejaan yang tepat menurut Kamus Dewan ialah cendana. Ia bermaksud sejenis kayu dan salah satu jenisnya ialah cendana janggi, iaitu pokok yang merah warna kayunya. Nama saintifiknya ialah Pterocarpus. *Kamus Dewan*, 264. Digunakan untuk membuat minyak wangi dan setanggi. Yaakub Isa, *Kamus Bahasa Melayu Klasik*, 34.

<sup>890</sup> Pada B; [yakni bau]

<sup>891</sup> Pada B; [jikalau]

<sup>892</sup> Tiada pada B

<sup>893</sup> Berubah bau disebabkan asap, dan kebiasaannya disebabkan asap kemenyan. Lihat William Marsden, *Dictionary of The Malayan Language*, 24. R. Winstedt, *A Practical Modern Malay-English Dictionary*, (Kuala Lumpur: Merican and Son Ltd., 1964), 85.

.157.

<sup>894</sup> Pada B; [atau daripada air itu bangkai]

<sup>895</sup> Tiada pada B

## [*Mukhālātah*]

Dan ketiga sebab *mukhālātah* yaitu bercampur air itu dengan sesuatu benda jadi<sup>896</sup> di dalam air /B57/ itu yaitu seperti kiambang dan lumut dan rauman<sup>897</sup> dan barang sebagainya, maka jadi berubahlah air itu, itupun suci menyucikan juu hukumnya<sup>898</sup>.

## [*Air makruh*]

Dan air yang<sup>899</sup> makruh itu yaitu tiga perkara: Pertama air yang<sup>900</sup> sangat hangat dan kedua air yang sangat sejuk dan ketiga air yang terjemur pada negeri yang sangat hangat seperti negeri Mekah dan segala kelilingnya, lagi ada air itu terjemur<sup>901</sup> dalam bejana<sup>902</sup> yang kena tukul seperti<sup>903</sup> besi atau tembaga atau barang sebagainya daripada segala bejana yang terbit dakinya tatkala kena panas<sup>904</sup>.

## [*Air musta'mal*]

Dan air yang *musta'mal* itu yaitu air yang sudah terpakai pada [membasuh najis atau terpakai pada]<sup>905</sup> mengambil air sembahyang atau mandi junub<sup>906</sup> dan mandi haid dan mandi mayat.

<sup>896</sup> Pada B: [yang jadi]

<sup>897</sup> Ruman, bermaksud sekam, dedak atau jerami padi. William Marsden, *Dictionary of The Malayan Language*, 153.

<sup>898</sup> Muhyī al-Dīn Abī Zakariyyā Yahyā bin Sharaf al-Nawawī, *Minhāj al-Tālibīn Wa 'Umdat al-Muftīn* 67. Ibn Hajar al-Haytamī, *Tuhfah al-Muhtāj Bi Sharh al-Minhāj*, 33-34. Abū Yahyā Zakariyyā al-Anṣārī, *Fath al-Wahhāb bi Sharh Minhāj al-Tālibīn*, 3. Muḥammad al-Khaṭīb al-Sharbinī, *Mughnī al-Muhtāj Ilā Ma'rifah Ma'ānī Alfaż al-Minhāj*, 20.

<sup>899</sup> Tiada pada B

<sup>900</sup> Tiada pada B

<sup>901</sup> Tiada pada B

<sup>902</sup> Bermaksud bekas air atau balang. *Kamus Dewan*, 147. Sejenis mangkuk besar yang dijadikan bekas air. Yaakub Isa, *Kamus Bahasa Melayu Klasik*, 20.

<sup>903</sup> Pada B: [iaitu seperti]

<sup>904</sup> Muhyī al-Dīn Abī Zakariyyā Yahyā bin Sharaf al-Nawawī, *Minhāj al-Tālibīn Wa 'Umdat al-Muftīn*, 67. Ibn Hajar al-Haytamī, *Tuhfah al-Muhtāj Bi Sharh al-Minhāj*, 34-35. Abū Yahyā Zakariyyā al-Anṣārī, *Fath al-Wahhāb bi Sharh Minhāj al-Tālibīn*, 4. Muḥammad al-Khaṭīb al-Sharbinī, *Mughnī al-Muhtāj Ilā Ma'rifah Ma'ānī Alfaż al-Minhāj*, 21.

<sup>905</sup> Tiada pada B. Kemungkinan penyalin naskhah B tertinggal teks 'membasuh najis atau terpakai pada'. Teks dalam naskhah A lebih lengkap dan jelas maksudnya.

<sup>906</sup> Pada B: [jenabah]

Maka air itu tiadalah<sup>907</sup> sah dipakai pada mengambil air sembahyang dan pada<sup>908</sup> sekalian mandi [yang wajib]<sup>909</sup> dan pada menghilangkan segala najis.

Dan [demikian lagi air *musta'mal*]<sup>910</sup> itu jika tertitik air sembahyang itu<sup>911</sup> ke dalam bejana air yang kurang daripada dua kolah pada basuh yang pertama daripada muka atau daripada tangan atau daripada kaki<sup>912</sup>.

### [Air najis]

Dan air najis itu yaitu air yang kurang daripada dua kolah /B58/ [jika dimasuk najis ke dalamnya sama ada air itu berubah atau tiada]<sup>913</sup>, maka yaitu najislah hukumnya.

Dan jika<sup>914</sup> air itu dua kolah [atau /A40/ lebih]<sup>915</sup> maka masuk<sup>916</sup> najis ke dalamnya maka tatkala itu tiada berubah rasanya atau [baunya atau rupanya]<sup>917</sup>, maka air itu suci menyucikan juga hukumnya<sup>918</sup>.

Dan jika<sup>919</sup> berubah air itu dengan salah suatu daripada tiga perkara yang tersebut itu, maka air itu najislah, tiadalah harus dipakai pada<sup>920</sup> mengambil air sembahyang dan

<sup>907</sup> Pada B: [tiada]

<sup>908</sup> Tiada pada B

<sup>909</sup> Tiada pada B. Teks dalam naskhah A lebih tepat kerana air *musta'mal* tidak boleh digunakan untuk mandi wajib, tetapi masih boleh digunakan untuk mandi biasa sekiranya tidak terdapat najis pada badan. Teks dalam naskhah B membawa maksud air *musta'mal* tidak boleh digunakan untuk semua jenis mandi samada mandi wajib atau selainnya.

<sup>910</sup> Pada B: [dijadi *musta'mal* air]

<sup>911</sup> Tiada pada B

<sup>912</sup> Muhyī al-Dīn Abī Zakariyyā Yahyā bin Sharaf al-Nawawī, *Minhāj al-Tālibīn Wa 'Umdat al-Muftīn*, 67. Ibn Hajar al-Haytamī, *Tuhfah al-Muhtāj Bi Sharh al-Minhāj*, 35. Abū Yahyā Zakariyyā al-Anṣārī, *Fath al-Wahhāb bi Sharh Minhāj al-Tālibīn*.

<sup>913</sup> Tiada pada B. Perbezaan di antara dua naskhah ini telah membawa perubahan maksud yang besar dan memberi kesan dari segi hukum. Teks bagi naskhah A bermaksud air najis ialah air yang dimasuki najis ke dalamnya dan kuantiti air tersebut kurang daripada dua kolah. Teks bagi naskhah B pula bermaksud air najis ialah air yang kurang daripada dua kolah. Apa yang dijelaskan dalam Naskhah A menepati maksud air najis dan takrif air najis dalam Naskhah B adalah salah. Namun, kesilapan yang berlaku ini mungkin disebabkan penyalin tertinggal sebahagian teks asal.

<sup>914</sup> Pada B: [jika ada]

<sup>915</sup> Tiada pada B

<sup>916</sup> Pada B: [dimasuk]

<sup>917</sup> Pada B: [atau wārnanya atau baunya]

<sup>918</sup> Muhyī al-Dīn Abī Zakariyyā Yahyā bin Sharaf al-Nawawī, *Minhāj al-Tālibīn Wa 'Umdat al-Muftīn*, 68. Ibn Hajar al-Haytamī, *Tuhfah al-Muhtāj Bi Sharh al-Minhāj*, 35-39. Abū Yahyā Zakariyyā al-Anṣārī, *Fath al-Wahhāb bi Sharh Minhāj al-Tālibīn*, 5. Muḥammad al-Khaṭīb al-Sharbīnī, *Mughnī al-Muhtāj Ilā Ma'rifah Ma'āni Alfaż al-Minhāj*, 20.

<sup>919</sup> Tiada pada B

pada<sup>921</sup> segala mandi yang<sup>922</sup> fardu dan mandi yang<sup>923</sup> sunat dan menghilangkan segala najis dengan dia dan tiadalah harus diminum akan dia.

[Hukum air yang kurang daripada dua kolah dimasuki bangkai binatang yang tidak mengalir darahnya]

Dan jika termasuk ke dalam air yang kurang daripada dua kolah itu suatu bangkai binatang yang tiada mengalir darahnya iaitu<sup>924</sup> seperti kumbang atau semut atau lipas atau cicak atau lalat atau barang sebagainya kemudian maka dikeluarkan akan dia, maka tiadalah najis air itu suci menyucikan jua hukumnya. Melainkan jika ada air itu berubah rasanya [atau warnanya]<sup>925</sup> atau baunya sebab masuk bangkai itu atau disahaja memasukkan dia ke dalam air itu, maka najislah air itu<sup>926</sup>.

[Bab jenis-jenis najis dan syarat-syarat untuk menghilangkannya]

Maka adalah segala najis itu terbahagi kepada tiga bahagi.

[Najis *mughallazah*]

Pertama najis<sup>927</sup> *mughallazah* namanya, yakni dikeraskan [oleh syarak]<sup>928</sup> yaitu anjing dan /B59/ babi dan barang yang jadi<sup>929</sup> daripada salah suatu daripada dua<sup>930</sup>. Maka adalah syarat menghilangkan najis *mughallazah* itu hendaklah dibasuh pada tempat

<sup>920</sup> Pada B: [daripada]

<sup>921</sup> Pada B: [daripada]

<sup>922</sup> Tiada pada B

<sup>923</sup> Tiada pada B

<sup>924</sup> Tiada pada B

<sup>925</sup> Tiada pada B. Teks bagi naskah A lebih tepat kerana tiga sifat air yang perlu diteliti samada berubah atau tidak dengan masuknya najis ialah bau, warna dan rasa.

<sup>926</sup> Muhyī al-Dīn Abī Zakariyyā Yahyā bin Sharaf al-Nawawī, *Minhāj al-Tālibīn Wa 'Umdat al-Mufīn*, 68. Ibnu Ḥajar al-Haytamī, *Tuhfāt al-Muhtāj Bi Sharh al-Minhāj*, 39. Abū Yaḥyā Zakariyyā al-Anṣārī, *Fath al-Wahhāb bi Sharh Minhāj al-Tālibīn*, 5. Muḥammad al-Khaṭīb al-Sharbinī, *Mughnī al-Muhtāj Ilā Ma'rifah Ma'ānī Alfaẓ al-Minhāj*, 21.

<sup>927</sup> Tiada pada B

<sup>928</sup> Tiada pada B

<sup>929</sup> Pada B: [jadi ia]

<sup>930</sup> Pada B: [keduanya]

yang<sup>931</sup> kena najis itu tujuh kali dengan air serta dicampuri daripada salah suatu daripada tujuh kali itu dengan tanah yang suci dan utamanya itu<sup>932</sup> hendaklah dicampuri tanah itu pada basuh yang pertama.

Maka adalah basuh<sup>933</sup> tujuh kali itu [apabila kena]<sup>934</sup> sesuatu [itu tahi anjing dan]<sup>935</sup> tahi babi atau peluh keduanya [atau kemih]<sup>936</sup> keduanya atau darah keduanya. Atau ada<sup>937</sup> jilat<sup>938</sup> oleh keduanya akan sesuatu itu maka adalah basuh tujuh kali itu kemudian daripada sudah hilang rupa najis itu<sup>939</sup> daripada keduanya dan hilang baunya.

### [Najis *mukhaffafah*]

Dan kedua najis<sup>940</sup> *mukhaffafah* namanya yakni najis<sup>941</sup> yang diringankan [oleh Syarak]<sup>942</sup> yaitu kamih kanak-kanak laki-laki<sup>943</sup> yang belumpai lagi memakan<sup>944</sup> makanan lain daripada air susu<sup>945</sup> ibunya. Maka adalah syarat menghilangkan najis *mukhaffafah* itu hendaklah dipercikkan air pada tempat yang kena najis itu hingga rata jua<sup>946</sup> jikalau tiada mengalir sekalipun sucilah tempat itu.

<sup>931</sup> Tiada pada B

<sup>932</sup> Tiada pada B

<sup>933</sup> Pada B: [dibasuh]

<sup>934</sup> Tiada pada B

<sup>935</sup> Tiada pada B

<sup>936</sup> Tiada pada B. "Kemih" bermaksud air kencing. *Kamus Bahasa Melayu Nusantara*, 1275, R.O. Winstedt, *Kamus Bahasa Melayu*, 146.

<sup>937</sup> Tiada pada B

<sup>938</sup> Pada B: [dijilat]

<sup>939</sup> Tiada pada B

<sup>940</sup> Tiada pada B

<sup>941</sup> Tiada pada B

<sup>942</sup> Tiada pada B

<sup>943</sup> Pada B: [laki]

<sup>944</sup> Pada B: [memakan akan]

<sup>945</sup> Pada B: [susunya]

<sup>946</sup> Tiada pada B

## [Najis *mutawassītah*]

Dan ketiga najis *mutawassītah* namanya yakni<sup>947</sup> /B60/ najis pertengahan yaitu segala<sup>948</sup> tahi dan kemih dan darah dan nanah dan danar<sup>949</sup> dan muntah dan arak dan tuak /A41/ dan barang sebagainya. Maka adalah syarat menghilangkan<sup>950</sup> najis *mutawassītah* itu hendaklah menghilangkan rasanya dan rupanya dan baunya dan maaf jikalau tinggal rupanya jua<sup>951</sup> karena kesukaran menghilangkan dia. Dan tiada jadi suci yang dibasuh itu jikalau tinggal rupa<sup>952</sup> dan baunya<sup>953</sup> pada suatu jikalau sukar sekalipun atau tinggal rasanya jua, maka najislah<sup>954</sup> lagi tempat itu.

## [Pembahagian najis *mutawassītah*]

Maka adalah najis *mutawassītah* itu terbahagi<sup>955</sup> kepada dua bahagi: pertama najis '*ain*'<sup>956</sup> namanya yaitu barang yang didapat oleh penglihat mata dan barang yang didapat oleh pencium akan baunya yaitu seperti tahi dan segala kemih dan darah dan nanah dan barang sebagainya. Maka adalah syarat menghilangkan najis '*aini*'<sup>957</sup> itu seperti yang telah tersebut itu [dahulu itu]<sup>958</sup> jua.

Dan kedua najis *hukmī* /B61/ [namanya yaitu]<sup>959</sup> seperti kemih yang kurang lagi tiada baunya. Maka adalah<sup>960</sup> syarat najis *hukmī* itu hendaklah mengalirkan air<sup>961</sup> pada tempat

<sup>947</sup> Pada B: [ertinya]

<sup>948</sup> Pada B: [seperti]

<sup>949</sup> Tiada pada B

<sup>950</sup> Pada B: [menghilangkan dia]

<sup>951</sup> Pada B: [jua atau baunya jua]

<sup>952</sup> Pada B: [rupanya]

<sup>953</sup> Pada B: [baunya dan]

<sup>954</sup> Pada B: [najis]

<sup>955</sup> Pada B: [bahagi]

<sup>956</sup> Pada B: [ain]

<sup>957</sup> Pada B: [ain]

<sup>958</sup> Tiada pada B

<sup>959</sup> Pada B: [namanya itu iaitu barang yang tiada dapat oleh penglihat mata akan rupanya dan tiada dapat oleh pencium akan baunya iaitu]. Teks bagi naskhah B lebih lengkap. Kemungkinan penyalin naskhah A tertinggal sebahagian ayat ini

<sup>960</sup> Tiada pada B

<sup>961</sup> Pada B: [air itu]

najis itu sekali dengan tiada berniat [pada ketika]<sup>962</sup> membasuh dia. **Adapun**<sup>963</sup> segala benda yang cair [itu yaitu]<sup>964</sup> seperti manisan dan cuka<sup>965</sup> dan barang sebagainya jika masuk najis ke dalam<sup>966</sup> sekaliannya itu maka najislah samada berubah<sup>967</sup> atau tiada<sup>968</sup> jika kalau lebih<sup>969</sup> dua kolah sekalipun.

### [Syarat membasuh najis dengan air yang sedikit]

**Bermula** syarat membasuh najis dengan air yang sedikit itu hendaklah dicucurkan air itu<sup>970</sup> maka tiada<sup>971</sup> jadi suci yang dibasuh itu jika dicelupkan ke dalam air<sup>972</sup> itu<sup>973</sup> karena air itu jadilah najis pula sebab dicelupkan sesuatu yang dibasuh itu ke dalamnya.

### [Sukatan Air Dua Kolah]

**Bermula** timbangan air yang dua kolah itu /B62/ lima ratus *riyl*<sup>974</sup> negeri Baghdad dan jika disifat pada bajena yang empat persegi itu hendaklah ada pada tiap-tiap suatu persagi<sup>975</sup> itu [sehasta enam jari]<sup>976</sup> dengan hasta orang yang pertengahan dalamnya<sup>977</sup>

<sup>962</sup> Pada B: [sekali]

<sup>963</sup> Pada B: [dan adapun]

<sup>964</sup> Tiada pada B

<sup>965</sup> Pada B: [dan cuka dan minyak sapi dan susu]. Naskhah B didapati lebih lengkap. Pada naskhah A, terdapat catatan yang menunjukkan penyalin tertinggal sebahagian ayatnya iaitu ‘minyak sapid an susu dan’

<sup>966</sup> Pada B: [ke dalamnya]

<sup>967</sup> Pada B: [berubah rasa sekeliannya itu]

<sup>968</sup> Pada B: [tiada berubah]

<sup>969</sup> Pada B: [lebih daripada]

<sup>970</sup> Pada B: [ke atas najis itu]

<sup>971</sup> Tiada pada B. Teks bagi naskhah A membawa maksud tidak suci sesuatu yang dibasuh sekiranya dicelupkan ke dalam air yang kurang daripada dua kolah, sebaliknya teks bagi naskhah B bermaksud suci sesuatu yang dibasuh sekiranya dicelupkan ke dalam air yang kurang daripada dua kolah. Kemungkinan penyalin Naskhah B tertinggal perkataan ‘tiada’. Naskah A lebih tepat dan perbezaan ini membawa kepada perubahan maksud dan member kesan kepada hukum.

<sup>972</sup> Pada B: [air yang kurang daripada dua kolah]

<sup>973</sup> Tiada pada B

<sup>974</sup> Menurut *ulamā'* Syāfi'iyyah, satu *riyl* bersamaan dengan 0.923508 liter. Oleh itu, 500 *riyl* ialah  $(500 \times 0.923508 = 461.754$  liter). Lihat Ghālib Muhammad Kurayyim, “Mulhaq al-Mawāzīn Wa al-Makāyīl wa al-Ātwāl”, dalam Muhyī al-Dīn Abī Zakariyyā Yahyā bin Sharaf al-Nawawī, *Minhāj al-Tālibīn Wa 'Umdat al-Muftīn Minhāj al-Tālibīn Wa 'Umdat al-Muftīn*, 689.

<sup>975</sup> Persegi. Dalam teks ditulis فراسکی.

<sup>976</sup> Satu hasta menurut *ulamā'* Syāfi'iyyah ialah 61.834 sm dan satu jari ialah 2.576416 sm. Enam jari:  $6 \times 2.576416$  sm = 15.458496 sm. Maka satu hasta enam jari ialah ( $61.834$  sm +  $15.458496$  sm =  $77.292496$  sm). Lihat Ghālib Muhammad Kurayyim, “Mulhaq al-Mawāzīn Wa al-Makāyīl wa al-Ātwāl”, 696.

<sup>977</sup> Pada B: [dan dalamnya]

pun sekian jua dan jika ada bajena<sup>978</sup> itu buntar<sup>979</sup> seperti<sup>980</sup> tepayan<sup>981</sup> dan lainnya maka<sup>982</sup> hendaklah ada dalamnya itu [dua hasta]<sup>983</sup> dan luas mukanya sehasta<sup>984</sup>, <sup>985</sup>

### [Bab Qada Hajat dan Istnjak]

#### [Hukum qada hajat dan istnjak]

**Ini** bab pada menyatakan hukum dan istnjak. Maka adalah qada hajat itu tiga hukum : pertama sunat dan kedua makruh dan ketiga /A42/ haram.

#### [Perkara yang sunat ketika qada hajat]

Maka qada hajat yang sunat itu apabila pergi qada hajat besar atau kecil maka<sup>986</sup> hendaklah menutup kepala dan mendahulukan kaki kiri tatkala masuk ke dalam jamban itu<sup>987</sup> dan mendahulukan [kaki yang]<sup>988</sup> kanan tatkala keluar daripadanya, jikalau qada hajat di padang sekalipun.

Dan<sup>989</sup> lagi duduk<sup>990</sup> bertinggung serta menduduk<sup>991</sup> kaki kiri dan mendirikan kaki yang<sup>992</sup> kanan dengan menghantarkan segala anak jari kaki /B63/ yang kiri ini<sup>993</sup> pada bumi atau pada<sup>994</sup> kayu yang ada pada tempat qada hajat itu dan meninggikan tapaknya.

<sup>978</sup> Pada B: [bejana tempat air]

<sup>979</sup> Bulat atau bundar. Lihat William Marsden, *Dictionary of The Malayan Language*, 48. R.J. Wilkinson, *A Malay-English Dictionary*, 117.

<sup>980</sup> Pada B: [seperti telaga]

<sup>981</sup> Tempayan. Pada B: [tepayan besar]

<sup>982</sup> Tiada pada B

<sup>983</sup> Satu hasta menurut *ulamā' Syāfi'iyyah* ialah 61.834 sm. Dua hasta:  $2 \times 61.834 \text{ sm} = 123.668 \text{ sm}$  atau 1.23668 meter. Lihat Ghālib Muḥammad Kurayyim, "Mulhaq al-Mawāzin Wa al-Makāyil wa al-Ātwāl", 696.

<sup>984</sup> Satu hasta ialah 61.834 sm. Lihat *Ibid*, 696.

<sup>985</sup> Muhyī al-Dīn Abī Zakariyyā Yahyā bin Sharaf al-Nawawī, *Minhāj al-Tālibīn Wa 'Umdat al-Mufīn*, 68. Ibn Ḥajar al-Haytamī, *Tuhfah al-Muhtāj Bi Sharh al-Minhāj*, 42. Abū Yahyā Zakariyyā al-Anṣārī, *Fath al-Wahhāb bi Sharh Minhāj al-Tālibīn*, 4. Muḥammad al-Khaṭib al-Sharbinī, *Mughnī al-Muhtāj Ilā Ma'rifa Ma 'anī Alfaż al-Minhāj*, 25.

<sup>986</sup> Tiada pada B

<sup>987</sup> Tiada pada B

<sup>988</sup> Tiada pada B

<sup>989</sup> Tiada pada B

<sup>990</sup> Pada B: [duduk dengan]

<sup>991</sup> Pada B: [duduk mendiri]

<sup>992</sup> Tiada pada B

<sup>993</sup> Tiada pada B

Dan lagi ia menjauhi<sup>995</sup> daripada<sup>996</sup> manusia jika ada manusia di sana dengan sekira-kira tiada kedengaran bunyi najis yang keluar itu dan tiada mereka itu mencium baunya. Dan lagi menutup dirinya<sup>997</sup> daripada penglihat segala manusia dengan sesuatu yang tinggi. Maka adalah sekurang-kurang tinggi dindingnya itu enam belas jari<sup>998</sup> jikalau dengan kaki baju sekalipun.

Dan lagi sunat membaca tatkala masuk ke dalam jambannya<sup>999</sup> itu:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ أَعُوذُ بِكَ مِنَ الْجُنُبِ وَالْخَبَابِ

Sunat<sup>1000</sup> membaca tatkala keluar daripada tempat qada hajat itu:

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي أَذْهَبَ عَنِ الْأَوَّلِ وَعَافَ عَنِ

Ertinya: “Segala puji bagi Allah yang [menghilangkan daripadaku]<sup>1001</sup> kesakitan dan yang menyamankan ia akan daku”.<sup>1002</sup>

#### [Qada hajat yang makruh]

Dan qada hajat yang makruh itu yaitu qada hajat besar atau kecil pada air<sup>1003</sup> yang sedikit lagi mengalir dan pada lubang tanah /B64/ dan pada [jalan manusia]<sup>1004</sup> dan pada tempat pernaungan mereka itu pada masa hujan dan pada masa panas dan pada tempat

<sup>994</sup> Tiada pada B

<sup>995</sup> Pada B: [menjauh]

<sup>996</sup> Pada B: [daripada segala]

<sup>997</sup> Pada B: [diri]

<sup>998</sup> Bermaksud sukatan panjang (lebar) yang besarnya seluas atau sepanjang jari. *Kamus Dewan*, 2005, 611. Luas dan panjang jari yang dimaksudkan ialah mengikut ukuran jari orang dewasa. *Kamus Bahasa Melayu Nusantara*, 1064.

<sup>999</sup> Bermaksud tandas atau tempat buang air. *Kamus Bahasa Melayu Nusantara*, 1052. W.G. Shellabear, *Malay-English Vocabulary*, 47.

<sup>1000</sup> Pada B: [Dan sunat]

<sup>1001</sup> Pada B: [menghilangkan ia daripada]

<sup>1002</sup> Muhyī al-Dīn Abī Zakariyyā Yahyā bin Sharaf al-Nawawī, *Minhāj al-Tālibīn Wa 'Umdat al-Muftīn*, 71-72. Ibn Ḥajar al-Haytamī, *Tuhfah al-Muhtāj Bi Sharḥ al-Minhāj*, 59-63. Abū Yahyā Zakariyyā al-Anṣārī, *Fath al-Wahhāb bi Sharḥ Minhāj al-Tālibīn*, *Fath al-Wahhāb bi Sharḥ Minhāj al-Tālibīn* h.9-10. Muhammad al-Khaṭīb al-Sharbinī, *Mughnī al-Muhtāj Ilā Ma'rifah Ma'ānī Alfaż al-Minhāj*, 42-43..

<sup>1003</sup> Pada B: [air yang tenang dan pada air]

<sup>1004</sup> Pada B: [jalan segala manusia]

berceritera dan di bawah pohon kayu yang<sup>1005</sup> dimakan buahnya pada waktu berbuah [atau tiada]<sup>1006</sup>.

Dan makruh berkata-kata pada [ketika qada hajat itu]<sup>1007</sup> melainkan karena kesukaran.

Maka harus berkata<sup>1008</sup> seperti memberitahu orang yang buta yang hendak<sup>1009</sup> jatuh ke dalam telaga atau barang sebagainya dan harus qada hajat besar<sup>1010</sup> seraya berdiri tatkala tiada diperoleh<sup>1011</sup> tempat duduk bertinggung **dan** makruh qada hajat menghadap matahari dan bulan<sup>1012</sup>.

### [Qada hajat yang haram]

Dan **qada hajat** yang haram itu yaitu qada hajat<sup>1013</sup> besar atau kecil dengan disahaja membawak<sup>1014</sup> sesuatu yang tersurat nama /A43/ Allah [atau nama nabi]<sup>1015</sup> atau nama Malaikat. Dan tiada mengapa memakai azimat yang dimasukkan ke dalam buluh atau disalut dengan lilin.

Dan<sup>1016</sup> qada hajat menghadap qiblah atau membelakang akan<sup>1017</sup> dia /B65/ dengan *qubul* atau dubur jika tiada dinding antara orang yang qada hajat itu dan antara qiblah. Dan lagi haram qada hajat di atas makanan dan di atas kubur dan<sup>1018</sup> di dalam masjid.

Dan jangan qada hajat kecil mengadap kepada angin dan kepada<sup>1019</sup> sesuatu yang keras<sup>1020</sup> supaya jangan kumbali<sup>1021</sup> najis itu kepada dirinya dan jangan menilik ke

<sup>1005</sup> Tiada pada B

<sup>1006</sup> Pada B: [dan lainnya]

<sup>1007</sup> Pada B: [ketika qada hajah seraya berdiri]

<sup>1008</sup> Pada B: [berkata-kata]

<sup>1009</sup> Pada B: [hendaklah]

<sup>1010</sup> Tiada pada B

<sup>1011</sup> Pada B: [peroleh]

<sup>1012</sup> Muhyī al-Dīn Abī Zakariyyā Yahyā bin Sharaf al-Nawawī, *Minhāj al-Tālibīn Wa 'Umdat al-Muftīn*, 71-72. Ibn Ḥajar al-Haytamī, *Tuhfat al-Muhtāj Bi Sharḥ al-Minhāj*, 59-63. Abū Yahyā Zakariyyā al-Anṣārī, *Fath al-Wahhāb bi Sharḥ Minhāj al-Tālibīn*, 9-10. Muḥammad al-Khaṭīb al-Sharbinī, *Mughnī al-Muhtāj Ilā Ma'rifah Ma'ānī Alfāz al-Minhāj*, 40.

<sup>1013</sup> Tiada pada B

<sup>1014</sup> Tiada pada B

<sup>1015</sup> Tiada pada B

<sup>1016</sup> Pada B: [Dan haram tatkala]

<sup>1017</sup> Tiada pada B

<sup>1018</sup> Tiada pada B

langit dan kepada faraj dan kepada najis yang keluar itu dan jangan bermain-main tangan [dan memandang ke kanan dan ke kiri]<sup>1022</sup> dan jangan pada ketika itu bersugi. Maka adalah sekalian itu makruh jua<sup>1023</sup>.<sup>1024</sup>

## [Istinjak]

### [Hukum dan takrif istinjak]

**Bermula** istinjak itu wajib qada hajat bagi tiap-tiap yang qada hajat itu<sup>1025</sup> yaitu menghilangkan najis yang<sup>1026</sup> basah lagi keluar ia<sup>1027</sup> daripada dua jalan dengan air atau dengan batu atau dengan sesuatu<sup>1028</sup> yang suci lagi keras lagi kasak<sup>1029</sup>, yaitu seperti kayu atau kain atau kapas atau kertas /B66/ atau barang sabagainya maka<sup>1030</sup> memadailah pada istinjak itu dengan *zann* akan sucinya.<sup>1031</sup>

Dan jika diperoleh yakin maka yaitu sepututnya yakni adalah terlebih baik dan jika berbau najis itu<sup>1032</sup> pada tangan maka ia jua najis tiada lainnya. Maka tiadalah diulangi<sup>1033</sup> istinjak pula dan hanya yang dibasuh itu tangan jua dan tiada sunat mencium bau tangan dan sunat menggosokkan tangan kemudian daripada istinjak itu<sup>1034</sup>

<sup>1019</sup> Pada B: [pada]

<sup>1020</sup> Pada B: tegar

<sup>1021</sup> kembali

<sup>1022</sup> Pada B: [dan jangan memandang ke kiri dan ke kanan]

<sup>1023</sup> Tiada pada B

<sup>1024</sup> Muhyī al-Dīn Abī Zakariyyā Yaḥyā bin Sharaf al-Nawawī, *Minhāj al-Tālibīn Wa 'Umdat al-Muftīn* 71-72. Ibn Ḥajar al-Haytamī, *Tuhfat al-Muhtāj Bi Sharh al-Minhāj*, 59-63. Abū Yaḥyā Zakariyyā al-Anṣārī, *Fath al-Wahhāb bi Sharh Minhāj al-Tālibīn*, 9-10. Muḥammad al-Khaṭīb al-Sharbinī, *Mughnī al-Muhtāj IIā Ma'rifah Ma'ānī Alfaẓ al-Minhāj*, 41.

<sup>1025</sup> Tiada pada B

<sup>1026</sup> Tiada pada B

<sup>1027</sup> Tiada pada B

<sup>1028</sup> Pada B: [barang sesuatu]

<sup>1029</sup> Kasap (كاسف) yang bermaksud kasar atau permukaan yang kasar. Lihat William Marsden, *Dictionary of The Malayan Language*, 247. R.J. Wilkinson, *A Malay-English Dictionary*, 494. R. Winstedt, *A Practical Modern Malay- English Dictionary*, 85.

<sup>1030</sup> Tiada pada B

merdeheka membukakan tubuh mereka itu /B86/ dan muka mereka itu kepada laki-laki<sup>1327</sup> yang lain daripada mahram mereka itu, yaitu bapa [dan nenek]<sup>1328</sup> dan anak dan cucu dan saudara dan segala anak saudara datang ke bawah. Dan adalah syarat pada<sup>1329</sup> menutup aurat itu hendaklah dengan sesuatu yang menegahkan daripada kelihatan /A52/ warna kulit, yaitu kain atau tikar [atau rumput]<sup>1330</sup> atau barang sebagainya jikalau dengan tanah dan lumpur sekalipun<sup>1331</sup>.

**Dan keempat** hendaklah [dengan air sembahyang]<sup>1332</sup>, **dan kelima** suci daripada segala najis yang tiada maafkan<sup>1333</sup> pada<sup>1334</sup> badan atau kain atau pada tempat sembahyang. Maka tiada<sup>1335</sup> sah sembahyang orang yang ada najis pada salah suatu daripada tiga itu<sup>1336</sup>. **Dan keenam** mengetahui akan segala rukunnya dan sunatnya<sup>1337</sup>, maka tiadalah sah sembahyang orang yang tiada mengetahui akan segala rukun sembahyang dan segala sunatnya, dan jangan<sup>1338</sup> mengiktiadkan yang fardu itu akan<sup>1339</sup> sunat dan yang sunat itu akan<sup>1340</sup> fardu.

#### [Rukun-rukun sembahyang]

Adapun<sup>1341</sup> segala<sup>1342</sup> rukun sembahyang itu tiga belas perkara : **Pertama** niat, ertiya [sesuatu padahal berserta]<sup>1343</sup> /B87/ dengan berbuat dia dan adalah tempat<sup>1344</sup> berniat itu

<sup>1327</sup> Pada B: [segala laki-laki]

<sup>1328</sup> Tiada pada B

<sup>1329</sup> Pada B: [kena]

<sup>1330</sup> Tiada pada B

<sup>1331</sup> Muhyī al-Dīn Abī Zakariyyā Yahyā bin Sharaf al-Nawawī, *Minhāj al-Tālibīn Wa 'Umdat al-Muftīn* 105. Ibn Hajar al-Haytamī, *Tuhfah al-Muhtāj Bi Sharh al-Minhāj*, 218-220. Abū Yahyā Zakariyyā al-Anṣārī, *Fath al-Wahhāb bi Sharh Minhāj al-Tālibīn*, 48-49.

<sup>1332</sup> Pada B: [ada ia berair sembahyang]

<sup>1333</sup> Pada B: [dimaaafkan]

<sup>1334</sup> Pada B: [daripada]

<sup>1335</sup> Pada B: [tiadalah]

<sup>1336</sup> Muhyī al-Dīn Abī Zakariyyā Yahyā bin Sharaf al-Nawawī, *Minhāj al-Tālibīn Wa 'Umdat al-Muftīn*, 105-106. Ibn Hajar al-Haytamī, *Tuhfah al-Muhtāj Bi Sharh al-Minhāj*, 220-222. Abū Yahyā Zakariyyā al-Anṣārī, *Fath al-Wahhāb bi Sharh Minhāj al-Tālibīn*, 49-50.

<sup>1337</sup> Pada B: [segala sunatnya]

<sup>1338</sup> Pada B: [jangan ia]

<sup>1339</sup> Tiada pada B

<sup>1340</sup> Tiada pada B

<sup>1341</sup> Pada B: [Dan adapun]

<sup>1342</sup> Tiada pada B

<sup>1343</sup> Pada B: [niat itu menyahaja sesuatu berserta]

di dalam hati. Maka jika ada sembahyang itu fardu, maka wajib meniatkan fardunya dan<sup>1345</sup> menyahaja berbuat dia dan menetapkan dia. Dan jika ada sembahyang itu sunat yang berwaktu<sup>1346</sup>, yaitu seperti sembahyang sunat yang dahulu daripada waktu<sup>1347</sup> zuhur dan kemudiannya dan maghrib dan isyak [dan subuh]<sup>1348</sup> dan sembahyang sunat yang bersebab<sup>1349</sup>, yaitu seperti sembahyang hari raya kedua dan sembahyang gerhana.

### [Syarat-syarat sah niat sembahyang]

Maka adalah syarat niat pada kedua sembahyang itu dua perkara: Pertama *qasad* ertinya menyahaja, dan kedua *tu'ayin* ertinya menentukan dia<sup>1350</sup>.

Dan jika ada sembahyang itu [sunat yang]<sup>1351</sup> tiada berwaktu dan tiada bersebab, yaitu seperti *tahiyah al-masjid* dan sunat wuduk dan sunat istikhārah, maka syarat niatnya itu suatu juia iaitu *qasad* [berbuat dia]<sup>1352, 1353</sup>.

Maka adalah segala<sup>1354</sup> syarat niat itu enam perkara : Pertama menyahaja berbuat dia, dan kedua menentukan dia seperti zuhur dan /B88/ lainnya, dan ketiga meniatkan fardu, dan keempat ada ertinya meniatkan tunai bagi barang siapa yang ada atasnya<sup>1355</sup> sembahyang qada. Dan kelima bahawa ada niatnya<sup>1356</sup> itu di dalam hati, dan keenam adalah niat itu dipesertakan pada<sup>1357</sup> pertama dengan<sup>1358</sup> takbiratul ihram serta [berkekalan yang kepada kesudahannya]<sup>1359, 1360</sup>.

<sup>1344</sup> Tiada pada B

<sup>1345</sup> Tiada pada B

<sup>1346</sup> Pada B: [berwaktu itu]

<sup>1347</sup> Tiada pada B

<sup>1348</sup> Tiada pada B

<sup>1349</sup> Pada B: [tersebut itu]

<sup>1350</sup> *Ibid.*

<sup>1351</sup> Tiada pada B

<sup>1352</sup> Tiada pada B

<sup>1353</sup> Abu Yahyā Zakariyyā al-Anṣārī, *Fath al-Wahhāb bi Sharḥ Minhāj al-Tālibīn*, 38.

<sup>1354</sup> Tiada pada B

<sup>1355</sup> Pada B: [atasnya itu]

<sup>1356</sup> Pada B: [niatnya ertinya]

<sup>1357</sup> Pada B: [dengan]

<sup>1358</sup> Tiada pada B

<sup>1359</sup> Pada B: [berkekalan datang kepada kesudahannya]

## [Lafaz niat solat fardu]

Maka adalah sekurang-kurang niat sembahyang fardu yang<sup>1361</sup> kita ingatkan itu tatkala lidah kita mengata<sup>1362</sup> *Allāhu Akbar*, maka hati kita mengingatkan: “Ku sembahyang<sup>1363</sup>

fardu zuhur atau lainnya” [atau diingatkan /A53/ أصلٌ فرضَ الظُّهُرُ أوَّلًا] atau lainnya]<sup>1364</sup>,

maka adalah kesempurnaan niat itu<sup>1365</sup> mengingatkan: “[Aku sembahyang]<sup>1366</sup> fardu zuhur empat rakaat tunai karena Allah Taala”.

Maka<sup>1367</sup> adalah sekurang-kurang niat maknum<sup>1368</sup>: “Ku sembahyangkan fardu zuhur padahal aku mengikut imam”. Dan kesempurnaan niat maknum itu: “Ku sembahyangkan fardu zuhur empat rakaat tunai padahal aku mengikut imam karena Allah Taala”.

Maka adalah dimulai niat itu daripada “اَللّٰهُمَّ” dan disudahannya<sup>1369</sup> kepada “اَكْبِرُ رَبِّنَا”.

Maka tiada sah niat<sup>1370</sup> jika jatuh ia<sup>1371</sup> terdahulu<sup>1372</sup> /B89/ atau terkemudian daripadanya.

<sup>1369</sup> Para fuqaha berselisih pandangan tentang hukum menyertakan niat ketika takbiratul ihram iaitu pandangan pertama mengatakan wajib menyertakannya daripada awal takbiratul ihram sehingga akhir takbir. Pandangan yang kedua ialah wajib menyertakan niat pada awal takbiratul ihram sahaja dan pandangan yang ketiga ialah memadai ‘bersamaan’ itu berdasarkan kepada uruf. Ini merupakan pandangan Imam al-Ghazālī dan al-Nawawī. Lihat Taqiy al-Dīn Abī Bakr, 1991, *Kifāyah al-Akhyār fi Halli Ghāyah al-Ikhtīṣār* (Beirut: Dār al-Khair), 102.

<sup>1370</sup> Tiada pada B

<sup>1371</sup> Pada B: [mengatakan]

<sup>1372</sup> Pada B: [sembahyangkan]

<sup>1373</sup> Tiada pada B

<sup>1374</sup> Tiada pada B

<sup>1375</sup> Pada B: [ku sembahyangkan]

<sup>1376</sup> Pada B: [Dan]

<sup>1377</sup> Pada B: [niat maknum itu]

<sup>1378</sup> Pada B: [disudahi]

<sup>1379</sup> Pada B: [niat itu]

<sup>1380</sup> Tiada pada B

<sup>1381</sup> Pada B: [terdahulu daripada]

Dan wajib mengingatkan: “[Ku sembahyangkan]<sup>1373</sup> fardu zuhur atau lainnya” dan wajib bagi maknum itu meniatkan<sup>1374</sup>: “Pada hal aku mengikut imam”, dan tiada wajib meniatkan<sup>1375</sup> empat rakaat dan tunai karena Allah Taala.

Dan sunat bagi imam itu meniatkan<sup>1376</sup>: “Aku imam”, melainkan pada<sup>1377</sup> sembahyang Jumaat, maka wajib baginya meniatkan: “Aku imam”.

Maka adalah sekurang-kurang niat imam itu: “Ku sembahyangkan fardu zuhur pada hal aku menjadi imam atau lainnya” dan adalah<sup>1378</sup> kesempurnaan niat imam itu: “Ku sembahyangkan fardu zuhur empat rakaat tunai pada hal aku menjadi imam karena Allah”.

Maka jika [mengikut seseorang itu]<sup>1379</sup> pada segala kelakuannya jua, padahal<sup>1380</sup> tiada ia niatkan<sup>1381</sup> mengikut dia di dalam takbiratul ihram, nescaya tiada<sup>1382</sup> sah sembahyangnya.

Dan kedua, takbiratul ihram yakni menyebutkan dengan lidah *Allāhu Akbar*.<sup>1383</sup>

Dan ketiga berdiri<sup>1384</sup> bagi yang kuasa. Maka adalah syarat /B90/ berdiri itu mendirikan tulang belakang maka<sup>1385</sup> jika berdiri bengkok ke hadapan atau ke belakang, dengan sekira-kira tiada<sup>1386</sup> dinamai berdiri, nescaya tiada<sup>1387</sup> sah berdirinya. Maka jika tiada

<sup>1373</sup> Pada B: [sembahyang]

<sup>1374</sup> Pada B: [mengingatkan]. Perkataan meniatkan dalam naskhah B lebih tepat digunakan.

<sup>1375</sup> Pada B: [mengingatkan]

<sup>1376</sup> Pada B: [mengingatkan]

<sup>1377</sup> Pada B: [tiadalah]

<sup>1378</sup> Tiada pada B

<sup>1379</sup> Tiada pada B

<sup>1380</sup> Pada B: [mengikut seseorang sembahyang itu akan seorang]

<sup>1381</sup> Pada B: [maka]

<sup>1382</sup> Pada B: [mengingatkan]

<sup>1383</sup> Pada B: [tiadalah]

<sup>1384</sup> Muhyī al-Dīn Abī Zakariyyā Yahyā bin Sharaf al-Nawawī, *Minhāj al-Tālibīn Wa 'Umdat al-Muftīn*, 96. Ibn Hajar al-Haytamī, *Tuhfat al-Muhtāj Bi Sharh al-Minhāj*, 181. Abū Yahyā Zakariyyā al-Anṣārī, *Fath al-Wahhāb bi Sharh Minhāj al-Tālibīn*, 38. Muhammad al-Khaṭīb al-Sharbīnī, *Mughnī al-Muhtāj Ilā Ma'rifah Ma'ānī Alfāz al-Minhāj*, 152.

<sup>1385</sup> Pada B: [berdiri betul]

<sup>1386</sup> Tiada pada B

<sup>1387</sup> Pada B: [tiadalah]

<sup>1388</sup> Pada B: [tiadalah]

kuasa seseorang itu berdiri betul, dan jadilah ia seperti kelakuan orang rukuk<sup>1388</sup> dan ditambahinya akan bengkok<sup>1389</sup> itu sedikit pada ketika rukuknya, [itupun jika kuasa ia]<sup>1390</sup>. Maka jika tiada dikuasai<sup>1391</sup>, maka rukuklah ia seperti kelakuan berdiri itulah<sup>1392</sup>. Maka barang siapa lemah ia daripada berdiri, maka sembahyanglah ia seraya duduk barang lakunya harus, tetapi adalah yang terlebih *afdal*<sup>1393</sup> itu duduk ia<sup>1394</sup> di atas tapak kakinya kedua.<sup>1395</sup>

Dan keempat membaca *fatiḥah*<sup>1396</sup> dan *Bismillāh* itu suatu ayat daripada fatihah. Maka tiada<sup>1397</sup> harus meninggalkan /A54/ *Bismillāh*, dan<sup>1398</sup> wajib memeliharakan segala *tasydīdnya* dan<sup>1399</sup> segala hurufnya dan segala /B91/ barisnya. Dan jika ditukarkan *da* itu dengan *za* nescaya tiadalah sah bacaannya<sup>1400 1401</sup>

Dan<sup>1402</sup> jika<sup>1403</sup> dipindahkan segala barisnya<sup>1404</sup> seperti dibaca **أَنْعَمْتُ** atau **أَنْعَمْتَ**

dengan [baris di hadapan atau dengan baris di bawah, nescaya tiada sah bacanya dari karena tatkala bertukar barisnya itu jadilah berubah maknanya]<sup>1405</sup>, dan wajib berturut-turut membaca *fatiḥah* itu<sup>1406</sup>.

<sup>1388</sup> Pada B: [kelakuan orang rukuk juga sebab kerana turun tuanya atau sebab kerana penyakit maka bahwasanya berdirilah ia seperti demikian itu]. Teks dalam naskhah B lebih lengkap kerana sebahagian daripadanya telah gugur dari naskhah A

<sup>1389</sup> Pada B: [bengkoknya]

<sup>1390</sup> Pada B: [jika kuasa ia demikian itu]

<sup>1391</sup> Pada B: [kuasa]

<sup>1392</sup> Pada B: [juga]

<sup>1393</sup> Pada B: [utama]

<sup>1394</sup> Tiada pada B

<sup>1395</sup> Muhyī al-Dīn Abī Zakariyyā Yahyā bin Sharaf al-Nawawī, *Minhāj al-Tālibīn Wa 'Umdat al-Muftīn*, 96-97. Ibn Hajar al-Haytami, *Tuhfat al-Muhtāj Bi Sharh al-Minhāj*, 183-186. Abū Yahyā Zakariyyā al-Anṣārī, *Fath al-Wahhāb bi Sharh Minhāj al-Tālibīn*, 39-40.

<sup>1396</sup> Tiada pada B. Naskhah A lebih lengkap.

<sup>1397</sup> Pada B: [tiadalah]

<sup>1398</sup> Tiada pada B

<sup>1399</sup> Pada B: [memeliharakan]

<sup>1400</sup> Pada B: [bacanya]

<sup>1401</sup> Muhyī al-Dīn Abī Zakariyyā Yahyā bin Sharaf al-Nawawī, *Minhāj al-Tālibīn Wa 'Umdat al-Muftīn*, 97. Ibn Hajar al-Haytami, *Tuhfat al-Muhtāj Bi Sharh al-Minhāj*, 178-181. Abū Yahyā Zakariyyā al-Anṣārī, *Fath al-Wahhāb bi Sharh Minhāj al-Tālibīn*, 38.

<sup>1402</sup> Pada B: [Dan demikian lagi tiada sah bacanya]

<sup>1403</sup> Jikalau. Dalam teks ditulis *جَلَّ*.

<sup>1404</sup> Pada B: [baris]

Dan kelima rukuk [maka adalah]<sup>1407</sup> sekurang-kurang *rukū'* itu bahawasanya<sup>1408</sup> bengkok ia sekira-kira sampai kedua tapak<sup>1409</sup> tangannya kepada dua lututnya pada orang yang ugahari<sup>1410</sup> panjang<sup>1411</sup> tangannya serta berhenti dalamnya, dan jangan menyehaja lain daripada *rukū'*, dan adalah<sup>1412</sup> kesempurnaan rukuk itu bersamaan tulang belakang<sup>1413</sup> dan tengkuknya.<sup>1414</sup>

Dan keenam iktidal yaitu kembali kepada berdiri betul, dan jangan<sup>1415</sup> menyehaja lain daripada<sup>1416</sup> iktidal serta berhenti dalamnya.<sup>1417</sup>

Dan ketujuh sujud serta berhenti di dalamnya dan adalah sekurang-kurang itu bertemu setengah dahinya dengan tempat sujud itu dan tiada harus sujud di atas /B92/ sesuatu yang bergerak ia dengan geraknya tatkala bangkitnya dan duduknya. Dan wajib berhenti dalamnya dan menyampaikan kepalanya itu kepada tempat sujudnya dan hendaklah bahawa tertinggi punggungnya daripada kepalanya dan menghatarkan<sup>1418</sup> sesuatu daripada perut segala jari kakinya kedua.<sup>1419</sup>

<sup>1405</sup> Pada B: [barisnya di bawah kerana tatkala berubah baris iaitu jadi berubah maknanya]. Dalam perenggan ini, terdapat perbezaan dari segi struktur ayat sahaja tanpa mengubah maksud yang ingin disampaikan.

<sup>1406</sup> Muhyī al-Dīn Abī Zakariyyā Yahyā bin Sharaf al-Nawawī, *Minhāj al-Tālibīn Wa 'Umdat al-Muftīn*, 97. Ibn Hajar al-Haytamī, *Tuhfat al-Muhtāj Bi Sharh al-Minhāj*, 190. Abū Yahyā Zakariyyā al-Anṣārī, *Fath al-Wahhāb bi Sharh Minhāj al-Tālibīn*, 40.

<sup>1407</sup> Pada B: [dan]

<sup>1408</sup> Pada B: [bahawa]

<sup>1409</sup> Tiada pada B

<sup>1410</sup> Bahasa sastera lama yang bermaksud sederhana atau pertengahan. Kamus Dewan, 2005, h.1756.

<sup>1411</sup> Pada B: [pada panjang]

<sup>1412</sup> Tiada pada B

<sup>1413</sup> Pada B: [tulang belakangnya]

<sup>1414</sup> Muhyī al-Dīn Abī Zakariyyā Yahyā bin Sharaf al-Nawawī, *Minhāj al-Tālibīn Wa 'Umdat al-Muftīn*, 98-99. Ibn Hajar al-Haytamī, *Tuhfat al-Muhtāj Bi Sharh al-Minhāj*, 197-198. Abū Yahyā Zakariyyā al-Anṣārī, *Fath al-Wahhāb bi Sharh Minhāj al-Tālibīn*, 42. Muhammad al-Khaṭīb al-Sharbinī, *Mughnī al-Muhtāj Ilā Ma'rifah Ma'āni Alfāz al-Minhāj*, 154.

<sup>1415</sup> Pada B: [jangan ia]

<sup>1416</sup> Pada B: [daripada rukuk dan kesempurnaan rukuk itu bersamaan tulang belakangnya dan tongkatnya dan keenam]. Naskhab B lebih lengkap.

<sup>1417</sup> Muhyī al-Dīn Abī Zakariyyā Yahyā bin Sharaf al-Nawawī, *Minhāj al-Tālibīn Wa 'Umdat al-Muftīn*, 99. Ibn Hajar al-Haytamī, *Tuhfat al-Muhtāj Bi Sharh al-Minhāj*, 199-201. Abū Yahyā Zakariyyā al-Anṣārī, *Fath al-Wahhāb bi Sharh Minhāj al-Tālibīn*, 42-43. Muhammad al-Khaṭīb al-Sharbinī, *Mughnī al-Muhtāj Ilā Ma'rifah Ma'āni Alfāz al-Minhāj*, 167.

<sup>1418</sup> menghantarkan

<sup>1419</sup> Muhyī al-Dīn Abī Zakariyyā Yahyā bin Sharaf al-Nawawī, *Minhāj al-Tālibīn Wa 'Umdat al-Muftīn*, 100. Ibn Hajar al-Haytamī, *Tuhfat al-Muhtāj Bi Sharh al-Minhāj*, 203. Abū Yahyā Zakariyyā al-Anṣārī,

Dan kedulapan duduk antara dua sujud serta berhenti dalamnya dan wajib bahawa jangan ia menyahaja lain daripada bangkitnya kepada duduknya<sup>1420</sup>.

Dan kesembilan membaca tahiyyat yang kemudian serta membaiki segala hurufnya dan barisnya dan segala *tasyidnya* daripada pertama tahiyyat datang kepada Muhammad Rasulullah. Dan kesepuluh duduk tatkala membaca tahiyyat yang kemudian.<sup>1421</sup>

Dan kesebelas mengucap selawat atas Nabi S.A.W. kemudian daripada tahiyyat yang kemudian yaitu membaca اللهم صل على محمد kiranya rahmat atas Muhammad"<sup>1422</sup>. Ertinya: "Hai Allah! Tambahi olehmu

Dan kedua belas memberi salam yang pertama. Maka adalah lafaz salam itu السلام عليك ورحمة الله ertinya sejahtera atas kamu maka salam yang kedua itu sunat juga. Dan ketiga belas tertib yaitu /A55/ periringan<sup>1423</sup> segala rukun yang tersebut itu.

#### [Bahagian-bahagian rukun sembahyang]

Bermula segala rukun sembahyang itu sama hanya terbahagi ia kepada tiga bahagi. Pertama rukun *qalbi* namanya yaitu barang yang diingatkan dengan hati yaitu niat.

Dan kedua rukun *qauli* namanya yaitu barang yang disebutkan akan dia dengan lidah yaitu seperti takbiratul ihram dan *fatiha* dan tahiyyat yang kemudian.

Fath al-Wahhab bi Sharh Minhaj al-Talibin, 43-44. Muhammad al-Khatib al-Sharbinī, Mughnī al-Muhtāj ilā Ma'rifah Ma'ānī Alfaż al-Minhāj, 168.  
Muhyī al-Dīn Abī Zakariyyā Yahyā bin Sharaf al-Nawawī, Minhāj al-Talibin Wa 'Umdat al-Muftīn, 100-101. Ibn Hajar al-Haytamī, Tuhfat al-Muhtāj Bi Sharh al-Minhāj, 206-207. Abū Yahyā Zakariyyā al-Anṣārī, Fath al-Wahhab bi Sharh Minhāj al-Talibin, 44. Muhammad al-Khatib al-Sharbinī, Mughnī al-Muhtāj ilā Ma'rifah Ma'ānī Alfaż al-Minhāj, 171.  
Muhyī al-Dīn Abī Zakariyyā Yahyā bin Sharaf al-Nawawī, Minhāj al-Talibin Wa 'Umdat al-Muftīn, 101. Ibn Hajar al-Haytamī, Tuhfat al-Muhtāj Bi Sharh al-Minhāj, 209. Abū Yahyā Zakariyyā al-Anṣārī, Fath al-Wahhab bi Sharh Minhāj al-Talibin, h.172.  
Muhyī al-Dīn Abī Zakariyyā Yahyā bin Sharaf al-Nawawī, Minhāj al-Talibin Wa 'Umdat al-Muftīn, 101-102. Ibn Hajar al-Haytamī, Tuhfat al-Muhtāj Bi Sharh al-Minhāj, 206-207. Abū Yahyā Zakariyyā al-Anṣārī, Fath al-Wahhab bi Sharh Minhāj al-Talibin, 45-46. Muhammad al-Khatib al-Sharbinī, Mughnī al-Muhtāj ilā Ma'rifah Ma'ānī Alfaż al-Minhāj, 173.  
Beriringan. Dalam teks ditulis كفر اور بون.

Dan mengucap selawat akan nabi di dalam tahiyyat yang kemudian dan salam yang pertama.

**Dan ketiga** rukun *fī lī* namanya yaitu barang yang diperbuat dengan tubuh yaitu seperti berdiri dan rukuk dan iktidal dan sujud dan duduk antara dua sujud dan duduk tahiyyat yang kemudian.

Maka jika tertinggal salah suatu daripada segala rukun yang tiga belas itu, nescaya tiada /B93/ lah sah<sup>1424</sup> sembahyangnya sama ditinggalnya itu dengan lupanya<sup>1425</sup> atau dengan disahajanya.

#### [Pembahagian perkara-perkara sunat dalam sembahyang]

Bermula segala sunat di dalam sembahyang itu dua bahagi. **Pertama** sunat *ab'ād* namanya yaitu dulapan perkara. Pertama membaca qunut, **dan kedua** berdiri tatkala membaca dia, **dan ketiga** mengucap selawat atas nabi s.a.w. kemudian daripada qunut. **Dan keempat** mengucap selawat atas segala keluarga nabi pada kesudahan yaitu membaca dia, **وَصَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ**<sup>1426</sup>. **Dan kelima** tahiyyat<sup>1427</sup> yang pertama, **dan keenam** duduk tatkala tahiyyat [yang pertama]<sup>1428</sup>. **Dan ketujuh** megucap selawat atas nabi di dalam tahiyyat yang pertama yaitu membaca **اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ**. **Dan kedulapan**

<sup>1424</sup> Tiada pada B

<sup>1425</sup> Pada B: [lupa]

<sup>1426</sup> Muhyī al-Dīn Abī Zakariyyā Yahyā bin Sharaf al-Nawawī, *Minhāj al-Tālibīn Wa 'Umdat al-Muftīn*, 110. Ibn Hajar al-Haytamī, *Tuhfat al-Muhtāj Bi Sharh al-Minhāj*, 241. Abū Yahyā Zakariyyā al-Anṣārī, *Fath al-Wahhāb bi Sharh Minhāj al-Tālibīn*, 53. Muhammad al-Khaṭīb al-Sharbiī, *Mughnī al-Muhtāj Ilā Ma'rīfah Ma'ānī Alfāz al-Minhāj*, 174.

<sup>1427</sup> Pada B: [membaca tahiyyat]

<sup>1428</sup> Pada B: [awal]

mengucap selawat atas segala [keluarganya]<sup>1429</sup> di dalam tahiyyat yang kemudian yaitu membaca **وَعَلَى أَلِّ مُحَمَّدٍ**<sup>1430</sup>

Bermula apabila tertinggal<sup>1431</sup> salah suatu daripada segala sunat *ab'ād* yang dulapan itu maka sunat sujud sahwī dua kali sujud sama<sup>1432</sup> ditinggalkannya itu dengan disahaja atau dengan lupa<sup>1433</sup>. Maka adalah tempat /B94/ sujud sahwī<sup>1434</sup> itu kemudian daripada sudah membaca tahiyyat dahulu daripada memberi salam<sup>1435</sup>.

Dan adalah baca<sup>1436</sup> di dalam sujud itu jika ditinggalkannya<sup>1437</sup> akan salah suatu daripada segala sunat *ab'ād* yang dulapan itu dengan lupanya **سُبْحَانَ مَنْ لَا قُنُمْ وَلَا**<sup>1438</sup>

<sup>1438</sup> سُبْحَانَ مَنْ لَا قُنُمْ وَلَا. Ertinya: "Ku sucikan dengan sempurna suci akan tuhan tiada /A56/ tidur dan tiada lupa". Maka tatkala sudah sujud dua kali maka lalu ia memberi salam.

Dan kedua sunat *hai'ah* namanya bermula segala sunat<sup>1439</sup> itu lima belas perkara:

Pertama mengangkatkan kedua<sup>1440</sup> tangan tatkala takbiratul ihram dan tatkala akan rukuk [dan tatkala bangkit daripada rukuk]<sup>1441</sup> pada hal berbetulan kedua tangannya itu dengan kedua bahunya, dan tatkala bangkit daripada tahiyyat yang pertama.

<sup>1429</sup> Pada B: [keluarga nabi]

<sup>1430</sup> Muhyī al-Dīn Abī Zakariyyā Yahyā bin Sharaf al-Nawawī, *Minhāj al-Tālibīn Wa 'Umdat al-Muftīn*, 110. Ibn Hajar al-Haytamī, *Tuhfat al-Muhtāj Bi Sharh al-Minhāj*, 241. Abū Yahyā Zakariyyā al-Anṣārī, *Fath al-Wahhāb bi Sharh Minhāj al-Tālibīn*, 53. Muḥammad al-Khaṭīb al-Sharbinī, *Mughnī al-Muhtāj Ilā Ma'rifah Ma'ānī Alfaż al-Minhāj*, 175.

<sup>1431</sup> Pada B: [ditinggalkan]

<sup>1432</sup> Pada B: [sama ada]

<sup>1433</sup> Pada B: [lupanya]

<sup>1434</sup> Tiada pada B

<sup>1435</sup> Muhyī al-Dīn Abī Zakariyyā Yahyā bin Sharaf al-Nawawī, *Minhāj al-Tālibīn Wa 'Umdat al-Muftīn*, 112. Ibn Hajar al-Haytamī, *Tuhfat al-Muhtāj Bi Sharh al-Minhāj*, 252. Abū Yahyā Zakariyyā al-Anṣārī, *Fath al-Wahhāb bi Sharh Minhāj al-Tālibīn*, 55.

<sup>1436</sup> Pada B: [dibaca]

<sup>1437</sup> Pada B: [ditinggalkan]

<sup>1438</sup> Sebahagian fuqaha dalam Mazhab al-Shafie berpandangan sunat membaca .... Imam al-Zarkasyī berpandangan bacaan tersebut menjadi sunat sekiranya seseorang itu meninggalkan sunat *ab'ād* dengan tidak sengaja. Sekiranya ditinggalkan dengan sengaja, maka istighfar lebih sesuai dibaca ketika sujud sahwī. Lihat Shamsuddin Muhammed bin Shihābuddin al-Ramlī, 1993, *Nihāyah al-Muhtāj Ilā Sharh al-Minhāj* (Mekkah: Maktabah Dār al-Bāz), 1: 124.

<sup>1439</sup> Pada B: [sunat haiah]

Dan **kedua** menghantarkan tapak tangan kanannya di atas belakang tangan kirinya [tatkala berdiri itu]<sup>1442</sup>.

Dan **ketiga** membaca *wajjahtu* hingga akhirnya<sup>1443</sup>, dan **keempat** membaca *a'ūdhubillāhi* samahanya.

Dan **kelima** menyaringkan bacanya pada tempat /B95/ yang nyaring dan mempelahankannya<sup>1444</sup> bacanya<sup>1445</sup> pada tempat yang<sup>1446</sup> perlahan, dan **keenam** mengata *āmīn* kemudian daripada *fātiḥah* dirinya [dan kemudian daripada *fātiḥah*]<sup>1447</sup> imamnya pada halnya nyaring.

Dan **ketujuh** membaca surah kemudian daripada *fātiḥah*, dan **kedelapan** takbir takkala turun kepada rukuk dan takkala bangkit daripada sujud.

Dan **kesembilan** membaca سَمِعَ اللَّهُ لِقَنْ حَمْدَه and dibaca<sup>1448</sup> takkala berdiri betul رَبِّنَا لَكَ and **kesepuluh** membaca tasbih **الْحَمْدُ لِلَّهِ مَالُ السَّمَاوَاتِ وَمَالُ الْأَرْضِ وَمَا بَيْنَ مَا شَتَّتَ مِنْ شَيْءٍ بَعْدَ** [di dalam rukuk yaitu dibacanya]<sup>1449</sup> سُبْحَانَ رَبِّ الْعَظِيمِ وَبِحَمْدِهِ tiga kali.

Dan **kesebelas** membaca tasbih di dalam sujud yaitu سُبْحَانَ رَبِّ الْأَعْلَى وَبِحَمْدِهِ and **kedua belas** menghantarkan kedua tangannya ke<sup>1450</sup> atas [dua lututnya]<sup>1451</sup>.

Dan mengegarkan<sup>1452</sup> segala jari yang kanan pada ketika membaca tahiyyat melainkan

<sup>1440</sup> Tiada pada B

<sup>1441</sup> Tiada pada B. Naskhah A lebih tepat.

<sup>1442</sup> Tiada pada B

<sup>1443</sup> Pada B: [kesudahannya]

<sup>1444</sup> memperlahangkan

<sup>1445</sup> Pada B: [baca]

<sup>1446</sup> Tiada pada B

<sup>1447</sup> Tiada pada B. Kemungkinan besar penyalin naskhah B tertinggal beberapa perkataan daripada ayat yang asal.

<sup>1448</sup> Pada B: [dibacanya]

<sup>1449</sup> Pada B: [tatkala dalam rukuk itu]

<sup>1450</sup> Tiada pada B

<sup>1451</sup> Pada B: [dua lututnya pada ketika duduk antara dua sujud]

<sup>1452</sup> Menggenggamkan. Dalam teks ditulis مفهوم.

telunjuknya, maka dihancurkannya akan dia maka didirikannya<sup>1453</sup> tatkala mengata ﷺ

وَمَاكَةَ الْمَدِينَةِ /B96/ yang<sup>1454</sup> demikian itu mengisyaratkan<sup>1455</sup> pada<sup>1456</sup> mengesakan Allah Taala.

[Dan ketiga belas duduk *tawāruk* yaitu duduk mengeluarkan kaki kirinya pada pihak kanannya dalam tahiyyat yang akhir dan keempat belas duduk *iftirāsy* pada sekalian duduk yaitu duduk di atas dua kakinya]<sup>1457</sup>, dan kelima belas memberi salam yang kedua kali.

Maka jika tertinggal salah suatu daripada segala sunat *haia'h*<sup>1458</sup> yang lima belas itu tiada disunatkan sujud sahwī.

#### [Jumlah rukun dalam sembahyang fardu]

Bermula jumlah segala rukun yang di dalam sembahyang yang empat rakaat itu lima puluh lima dan jumlah segala rukun [sembahyang yang tiga]<sup>1459</sup> /A57/ rakaat<sup>1460</sup> itu empat puluh tiga dengan tertibnya. [Dan pada sembahyang yang dua rakaat itu tiga puluh asas dengan tertibnya]<sup>1461</sup>.

Maka jumlah segala rukun sembahyang [yang lima waktu]<sup>1462</sup> pada sehari semalam itu dua ratus tiga puluh sembilan.

<sup>1453</sup> Pada B: [didirikan]

<sup>1454</sup> Tiada pada B

<sup>1455</sup> Pada B: [isyarat]

<sup>1456</sup> Pada B: kepada

<sup>1457</sup> Pada B: [Dan ketiga belas duduk *iftirāsy* pada sekalian duduk yaitu duduk di atas kaki kiri dan keempat belas duduk *tawāruk* iaitu duduk mengeluarkan kaki kiri kepada pihak kanan di dalam tahiyyat akhir]. Dalam perenggan ini, perbezaan yang berlaku ialah dari segi struktur ayat sahaja. Maksud ayat tidak berubah.

<sup>1458</sup> Tiada pada B

<sup>1459</sup> Pada B: [di dalam sembahyang maghrib]

<sup>1460</sup> Tiada pada B

<sup>1461</sup> Tiada pada B. Naskhah A lebih lengkap.

<sup>1462</sup> Pada B: [lima waktu itu semoga diketepikan]

## [Perbezaan di antara lelaki dan perempuan ketika mendirikan sembahyang]

Bermula adalah perempuan itu<sup>1463</sup> di dalam sembahyang itu menyalahi ia akan laki-laki pada lima perkara, yaitu<sup>1464</sup> adalah laki-laki itu merenggangkan dua sikunya daripada dua lambungnya<sup>1465</sup>, dan merenggangkan perutnya daripada dua pehanya di dalam rukuknya dan<sup>1466</sup> sujudnya. /B97/ Dan menyaringkan baca pada tempat yang nyaring dan apabila mengingatkan ia akan imamnya daripada lupa atau salah bacanya maka mengucap سُبْحَانَ اللَّهِ dengan menyahaja akan zikir.

Dan aurat laki-laki itu barang antara pusatnya<sup>1467</sup> dan lututnya, adapun<sup>1468</sup> perempuan itu di dalam rukuknya dan sujudnya itu dipertemukan dua sikunya dengan dua lambungnya dan dipertemukan perutnya dengan dua<sup>1469</sup> pehanya, dan memperlahangkan suaranya [pada tempat yang nyaring]<sup>1470</sup> apabila sembahyang ia di hadapan laki-laki [yang halat]<sup>1471</sup>.

Dan apabila mengingatkan ia akan imamnya lupa atau tersalah bacanya, maka menepuk ia dengan perut tangannya yang kanannya<sup>1472</sup> di atas belakang tangannya yang<sup>1473</sup> kiri. Dan adalah aurat perempuan itu sekalian tubuhnya melainkan mukanya dan kedua<sup>1474</sup> tapak tangannya.

## [Perkara-perkara yang membatalkan sembahyang]

Bermula segala yang membinasakan sembahyang itu sebelas perkara:

<sup>1463</sup> Tiada pada B

<sup>1464</sup> Pada B: [pertama itu]

<sup>1465</sup> Bahagian rusuk, sisi atau samping badan. *Kamus Bahasa Melayu Nusantara*, 1511. R.O. Winstedt, *Kamus Bahasa Melayu*, 174. William Marsden, *Dictionary of The Malayan Language*, 305.

<sup>1466</sup> Pada B: [di dalam]

<sup>1467</sup> Pada B: [pusat]

<sup>1468</sup> Pada B: [maka adapun]

<sup>1469</sup> Pada B: [kedua]

<sup>1470</sup> Tiada pada B, Naskhah A lebih lengkap.

<sup>1471</sup> Tiada pada B

<sup>1472</sup> Pada B: [kanan]

<sup>1473</sup> Tiada pada B

<sup>1474</sup> Tiada pada B

Pertama berkata-kata dengan<sup>1475</sup> disahaja<sup>1476</sup> dua huruf seperti katanya. Ertinya berdirilah /B98/ engkau atau dengan suatu huruf seperti katanya <sup>وَ</sup> ertinya peliharakan olehmu. Dan demikian lagi membatalkan sembahyang karena<sup>1477</sup> berdehem-dehem atau tertawa-tawa atau mengibas-ngibas dengan mulut atau mengerang-ngerang mengaduhngaduh jika nyata daripada sekaliannya itu dua huruf, atau menangis jikalau karena takut akan Allah Taala sekalipun. Dan dimaafkan berdehem-dehem<sup>1478</sup> karena [batuk atau sukar]<sup>1479</sup> membaca *fatiḥah* atau tahiyyat yang kemudian, dan selawat akan<sup>1480</sup> nabi dan salam yang pertama dari karena sekaliannya<sup>1481</sup> wajib mengenakan bacanya<sup>1482</sup>,<sup>1483</sup>

Dan kedua mengerjakan perbuatan banyak<sup>1484</sup> jikalau dengan lupa sekalipun maka adalah banyak dan sedikit itu<sup>1485</sup> kembali kepada adat. Maka dua langkah atau dua kali memalu itu /A58/ dibilangkan sedikit dan [tiga langkah]<sup>1486</sup> berturut-turut itu dibilangkan banyak atau sekali yang sangat panjang yaitu melompat. Tetapi tiada membatalkan sembahyang berbuat perbuatan yang sedikit yang tiada memberi kanji<sup>1487</sup> yaitu seperti dua langkah [atau menggaru karena]<sup>1488</sup> ga /B99/ tal atau berbaiki kain dengan bersegera.<sup>1489</sup>

<sup>1475</sup> Tiada pada B

<sup>1476</sup> Pada B: [disahaja dengan]

<sup>1477</sup> Tiada pada B

<sup>1478</sup> Pada B: [berdehem]

<sup>1479</sup> Pada B: [batuk atasnya atau kerana sukar]

<sup>1480</sup> Tiada pada B

<sup>1481</sup> Tiada pada B

<sup>1482</sup> Pada B: [baca sekeliannya itu]

<sup>1483</sup> Muhyī al-Dīn Abī Zakariyyā Yahyā bin Sharaf al-Nawawī, *Minhāj al-Tālibīn Wa 'Umdat al-Muftīn*, 107-108, Ibn Hajar al-Haytamī, *Tuhfat al-Muhtāj Bi Sharh al-Minhāj*, 228-230. Abū Yahyā Zakariyyā al-Anṣārī, *Fath al-Wahhāb bi Sharh Minhāj al-Tālibīn*, 50. Muḥammad al-Khaṭīb al-Sharbinī, *Mughnī al-Muhtāj Ilā Ma'rīfah Ma'ānī Alfāz al-Minhāj*, 194.

<sup>1484</sup> Pada B: [yang banyak]

<sup>1485</sup> Tiada pada B

<sup>1486</sup> Pada B: [tiga kali melangkah]

<sup>1487</sup> Dalam teks ditulis "جـ". Pada B: [keji]

<sup>1488</sup> Pada B: [menggaru-garu]

<sup>1489</sup> Muhyī al-Dīn Abī Zakariyyā Yahyā bin Sharaf al-Nawawī, *Minhāj al-Tālibīn Wa 'Umdat al-Muftīn*, 108, Ibn Hajar al-Haytamī, *Tuhfat al-Muhtāj Bi Sharh al-Minhāj*, 232-234. Abū Yahyā Zakariyyā al-Anṣārī, *Fath al-Wahhāb bi Sharh Minhāj al-Tālibīn*, 51.

Dan demikian lagi membatalkan<sup>1490</sup> sembahyang dengan menyahaja menambah rukun *fi'lī* seperti rukuk dua kali atau sujud tiga kali atau melamakan iktidal atau melamakan duduk antara dua sujud lebih daripada adatnya.<sup>1491</sup>

Dan **ketiga** makan atau minum yang banyak jikalau<sup>1492</sup> digagahi orang, atau bebal ia akan haram<sup>1493</sup> sekalipun tetapi dimaafkan makan atau minum yang sedikit dengan lupa akan dirinya di dalam sembahyang, atau bebal akan haramnya karena baharu masuk Islam atau jauh negerinya daripada ulama<sup>1494</sup>. Dan demikian lagi membatalkan sembahyang sebab menelan air liur yang bercampur dengan sesuatu.<sup>1495</sup>

Dan **keempat** mengerjakan rukun *qaulī* yaitu seperti *fātiḥah* atau rukun *fi'lī* yaitu seperti iktidal serta syak ia akan sah niat takbiratul ihram. Maka syak ia adakah aku berniat yang sempurna atau tiada<sup>1496</sup> atau berniat zuhurkah atau asarkah maka tatkala itu belum lagi hilang syaknya<sup>1497</sup> daripada permulaan hingga kesudahannya. /B100/ Maka batallah sembahyangnya.

Dan **kelima** meniatkan [keluar daripada]<sup>1498</sup> sembahyang, maka membatalkan<sup>1499</sup> sembahyang dengan dia. Dan **keenam** *meta'liqan* memutuskan sembahyang dengan sesuatu yaitu seperti diingatkan<sup>1500</sup> di dalam hatinya jikalau aku tarubang<sup>1501</sup> nescaya ku

<sup>1490</sup> Tiada pada B

<sup>1491</sup> Muhyī al-Dīn Abī Zakariyyā Yahyā bin Sharaf al-Nawawī, *Minhāj al-Tālibīn Wa 'Umdat al-Muftīn*, 108. Ibn Hajar al-Haytamī, *Tuhfat al-Muhtāj Bi Sharh al-Minhāj*, 232. Abū Yahyā Zakariyyā al-Anṣārī, *Fath al-Wahhāb bi Sharh Minhāj al-Tālibīn*, 51. Muhammad al-Khaṭīb al-Sharbinī, *Mughnī al-Muhtāj II* Ma'rifah Ma'āni Al-Jāz al-Minhāj, 195.

<sup>1492</sup> Pada B: [Jikalau dengan]

<sup>1493</sup> Pada D: [haramnya]

<sup>1494</sup> Pada B: [orang alim]

<sup>1495</sup> Muhyī al-Dīn Abī Zakariyyā Yahyā bin Sharaf al-Nawawī, *Minhāj al-Tālibīn Wa 'Umdat al-Muftīn*, 108-109. Ibn Hajar al-Haytamī, *Tuhfat al-Muhtāj Bi Sharh al-Minhāj*, 234-235. Abū Yahyā Zakariyyā al-Anṣārī, *Fath al-Wahhāb bi Sharh Minhāj al-Tālibīn*, 51.

<sup>1496</sup> Pada B: [setengahnya]

<sup>1497</sup> Pada B: [syak]

<sup>1498</sup> Pada B: [memutuskan]. Perbezaan di antara dua naskhah ini hanya dari segi penggunaan perkataan.

<sup>1499</sup> Maksud ayat masih tidak berubah.

<sup>1500</sup> Pada B: [batallah]

<sup>1501</sup> Pada B: [diingatkannya]

<sup>1502</sup> Terbang. Dalam teks ditulis عَزَفَ

batalkan sembahyang. Maka tatkala itu batallah sembahyang karena tiada putus niatnya akan sembahyang.

**Dan ketujuh** hilang air sembahyang dahulu daripada salam yang pertama. Maka jika hilang air sembahyang kemudian daripada salam yang pertama, maka janganlah ia memberi salam ke kiri lagi. Maka jika ia memberi salam ke kiri kemudian daripada hilang air sembahyang itu nescaya batallah sembahyangnya.

**Dan kedulapan** kedatangan najis yang tiada dimaafkan daripadanya pada kainnya<sup>1502</sup> atau pada tubuhnya<sup>1503</sup> atau tempatnya<sup>1504</sup> berdiri.

**Dan kesembilan** terbuka au /B101/ rat tetapi jika ditutup angin akan kain orang yang sembahyang itu, maka terbuka /A59/ auratnya, maka segera ia menutup akan dia. Maka tiadalah batal sembahyangnya<sup>1505</sup>.

**Dan kesepuluh** membalikkan<sup>1506</sup> kiblat jika<sup>1507</sup> dengan setengah dada sekalipun<sup>1508</sup>, maka batallah sembahyangnya<sup>1509</sup> dengan dia. **Dan kesebelas** murtad yaitu mengiktikadkan seperti iktikad kafir seperti<sup>1510</sup> diiktikadkannya bahawasanya yang menjadikan segala alam ini dua atau diiktikadkannya bahawa<sup>1511</sup> Allah Taala itu beranak, atau barang sebagainya daripada segala iktikad yang menjadikan kafir.

*Wallāhu 'lam.*

<sup>1502</sup> Pada B: [pada pakaianya]

<sup>1503</sup> Pada B: [tempatnya duduk]

<sup>1504</sup> Pada B: [pada tempat]

<sup>1505</sup> Pada B: [sembahyang]

<sup>1506</sup> Pada B: [membelakang]

<sup>1507</sup> Pada B: [dengan dada jikalau]

<sup>1508</sup> Pada B: [sekalipun yang berpaling daripadanya]

<sup>1509</sup> Pada B: [tiada pada B]

<sup>1510</sup> Pada B: [iaitu seperti]

<sup>1511</sup> Pada B: [bahawasanya]

[Syarat-syarat sah mengikut imam]

[Syarat-syarat bagi imam]

Ini bab pada menyatakan segala syarat mengikut imam. **Bermula** tiada sah mengikut imam yang pada iktikad maknum batal sembahyangnya seperti<sup>1512</sup> tiada berair sembahyang atau dengan kena najis yang dapat dilihat oleh maknum akan dia, atau barang sebagainya.<sup>1513</sup>

Dan tiada harus orang yang tahu membaca *fatiḥah* dengan sempurna sebutnya itu mengikut akan orang yang /B102/ tiada kena baca *fatiḥah* jikalau suatu huruf sekalipun seperti [orang yang]<sup>1514</sup> gagap, yang mengidghamkan pada bukan tempatnya. Dan telor<sup>1515</sup> yaitu orang yang menukarkan suatu dengan huruf yang lain, seperti menukarkan *ra* itu akan *ghin* pada *غَيْرِ الْمُعْتَوِّبِ* atau barang sebagainya<sup>1516</sup>.

Maka jika dapat lagi padanya berlajar<sup>1517</sup>, maka tiada mau ia belajar. Maka tiadalah sah sembahyangnya maka jika sudah ia berlajar dengan beberapa kali, maka tiada<sup>1518</sup> dapat kena bacanya, maka sah sembahyangnya itu. Maka haruslah<sup>1519</sup> mengikut sama

<sup>1512</sup> Pada B: [dengan]

<sup>1513</sup> Muhyī al-Dīn Abī Zakariyyā Yahyā bin Sharaf al-Nawawī, *Minhāj al-Tālibīn Wa 'Umdat al-Muftīn* 120. Ibn Hajar al-Haytamī, *Tuhfat al-Muhtāj Bi Sharh al-Minhāj*, 285-288. Abū Yahyā Zakariyyā al-Anṣārī, *Fath al-Wahhāb bi Sharh Minhāj al-Tālibīn*, 62. Muḥammad al-Khaṭīb al-Sharbinī, *Mughnī al-Muhtāj Ilā Ma'rīfah Ma'ānī Alfāz al-Minhāj*, 229.

<sup>1514</sup> Tiada pada B

<sup>1515</sup> Pada B: [tiada]. Telor bermaksud tidak dapat mengucapkan kata-kata dengan sebutan yang betul atau pelat. *Kamus Dewan*, 2005, 1637.

<sup>1516</sup> Muhyī al-Dīn Abī Zakariyyā Yahyā bin Sharaf al-Nawawī, *Minhāj al-Tālibīn Wa 'Umdat al-Muftīn* *Minhāj al-Tālibīn Wa 'Umdat al-Muftīn*, 120. Ibn Hajar al-Haytamī, *Tuhfat al-Muhtāj Bi Sharh al-Minhāj*, 287-288. Abū Yahyā Zakariyyā al-Anṣārī, *Fath al-Wahhāb bi Sharh Minhāj al-Tālibīn*, 62.

<sup>1517</sup> Belajar. Pada teks ditulis *وَلَا يَعْلَمُ*.

<sup>1518</sup> Pada B: [tiada juga]

<sup>1519</sup> Pada B: [harus]

sebagainya seperti orang gagap berimamkan orang gagap, [dan orang perempuan atau khunsa yaitu orang ada zakarnya dan farajnya]<sup>1520</sup> <sup>1521</sup>

### [Syarat-syarat bagi makmum]

**Bermula** sah sembahyang [berjemaah erti sembahyang]<sup>1522</sup> berimam itu tujuh syarat : **Pertama**<sup>1523</sup> jangan ada makmum itu berdiri lampau<sup>1524</sup> punggungnya pada orang yang sembahyang seraya duduk. Dan jika menyamai makmum itu akan imamnya dengan tumitnya, maka yaitu makruh juga lagi tiada diperoleh pahala sembahyang berjemaah.<sup>1525</sup>

**Dan kedua syarat**<sup>1526</sup> hendaklah makmum itu mengetahui ia<sup>1527</sup> akan perintah sembahyang imamnya dengan dilihatnya atau didengarnya suara imamnya atau suara *mubalighnya*. **Dan ketiga syarat** bahawa hendaklah berhimpun imam dan makmum itu pada suatu tempat juga, seperti adalah imam dan makmum itu dalam suatu masjid atau dalam /A60/ suatu rumah, atau dalam suatu padang keduanya.<sup>1528</sup>

**Dan keempat syarat** hendaklah makmum itu berniat akan mengikut imamnya atau berjemaah, atau makmum itu berniat<sup>1529</sup> di dalam takbiratul ihram, yakni<sup>1530</sup> tatkala

<sup>1520</sup> Pada B: [dan orang telor berimamkan orang telor dan tiada harus lagi berimamkan perempuan atau khunsa iaitu orang yang ada zakar dan ada farajnya]. Sebahagian perkataan gugur dalam naskhah A. Tekst dalam naskhah B lebih lengkap.

<sup>1521</sup> Muhyī al-Dīn Abī Zakariyyā Yahyā bin Sharaf al-Nawawī, *Minhāj al-Tālibīn Wa 'Umdat al-Muftīn*, 108-109. Ibn Hajar al-Haytami, *Tuhfāt al-Muhtāj Bi Sharh al-Minhāj*, 234-235. Abū Yahyā Zakariyyā al-Anṣārī, *Fath al-Wahhāb bi Sharh Minhāj al-Tālibīn*, 62.

<sup>1522</sup> Tiada pada B

<sup>1523</sup> Pada B: [Pertama syarat]

<sup>1524</sup> Pada B: [berdiri lampau daripada imamnya dengan tumitnya atau lampau]. Beberapa perkataan gugur daripada teks dalam naskhah A. Naskhah B lebih lengkap.

<sup>1525</sup> Muhyī al-Dīn Abī Zakariyyā Yahyā bin Sharaf al-Nawawī, *Minhāj al-Tālibīn Wa 'Umdat al-Muftīn*, 121. Ibn Hajar al-Haytami, *Tuhfāt al-Muhtāj Bi Sharh al-Minhāj*, 293. Abu Yahya Zakariyyā al-Anṣārī, *Fath al-Wahhāb bi Sharh Minhāj al-Tālibīn*, 64. Muḥammad al-Khaṭīb al-Sharbinī, *Mughnī al-Muhtāj Ilā Ma'rifah Ma'ānī Alfāz al-Minhāj*, 245.

<sup>1526</sup> Pada B: [Dan kedua syarat bahawa]

<sup>1527</sup> Tiada pada B

<sup>1528</sup> Muhyī al-Dīn Abī Zakariyyā Yahyā bin Sharaf al-Nawawī, *Minhāj al-Tālibīn Wa 'Umdat al-Muftīn*, 121-122. Ibn Hajar al-Haytami, *Tuhfāt al-Muhtāj Bi Sharh al-Minhāj*, 294-295. Abū Yahyā Zakariyyā al-Anṣārī, *Fath al-Wahhāb bi Sharh Minhāj al-Tālibīn*, 64. Muḥammad al-Khaṭīb al-Sharbinī, *Mughnī al-Muhtāj Ilā Ma'rifah Ma'ānī Alfāz al-Minhāj*, 247.

<sup>1529</sup> Tiada pada B

mengata **الله أكْبَر** maka diingatkan<sup>1531</sup> ku sembahyangkan fardu zuhur, pada hal aku [mengikut imam]<sup>1532</sup> atau berjemaah<sup>1533</sup>. Ertinya berhimpun atau [ada ingatkan]<sup>1534</sup> /B104/ tatkala mengata **أَصْلَى فَرْضَ الظُّهُرِ مُقْتَدِيًا** itu **الله أكْبَر** atau jemaah lainnya daripada segala sembahyang samahanya.

[Maka adalah]<sup>1535</sup> kesempurnaan yang diingatkannya di dalam takbiratul ihram: Kusembahyangkan fardu zuhur empat [rakaat tunai, padahal aku mengikut imam karena Allah Taala. Maka jika mengikut]<sup>1536</sup> maknum itu akan imamnya dengan tiada berniat mengikut dia di dalam takbiratul ihram, nescaya tiadalah sah sembahyangnya.<sup>1537</sup>

Dan kelima syarat hendaklah muafakat perintah sembahyang imam dan maknum pada sekalian perbuatan [sembahyangnya]<sup>1538</sup>. [Maka jika bersalahan keduanya seperti sembahyang fardu dengan sembahyang gerhana, atau sembahyang jenazah yakni sembahyang mayat]<sup>1539</sup>, maka tiadalah sah mengikut dia dari karena sembahyang gerhana [itu dua kali rukuk dalam suatu]<sup>1540</sup> rakaat dan sembahyang jenazah itu tiada rukuk dan sujud.<sup>1541</sup>

<sup>1530</sup> Tiada pada B

<sup>1531</sup> Pada B: [diingatkan dalam hatinya]

<sup>1532</sup> Pada B: [maknum]

<sup>1533</sup> Pada B: [jemaah]

<sup>1534</sup> Pada B: [diingatkannya]

<sup>1535</sup> Pada B: [Maka adalah mengikut imam]

<sup>1536</sup> Tiada pada B

Muhyī al-Dīn Abī Zakariyyā Yaḥyā bin Sharaf al-Nawawī, *Minhāj al-Tālibīn Wa 'Umdat al-Muftīn*, 124. Ibn Hajar al-Haytamī, *Tuhfat al-Muhtāj Bi Sharh al-Minhāj*, 301. Abū Yaḥyā Zakariyyā al-Anṣārī, *Fath al-Wahhāb bi Sharh Minhāj al-Tālibīn*, 66-67. Muḥammad al-Khaṭīb al-Sharbīnī, *Mughnī al-Muhtāj Ilā Ma'rifah Ma'ānī Alfāz al-Minhāj*, 252.

<sup>1537</sup> Pada B: [sembahyang mayat]

<sup>1538</sup> Tiada pada B. Naskhah A lebih lengkap.

<sup>1539</sup> Tiada pada B. Naskhah A lebih lengkap.

Muhyī al-Dīn Abī Zakariyyā Yaḥyā bin Sharaf al-Nawawī, *Minhāj al-Tālibīn Wa 'Umdat al-Muftīn*, 124. Ibn Hajar al-Haytamī, *Tuhfat al-Muhtāj Bi Sharh al-Minhāj*, 304. Abū Yaḥyā Zakariyyā al-Anṣārī, *Fath al-Wahhāb bi Sharh Minhāj al-Tālibīn*, 67. Muḥammad al-Khaṭīb al-Sharbīnī, *Mughnī al-Muhtāj Ilā Ma'rifah Ma'ānī Alfāz al-Minhāj*, 257.

Maka harus mengikut makmum yang sembahyang fardu di belakang imam yang sembahyang tasbih, dan sah sembahyang zuhur di belakang [imam yang]<sup>1542</sup> sembahyang asar dan maghrib [dan isyak]<sup>1543</sup> dan subuh dan sembahyang qadā di belakang imam yang sembahyang *adā'*<sup>1544</sup> dan baliknya<sup>1545</sup>.

**Dan keenam** [syarat hendaklah muafakat makmum itu dengan imamnya, dan]<sup>1546</sup> jangan ia<sup>1547</sup> bersalahkan ia pada sunat yang dikerjakan oleh imamnya, atau ditinggalkan oleh<sup>1548</sup> imamnya, /B105/ seperti sujud tilawah al-Quran.

Maka jika dikerjakan oleh imamnya<sup>1549</sup> atau sebaliknya atau ditinggalkan imam akan tahiyyat awal, maka dikerjakan oleh<sup>1550</sup> makmum, maka batal sembahyangnya<sup>1551</sup> itu jika diketahuinya akan haramnya lagi dengan disahajanya. Tetapi jika dikerjakan imam akan<sup>1552</sup> tahiyyat awal maka berdirilah makmum<sup>1553</sup> dengan lupanya, maka wajiblah ia kembali. Maka jika tiada ia kembali, maka batallah sembahyangnya itu.<sup>1554</sup>

**Dan ketujuh** syarat /A61/ hendaklah makmum itu mengikut akan imamnya, yaitu membawak takbiratul ihram kemudian daripada takbiratul ihram imamnya<sup>1555</sup>,<sup>1556</sup>

[Maka jika menyamai makmum itu akan imamnya dengan takbiratul ihram]<sup>1557</sup>, maka batallah sembahyangnya [dan demikian lagi membatalkan sembahyang]<sup>1558</sup> jika disahaja

<sup>1542</sup> Tiada pada B. Naskhah A lebih lengkap.

<sup>1543</sup> Tiada pada B

<sup>1544</sup> Pada B; [*adā'* yakni tunai]

<sup>1545</sup> Sebaliknya,

<sup>1546</sup> Tiada pada B. Naskah A lebih lengkap.

<sup>1547</sup> Tiada pada B

<sup>1548</sup> Tiada pada B

<sup>1549</sup> Pada B; [ma'mūm]

<sup>1550</sup> Tiada pada B

<sup>1551</sup> Pada B; [sembahyang]

<sup>1552</sup> Tiada pada B

<sup>1553</sup> Pada B; [ma'mum itu]

<sup>1554</sup> Muhyī al-Dīn Abī Zakariyyā Yāḥyā bin Sharaf al-Nawawī, *Minhāj al-Tālibīn Wa 'Umdat al-Muftīn*, 121-122. Ibn Ḥajar al-Haytamī, *Tuhfat al-Muhtāj Bi Sharh al-Minhāj*, 294-295. Abū Yāḥyā Zakariyyā al-Anṣārī, *Fath al-Wahhāb bi Sharh Minhāj al-Tālibīn*, 68.

<sup>1555</sup> Tiada pada B

<sup>1556</sup> Muhyī al-Dīn Abī Zakariyyā Yāḥyā bin Sharaf al-Nawawī, *Minhāj al-Tālibīn Wa 'Umdat al-Muftīn*, 124-125. Ibn Ḥajar al-Haytamī, *Tuhfat al-Muhtāj Bi Sharh al-Minhāj*, 306. Abū Yāḥyā Zakariyyā al-Anṣārī, *Fath al-Wahhāb bi Sharh Minhāj al-Tālibīn*, 67. Muḥammad al-Khaṭīb al-Sharbī, *Mughnī al-Muhtāj Ilā Ma'rīfah Ma'ānī Alfāz al-Minhāj*, 255.

mendahului akan imamnya dengan<sup>1559</sup> dua rukun *fi'lī* jika rukun yang pendek sekalipun, upamanya<sup>1560</sup> rukuk makmum dahulu daripada imamnya.

Maka apabila dikehendaki imam akan rukuk, bangkitlah<sup>1561</sup> ia lalu<sup>1562</sup> sujud atau terkemudian ia daripada imamnya dengan dua rukun yang pendek sekalipun. Upamanya imam itu rukuk dan iktikad dan tunduk<sup>1563</sup> /B106/ sujud, maka makmum itu lagi berdiri atau sujud [yang kedua]<sup>1564</sup>.

[Pada hal ia lagi berdiri]<sup>1565</sup> membaca *fatiḥah* atau imam<sup>1566</sup> itu tunduk akan rukuk, maka makmum itu lagi duduk antara dua sujud dengan tiada uzur. Maka batallah sembahyangnya itu tetapi jika dikerjakan<sup>1567</sup> makmum akan segala perbuatannya itu bersama-sama dengan imamnya atau ia mendahulu imamnya atau mengemudiankan dengan suatu rukun *fi'lī*, maka yaitu tiada<sup>1568</sup> membatalkan sembahyangnya.<sup>1569</sup>

### [Bab Perkara-perkara sunat dan makruh Dalam Sembahyang]

#### [Beberapa lagi perkara sunat dalam sembahyang]

Dan beberapa lagi sunat [di dalam]<sup>1570</sup> sembahyangnya yang lain daripada sunat *hai'ah* yang tersebut itu, yaitu seperti menyebut lafadz takbir dengan lidah dahulu sedikit daripada takbiratul ihram yaitu أصلٌ فرضَ الظُّهُرَ أَرْبَعَ رَكْعَاتٍ أَدَاءَ اللَّهُ تَعَالَى dan lainnya,

<sup>1557</sup> Tiada pada B. Naskhah A lebih lengkap.

<sup>1558</sup> Tiada pada B. Sebahagian ayat dalam teks naskhah B gugur, naskhah A lebih lengkap.

<sup>1559</sup> Tiada pada B

<sup>1560</sup> Umpamanya,

<sup>1561</sup> Pada B: [maka bangkit]

<sup>1562</sup> Pada B: [daripada]

<sup>1563</sup> Pada B: [tidak akan]

<sup>1564</sup> Pada B: [maka pada sujud yang kedua]

<sup>1565</sup> Pada B: [serta ia berdiri lagi]

<sup>1566</sup> Pada B: [ada imam lagi]

<sup>1567</sup> Pada B: [mengerjakan]

<sup>1568</sup> Tiada pada B

<sup>1569</sup> Muhyī al-Dīn Abī Zakariyyā Yahyā bin Sharaf al-Nawawī, *Minhāj al-Tālibīn Wa 'Umdat al-Muftīn*, 125. Ibn Hajar al-Haytamī, *Tuhfat al-Muhtaj Bi Sharh al-Minhāj*, 306-307. Abū Yahyā Zakariyyā al-Anṣārī, *Fath al-Wahhāb bi Sharh Minhāj al-Tālibīn*, 67. Muhammad al-Khaṭīb al-Sharbinī, *Mughnī al-Muhtaj Ilā Ma'rīfah Ma'anī Alfaż al-Minhāj*, 256.

<sup>1570</sup> Tiada pada B

supaya sebut lidah itu menolong hati yakni supaya mudahlah ingat hati itu akan barang yang disebut oleh lidah itu.

Dan sunat menghadirkan niat itu dengan hati daripada permulaan sembahyang datang kepada kesuda /B107/ hannya, yakni hendaklah ditetapkan hati daripada berpaling kepada yang lain daripada pekerjaan sembahyang. Dan sunat menilik di dalam sembahyang itu kepada tempat sujud<sup>1571</sup> jikalau orang buta atau<sup>1572</sup> sembahyang di dalam kelam sekalipun.

Dan sunat menilik pada telunjuknya tatkala menyebut ﷺ dalam tahiyyat, dan sunat diam sedikit pada antara amin dan membaca surah. Dan sunat merenggangkan kedua sikunya daripada lambungnya dan merenggangkan perutnya /A62/ daripada lututnya pada ketika rukuknya dan sujudnya. Dan sunat menjarangkan dua kaki berdiri<sup>1573</sup> itu sekira-kira sebuah jengkal, dan **demikian lagi** antara kedua lututnya dan antara kedua pehanya.

Dan sunat duduk *istirāhah* sekira-kira lama duduk antara dua sujud, yaitu duduk yang kemudian daripada dua<sup>1574</sup> sujud akan bangkit kepada berdiri<sup>1575</sup>. Dan sunat menekankan kedua tangan ke tempat sembahyang tatkala akan bangkit daripada sujud atau daripada duduk. /B108/ Dan sunat membaca doa barang yang dikehendakinya<sup>1576</sup> kemudian daripada tahiyyat yang akhir yaitu membaca اللَّهُمَّ اغْفِرْنِي مَا قَدَّمْتُ hingga

<sup>1571</sup> Muhyī al-Dīn Abī Zakariyyā Yahyā bin Sharaf al-Nawawī, *Minhāj al-Tālibīn Wa 'Umdat al-Muftīn*, 104. Ibn Hajar al-Haytamī, *Tuhfat al-Muhtāj Bi Sharh al-Minhāj*, 214. Abū Yahyā Zakariyyā al-Anṣārī, *Fath al-Wahhāb bi Sharh Minhāj al-Tālibīn*, 47. Muḥammad al-Khaṭīb al-Sharbinī, *Mughnī al-Muhtāj Ilā Ma'rīfah Ma'ānī Alfaż al-Minhāj*, 258.

<sup>1572</sup> Tiada pada B

<sup>1573</sup> Pada B:[tatkala berdiri]

<sup>1574</sup> Tiada pada B

<sup>1575</sup> Muhyī al-Dīn Abī Zakariyyā Yahyā bin Sharaf al-Nawawī, *Minhāj al-Tālibīn Wa 'Umdat al-Muftīn*, 101. Ibn Hajar al-Haytami, *Tuhfat al-Muhtāj Bi Sharh al-Minhāj*, 206. Abū Yahyā Zakariyyā al-Anṣārī, *Fath al-Wahhāb bi Sharh Minhāj al-Tālibīn*, 44. Muḥammad al-Khaṭīb al-Sharbinī, *Mughnī al-Muhtāj Ilā Ma'rīfah Ma'ānī Alfaż al-Minhāj*, 258..

<sup>1576</sup> Muhyī al-Dīn Abī Zakariyyā Yahyā bin Sharaf al-Nawawī, *Minhāj al-Tālibīn Wa 'Umdat al-Muftīn*, 104. Ibn Hajar al-Haytami, *Tuhfat al-Muhtāj Bi Sharh al-Minhāj*, 215-216. Abū Yahyā Zakariyyā al-Anṣārī, *Fath al-Wahhāb bi Sharh Minhāj al-Tālibīn*, 48.

kesudahannya dan lainnya. Dan sunat mendahuluikan kanan daripada kiri tatkala memberi salam, dan memulai salam itu menghadap<sup>1577</sup> kiblat serta memalingkan muka hingga kelihatan pipi serta meniatkan keluar daripada sembahyang.

Allah Taala sebab menolak<sup>3504</sup> kejahatan<sup>3505</sup> jin daripadanya. Maka tiadalah haram yang disembelih itu tetapi jika diqasadkan<sup>3506</sup> menyembelih itu karena jin<sup>3507</sup>, maka iaitu haram memakan dia. Dan jikalau disembelihnya akan<sup>3508</sup> binatang yang halal memakan dia karena tiada<sup>3509</sup> dimakan akan dia, maka<sup>3510</sup> tiadalah haram [memakan dia]<sup>3511</sup> jikalau [had<sup>3512</sup> berdosa]<sup>3513</sup> sebab mengerjakan yang de/B218/mikian itu sekalipun.<sup>3514</sup>

## [12) KITAB MAKANAN]

### [Bab binatang yang halal dan haram dimakan]

[Bab ini]<sup>3515</sup> pada menyatakan hukum segala yang halal memakan dia dan yang<sup>3516</sup> haram<sup>3517</sup>. Maka adalah yang halal memakan dia itu barang yang hidup dalam laut atau

<sup>3499</sup> Pada C: [memerintah akan]

<sup>3500</sup> Tiada pada A dan B

<sup>3501</sup> Tiada pada B, pada C: [demikian lagi]

<sup>3502</sup> Pada C: [Syahadan]

<sup>3503</sup> Pada C: [diri]

<sup>3504</sup> Pada B dan C: [menolakkan]

<sup>3505</sup> Pada C: [yang kejahatan]

<sup>3506</sup> Pada C: [diqasadkannya]

<sup>3507</sup> Pada C: [jin juga]

<sup>3508</sup> Tiada pada B

<sup>3509</sup> Tiada pada B

<sup>3510</sup> Tiada pada C

<sup>3511</sup> Tiada pada C

<sup>3512</sup> Pada C: [jadi]

<sup>3513</sup> Pada B: [sah]

<sup>3514</sup> Ibn Hajar al-Haytamī, *Tuhfat al-Muhtāj Bi Sharh al-Minhāj*, 242,

<sup>3515</sup> Pada B: [Bab ini], pada C: [fasal]

<sup>3516</sup> Tiada pada B

<sup>3517</sup> Pada B dan C: [haram memakan dia]

hidup dalam air tawar. Pada hal yaitu tiada hidup di<sup>3518</sup> darat melainkan<sup>3519</sup> seperti<sup>3520</sup> binatang yang disebelih hidup ia dengan tiada lama maka dinamai akan dia<sup>3521</sup> ikan.<sup>3522</sup> /A115/ Jikalau ada ia serupa dengan binatang di darat yang haram memakan dia sekalipun seperti anjing dan babi dan barang sebagainya, maka harus memakan dia dengan barang betapa matinya.<sup>3523</sup>

Dan kata setengah ulama barang yang serupa dengan binatang yang<sup>3524</sup> haram yang<sup>3525</sup> di darat itu haramlah memakan dia. Dan demikian lagi halal memakan<sup>3526</sup> segala isi [karang<sup>3527</sup> karangan laut]<sup>3528</sup> yang tiada hidup di darat lagi tiada memberi mudarat memakan dia seperti indung mutiara<sup>3529</sup> dan kepah dan remis [dan] تریتب<sup>3530</sup> dan barang sebagainya. Dan haram memakan segala barang yang hidup dalam laut [dan darat<sup>3531</sup>]<sup>3532</sup> yaitu<sup>3533</sup> seperti /B219/ katak dan ketam batu<sup>3534</sup> dan ringkung dan buaya dan pinyun<sup>3535</sup> dan kuri-kuri<sup>3536</sup> dan ular dan kala dan segala binatang yang<sup>3537</sup> bisa.

<sup>3518</sup> Pada B: [daripada]

<sup>3519</sup> Pada B: [melainkan dengan hidup]

<sup>3520</sup> Pada c: [seperti dengan hidup]

<sup>3521</sup> Tiada pada C

<sup>3522</sup> Ibn Hajar al-Haytamī, *Tuhfat al-Muhtāj Bi Sharh al-Minhāj*, 256. Muḥammad al-Khaṭib al-Sharbinī,

<sup>3523</sup> *Mughnī al-Muhtāj Ilā Ma'rifah Ma'ānī Alfāz al-Minhāj*, 297.

<sup>3524</sup> Ibn Hajar al-Haytamī, *Tuhfat al-Muhtāj Bi Sharh al-Minhāj*, 271. Muḥammad al-Khaṭib al-Sharbinī,

<sup>3525</sup> *Mughnī al-Muhtāj Ilā Ma'rifah Ma'ānī Alfāz al-Minhāj*, 298.

<sup>3526</sup> Tiada pada C

<sup>3527</sup> Tiada pada C

<sup>3528</sup> Pada C: [memakan dia]

Bermaksud tumpukan batu di dalam laut yang terjadi daripada pelbagai sel dan plankton. Yaakub Isa, *Kamus Bahasa Melayu Klasik*, 85.

<sup>3529</sup> Pada C: [karang di laut]

<sup>3530</sup> Pada C: [mati]. Indung mutiara bermaksud siput mutiara. *Kamus Dewan*, 576.

<sup>3531</sup> Teritip. Pada B: تریتب, Tiada pada C

<sup>3532</sup> Pada B: [dalam darat]

<sup>3533</sup> Pada C: [yang hidup di darat]

<sup>3534</sup> Tiada pada C

<sup>3535</sup> Tiada pada B

<sup>3536</sup> Penyu. Dalam teks ditulis فیرون

<sup>3537</sup> Pada C: [kura-kura]

<sup>3538</sup> Tiada pada B

## [Binatang-binatang darat yang halal dimakan]

Bermula segala binatang di darat yang<sup>3538</sup> halal memakan dia itu seperti<sup>3539</sup> unta dan kerbau dan lembu<sup>3540</sup> dan kambing dan biri-biri dan domba dan kuda dan pelanduk dan [lembu hutan]<sup>3541</sup> [dan<sup>3542</sup> kerbau hutan dan kambing hutan]<sup>3543</sup> dan keldai hutan dan<sup>3544</sup> dubuk<sup>3545</sup> yaitu suatu<sup>3546</sup> binatang yang<sup>3547</sup> bercoreng seperti coreng harimau adalah ia<sup>3548</sup> terbesar daripada anjing.<sup>3549</sup> Maka adalah ia<sup>3550</sup> menerkam dengan giginya seperti kelakuan anjing jua<sup>3551</sup> dan kancil dan biawak. Tetapi adalah kata setengah ulama bermula<sup>3552</sup> biawak yang halal itu<sup>3553</sup> apabila ada dua zakarnya yang jantan dan dua farajnya yang betina<sup>3554</sup>. *Wallāhu 'lam.*

## [Binatang yang haram dimakan]

Bermula segala binatang yang haram memakan dia itu baghal yaitu sesuatu<sup>3555</sup> jenis daripada keldai<sup>3556</sup> jua adalah ia kecil sedikit daripada kuda dan terbesar<sup>3557</sup> sedikit daripada<sup>3558</sup> [keldai dan keldai]<sup>3559</sup> negeri<sup>3560</sup> dan<sup>3561</sup> harimau akar dan baruang<sup>3562</sup> dan

<sup>3538</sup> Tiada pada B

<sup>3539</sup> Pada C: [iaitu seperti]

<sup>3540</sup> Pada B: [lembu hutan]

<sup>3541</sup> Bermaksud lembu liar. Lihat *Kamus Dewan*, 555. Pada C: lembu hutang

<sup>3542</sup> Pada B: [dan kerbau dan]

<sup>3543</sup> Tiada pada C. Naskhah A dan B lebih lengkap.

<sup>3544</sup> Tiada pada B

<sup>3545</sup> Sejenis binatang liar seperti serigala yang makan daging dan bunyinya seperti bunyi ketawa. Lihat *Kamus Lengkap*, 235.

<sup>3546</sup> Pada C: [seperti]

<sup>3547</sup> Tiada pada C

<sup>3548</sup> Tiada pada C

<sup>3549</sup> Muhyī al-Dīn Abī Zakariyyā Yahyā bin Sharaf al-Nawawī, *Minhāj al-Tālibīn Wa 'Umdat al-Muftīn*, 536; Ibn Hajar al-Haytamī, *Tuhfat al-Muhtāj Bi Sharh al-Minhāj*, 272.

<sup>3550</sup> Tiada pada C

<sup>3551</sup> Tiada pada C

<sup>3552</sup> Tiada pada B dan C

<sup>3553</sup> Tiada pada B

<sup>3554</sup> Ciri-ciri ini dibincangkan untuk binatang dabb. Lihat Muḥammad al-Khaṭīb al-Sharbinī, *Mughnī al-Muhtāj li lla Ma'rifah Ma'anī Alfaż al-Minhāj*, 2:299.

<sup>3555</sup> Pada C: [suatu]

<sup>3556</sup> Pada B: [kemudian]

<sup>3557</sup> Pada B: [besar]

<sup>3558</sup> Pada C: [dan]

<sup>3559</sup> Pada B: [kemudian]. Naskhah A dan C lebih lengkap.

<sup>3560</sup> Pada C: [di negeri]

<sup>3561</sup> Pada C: [dan harimau besar dan]

<sup>3562</sup> Beruang. Dalam teks ditulis *خوار*. Pada C: buruang

dub<sup>3563</sup> yaitu suatu binatang besarnya seperti besar<sup>3564</sup> harimau jua.<sup>3565</sup> Tetapi tiada ia makan /B220/ orang dan lainnya dan badak dan serigala<sup>3566</sup> dan barang sebagainya daripada segala binatang yang menerkam dengan taring dan dengan<sup>3567</sup> gigi atau dengan<sup>3568</sup> kuku. Dan demikian lagi [haram memakan<sup>3569</sup>]<sup>3570</sup> kera dan lotong dan kungkang<sup>3571</sup> dan mawa<sup>3572</sup> dan beruk /A116/ dan siamang<sup>3573</sup> dan gajah dan singa dan anjing [dan babi]<sup>3574</sup> dan cerpeli<sup>3575</sup> yaitu binatang besar /C57/ sedikit daripada tupai dan kucing negeri dan [kucing hutan]<sup>3576</sup> dan musang dan beberang dan tikus dan كستن<sup>3577</sup> dan tenggiling [dan tu'kir<sup>3578</sup> dan cicak]<sup>3579</sup> dan bengkarung dan naga dan halipan<sup>3580</sup> dan kelemayar<sup>3581</sup> dan lipas dan hulat/ulat dan laba-laba dan sekalian jenis semut dan kerengga dan lalat dan baring-baring<sup>3582</sup> [dan pacat]<sup>3583</sup> dan nyamuk dan agas dan مددود<sup>3584</sup> و مددود and kumbang dan lintah dan pacat dan barang sebagainya.

<sup>3563</sup> Dubuk. Dalam teks dieja بُك.

<sup>3564</sup> Besar. Dalam teks dieja بَعْد.

<sup>3565</sup> Tiada pada C.

<sup>3566</sup> Muhyī al-Dīn Abī Zakariyyā Yahyā bin Sharaf al-Nawawī, *Minhāj al-Tālibīn Wa 'Umdat al-Muftīn*, 539. Ibn Hajar al-Haytamī, *Tuhfat al-Muhtāj Bi Sharh al-Minhāj*, 273. Muḥammad al-Khaṭīb al-Sharbinī, *Mughnī al-Muhtāj Ilā Ma'rīfah Ma'ānī Alfāz al-Minhāj*, 2: 299-300.

<sup>3567</sup> Pada C: [segala]

<sup>3568</sup> Tiada pada C

<sup>3569</sup> Tiada pada C

<sup>3570</sup> Pada C: [memakan dia]

<sup>3571</sup> Tiada pada B

<sup>3572</sup> Bermaksud sejenis kera yang tidak berekor dalam family *Lorisidae*. *Kamus Dewan*, 2005, h.814. ia juga dikenali sebagai kungkang, bermaksud kera duku atau nilong. R.O.Winstedt, *Kamus Bahasa Melayu*, 164 & 169.

<sup>3573</sup> mawas

<sup>3574</sup> Sejenis beruk besar yang bertangan panjang dan tidak berekor. Nama saintifiknya ialah *Hylobates Syndactylus*. *Kamus Dewan*, 2005, h.1484.

<sup>3575</sup> Tiada pada B

<sup>3576</sup> Ejaan yang sebenar ialah cerpelai. Bermaksud sejenis binatang daripada jenis musang. Nama saintifiknya ialah *Herpestes*. *Kamus Dewan*, 275. Yaakub Isa, *Kamus Bahasa Melayu Klasik*, 35.

<sup>3577</sup> Wahyunah Hj Abd Gani, *Panduan Kosa Kata Sastera Klasik*, 32.

<sup>3578</sup> Pada C: [kucing hutang]

<sup>3579</sup> Perkataan ini tidak dijumpai dalam kamus.

<sup>3580</sup> Toke (توك) iaitu sejenis cicak yang besar dan bising bunyinya. Lihat William Marsden, *Dictionary of The Malayan Language*, 90.

<sup>3581</sup> Pada C: [dan cicak dan tu'kir]

<sup>3582</sup> Lipan. Dalam teks ditulis لپان

<sup>3583</sup> Sejenis ulat yang kelihatan berbahaya dan hampir menyerupai lipan. Lihat R.J. Wilkinson *A Malay-English Dictionary*, 528.

<sup>3584</sup> Pada C: [bebbari]

<sup>3585</sup> Tiada pada B dan C

<sup>3586</sup> Perkataan ini tidak dijumpai dalam kamus. Pada B: جا

### [Burung-burung yang halal dimakan]

Bermula segala burung yang halal memakan dia itu yaitu hayam negeri dan hayam hutan<sup>3585</sup> dan [itik air dan itik negeri]<sup>3586</sup> dan ungas<sup>3587</sup> dan segala burung yang menyambar dengan mulut dan makan dengan<sup>3588</sup> mulut atas<sup>3589</sup> berbagai-bagai<sup>3590</sup> /B221/ rupanya<sup>3591</sup> yang [berlain-lainan]<sup>3592</sup> dan tiap-tiap burung yang bernafas<sup>3593</sup> tatkala minum air<sup>3594</sup> dan segala burung yang berdengu<sup>3595</sup> suaranya<sup>3596</sup> yaitu merpati<sup>3597</sup>. Dan segala burung yang bertanda pada<sup>3598</sup> lehernya yaitu seperti tekukur dan lainnya.

### [Burung-burung yang haram dimakan]

Dan adapun segala burung yang haram memakan dia itu yaitu barang yang<sup>3599</sup> menyambar dengan kuku atau burung<sup>3600</sup> yang memegang dengan kaki akan makanannya yaitu seperti rajawali dan segala jenis helang dan gagak dan burung hantu dan pungguk dan kelalawar<sup>3601</sup> dan keluang dan<sup>3602</sup> nuri dan<sup>3603</sup> kaka<sup>3604</sup> tuha/tua dan tiung dan barang sebagainya daripada segala burung yang memegang akan makanan<sup>3605</sup> dengan kaki dan haram merak dan barang yang menyerupai merak.

<sup>3585</sup> Ayam negeri dan ayam hutan. Dalam teks ditulis 鸡. Ayam hutan bermaksud ayam yang liar. *Kamus Dewan*, 555. Pada C: [hayam hutang]

<sup>3586</sup> Pada B: [itik negeri dan itik air], pada C: [itik negeri dan itik hutang dan terair]

<sup>3587</sup> Unggas, iaitu segala jenis burung. Lihat *Kamus Lengkap*, 121.

<sup>3588</sup> Pada C: [dengan kuku atau barang yang memegang dengan]

<sup>3589</sup> Pada B: [atau]

<sup>3590</sup> Pada C: [bersebagai]

<sup>3591</sup> Pada C: [daripada rupanya]

<sup>3592</sup> Pada B: [berlainan]

<sup>3593</sup> Pada B: [nafas]

<sup>3594</sup> Tiada pada B

<sup>3595</sup> Tiada pada B, pada C: [berdengung]

<sup>3596</sup> Pada B: [bersuara-suaranya]

<sup>3597</sup> Ibn Hajar al-Haytamī, *Tuhfat al-Muhtāj Bi Sharh al-Minhāj*, 273.

<sup>3598</sup> Tiada pada C

<sup>3599</sup> Pada C: [yang burung yang]

<sup>3600</sup> Pada C: [barang burung]

<sup>3601</sup> Kelawar, Pada B: [segala lawar]

<sup>3602</sup> Tiada pada B

<sup>3603</sup> Tiada pada B

<sup>3604</sup> kakak

<sup>3605</sup> Pada C: [makanannya]

Maka adalah perpegangan<sup>3606</sup> segala [isi laut dan sungai yang halal]<sup>3607</sup> memakan dia itu<sup>3608</sup> barang yang tiada [hidup di darat **dan asal** perpegangan segala binatang yang halal itu barang yang tiada]<sup>3609</sup> menerkam dengan gigi dan taring<sup>3610</sup> melainkan dubuk yaitu halal adalah ia menerkam dengan gigi. **Dan asal** perpegangan pada segala burung yang halal itu barang yang tiada menyambar dengan kaki dan tiada /B222/ memegang akan<sup>3611</sup> makanan dengan kaki dan terkadang ada burung itu tiada menyambar dengan kaki dan tiada /A117/ ia<sup>3612</sup> memegang akan makanan dengan kaki tetapi haram ia seperti merak dan barang sebagainya.

#### [Hukum memakan makanan yang kena najis]

Bermula<sup>3613</sup> haram memakan<sup>3614</sup> makanan yang kena<sup>3615</sup> najis dengan tiada dibasuh akan dia dan makruh makan daging dan telur dan susu binatang yang makan<sup>3616</sup> tahi dan makan<sup>3617</sup> segala najis jika jadi berubah dagingnya atau baunya atau warnanya yaitu daripada unta dan<sup>3618</sup> lembu dan kerbau<sup>3619</sup> dan hayam atau<sup>3620</sup> barang sebagainya tetapi jika tiada berubah dagingnya seperti yang tersebut itu maka tiada makruh memakan dia.<sup>3621</sup>

<sup>3606</sup> Pada B: [pegangan]

<sup>3607</sup> Pada C: [binatang yang halal]

<sup>3608</sup> Tiada pada C

<sup>3609</sup> Tiada pada B dan C

<sup>3610</sup> Muhyī al-Dīn Abī Zakariyyā Yahyā bin Sharaf al-Nawawī, *Minhāj al-Tālibīn Wa 'Umdat al-Muftīn*, 539, Muhammad al-Khaṭīb al-Sharbiṇī, *Mughnī al-Muḥtāj Ilā Ma'rīfah Ma'ānī Alfaẓ al-Minhāj*, 2:301.

<sup>3611</sup> Tiada pada C

<sup>3612</sup> Tiada pada B

<sup>3613</sup> Pada B: [sebermula]

<sup>3614</sup> Tiada pada C

<sup>3615</sup> Tiada pada C

<sup>3616</sup> Pada B: [dimakan]

<sup>3617</sup> Pada C: [memakan]

<sup>3618</sup> Pada C: [atau]

<sup>3619</sup> Pada B: [dan kerbau dan anjing], Pada C: [dan kerbau dan kambing]

<sup>3620</sup> Pada B dan C: [atau itik atau]

<sup>3621</sup> Muhyī al-Dīn Abī Zakariyyā Yahyā bin Sharaf al-Nawawī, *Minhāj al-Tālibīn Wa 'Umdat al-Muftīn*, 540-541, Ibn Hajar al-Haytamī, *Tuhfat al-Muhtāj Bi Sharḥ al-Minhāj*, h. 276, Muhammad al-Khaṭīb al-Sharbiṇī, *Mughnī al-Muḥtāj Ilā Ma'rīfah Ma'ānī Alfaẓ al-Minhāj*, 2; 305.

### [Hukum memakan benda yang suci tetapi memudaratkan]

Dan demikian lagi haram memakan<sup>3622</sup> [daripada benda yang]<sup>3623</sup> suci iaitu batu<sup>3624</sup> dan kaca dan tanah dan segala yang memberi mudarat akan badan<sup>3625</sup> dan aqal yaitu seperti afyun<sup>3626</sup> dan ganja dan racun tetapi harus meminum<sup>3627</sup> ubat yang ada dalamnya sedikit daripada racun<sup>3628</sup> jika tiada memberi mudarat pada gha/B223/libnya atau memakan ubat yang ada dalamnya sedikit daripada afyun jikalau tiada memberi mudarat akan tubuh atau akan akal dan jikalau ditasawurkan<sup>3629</sup> seseorang tiada<sup>3630</sup> [memberi mudarat akan dia racun yang suci maka tiadalah]<sup>3631</sup> haram memakan dia yaitu seperti seorang yang tahu akan penawar racun dengan ditiliknya<sup>3632</sup> atau dengan pengetahuannya.

Dan telah<sup>3633</sup> berkata Ruyānī: **Bermula** segala tumbuh-tumbuhan yang<sup>3634</sup> memabukkan dan tiada sangat menyukakan hati yaitu haram memakan dia dan tiada had atas orang yang memakan dia tetapi harus memakan dia jika dicampurkan dalam ubat hingga menyampaikan kepada khayal sekalipun maka [tiada dapat]<sup>3635</sup> memakan dia.

### [Hukum meminum minuman yang memabukkan]

Dan demikian lagi haram meminum segala yang cair lagi memabukkan yaitu arak dan tuak [dan kilang<sup>3636</sup> dan pengasi dan barang sebagainya]<sup>3637</sup> dan tiada harus meminum

<sup>3622</sup> Pada C: [memakan dia]

<sup>3623</sup> Pada C: [pada binatang]. Ketiga-tiga naskhah masih mengandungi maksud yang sama walaupun perkataan yang digunakan berbeza.

<sup>3624</sup> Pada B: [yabit]

<sup>3625</sup> Pada C: [badannya]

<sup>3626</sup> Opium, iaitu sejenis dadah yang diperolehi daripada biji bunga popi atau candu. Lihat *Dwibahasa Bahasa Inggeris-Bahasa Malaysia* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2002), 843.

<sup>3627</sup> Pada B: [diminum]

<sup>3628</sup> Pada C: [afyun dan racun]

<sup>3629</sup> Pada C: [diqasadkan]

<sup>3630</sup> Tiada pada B

<sup>3631</sup> Tiada pada C

<sup>3632</sup> Pada B dan C: [tiliknya]

<sup>3633</sup> Tiada pada C

<sup>3634</sup> Tiada pada B

<sup>3635</sup> Pada B dan C: [tiada dapat tiada]

<sup>3636</sup> Sejenis minuman yang diperbuat daripada nira. Lihat Kamus Lengkap, 521.

arak<sup>3638</sup> dan barang sebagainya karena ubat<sup>3639</sup> dan<sup>3640</sup> dahaga. Dan segala najis yang lain daripada yang memabukkan itu harus ia diambil akan ubat dan demikian lagi haram memakan<sup>3641</sup> dan meminum darah dan memakan kulit yang<sup>3642</sup> sudah disamak<sup>3643</sup> dan makan<sup>3644</sup> segala barang yang dikeluar<sup>3645</sup> /B224/ oleh nafsu yaitu seperti mani dan balgham dan hingus.

#### [Hukum memakan makanan yang halal dengan berlebih-lebihan]

Syahadan<sup>3646</sup> /A118/ makruh memakan makanan yang halal lebih<sup>3647</sup> daripada kenyang dan lagi makruh mengaibkan makanan orang yang<sup>3648</sup> jamu akan dia. Dan<sup>3649</sup> adapun segala makanan yang cair yaitu [susu dan manisan]<sup>3650</sup> dan minyak dan<sup>3651</sup> sapi [yang<sup>3652</sup> cair]<sup>3653</sup> sekalian<sup>3654</sup> minyak dan barang sebagainya daripada segala makanan yang cair apabila jatuh najis ke dalam sekaliannya<sup>3655</sup> itu tiadalah dapat disucikan akan sekaliannya itu [maka tatkala itu]<sup>3656</sup> haram<sup>3657</sup> memakan dia tetapi harus dipakai akan minyak pelita yang dipasang [di dalam]<sup>3658</sup> rumah dan tiada harus dipasang<sup>3659</sup> di dalam masjid itu<sup>3660</sup> sebab karena najis itu.<sup>3661</sup> *Wallāhu a'lam.*<sup>3662</sup>

<sup>3637</sup> Tiada pada C

<sup>3638</sup> Pada C: [arak dan tuak]

<sup>3639</sup> Pada C: [akan ubat]

<sup>3640</sup> Tiada pada B

<sup>3641</sup> Pada C: [memakan dia]

<sup>3642</sup> Tiada pada B

<sup>3643</sup> Pada B: [dimasak]

<sup>3644</sup> Pada B dan C: [memakan]

<sup>3645</sup> Pada B: [dikeluarnya], pada C: [dikuat]

<sup>3646</sup> Pada C: [bermula]

<sup>3647</sup> Tiada pada B

<sup>3648</sup> Tiada pada B dan C

<sup>3649</sup> Tiada pada B

<sup>3650</sup> Pada C: [seperti manisan dan susu]

<sup>3651</sup> Tiada pada B

<sup>3652</sup> Tiada pada B

<sup>3653</sup> Tiada pada C

<sup>3654</sup> Pada C: [dan sekelian]

<sup>3655</sup> Pada C: [sekalian]

<sup>3656</sup> Tiada pada B

<sup>3657</sup> Pada B: [haramlah]

<sup>3658</sup> Pada C: [dalam]

<sup>3659</sup> Tiada pada C

<sup>3660</sup> Tiada pada C

## BAB 5

### 5.1) PENGENALAN

Di dalam bab yang kelima ini, pengkaji akan melakukan analisis terhadap perbincangan tentang binatang halal dan haram dimakan yang terdapat di dalam Kitab *al-Kifayah*. Bab binatang halal dan haram dimakan ini dipilih untuk dianalisis memandangkan berlakunya banyak khilaf di kalangan fuqaha tentang perkara ini dan sebahagian binatang-binatang yang disebutkan hukum memakannya oleh Syeikh Abdul Malik tida ditemui perbincangannya dalam kitab-kitab fiqh bahasa Arab. Binatang-binatang yang disebutkan haram memakannya secara jelas di dalam al-Quran dan hadis hanyalah sebanyak empat iaitu khinzir, anjing, kucing dan keldai kampung. Enam jenis binatang lagi diperintahkan oleh Rasulullah S.A.W. untuk membunuhnya iaitu kala jengking, ular, cicak, tikus, helang dan gagak.

Dalam Kitab *al-Kifayah* ini, Syeikh Abdul Malik bin Abdullah telah membincangkan jenis-jenis binatang yang halal dimakan dan jenis-jenis binatang yang haram dimakan. Di antara binatang yang ditemui perbincangannya di dalam kitab-kitab fiqh bahasa Arab khususnya dalam Mazhab Syafie ialah teritip, kelemayar, tenggiling dan lintah. Dalam bab ini, pengkaji juga membincangkan tentang isu memakan binatang-binatang yang dihukumkan haram dengan tujuan dijadikan ubat atau sebahagian daripada ramuan di dalam ubat-ubatan.

<sup>3641</sup> Muhyī al-Dīn Abī Zakariyyā Yahyā bin Sharaf al-Nawawī, *Minhāj al-Tālibīn Wa 'Umdat al-Muftīn*, 540. Ibn Hajar al-Haytamī, *Tuhfat al-Muhtāj Bi Sharḥ al-Minhāj*, 278.

<sup>3642</sup> Pada B: [Tamat al-Kitab al-Kifayah ini pada hari Khamis pada dua hari bulan Safar daripada karangan Imam Shafie pada hijrah Nabi S.A.W. seribu ratus dulapan puluh tahun wallahu a'lam. Tamat amin... ] Pada C: [Tamatlah Kitab Kifayah kepada Bulan Zulqaedah pada hari Isnin maka ini lebih sedikit .... ]

## 5.2 PEMBAHAGIAN BINATANG HALAL DAN HARAM OLEH SYEIKH

### ABDUL MALIK BIN ABDULLAH

Dalam membincangkan tentang hukum memakan binatang-binatang, Syeikh Abdul Malik telah membahagikannya kepada empat kategori iaitu binatang yang hidup di dalam air, binatang dua alam, binatang-binatang darat dan binatang-binatang yang terbang.

Syeikh Abdul Malik Bin Abdullah juga telah menjelaskan makna sebenar binatang yang hidup dalam air iaitu semua binatang yang hanya boleh hidup di dalam laut atau dalam air tawar seperti sungai, paya dan sebagainya. Binatang-binatang ini hanya dapat hidup di darat untuk tempoh yang amat pendek dan akhirnya akan mati. Semua binatang ini halal dimakan kecuali binatang yang memberi mudarat kepada manusia. Syeikh Abdul Malik Bin Abdullah telah mendatangkan contoh-contoh binatang yang hidup dalam air dan halal dimakan iaitu kerang-kerangan laut seperti indung mutiara, kepah, remis dan teritip<sup>3663</sup>. Walau bagaimanapun, Syeikh Abdul Malik Bin Abdullah tidak mendatangkan contoh-contoh binatang dalam kategori ini yang selalu dimakan oleh penduduk setempat seperti ikan, udang, sotong dan ketam.

Kategori kedua ialah binatang dua alam. Syeikh Abdul Malik Bin Abdullah telah menyatakan dengan jelas tentang haramnya memakan binatang dua alam seperti katak, ketam batu, ringkung, buaya, penyu, kura-kura, ular dan kala<sup>3664</sup>. Contoh binatang-binatang yang disebut oleh Syeikh Abdul Malik Bin Abdullah dalam kategori ini amat biasa ditemui di negara ini dan memang dikenali oleh penduduk setempat.

Kategori ketiga pula ialah binatang-binatang darat. Syeikh Abdul Malik Bin Abdullah telah membahagikan binatang-binatang darat kepada dua iaitu binatang darat

<sup>3663</sup> Syeikh Abdul Malik bin Abdullah, *Kitab al-Kifayah*, MSS517 (folio 115), Pusat Manuskip Melayu, Perpustakaan Negara Malaysia Kuala Lumpur

<sup>3664</sup> Ibid.

yang halal dimakan dan binatang darat yang haram dimakan. Bagi binatang-binatang darat yang halal dimakan, Syeikh Abdul Malik Bin Abdullah telah mencatatkan beberapa contoh iaitu unta, kerbau, lembu, kambing, biri-biri, domba, kuda, pelanduk, lembu hutan, kerbau hutan, kambing hutan, keldai hutan, dubuk, kancil dan biawak. Contoh-contoh binatang darat yang haram dimakan pula ialah baghal, keldai negeri, harimau akar, beruang, badak, serigala dan binatang-binatang yang menerkam dengan taring, gigi dan kuku. Selain itu, binatang-binatang darat lain yang juga haram dimakan ialah kera, lotong, kungkang, mawas, beruk, siamang, gajah, singa, anjing, khinzir, cerpelai, kucing, musang, beberang, naga, lipas, ulat, laba-laba, semut, kerengga, lalat, baring-baring, pacat, nyamuk, agas, kumbang, lintah dan pacat<sup>3665</sup>.

Kategori keempat pula ialah binatang yang terbang seperti ayam, burung, kelawar dan keluang. Dalam membincangkan isu ini, Syekh Abdul Malik lebih memfokuskan kepada burung-burung yang halal dan haram dimakan. Burung-burung yang halal dimakan ialah ayam negeri, ayam hutan, itik air, itik negeri, unggas, semua burung yang menyambar makanan dengan mulut, burung-burung yang bernafas ketika minum, semua burung yang berdengu suaranya dan semua burung yang bertanda pada lehernya<sup>3666</sup>.

Burung-burung yang haram dimakan pula ialah yang menyambar mangsa atau makanannya dengan kuku, burung yang memegang makanan dengan kaki seperti rajawali, semua jenis helang, gagak, burung hantu, pungguk, kelawar, keluang, nuri, kakak tua dan tiung. Selain itu, burung merak dan semua burung yang menyerupai merak adalah haram<sup>3667</sup>.

Daripada semua contoh yang dinyatakan di atas, pengkaji mendapati sebahagian daripada binatang-binatang yang dibincangkan oleh Sheikh Abdul Malik telah

<sup>3665</sup> Ibid, (folio 115-116).  
<sup>3666</sup> Ibid, (folio 116).  
<sup>3667</sup> Ibid.

dibincangkan hukumnya oleh ulama-ulama fiqh di dalam kitab-kitab yang menjadi rujukan beliau. Namun, terdapat juga sebahagian daripada binatang-binatang tersebut yang tidak dibincangkan hukumnya di dalam kitab-kitab yang dirujuk oleh beliau.

### 5.3) ANALISIS KAEDAH-KAEDAH PENETAPAN HUKUM HALAL DAN HARAM MEMAKAN BINATANG OLEH SYEIKH ABDUL MALIK BIN ABDULLAH

Dalam menetapkan hukum halal atau haram memakan binatang-binatang, beberapa kaedah telah digariskan oleh Syeikh Abdul Malik Bin Abdullah:

- i- Halal memakan semua binatang yang hanya boleh hidup di dalam air dan rupanya tidak menyamai binatang darat yang haram dimakan seperti khinzir dan anjing<sup>3668</sup>

Syeikh Abdul Malik bin Abdullah telah menggariskan satu kaedah untuk menentukan hukum memakan binatang-binatang yang hidup di dalam air samada di dalam laut, sungai ataupun tasik. Kaedah yang digariskan oleh beliau ini bertepatan dengan apa yang telah digariskan oleh Allah S.W.T. di dalam al-Quran dan juga melalui hadis Rasulullah S.A.W. Firman Alah S.W.T.:

أَحِلٌّ لَكُمْ صَيْدُ الْبَحْرِ وَطَعَامُهُ مُتَعَا لَكُمْ وَلِلسيَارَةِ وَحُرْمَةً عَلَيْكُمْ صَيْدُ الْبَرِ  
مَا دُمْتُمْ حُرْمًا وَاتَّقُوا اللَّهَ الَّذِي إِلَيْهِ تُخْتَرُونَ ﴿٢﴾

Terjemahan: Dihalalkan bagimu binatang buruan laut dan makanan (yang berasal) dari laut sebagai makanan yang lazat bagimu, dan bagi orang-orang yang dalam perjalanan; dan diharamkan atasmu (menangkap) binatang buruan darat, selama kamu dalam ihyram. Dan bertakwalah kepada Allah yang kepada-Nyalah kamu akan dikumpulkan.

(Al-Māidah 5:96)

<sup>3668</sup> Ibid, (folio 115).

Ayat di atas menjelaskan tentang keharusan memakan binatang-binatang laut. Menurut Ibn Abbas, perkataan صيد البحر bermaksud binatang laut yang diperolehi dalam keadaan hidup. Perkataan طعامه pula bermaksud binatang laut yang diperolehi dalam keadaan mati. Kedua-duanya halal dimakan. Ayat di atas juga menerangkan tentang larangan memburu binatang ketika dalam ihram<sup>3669</sup>.

Sabda Rasulullah S.A.W.:

عَنْ جَابِرٍ أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ سَأَلَ عَنْ مَاءِ الْبَحْرِ فَقَالَ هُوَ الطَّهُورُ مَاؤُهُ  
الْحَلُّ مِيتَتُهُ<sup>3670</sup>

Maksudnya: Daripada Jabir bahawasanya Rasulullah S.A.W. ditanya tentang air laut, lantas baginda bersabda: laut itu suci airnya, halal bangkainya.

Berdasarkan dalil di atas, para fuqaha dalam Mazhab Shafie telah bersepakat mengatakan semua binatang yang hidup di dalam air samada sungai, laut, paya atau tasik adalah halal dimakan<sup>3671</sup>. Pandangan yang sama juga telah dikemukakan oleh para fuqaha dalam mazhab yang lain kecuali Mazhab Hanafi. Para fuqaha dalam Mazhab Hanafi mengatakan hanya ikan halal dimakan, manakala hidupan laut yang lain seperti ketam, sotong, udang dan lain-lainnya adalah haram dimakan<sup>3672</sup>. Dalam kaedah di atas juga, Syeikh Abdul Malik telah membataskan ciri-ciri haiwan laut yang halal dimakan, iaitu haiwan laut yang rupanya tidak menyamai haiwan darat yang haram dimakan

<sup>3669</sup> Muhammad bin Ahmad al-Qurtubī, *Al-Jāmi' li Aḥkām al-Qurān* (Kaherah: Dār al-Kātib al-'Arabi, 1967), 177-181.

<sup>3670</sup> Hadis riwayat Ibnu Mājah, Kitab *al-Tahārah*, Bab *al-Wuḍū' bi Mā al-Bahr*, no hadis 3885. Lihat Abū 'Abdullāh Muhammad bin Yazid al-Qazwainī, *Sunan Ibn Mājah* (Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1998), 3:221. Al-Albānī mengatakan hadis ini hasan sajih. Lihat Muhamad Naṣīr al-Dīn al-Albānī, *Ṣaḥīḥ Sunan Ibn Mājah* (Riyad: Maktabah al-Tarbiyyah al-Arabī, 1998), 1: 221.

<sup>3671</sup> Wahbah al-Zuhaily, *al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuhu* (Damsyik: Dar al-Fikr, 1989), 3:678. Muhyi al-Dīn Abū Zakariyyā Yahyā bin Sharaf al-Nawawī, *Minhāj al-Tālibīn Wa 'Umdah al-Muftīn* (Beirut: Dār al-Minhāj, 2005), 539. Ibn Hajar al-Haytamī, *Tuhfat al-Muhtāj Bi Shahh al-Minhāj* (Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 2001), 271. Abū Yahyā Zakariyyā al-Anṣārī, *Fath al-Wahhāb bi Sharh Minhāj al-Tālibīn*, (t.p: Dār Khaya' al-Kutub al-'Arabiyyah, t.t.), 1-2:4. Muhamad al-Khaṭīb al-Sharbī, *Mughnī al-Muhtāj Ilā Ma'rīfah Ma'anī Alfaż al-Minhāj* (Beirut: Dar al-Fikr, 1998), 375.

<sup>3672</sup> Wahbah al-Zuhaily, *al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuhu*, 3:678.

seperti khinzir dan anjing. Namun, menurut pandangan para fuqaha Mazhab al-Shafie pandangan ini merupakan pandangan yang daif dalam mazhab. Pandangan yang sahih mengatakan tiada apa-apa batasan bagi binatang laut, semuanya halal dimakan walaupun menyerupai khinzir dan anjing<sup>3673</sup>.

ii- Haram memakan binatang yang bisa dan memberi mudarah kepada manusia

Dalam Kitab *al-Kifayah* ini, Syeikh Abdul Malik telah menyebutkan halal memakan segala kerang-kerangan laut kecuali yang memberi mudarah apabila memakannya<sup>3674</sup>. Ketika menjelaskan binatang darat yang haram dimakan pula, beliau menjelaskan haram memakan binatang yang berbisa<sup>3675</sup>. Kaedah yang kedua ini bertepatan dengan sebuah hadis Nabi S.A.W.:

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ حَمْسٌ  
مِنَ الدَّوَابِ مَنْ قَاتَلَهُنَّ وَهُوَ مُخْرِمٌ فَلَا جُنَاحَ عَلَيْهِ الْعَقْرُبُ وَالْفَارَّةُ وَالْكَلْبُ الْعَقُورُ  
وَالْغَرَابُ وَالْحَدَّادُ<sup>3676</sup>

Maksudnya: Daripada Abdullah bin Umar R.A. bahawa Rasulullah S.A.W. bersabda: Lima jenis haiwan, tidak mengapa membunuhnya ketika seseorang sedang berihram, kala jengking, tikus, anjing yang menyerang orang ramai, gagak dan helang.

Hukum halal membunuh binatang-binatang di atas menunjukkan hukum memakannya adalah haram dan mempunyai mudarat kepada manusia. Ini kerana Rasulullah S.A.W. tidak akan membenarkan ummatnya mensia-siakan nyawa binatang-binatang ini sekiranya ia halal dimakan. Walaupun hadis di atas tidak menyatakan sebab pengharamannya, namun mudarat yang ada pada setiap binatang yang disebutkan itu

<sup>3673</sup> Muhyī al-Dīn Abī Zakariyyā Yahyā bin Sharaf al-Nawawī, *Minhāj al-Tālibīn Wa ‘Umdah al-Mufīn*, 539; Ibn Hajar al-Haytāmī, *Tuhfah al-Muhtāj Bi Sharh al-Minhāj*, 271. Abū Yahyā Zakariyyā al-Anṣārī, *Fath al-Wahhāb bi Sharh Minhāj al-Tālibīn* 4. Muhammad al-Khaṭīb al-Sharbinī, *Mugnī al-Muhtāj Ilā Ma’rifah Ma’ānī Alfāz al-Minhāj*, 375.

<sup>3674</sup> Syeikh Abdul Malik bin Abdullah, Kitab *al-Kifayah*, MSS517 (folio 115), Pusat Manuskip Melayu, Perpustakaan Negara Malaysia Kuala Lumpur.

<sup>3675</sup> *Ibid.*

<sup>3676</sup> Hadis riwayat al-Bukhārī, Kitab *Bad'u Khalqi*, Bab Khams Min al-Dawwāb Fawāsiq Yuqalnā fi al-Harām, no. hadis 3315. Lihat Abū 'Abd Allāh Muḥammad bin Ismā'īl al-Bukhārī, *Al-Jāmi' al-Ṣahīh*, (Kaherah: Maṭba'ah al-Salfiyyah, 1403H), 2:446.

adalah jelas. Ular dan kala jengking adalah binatang berbisa yang boleh menyebabkan kematian bagi manusia. Tikus dan gagak pula adalah binatang yang kotor dan boleh membawa penyakit<sup>3677</sup>. Sifat anjing yang menyerang manusia juga boleh menyebabkan kecederaan atau kematian kepada manusia. Helang pula menyerang binatang ternakan yang kecil seperti burung dan ayam. .

iii- Haram memakan binatang yang hidup di dua alam.

Kaedah ketiga yang dikeluarkan daripada teks Kitab *al-Kifayah* dalam bab binatang halal dan haram dimakan ialah haram memakan semua binatang yang hidup di dua alam seperti katak, ketam batu dan buaya<sup>3678</sup>. Bagi masalah ini, tidak ada sebarang dalil daripada al-Quran ataupun hadis yang menyebut secara jelas tentang hukum memakan binatang yang hidup di dua alam. Para fuqaha yang mengharamkannya berpegang kepada sebuah dalil daripada hadis:

عَنْ عَبْدِ الرَّحْمَنِ بْنِ عُثْمَانَ أَنَّ طَبِيبًا سَأَلَ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَنْ صِفَةِ  
يَجْعَلُهَا فِي دَوَاءٍ فَنَاهَهُ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَنْ قَتْلِهَا<sup>3679</sup>

Maksudnya: Daripada Abd al-Rahman Ibn Uthman bahawa seorang tabib bertanyakan Rasulullah S.A.W. tentang katak, bolehkah ianya dijadikan ramuan dalam ubat, lantas Rasulullah S.A.W. melarang daripada membunuhnya.

Para fuqaha dalam Mazhab Hanafi dan Syafii mengatakan haram memakan binatang dua alam kerana ia tergolong dalam kategori *al-khabāith*. Mereka juga berpegang kepada dalil hadis larangan membunuh katak yang merupakan salah satu di antara binatang dua alam. Fuhaqa dalam Mazhab Maliki berpandangan harus memakannya kecuali sekiranya terdapat nas yang mengharamkannya. Mereka juga mengharamkan binatang *al-khabāith* yang terdapat nas pengharamannya. Pandangan

<sup>3677</sup> 9 hewan Ini Berisiko Tularkan Penyakit, <http://health.kompas.com/read/2012>, dicapai pada 10hb Mei 2013.

<sup>3678</sup> Syeikh Abdul Malik bin Abdullah, Kitab *al-Kifayah*, MSS517 (folio 115).  
<sup>3679</sup> Hadis riwayat Abū Dāwud, Kitab *al-Tibb*, Bab fī al-Adawiyyah al-Makrūhah, no. hadis. 3871. Lihat Abū Dāwud Sulaiman bin al-Asy'ath al-Sajastānī, *Sunan Abi Dāwud* (Kaherah: Dār al-Hadīth, 1999). Al-Albānī mengatakan hadis ini sahih. Muḥammad Nāṣir al-Dīn al-Albānī, Ṣaḥīḥ Abī Dāwud, hadis no 3871. Al-Albānī, *Ṣaḥīḥ al-Targhib wa al-Tarhib*, 3:151.

yang ketiga iaitu pandangan para fuqaha Mazhab Hanafi, semua binatang dua alam perlu disembelih dahulu sebelum dimakan kecuali binatang dua alam yang tidak mengalir darahnya seperti ketam. Binatang dua alam yang tidak disembelih terlebih dahulu adalah haram dimakan<sup>3680</sup>.

iv. Haram memakan semua binatang buas yang bertaring.

Bagi kaedah keempat yang dikemukakan oleh Syeikh Abdul Malik, terdapat dalil daripada hadis yang jelas tentang larangan memakan binatang buas yang bertaring<sup>3681</sup>. Sabda Rasulullah S.A.W.:

عَنْ إِبْرَاهِيمَ عَبْدِ اللَّهِ قَالَ: نَهَا رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَنْ كُلِّ ذِي نَابٍ مِنَ السَّبَاعِ وَعَنْ كُلِّ ذِي عَذْلَبِ مِنَ الظَّئِيرِ  
3682

Maksudnya: Daripada Ibn Abbas, beliau berkata: Rasulullah S.A.W. melarang daripada (memakan) setiap binatang buas yang bertaring dan burung yang berkuku mencengkam.

Dalam hadis di atas, terdapat dua sifat binatang yang haram dimakan. Salah satunya ialah binatang buas yang mempunyai taring. Apa yang dimaksudkan dalam hadis di atas ialah binatang buas yang bertaring dan menyerang manusia, binatang lain serta binatang ternak untuk dijadikan makanannya. Contohnya ialah singa dan harimau<sup>3683</sup>. Terdapat juga binatang buas yang mempunyai taring tetapi tidak menyerang manusia, binatang lain dan binatang ternak sebagai makanannya seperti dubuk berjalur. Binatang-binatang ini tidak dihukumkan haram memakannya<sup>3684</sup>.

<sup>3680</sup> Wahbah al-Zuhaily, *al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuhu*, 3:678.

<sup>3681</sup> Syeikh Abdul Malik bin Abdullah, Kitab *al-Kifāyah*, MSS517 (folio 116).

<sup>3682</sup> Hadis riwayat Muslim, Kitab *al-Saīd wa al-Dhabāīh wa mā yu'kal Min al-Hayawān*, Bab *Tahrīm Akli Kulli Dhī Nāb min al-Sibā' wa Kulli Dhī Mīkhlab min al-Tayr*, no hadis 1934. Lihat Abī al-Ḥusayn Muslim Bin al-Ḥajjāj, *Sahīh Muslim*, (Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 2001), 2:770.

<sup>3683</sup> Yusri al-Sayyid Muhammad, *Mawsū'ah al-A'māl al-Kāmilah li al-Imām Ibn al-Qayyim al-Jawziyyah Jāmi' al-Fiqh* (Mesir: Dār al-Wafā', 2001), 7: 15.

<sup>3684</sup> Ahmad Sharafi Idris, "Kaedah Menentukan Halal Haram Haiwan Berdasarkan al-Quran, Hadis dan Kajian Moden Serta Pelaksanaannya Dalam Order Karnivora" (Tesis Sarjana Fakulti Pengajian Islam, Bangi : Universiti kebangsaan Malaysia, 2007), 40.

- v- Haram memakan burung-burung yang menyambar makanan dengan kuku dan memegang makanannya dengan kaki<sup>3685</sup>

Kaedah seterusnya ialah haram memakan burung-burung yang menggunakan kukunya untuk menyambar makanan dan memegang makanannya dengan menggunakan kaki. Burung-burung yang menyambar makanan dengan menggunakan kuku dan memegang makanan dengan menggunakan kakinya mempunyai kuku yang mencengkam supaya mangsa yang disambarnya tidak terlepas. Dengan merujuk kepada hadis yang sama bagi larangan memakan binatang buas yang bertaring, para fuqaha telah menetapkan hukum haram memakan burung-burung yang berkuku mencengkam. Sabda Rasulullah S.A.W.:

عَنْ إِبْرَاهِيمَ عَبْدِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَنْ كُلِّ ذِي نَّاَبِ مِنَ الْبِسَابَاعِ وَعَنْ كُلِّ ذِي خَلْبٍ مِنَ الطَّيْرِ  
3686

Maksudnya: Daripada Ibn Abbas, beliau berkata: Rasulullah S.A.W. melarang daripada (memakan) setiap binatang buas yang bertaring dan burung yang berkuku mencengkam.

- vi- Halal memakan burung-burung yang menyambar dan memegang makanan dengan mulut, makan dengan kuku, bernafas ketika meminum air, burung yang berdengu suaranya dan bertanda pada lehernya.

Bagi kategori ini, pengkaji berpandangan bahawa Syeikh Abdul Malik bin Abdullah mengkategorikan burung-burung yang bersifat di atas berdasarkan pemerhatian yang mendalam terhadap sifat-sifatnya. Berdasarkan hadis larangan memakan burung yang mempunyai kuku mencengkam yang digunakan untuk menyambar mangsa, maka burung-burung yang menyambar dan memegang makanan dengan mulut dihukumkan sebagai halal dimakan. Berdasarkan pemerhatian juga, kemungkinan beliau mendapati burung-burung yang makan dengan menggunakan kuku,

<sup>3685</sup> Syeikh Abdul Malik bin Abdullah, Kitab al-Kifayah, MSS517 (folio 116).

<sup>3686</sup> Hadis riwayat Muslim, Kitab al-Sa'id wa al-Dhabāih wa mā yu'kal Min al-Hayawān, Bab Tahrīm Akli Kulli Dhī Nāb min al-Sibā' wa Kulli Dhī Mikhlab min al-Tayr, no hadis 1934. Lihat Abī al-Husayn Muslim Bin al-Hajjāj, Sahih Muslim, 2:770.

berdengu suaranya, bernafas ketika minum air serta bertanda pada leher merupakan burung-burung yang tidak menyambar mangsanya dengan kuku yang mencengkam. Imam Ibn Hajar al-Haytamī ada menyebut tentang halal memakan burung yang berdengu suaranya<sup>3687</sup>.

Kaedah-kaedah yang digariskan oleh Syeikh Abdul Malik Bin Abdullah merupakan kaedah yang juga telah digariskan oleh ulama-ulama fiqh dalam kitab-kitab yang berautoriti dalam Mazhab al-Shafii dan menjadi rujukan beliau. Kitab-kitab yang dimaksudkan ialah *Tuhfat al-Muhtāj Bi Sharh al-Minhāj* karangan Imām Ibn Hajar al-Haitamī, *al-Iqnā' Fī Hal Alfāz Abī Syūjā'* dan *Mughnī al-Muhtāj Ilā Ma'rifah Ma'āni Alfāz al-Minhāj* oleh Imām al-Sharbinī, dan *Nihāyah al-Muhtāj Ilā Sharh al-Minhāj Fī al-Fiqh 'Alā Madhhāb al-Imām al-Shāfiī* oleh Imām al-Ramlī. Namun, pengkaji tidak menemui satu kaedah tentang burung-burung yang halal dimakan iaitu burung yang bertanda pada leher. Pengkaji juga mendapati bukan semua kaedah penentuan hukum memakan binatang dibincangkan oleh Syeikh Abdul Malik. Terdapat beberapa lagi kaedah yang biasa digunakan oleh fuqaha dalam Mazhab Syafie.

#### 5.4) KAEDAH-KAEDAH LAIN YANG DIGUNAKAN OLEH FUQAHĀ DALAM MENENTUKAN HUKUM MEMAKAN BINATANG

Selain daripada kaedah-kaedah yang dinyatakan secara jelas oleh Syekh Abdul Malik di dalam Kitab *al-Kifāyah*, terdapat beberapa lagi kaedah yang biasa digunakan oleh para fuqaha di dalam menentukan hukum memakan sesuatu jenis binatang. Kaedah-kaedah yang dimaksudkan ialah:

<sup>3687</sup> Ibn Hajar al-Haytamī, *Tuhfat al-Muhtāj Bi Sharh al-Minhāj*, 4:273

i- Haram memakan binatang-binatang yang telah dinaskan sebagai haram

a- Larangan memakan khinzir

إِنَّمَا حَرَّمَ عَلَيْكُمُ الْمَيْتَةَ وَالدَّمُ وَلَحْمَ الْخِنْزِيرِ وَمَا أَهْلَ لِغَيْرِ اللَّهِ بِهِ فَمَنِ اضطُرَّ  
عَيْرَ بَاغٍ وَلَا عَادٍ فَإِنَّ اللَّهَ غَفُورٌ رَّحِيمٌ ﴿١٦﴾

Terjemahan: Sesungguhnya Allah hanya mengharamkan atasmu (memakan) bangkai, darah, daging khinzir dan apa yang disembelih dengan menyebut nama selain Allah; tetapi Barangsiapa yang terpaksa memakannya dengan tidak Menganiaya dan tidak pula melampaui batas. Maka sesungguhnya Allah Maha Pengampun lagi Maha Penyayang. *(Al-Nahl 16:115)*

Dalam ayat di atas, Allah S.W.T. menyatakan dengan jelas larangan memakan khinzir samada disembelih atau dalam keadaan yang sudah menjadi bangkai. Selain daripada khinzir, Allah S.W.T. juga mengharamkan ummat Islam memakan binatang-binatang yang sudah menjadi bangkai, darah yang mengalir, dan binatang-binatang yang disembelih dengan menyebut nama selain Allah S.W.T.

b- Larangan Memakan Daging Keldai Kampung

عَنْ جَابِرِ بْنِ عَبْدِ اللَّهِ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا قَالَ نَهَى رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَوْمَ يَوْمٍ  
بَخِيْرٍ عَنْ لَحْوِ الْحَمْرِ الْأَهْلِيَّةِ وَرَجَّحَ فِي الْخَيْلِ<sup>3688</sup>

Maksudnya: Daripada Jabir ibn Abd Allah R.A. beliau berkata: "Rasulullah S.A.W. menghalang daripada memakan daging keldai kampung pada hari Khaybar dan memberikan kelonggaran dalam (memakan daging) kuda".

Hadis di atas menjelaskan tentang haram hukumnya memakan daging keldai kampung, sebaliknya halal memakan kuda. Ia juga membawa maksud harus memakan keldai yang bukan dinamakan dengan keldai kampung, iaitu keldai hutan<sup>3689</sup>.

<sup>3688</sup> Hadis riwayat al-Bukhārī, Kitab al-Dhabāh wa al-Sāid, Bab Luhūm al-Khail, no. hadis 5520. Lihat Abu 'Abd Allāh Muḥammad bin Ismā'īl al-Bukhārī, Al-Jāmi' al-Ṣahīh, 1:47.

<sup>3689</sup> Muhammad Idris al-Shāfi'i, al-Umm (Beirut: Dar al-Fikr, 1990), 1: 275.

ii- Haram memakan binatang yang digalakkan untuk membunuhnya

a- Galakan membunuh cicak

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مَنْ قَتَلَ وَرَعَةً فِي أَوَّلِ ضَرْبَةٍ فَلَهُ كَذَا وَكَذَا حَسَنَةٌ وَمَنْ قَتَلَهَا فِي الضَّرْبَةِ الثَّانِيَةِ فَلَهُ كَذَا وَكَذَا حَسَنَةٌ لِدُونِ الْأُولَى وَإِنْ قَتَلَهَا فِي الضَّرْبَةِ التَّالِيَةِ فَلَهُ كَذَا وَكَذَا حَسَنَةٌ لِدُونِ التَّالِيَةِ<sup>3690</sup>.

Maksudnya: Daripada Abu Hurairah R.A. beliau berkata: "Aku mendengar Rasulullah S.A.W. bersabda, barangsiapa membunuh seekor cicak dengan sekali pukulan, dia mendapat ganjaran begini dan begini, barangsiapa yang membunuh cicak dengan dua kali pukulan, maka dia akan mendapat ganjaran kurang daripada yang membunuh dengan satu pukulan. Sekiranya dia membunuh dengan tiga pukulan, maka ganjarannya kurang berbanding yang membunuh dengan dua pukulan."

عَنْ أُمِّ شَرِيكٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَمَرَ بِقُتْلِ الْوَزِغِ وَقَالَ كَانَ يَنْفَعُ عَلَى إِبْرَاهِيمَ عَلَيْهِ السَّلَامُ<sup>3691</sup>

Maksudnya: Daripada Ummu Sharik R.A. bahawasanya Rasulullah S.A.W. menyuruh supaya dibunuh cicak. Baginda berkata: "Adapun cicak itu meniup (api yang membakar) Nabi Ibrahim A.S."

Kedua-dua hadis di atas menerangkan tentang hukum suruhan Rasulullah S.A.W. supaya membunuh cicak. Suruhan baginda ini tidak dikaitkan dengan bahaya atau jijiknya cicak, tetapi dikaitkan dengan peristiwa Nabi Ibrahim A.S. yang dibakar hidup-hidup oleh kaumnya. Dalam peristiwa ini, cicak telah meniupkan api sehingga menjadi lebih marak.

iii- Haram Memakan Binatang Yang Dilarang Untuk Menjualnya

a- Larangan Menjual dan Membeli Anjing

عَنْ عَوْنَ بْنِ أَبِي حَحِيفَةَ قَالَ رَأَيْتُ أَبِي اشْتَرِي حَجَاماً فَأَمْرَ بِمَحَااجِمِهِ فَكُسِرَتْ قَسْطَلَةُ عَنْ ذَلِكَ قَالَ إِنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ نَهَى عَنْ تَمْنَ الدَّمِ وَقَنْ الْكَلْبِ وَكَسِبِ الْأُمَّةِ وَلَعْنَ الْوَاسِثَةِ وَالْمُسْتَوْبِثَةِ وَأَكْلِ الرَّبَّا وَمُوكِلَةِ..<sup>3692</sup>

<sup>3690</sup> Hadis riwayat Muslim, Kitab al-Salām, Bab Istiḥbāb Qatl al-Wazagh, hadis no. 2240. Lihat Abī al-Husayn Muslim Bin al-Hajjāj, *Sahih Muslim*, 2:884.

<sup>3691</sup> Hadis riwayat al-Bukhārī, Kitab al-Anbiyā', Bab Qawl Allah Taālā al-Nisā':165, no. hadis 3359. Lihat Abū 'Abd Allāh Muḥammad bin Ismā'īl al-Bukhārī, *Al-Jāmi' al-Ṣaḥīḥ*, 2:461.

<sup>3692</sup> Hadis riwayat al-Bukhārī, Kitāb al-Libās, Bab al-Wāsyimah, no. hadis 5945. Lihat Abū 'Abd Allāh Muḥammad bin Ismā'īl al-Bukhārī, *Al-Jāmi' al-Ṣaḥīḥ*, 399.

Daripada 'Aun bin Abu Juhayfah berkata; Aku melihat bapaku membeli tukang bekam lalu memerintahkan untuk menghancurkan alat-alat bekamnya. Kemudian aku tanyakan masalah itu. Lalu bapaku berkata: "Rasulullah S.A.W. telah melarang harga (wang hasil jual beli) darah, anjing, memeras budak wanita dan melarang orang yang membuat tatu dan yang minta ditatu dan pemakan riba dan yang meminjamkan riba, serta melaknat pembuat patung".

b- Larangan Menjual Dan Membeli Kucing

حَدَّثَنَا عُمَرُ بْنُ زَيْدٍ الصَّنْعَانِيُّ أَنَّهُ سَمِعَ أَبَا الزُّبَيرِ عَنْ جَابِرٍ أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ نَهَى عَنْ مَنْ مَرَأَهُ مُرَأَةً<sup>3693</sup>.

Maksudnya: 'Umar Ibn Zayd al-Šan'ānī menceritakan bahawa dia mendengar Abu Zubayr meriwayatkan daripada Rasulullah S.A.W. melarang daripada jual beli kucing.

Hadis di atas menerangkan bahawa harga yang diperolehi hasil jualan kucing adalah haram. Larangan ini membawa erti bahawa haiwan tersebut adalah haram dimakan. Ini kerana sekiranya haiwan tersebut halal dimakan, sudah tentu urusniaga jual belinya juga adalah halal.

iv- Halal Memakan Binatang-binatang Yang Dinaskan Sebagai Halal

a- Allah S.W.T. menghalalkan memakan haiwan ternakan

يَتَائِفُهَا الَّذِينَ إِمَانُوا أَوْفُوا بِالْعُقُودِ أَحْلَتْ لَكُمْ بِهِمْ أَلْأَنْعَمَ إِلَّا مَا يُنْهَى  
عَلَيْكُمْ غَرَبَ حُلَى الْصَّيْدِ وَأَنْشَمْ حُرْمٌ إِنَّ اللَّهَ سَخَّنَكُمْ مَا يُرِيدُ

Terjemahan: Hai orang-orang yang beriman, penuhilah akad-akad itu. Dihalalkan bagimu binatang ternak, kecuali yang akan dibacakan kepadamu, dengan tidak menghalalkan berburu ketika kamu sedang mengerjakan haji. Sesungguhnya Allah menetapkan hukum-hukum menurut yang dikehendakiNya.

(Al-Māidah 5:1)

Ayat di atas telah menyatakan halal hukumnya memakan binatang ternak. Imam al-Qurtubī mentakrifkan binatang ternak ialah binatang yang berkaki empat seperti unta,

<sup>3693</sup> Hadis riwayat Abū Dāwud, Kitab *al-Buyū'*, Bab fī athmān al-Kilāb, no. hadis 3480. Lihat Abū Dāwud Sulaiman bin al-Asy'ath al-Sajastānī, Sunan Abī Dāwud ,3:1510. Al-Albānī mengatakan hadis ini sahih. Lihat Muḥammad Nāṣir al-Dīn al-Albānī, Sahih Sunan Abī Dāwud, 368.

lembu dan kambing<sup>3694</sup>. Walau bagaimanapun, binatang-binatang yang halal ini semuanya haram diburu oleh mereka yang sedang berihram haji.

- b- Hadis yang menyatakan halal memakan daging ayam

عَنْ أَبِي مُوسَىٰ يَعْنِي الْأَشْعَرِيَّ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ رَأَيْتُ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَأْكُلُ دَجَاجًا

<sup>3695</sup>

Terjemahan: "Daripada abu Musa al-Ashari bahawa beliau berkata: "Aku melihat Rasulullah S.A.W. memakan ayam".

- c- Halal Memakan dubuk

عَنْ أَبْنَى أَبِي عَمَّارٍ وَهُوَ عَبْدُ الرَّحْمَنِ قَالَ سَأَلْتُ جَابِرَ بْنَ عَبْدِ اللَّهِ عَنِ الظَّبَابِ أَصَنَدَهُ فَقَالَ نَعَمْ قُلْتُ أَكْلَهَا فَقَالَ نَعَمْ قُلْتُ أَشْنَىءَ سَعَفْتَ مِنْ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ؟ قَالَ نَعَمْ.

<sup>3696</sup>

Maksudnya: "Diriwayatkan daripada Abī 'Ammār , iaitu 'Abd al-Rahmān bahawa beliau berkata, aku bertanya kepada Jabir Ibn Abdullah berkenaan dengan dubuk, adakah ia haiwan buruan, dia menjawab, ya. Aku bertanya, adakah boleh aku memakannya, jawabnya ya. Aku bertanya lagi, adakah engkau mendengar sesuatu berkenaanya daripada Rasulullah S.A.W.? Jawabnya ya.

Dubuk ialah sejenis binatang liar yang menyerupai serigala dan bunyinya pula seperti orang ketawa.<sup>3697</sup> Walaupun dubuk merupakan binatang buas yang mempunyai taring, namun ia tidak menyerang manusia. Berdasarkan hadis di atas dan juga sifat dubuk yang tidak menyerang manusia, Imam Shafie telah menghukumkannya sebagai halal dimakan<sup>3698</sup>. Namun, hanya dubuk berjalur sahaja yang boleh dimakan, hidup di

<sup>3694</sup> Abū 'Abdullāh Muḥammad Bin Alīmad al-Anṣārī al-Qurṭubī (2004), *Tafsīr al-Qurṭubī*, (Beirut: Dār al-Kutub al-'Illiyyah,2004), 6:25.

<sup>3695</sup> Hadis riwayat Bukhārī, Kitab al-Dhabāh wa al-Ṣāid, Bab Lahm al-Dajāj, no. hadis 5517. Lihat Abū 'Abd Allah Muḥammad bin Ismā'īl al-Bukhārī, *Al-Jāmi' al-Sāhih*, 3:460.

<sup>3696</sup> Hadis riwayat Ibn Mājah, Kitab al-Ṣāid, Bab al-Ḏabu', no. hadis 2638. Lihat Abū 'Abdullah Muḥammad bin Yazid al-Qazwaini, *Sunan Ibn Majah*, 3:589. Al-Albāni mengatakan hadis ini sahih. Lihat Muhammad Nāṣir al-Dīn al-Albānī, *Sahīh Sunan Ibn Majah*, 3:111.

<sup>3697</sup> *Kamus Lengkap* (Selangor: Pustaka Zaman,1986), 2:235.

<sup>3698</sup> Muhammad Idrīs al-Shāfi'ī, *al-Umm* (Beirut: Dar al-Fikr,1990),1: 273.

Negara Afrika, Timur Tengah, India, dan antara Asia hingga ke Caucasus dan Siberia<sup>3699</sup>.

d- Harus memburu dan memakan arnab

عَنْ أَنَسِ بْنِ مَالِكٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ: مَرَرْنَا فَأَشْتَقَحْنَا أَرْنَبًا بِمَرِ الظَّهْرَانِ فَسَعَوْنَا عَلَيْهِ فَلَعَبْنَا. قَالَ: فَسَعَيْتُ حَتَّى أَذْرَكْنَاهَا، فَأَتَيْتُ إِلَيْهَا أَبَا طَلْحَةَ فَدَجَنَهَا فَبَعَثْتُ بِوَرِكَهَا وَفِحْدَيْهَا إِلَى رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، فَأَتَيْتُ إِلَيْهِ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، فَقَبَلَهُ.  
3700

Maksudnya: Daripada Anas Bin Malik R.A. beliau berkata: Seekor arnab keluar dari lubangnya di kawasan Marr al-Zahran, lantas orang-orang yang bersama-sama Anas mengejar arnab tersebut sehingga mereka keletihan. Lalu aku pun mengejar arnab tersebut hingga akhirnya berjaya menangkapnya. Aku bawa arnab tersebut kepada Abi Talhah, lalu dia mengirim bahagian pinggul atau peha arnab tersebut kepada Rasulullah S.A.W. dan baginda menerima.

Sepertimana halal memakan ayam, begitu jugalah halal memakan arnab. Hadis di atas secara jelas menyebut tentang perbuatan Rasulullah S.A.W. menerima daging arnab sebagai pemberian daripada sahabatnya iaitu Abi Talhah. Keharusan memakan daging arnab juga selari dengan dalil-dalil daripada al-Quran yang hanya melarang ummat Islam memakan khinzir.

e- Harus memakan daging dhab

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عَبْلَيِّ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا عَنْ خَالِدِ بْنِ الْوَلِيدِ أَنَّهُ دَخَلَ مَعَ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بَيْتَ مَيْمُونَةَ فَأَتَى بِضَبٍّ مَخْنُوذٍ فَأَهْوَى إِلَيْهِ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بِيَدِهِ فَقَالَ بَعْضُ النِّسَاءِ أَخْبِرُوا رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِمَّا يُرِيدُ أَنْ يَا كُلُّ فَقَالُوا هُوَ ضَبٌّ يَا رَسُولَ اللَّهِ فَرَفَعَ يَدَهُ فَقُلْتُ أَخْرَمَ هُوَ يَا رَسُولَ اللَّهِ فَقَالَ لَا

<sup>3699</sup> Ahmad Sharafi Idris, "Kaedah Menentukan Halal Haram Haiwan Berdasarkan al-Quran, Hadis dan Kajian Modern Serta Pelaksanaannya Dalam Order Karnivora", 27.  
<sup>3700</sup> Hadis riwayat Muslim. Kitab al-Šaïd wa al-Dhabāḥ wa mā yu'kal Min al-Hayawān, Bab Ibāhah al-Arnab, No. hadis 1953. Abī al-Ḥusayn Muslim Bin al-Ḥajjāj, Ṣaḥīḥ Muslim, 777.

وَلَكِنْ لَمْ يَكُنْ يَأْزِمْ قَوْمِي فَأَجْدَنِي أَعْفَافُهُ قَالَ خَالِدٌ فَاجْتَرَرْتُهُ فَأَكْلَتْهُ وَرَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَنْظُرُ.

3701

Maksudnya: Daripada Ibnu Abbas R.A. bahawasanya Khalid Ibn al-Walid bersama-sama dengan Rasulullah S.A.W. telah memasuki rumah Maymunah dan dihidangkan dengan dhab yang dipanggang. Rasulullah S.A.W. menghulurkan tangannya untuk mengambil daging dhab tersebut, lantas beberapa orang wanita berkata, "Beritahu Rasulullah S.A.W. apa yang hendak dimakan baginda itu." Lalu para sahabat berkata, "Itu dhab wahai Rasulullah". Rasulullah tidak jadi mengambilnya, lalu aku bertanya, "Adakah dhab haram wahai Rasulullah?" Rasulullah berkata, "Tidak, namun ia tiada di tempat kaumku, dan aku tidak mahu memakannya." Khalid kemudiannya berkata: "lalu aku ambil dhab tersebut dan memakannya sedang Rasulullah S.A.W. melihatku".

Hadis di atas menceritakan tentang perbuatan Rasulullah S.A.W. yang tidak suka memakan dhab, iaitu sejenis binatang yang menyerupai biawak. Ini kerana binatang ini tidak terdapat di tempat Rasulullah S.A.W. dan dalam riwayat yang lain menjelaskan Rasulullah S.A.W. merasa jijik untuk memakannya. Namun, baginda tidak melarang sahabat-sahabat memakannya.

v- Haram memakan haiwan yang tabiatnya memakan najis (*al-Jalālah*)

Sabda Rasulullah S.A.W.:

عَنْ أَبْنَى عَسْرَ قَالَ نَهَى رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَنْ أَكْلِ الْجَلَالَةِ وَالْبَانَحِ<sup>3702</sup>

Maksudnya: Daripada Ibn Umar beliau berkata: "Rasulullah S.A.W. melarang daripada memakan haiwan yang banyak memakan najis dan meminum susunya.

Apa yang dimaksudkan dengan haiwan yang banyak memakan najis ialah haiwan yang secara tabiinya memakan najis. Para fuqaha berselisih pandangan tentang hukum memakan haiwan *al-Jalālah*:

<sup>3701</sup> Hadis riwayat al-Bukhārī, Kitab al-Dhabāḥ wa al-Ṣāid, Bāb al-Ḏabb, no hadis 5537. Lihat Abū 'Abd Allāh Muḥammad bin Ismā'il al-Bukhārī, *Al-Jāmi' al-Ṣāḥih*, 1:489.

<sup>3702</sup> Hadis riwayat Tirmidhī, Kitab *al-At'imah*, Bab Mā Jā'a Fī Akl Luhūm al-Jalālah Wa Albānihā, no. hadis 1824. Lihat Abū 'Isā Muḥammad bin 'Isā bin Sūrah, *Al-Jāmi' al-Ṣāḥih wa huwa Sunan al-Tirmidhī* (Kaherahah: Dār al-Ḥadīth, 1999), 4:45. Menurut Imam al-Tirmidhī, hadis ini hasan gharib.

- a) Ulama Shāfi'iyyah berpandangan hukum memakan haiwan *al-Jalālah* adalah makruh. Sekiranya haiwan tersebut diberi makanan yang suci, hukum memakannya akan berubah kepada harus dan tidak lagi makruh. Haiwan-haiwan ini harus dimakan dan tidak lagi dihukumkan makruh apabila mencukupi tempoh kuarantin daripada terus memakan najis. Bagi unta, tempoh kuarantinnya ialah 40 hari, kambing ialah tujuh hari manakala ayam ialah tiga hari.
- b) Ulama Hanafiyah juga menghukumkan makruh memakan binatang *al-Jalālah*. Ia halal dimakan apabila cukup temtu aipoh kuarantinnya iaitu selama tiga hari bagi ayam, empat hari bagi kambing dan sepuluh hari bagi unta dan lembu.
- c) Ulama Malikiyyah mengatakan harus memakan binatang *al-Jalālah*.
- d) Ulama Hanabilah pula mengatakan hukum memakan haiwan *al-Jalālah* ialah haram tetapi hukumnya bertukar menjadi makruh sekiranya haiwan tersebut dikuarantin dalam tempoh tertentu. Tempoh kuarantin bagi ayam menurut mereka ialah tiga hari dan bagi lembu ialah 40 hari.<sup>3703</sup>

vi- **Al-khabīth**  
Haiwan yang tabiatnya kotor dan menjijikkan

Binatang-binatang yang termasuk dalam kategori ini tidak disebut dengan jelas dalam nas tentang pengharamannya. Firman Allah S.W.T.:

وَسُلِّمْ لَهُمُ الْطَّيِّبَاتِ وَنُحْرِمُ عَلَيْهِمُ الْخَبَثَ

Terjemahan: Dan menghalalkan bagi mereka segala yang baik dan mengharamkan bagi mereka segala yang buruk.

*(Al-A'raf 7:157)*

<sup>3703</sup> Wahbah al-Zuhaily, *al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuhu*, 4: 2596.

Dalam ayat di atas, Allah S.W.T. tidak menyebut sebarang nama binatang yang diharamkan untuk memakannya. Namun, Allah menghalalkan apa sahaja makanan yang baik dan bersih, sebaliknya mengharamkan segala makanan yang kotor. Dalam hal ini, Imam Ibn Abbas telah menyatakan maksud **آلْخَبِيثِ** ialah daging khinzir, riba dan semua perkara yang diharamkan oleh Allah kepada ummat Islam, tetapi semua ini telah dihalalkan oleh ummat terdahulu<sup>3704</sup>. Oleh itu, binatang-binatang yang dianggap kotor oleh masyarakat seperti ular, kala jengking dan kumbang tidak termasuk dalam **آلْخَبِيثِ**.

Imam Ibn Kathīr pula menyatakan di dalam kitab tafsir beliau bahawa maksud **آلْخَبِيثِ** menurut ulama dalam Mazhab al-Shafie ialah makanan atau haiwan yang kotor. Dengan ini, binatang yang dianggap kotor seperti ular, kala jengking dan kumbang adalah haram hukumnya<sup>3705</sup>. Dalam mentarjihkan di antara kedua-dua pandangan ini, Imam al-Qurtubī melihat kepada lafaz **آلْخَبِيثِ** yang berbentuk umum. Beliau berpandangan bahawa **آلْخَبِيثِ** bermaksud perkara-perkara yang telah diharamkan oleh Syarak seperti

riba dan arak. Ia juga bermaksud perkara-perkara yang haram disebabkan sifatnya yang kotor seperti binatang-binatang yang disebutkan di atas<sup>3706</sup>.

Daripada semuauraian di atas, dapat disimpulkan satu kaedah umum dalam menentukan hukum memakan sesuatu jenis binatang. Kaedah yang dimaksudkan ialah semua binatang adalah halal dimakan kecuali terdapat nas yang mengharamkannya.

<sup>3704</sup> Ibn Abbas

<sup>3705</sup> 'Imād al-Dīn Abī al-Fidā' Ismail bin 'Umar Ibn Kathīr al-Dimasyqī, *Tafsīr al-Qur'ān al-'Azīm*, (Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1998), 3:6.

<sup>3706</sup> Abū 'Abdullāh Muḥammad Bin Aḥmad al-Anṣārī al-Qurtubī, *Al-Jāmi' li Ahkām al-Qurān*, 7:300.

Kaedah ini bertepatan dengan satu keadaan fiqh iaitu الأصل في الأشياء الإباحة yang bermaksud asal sesuatu perkara itu adalah harus kecuali adanya dalil yang mengharamkannya. Begitu juga dengan binatang yang tidak disebutkan sebagai haram memakannya di dalam nas tetapi mempunyai ciri-ciri binatang yang diharamkan, maka hukum memakannya adalah haram. Binatang lain yang asalnya halal tetapi memakan najis sebagai makanan utamanya juga dihukumkan sebagai haram memakannya.

## 5.5) ANALISIS ISU-ISU FIQH BERKAITAN BINATANG YANG HALAL DAN HARAM DIMAKAN

Hasil daripada penelitian pengkaji terhadap Kitāb *al-At'īmah* yang terdapat di dalam teks *al-Kifāyah*, pengkaji mendapati sebahagian besar binatang yang dibincangkan hukum memakannya oleh Syeikh Abdul Malik tidak terdapat di dalam kitab-kitab fiqh yang menjadi rujukan beliau. Sebahagian binatang-binatang tersebut dihukumkan halal manakala sebahagiannya pula dihukumkan haram oleh pengarang Kitab *al-Kifāyah*. Keadaan ini telah membuktikan bahawa Syeikh Abdul Malik merupakan seorang ulama yang tidak sekadar menukilkan fakta-fakta fiqh daripada kitab-kitab karangan ulama sebelumnya, tetapi turut mengemukakan fakta-fakta baru khususnya dalam membincangkan tentang hukum memakan binatang-binatang yang biasa ditemui oleh penduduk di Tanah Melayu ketika itu.

### l) Hukum memakan teritip

Dalam Kitab *al-Kifāyah* ini, Syeikh Abdul Malik telah menggariskan satu kaedah tentang hukum memakan hidupan laut iaitu:

**"Dan demikian lagi halal memakan segala isi karang karangan laut yang tiada hidup di darat lagi tiada memberi muḍārah memakan dia**

seperti indung mutiara dan kepah dan remis dan teritip dan barang sebagainya".<sup>3707</sup>

Dalam petikan di atas, Syeikh Abdul Malik menggariskan kaedah bahawa semua hidupan laut atau binatang-binatang yang hidup di dalam air adalah halal dimakan selagi mana ia tidak merbahaya kepada manusia seperti mempunyai racun atau bisa. Namun, Syeikh Abdul Malik membataskan keharusan memakan hidupan laut kepada binatang yang hanya hidup di dalam air dan tidak termasuk binatang yang hidup di dalam air dan darat atau dikenali sebagai binatang dua alam. Beliau menghukumkan binatang dua alam sebagai haram dimakan. Pandangan ini adalah berdasarkan pandangan Imam-Imam dalam Mazhab Syafie dan Mazhab Hanafi<sup>3708</sup>.

Dalam petikan di atas juga, beliau telah mendatangkan satu contoh binatang yang jarang dijual di kedai atau pasar-pasar pada hari ini, tetapi mudah ditemui di pantai-pantai di Malaysia iaitu teritip. Kemungkinan besar binatang ini biasa dimakan oleh penduduk setempat ketika zaman beliau.



Gambar 5.5 (a) : Pandangan Dekat Teritip

Sumber :<http://www.terangi.or.id/>

Teritip ialah sejenis haiwan arthropod yang hidup di laut. Apabila air laut surut, teritip akan melekat pada batu, badan kapal dan badan ikan paus. Ia kekal melekat di esuatu tempat sepanjang hayatnya.<sup>3709</sup> Cengkerang luarnya yang keras boleh

<sup>3707</sup> Syeikh Abdul Malik bin Abdullah, Kitab MSS 517, Kitab *al-Kifayah*, MSS 517 (folio 115).

<sup>3708</sup> Wahbah al-Zuhaili, *Al-Fiqh al-Islamiy wa Adillatuhu*, 3:687.

<sup>3709</sup> Tumbesaran Teritip, dalam *Dewan Kosmik*, 2011, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 24.

membahayakan penyelam-penyelam kerana menyebabkan luka<sup>3710</sup>. Teritip biasanya mudah diperolehi ketika musim kemarau. Ia sering dijadikan lauk untuk dimakan bersama nasi. Ia juga dipercayai mempunyai protein yang tinggi, rendah kalori, mengandungi kalsium dan vitamin A dan turut dijadikan sebagai ubat batuk<sup>3711</sup>.

Keharusan memakan teritip sebagai salah satu daripada hidupan laut ini adalah berasaskan dalil daripada al-Quran dan hadis iaitu:

- i. Firman Allah S.W.T.:

أَحِلٌّ لَكُمْ صَيْدُ الْبَحْرِ وَطَعَامُهُ مَتَعًا لَكُمْ وَلِلصَّيَارَةِ وَحُرْمَةٌ عَلَيْكُمْ صَيْدُ الْبَرِّ مَا دُمْتُمْ حُرْمًا وَاتَّقُوا اللَّهَ الَّذِي إِلَيْهِ تُحْشَرُونَ ﴿٥﴾

Terjemahan: Dihalalkan bagimu binatang buruan laut dan makanan (yang berasal) dari laut sebagai makanan yang lazat bagimu, dan bagi orang-orang yang dalam perjalanan; dan diharamkan atasmu (menangkap) binatang buruan darat, selama kamu dalam ihram. dan bertakwalah kepada Allah yang kepada-Nyalah kamu akan dikumpulkan.

(Al-Māidah 5:96)

- ii. Sabda Rasulullah S.A.W.:

عَنْ جَابِرٍ أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ سُئِلَ عَنْ فَوَاءِ الْبَحْرِ فَقَالَ هُوَ الظُّهُورُ مَأْوَاهُ  
الْخِلُّ مَيْتَاهُ<sup>3712</sup>

Maksudnya: Daripada Jabir bahawasanya Rasulullah S.A.W. ditanya tentang air laut, lantas baginda bersabda: "(laut itu) suci airnya, halal bangkainya".

Dengan ini, jelaslah bahawa hukum memakan teritip sebagai mana yang dinyatakan oleh Syeikh Abdul Malik di dalam Kitab *al-Kifayah* ini adalah bertepatan dengan nas daripada al-Quran dan Hadis yang menghalalkan semua hidupan laut selagi

<sup>3710</sup> Luka Akibat Teritip, <http://www.terangi.or.id/index>, dicapai pada 10hb September 2013.

<sup>3711</sup> "Kemarau, Warga Batukaras Buru Teritip", dicapai pada 22hb April 2013,


<http://www.ahmadheryawan.com/lintas-kabupaten-kota/priangan-timur/kabupaten-ciamis>

<sup>3712</sup> Hadis riwayat Ibnu Majah, Kitab al-Taharah, Bāb al-Wuḍū' bi Mā al-Bahr, no hadis 3885. Lihat Abū 'Abdullāh Muhammad bin Yazid al-Qazwīnī, *Sunan Ibn Mājah*, 3:221. Al-Albānī mengatakan hadis ini hasan sahīh. Lihat Muhammad Naṣīr al-Dīn al-Albānī, *Şahih Sunan Ibn Mājah*, 1: 221.

mana ia tidak memudaratkan manusia. Kajian sains telah membuktikan binatang ini tidak mengandungi bisa atau racun dan boleh dijadikan makanan.

## 2) Hukum memakan biawak

Biawak dikategorikan sebagai sejenis binatang yang berada dalam kumpulan cicak. Selain biawak, mengkarung juga dikaegorikan dalam kumpulan ini<sup>3713</sup>. Dalam istilah sains, biawak dinamakan sebagai *monitor lizards*. Biawak yang bersaiz besar akan memakan biawak-biawak yang masih kecil walaupun anaknya sendiri.<sup>3714</sup>



Gambar 5.5 (b): Biawak yang biasa dijumpai di Malaysia

Sumber: <http://animhosnan.blogspot.com/>

Dalam Kitab *al-Kifayah* karangan Syeikh Abdul Malik ini, beliau telah menyebut tentang hukum memakan biawak iaitu:

**"Bermula** segala binatang di darat yang halal memakan dia itu seperti unta dan kerbau dan lembu dan kambing dan biri-biri dan domba dan kuda dan pelanduk dan lembu hutan dan kerbau hutan dan kambing hutan dan keldai hutan dan dubuk yaitu suatu binatang yang bercoreng seperti coreng harimau adalah ia terbesar daripada anjing. Maka adalah ia menerkam dengan giginya seperti kelakuan anjing jua dan kancil dan biawak. Tetapi adalah kata setengah ulama bermula biawak yang halal itu apabila ada dua zakarnya yang jantan dan dua farajnya yang betina. *Wallāhu 'lam*".

<sup>3713</sup> Irene Voon Fong Len, *Keanekaan Haiwan* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1985), 92.  
<sup>3714</sup> Tuan Haji Yusof Bin Shariff, Pengarah Jabatan Perhilitan Negeri Terengganu, dalam temubual bersama pengkaji di Pejabat Perhilitan Negeri Terengganu pada 2 Mac 2014.

Daripada petikan teks di atas, dapat difahami bahawa Syeikh Abdul Malik bin Abdullah menyatakan hukum memakan biawak adalah halal.

Kebanyakan fuqaha silam hanya membincangkan hukum memakan dhab atau biawak padang pasir. Hukum memakan biawak air atau biawak yang biasa ditemui di Malaysia tidak dijelaskan oleh mereka. Jumhur fuqaha menetapkan hukum memakan dhab adalah halal<sup>3715</sup> berdasarkan hadis:

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا عَنْ خَالِدِ بْنِ الْوَلِيدِ أَنَّهُ دَخَلَ مَعَ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بَيْتَ مِيمُونَةَ فَأَتَى بِضَبٍّ مَخْنُوذٍ فَأَهْوَى إِلَيْهِ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يُتَدِّوِّ فَقَالَ بَعْضُ النَّسْوَةِ أَخِيرُوا رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يُتَدِّوِّ فَقَالَ أَنَّمَا قَاتَلُوا هُوَ ضَبٌّ يَا رَسُولَ اللَّهِ فَرَقَعَ يَدَهُ فَقُلْتُ أَخْرَامٌ هُوَ يَا رَسُولَ اللَّهِ فَقَالَ لَا وَلَكُنْ مَمْكُنٌ يَأْزِفُ قَوْمِي فَأَجَدُنِي أَغَافِهُ قَالَ خَالِدٌ فَاجْتَرَزَهُ فَأَكَلْتُهُ وَرَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَنْظُرُ<sup>3716</sup>

Maksudnya: Daripada Ibnu Abbas R.A. bahwasanya Khalid Ibn al-Walid bersama-sama dengan Rasulullah S.A.W. telah memasuki rumah Maymunah dan dihidangkan dengan dhab yang dipanggang. Rasulullah S.A.W. menghulurkan tangannya untuk mengambil daging dhab tersebut, lantas beberapa orang wanita berkata, "Beritahu Rasulullah S.A.W. apa yang hendak dimakan baginda itu." Lalu para sahabat berkata, "Itu dhab wahai Rasulullah. Rasulullah tidak jadi mengambilnya, lalu aku bertanya, "Adakah dhab haram wahai Rasulullah?" Rasulullah berkata, "Tidak, namun ia tiada di tempat kaumku, dan aku tidak mahu memakannya." Khalid kemudiannya berkata: "Lalu aku ambil dhab tersebut dan memakannya sedang Rasulullah S.A.W. melihatku".

Walau bagaimanapun, biawak yang biasa ditemui di Malaysia dan Negara-negara Asia yang lain tidak dapat disamakan dengan dhab di Negara Timur Tengah. Dhab ditakrifkan sebagai binatang yang menyerupai cicak yang besar dan ia tidak memerlukan air<sup>3717</sup>. Beberapa perbezaan dapat dilihat di antara kedua-dua jenis binatang ini:

<sup>3715</sup> Wahbah al-Zuhayli (2004), *Al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuhu* (Damsyik: Dar al-Fikr, 2004), 4:2794.

<sup>3716</sup> Hadis riwayat al-Bukhārī, Kitab al-Dhabah wa al-Sayd, Bab al-Dhabb, no. hadis 5537. Lihat Abū 'Abd Allāh Muḥammad bin Ismā'īl al-Bukhārī, *Al-Jāmi' al-Sahih*, 7:97.

<sup>3717</sup> Kamāl al-Dīn Muḥammad bin Müsa (1992), *Hayat al-Hayawan al-Kubra*, 104-105.

- i- dhab hanya memakan belalang dan tumbuhan seperti rumput, tetapi biawak memakan binatang-binatang kecil seperti ketam, ikan, serangga, burung, binatang amfibia, telur ayam dan telur burung. Biawak dikategorikan sebagai binatang karnivor yang mempunyai kuku mencengkam yang berbentuk melengkung<sup>3718</sup>. Ia mempunyai gigi taring yang digunakan semasa memakan haiwan-haiwan pemangsanya<sup>3719</sup>.
- ii- dhab bukan binatang dua alam dan dikategorikan sebagai binatang darat<sup>3720</sup>, tetapi biawak adalah binatang dua alam dan dikategorikan sebagai binatang reptilia<sup>3721</sup>.
- iii- dhab tidak mengancam keselamatan manusia, tetapi terdapat spesies biawak yang menyerang manusia dan mempunyai racun berbisa<sup>3722</sup>.

Berdasarkan kepada hujah-hujah di atas, dapatlah disimpulkan bahawa hukum memakan biawak tidak dapat disamakan dengan hukum memakan dhab. Walaupun kebanyakan biawak akan melarikan diri apabila berdepan dengan manusia, tetapi ia termasuk dalam kategori binatang bertaring dan berkuku mencengkam yang boleh menyerang manusia. Terdapat spesies biawak yang telah membunuh manusia seperti yang telah berlaku di Indonesia. Ia juga dikategorikan sebagai binatang karnivor. Rasulullah S.A.W. melarang ummatnya memakan daging haiwan buas yang bertaring:

عَنْ أَبْنَى عَبَّاسِ قَالَ: نَهَا رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَنْ كُلِّ ذِي نَابِ مِنْ السِّبَاعِ وَعَنْ كُلِّ ذِي مُخْلِبٍ مِنْ الظَّيْرِ<sup>3723</sup>

Maksudnya: Daripada Ibn Abbas, beliau berkata: Rasulullah S.A.W. melarang daripada (memakan) setiap binatang buas yang bertaring dan burung yang berkuku mencengkam.

<sup>3718</sup> The Encyclopedia of Malaysia: The Seas, (2003). ed. On Jin Eong & Gong Wooi Khoon , (6,2003), 67.  
<sup>3719</sup> <http://kaahil.wordpress.com/2010/02/28/haramnya-memakan-daging-biawak/>, dicapai pada 18hb April 2013.

<sup>3720</sup> Ibid.  
<sup>3721</sup> Irene Voon Fong Len, *Keanekaan Haiwan* , 10.

<sup>3722</sup> "Kisah Biawak Makan Orang", laman sesawang Kosmo, dicapai pada 22 April 2013,  
<http://kosmo.co.my/kosmo/content.asp?>

<sup>3723</sup> Hadis riwayat Muslim, Kitab al-Šaíd wa al-Dhabáih wa mā yu'kal Min al-Hayawān, Bab Tahrím Akli Kulli Dhi Nāb min al-Sibā' wa Kulli Dhi Mikhlab min al-Tayr, no hadis 1934. Lihat Abī al-Husayn Muslim Bin al-Hajjāj, *Sahih Muslim*, 2:770.

Dalam masyarakat di Malaysia, biawak juga merupakan binatang yang dianggap kotor kerana hidup melata di bumi dan rupanya juga agak menjijikkan. Dalam hal ini, Allah S.W.T. berfirman:

وَنُحْلِّ لَهُمُ الْطَّيْبَتِ وَنُحْرِمُ عَلَيْهِمُ الْخَبَيْثَ

Terjemahan: Dan menghalalkan bagi mereka segala yang baik dan mengharamkan bagi mereka segala yang buruk.

(Al-A'rāf 7:157)

Oleh itu, pandangan Syeikh Abdul Malik dalam isu ini yang menyatakan hukum memakan biawak adalah halal didapati berbeza dengan keputusan analisa di atas. Walau bagaimanapun, pengkaji berpandangan kemungkinan besar biawak yang dimaksudkan oleh Syeikh Abdul Malik dalam Kitab *al-Kifayah* ini ialah dhab, bukannya biawak yang biasa ditemui di Malaysia. Ini kerana sebahagian fuqaha mentakrifkan dhab jantan sebagai binatang yang mempunyai dua zakar dan dhab betina pula mempunyai dua faraj<sup>3724</sup>. Selain itu, biawak yang biasa ditemui di Malaysia hanya mempunyai satu jantina<sup>3725</sup>.

### 3) Hukum memakan ketam batu



Gambar 5.5 (c) : Ketam batu

Sumber: <https://www.google.com/search?q=ketam+batu>

<sup>3724</sup> Shams al-dīn Muḥammad bin Abī al-‘Abbās Aḥmad bin Hamzah Ibn Shihāb al-dīn al-Ramlī, *Nihāyah al-Muhtāj Ilā Syarh al-Minhāj*, (Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1993), 152. Shams al-dīn Muḥammad bin al-Khāṭib al-Sharbīnī, *Mughnī al-Muhtāj Ilā Ma’rifah Ma’ānī Alfāz al-Minhāj* (Kaherah: Dār al-Fikr, 1978), 375.

<sup>3725</sup> Tuan Haji Yusof Bin Shariff, Pengarah Jabatan Perhilitan Negeri Terengganu, dalam temubual bersama pengkaji di Pejabat Perhilitan Negeri Terengganu pada 2 Mac 2014.

Syeikh Abdul Malik telah menyatakan di dalam Kitab al-Kifayah tentang hukum memakan sejenis ketam iaitu ketam batu:

"Dan haram memakan segala barang yang hidup dalam laut dan darat yaitu seperti /B219/ katak dan ketam batu dan ringkung dan buaya dan pinyun dan kura-kura dan ular dan kala dan segala binatang yang bisa"<sup>3726</sup>.

Berdasarkan kepada kitab-kitab muktabar dalam Mazhab Syafii, tidak ada perbahasan tentang hukum memakan ketam batu. Mereka cuma membahaskan hukum memakan ketam tanpa dikhkususkan kepada jenis-jenisnya. Daripada penelitian yang dilakukan oleh pengkaji, didapati para fuqaha dalam Mazhab Syafii telah berbeza pandangan tentang hukum memakan ketam:

- a- Pandangan Imam al-Nawawi<sup>3727</sup> dan Syeikh al-Ramli<sup>3728</sup> mengatakan haram memakan ketam
- b- Pandangan Syeikh Ibn Hajar dan beberapa orang ulama yang lain dalam Mazhab Syafie mengatakan halal memakan ketam<sup>3729</sup>

Ketam boleh didefinisikan sebagai haiwan yang tergolong dalam kumpulan *krustasia decapod* iaitu haiwan bercengkerang tebal dan mempunyai ekor yang pendek. Sebahagiannya menyembunyikan seluruh tubuhnya di bawah *thoraks*. Ia merupakan sejenis binatang laut yang tidak boleh tinggal lama di darat kerana hanya mampu bertahan selama 15 minit<sup>3730</sup>. Oleh itu, ketam dikategorikan sebagai binatang yang halal dimakan kerana ia termasuk haiwan yang hidup di dalam air. Dalil-dalil tentang keharusan memakan binatang yang hidup di air ialah:

<sup>3726</sup> *Ibid.*, (folio 248-249).

<sup>3727</sup> Abī Zakariyyā Muhy al-Dīn bin Sharf al-Nawawī, *al-Majmū'* (Beirut: Dar al-Fikr, 1996), 9:32. Abī Zakariyyā Muhy al-Dīn bin Sharf al-Nawawī, *Rauḍah al-Tālibīn* (Beirut: Dār al-Kutub al-Ilmiyyah, 1992), 2:542.

<sup>3728</sup> Shams al-Dīn Muhammad bin Abī al-Abbas al-Ramli, *Nihayah al-Muhtaj* (Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah, 1993), 8:151.

<sup>3729</sup> Ibn Hajar al-Haytamī, *Tuhfah al-Muhtaj bi Sharh al-Minhaj* (Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah, 2001), 4:271.

<sup>3730</sup> *The Encyclopedia of Malaysia: The Seas*, 71.

i- Firman Allah S.W.T.:

أَحِلٌّ لَكُمْ صَيْدُ الْبَحْرِ وَطَعَامُهُ مَتَعًا لَكُمْ وَلِلسيَارَةِ وَحُرْمَانَ عَلَيْكُمْ صَيْدُ الْبَرِّ  
مَا دُمْتُمْ حُرْمًا وَاتَّقُوا اللَّهَ الَّذِي تَحْشِرُونَ ﴿٢﴾

Terjemahan: Dihalalkan bagimu binatang buruan laut dan makanan (yang berasal) dari laut sebagai makanan yang lazat bagimu, dan bagi orang-orang yang dalam perjalanan; dan diharamkan atasmu (menangkap) binatang buruan darat, selama kamu dalam ihram. dan bertakwalah kepada Allah yang kepada-Nyalah kamu akan dikumpulkan.

(Al-Māidah 5:96)

ii- Sabda Rasulullah S.A.W.:

عَنْ جَابِرٍ أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ سُئِلَ عَنْ مَاءِ الْبَحْرِ فَقَالَ هُوَ الطَّهُورُ مَاؤُهُ  
الْحَلُلُ مَيْتَةٌ 3731

Maksudnya: Daripada Jabir bahawasanya Rasulullah S.A.W. ditanya tentang air laut, lantas baginda bersabda: "(laut itu) suci airnya, halal bangkainya.

Namun, persoalan timbul adakah semua jenis ketam halal dimakan? Ini kerana terdapat spesies ketam yang dapat hidup lama di darat seperti ketam batu yang disebutkan oleh Syeikh Abdul Malik. Habitat asal ketam batu ialah di dalam air, namun ia mampu bertahan lama di darat. Beliau mensabitkan pengharaman ketam batu dengan sifat ketam batu sebagai binatang dua alam. Ini kerana berdasarkan pandangan jumur fuqaha dalam Mazhab Syafie, semua binatang dua alam adalah haram dimakan<sup>3732</sup>. Walau bagaimanapun, tidak ada sebarang nas daripada al-Quran ataupun hadis yang menunjukkan haram memakan binatang yang hidup di dua alam iaitu air dan darat. Pengharaman katak yang juga binatang dua alam adalah disebabkan adanya nas daripada hadis:

<sup>3731</sup> Hadis riwayat Ibnu Majah, Kitab al-Taharah wa sunaninya, bab al-wudu' bi ma' al-Bahr, no. hadis 388. Lihat Abū 'Abdullāh Muḥammad bin Yazīd al-Qazwainī, *Sunan Ibn Mājah*, 1: 221. Menurut Imam al-Albānī, hadis ini hasan sahih. Lihat Muḥammad Nāṣir al-Dīn al-Albānī, *Ṣaḥīḥ Sunan Ibn Mājah*, 1: 135.

<sup>3732</sup> Shams al-dīn Muḥammad bin Abī al-'Abbās Aḥmad bin Hamzah Ibn Shihāb al-dīn al-Ramlī, *Nihāyah al-Muhtāj Ilā Syarh al-Minhāj*, 151.

عَنْ عَبْدِ الرَّحْمَنِ بْنِ عُثْمَانَ أَنَّ طَيِّبًا سَأَلَ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَنْ ضِفَادٍ  
يَجْعَلُهَا فِي دَوَاءٍ فَنَهَاهُ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَنْ قَتْلِهَا.<sup>3733</sup>

Maksudnya: Daripada Abd al-Rahman Ibn Uthman bahawa seorang tabib bertanyakan Rasulullah S.A.W. tentang katak, bolehkah ianya dijadikan ramuan dalam ubat, lantas Rasulullah S.A.W. melarang daripada membunuhnya.

Berdasarkan pandangan Syeikh Daud al-Fathani, ketam batu adalah termasuk dalam kategori haiwan yang hidup di dalam air dan bukannya binatang dua alam. Beliau berpandangan semua jenis ketam adalah haram dimakan kerana sifatnya yang kotor dan keji. Dari segi kesihatan, manusia akan mendapat cirit-birit dan ketidak selesaan pada perut apabila memakannya dengan banyak<sup>3734</sup>.

Daripada analisa di atas, jelaslah bahawa tiada nas yang menyebut tentang haram memakan binatang dua alam termasuklah ketam batu. Namun, masyarakat Malaysia kebanyakannya menganggap ketam batu sebagai binatang yang kotor. Oleh itu, hukum memakan ketam batu adalah haram kerana ia memudaratkan kesihatan manusia dan sifatnya juga adalah kotor.

#### 4) Hukum memakan kelemayar

Salah satu binatang yang disebut hukum memakannya dalam Kitab *al-Kifayah* ialah kelemayar:

“..dan halipan dan kelemayar dan lipas dan hulat...”<sup>3735</sup>

Nama binatang ini agak asing dan ia sukar ditemui pada hari ini. Kelemayar merupakan sejenis ulat yang hampir menyerupai lipan kecil dan berwarna kelabu. Ia biasanya ditemui di dalam rumah dan boleh menjalar masuk ke telinga manusia. Tetapi

<sup>3733</sup> Hadis riwayat Abu Dawud, Kitab al-Tibb, Bab fi al-adawiyyah al-makruhah, no. hadis 3871. Lihat Abū Dāwud Sulaiman bin al-Asy'ath al-Sajastānī, *Sunan Abī Dāwūd*, 4:133. Hadis riwayat al-Nasā'i, Kitab al-Šayd wa al-Dhabāb, Bab al-Difda', no hadis 4366. Lihat Abū 'Abd al-Rahmān Ahmād al-Nasā'i, *Sunan al-Nasā'i*, 4:156. Menurut Imam al-Albānī, hadis ini sahih. Lihat Muḥammad Nāṣir al-Dīn al-Albānī, *Ṣaḥīḥ Sunan al-Nasā'i*, 3:910.

<sup>3734</sup> Daud bin Abdullah al-Fathani, *Fatwa Tentang Binatang Hidup Dua Alam*, dirumikkan oleh Wan Mohamad Saghir Abdullah (Selangor: Penerbitan Hizbi, 1990), 16.

<sup>3735</sup> Syeikh Abdul Malik bin Abdullah, *Kitab al-Kifayah*, MSS 517, ( folio 116).

ia berbeza dengan lipan kerana kelemayar tidak menggigit ataupun menyengat manusia. Selain itu, kelemayar boleh berbahaya pada waktu malam dan boleh menggulungkan badannya. Di sesetengah tempat, kelemayar dikenali sebagai genggulung<sup>3736</sup>

Daripada keterangan di atas, jelaslah bahawa kelemayar adalah sejenis ulat. Berdasarkan pandangan fuqaha dalam Mazhab Syafie, semua jenis ulat adalah haram dimakan kecuali ulat yang terhasil daripada cuka dan ulat yang terdapat dalam sayur-sayuran dan buah-buahan sekiranya ia sukar dipisahkan daripada makanan<sup>3737</sup>. Ini kerana ia tergolong dalam kategori binatang yang kotor dan membawa penyakit. Dalam sebuah hadis telah dijelaskan beberapa jenis binatang yang diharuskan untuk membunuhnya dan fuqaha telah menghukumkannya sebagai haram dimakan:

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ حُمُنٌ  
مِنَ الدَّوَابِ مِنْ فَتَلْهُنَّ وَهُوَ مُحْرَمٌ فَلَا جُنَاحَ عَلَيْهِ الْعَقْرُبُ وَالْفَارُّ وَالْكَلْبُ الْغَافُورُ  
وَالْعَزْبُ وَالْحَدَّادُ<sup>3738</sup>

Maksudnya: Daripada Abd Allah bin Umar R.A. bahawa Rasulullah S.A.W. bersabda: "Lima jenis haiwan, tidak mengapa membunuhnya ketika seseorang sedang berihram, kala jengking, tikus, anjing yang menyerang orang ramai, gagak dan helang.

Dalam hadis di atas, tidak ada penjelasan tentang ulat. Namun, hukum memakan ulat dapat diqiasaskan dengan hukum memakan tikus dan burung gagak yang sifatnya kotor serta membawa penyakit. Dengan ini, hukum memakan kelemayar juga adalah haram kerana ia merupakan sejenis ulat. Pandangan Syeikh Abdul Malik di dalam Kitab *al-Kifayah* ini adalah selari dengan pandangan para fuqaha dalam Mazhab Syafie.


<sup>3736</sup> R.O. Winstedt, *Kamus Bahasa Melayu*, (Kuala Lumpur: Marican & Sons Sdn Berhad, 1969), 143.  
<sup>3737</sup> Lihat Yunus Maris, *Kamus Fajar Rumi-Jawi* (Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti), 319-120. Hasmah binti Abu Bakar (salah seorang warga emas yang tinggal di Terengganu), dalam temuramah bersama penulis pada 20 Disember 2012.

<sup>3738</sup> Shams al-din Muhammad bin al-Khatib al-Sharbini, *Mughni al-Muhtaj Ilā Ma'rifah Ma'ānī Alfāz al-Minhāj*, 4:382.

<sup>3739</sup> Hadis riwayat al-Bukhārī, Kitab Bad' al-Khalq, Bab Idha Waqaa al-Dhubab fi Shirab..., no hadis 3315. Lihat Abū 'Abd Allah Muhammad bin Ismā'il al-Bukhārī, *Al-Jāmi' al-Sahīh*, 4: 446.

5) Hukum memakan pacat dan lintah

“...dan kumbang dan lintah dan pacat...”<sup>3739</sup>



Gambar 4.5 (d): Pacat


Sumber: [http://search.babylon.com/?q=pacat&s=img&rlz=0&babsrc=HP\\_ss](http://search.babylon.com/?q=pacat&s=img&rlz=0&babsrc=HP_ss)

Pacat merupakan haiwan dalam kelas hirudinea, iaitu haiwan yang mempunyai badan yang pendek dan mempunyai segmen yang tetap. Ia hidup dengan menghisap darah manusia dan haiwan mamalia. Pacat melekatkan dirinya pada mangsa dengan menggunakan penghisap *anterior* dan penghisap *posterior*. Kemudian, daging mangsa ditebus dan sejenis cecair disuntik pada tempat luka bagi mencegah darah daripada menjadi beku<sup>3740</sup>. Pacat didapati telah mengancam haiwan-haiwan ternak kerana menyebabkan banyak kehilangan darah. Gigitan pacat juga boleh menyebabkan jangkitan kuman pada manusia atau binatang lain. Selain itu, gigitannya juga boleh memindahkan penyakit berjangkit kepada pemangsa<sup>3741</sup>.

<sup>3739</sup> Syeikh Abdul Malik bin Abdullah, *Kitab al-Kifayah*, MSS 517, ( folio 116).

<sup>3740</sup> Irene Voon Fong Len, *Keanekaan Haiwan*, h. 41.

<sup>3741</sup> *The Encyclopedia of Malaysia: The Seas*, 99.



Gambar 4.5 (e): Lintah

Sumber: [http://search.babylon.com/?q=lintah&s=img&rlz=0&babsrc=HP\\_ss](http://search.babylon.com/?q=lintah&s=img&rlz=0&babsrc=HP_ss)

Selain pacat, lintah juga adalah sejenis binatang yang tergolong dalam kategori *hirudinea* iaitu berbadan pendek dan bersegmen<sup>3742</sup>. Saiz badannya lebih besar daripada pacat. Habitatnya ialah di dalam sawah padi, sungai, lopak-lopak air, kubang dan parit-parit. Seperti juga pacat, lintah biasanya melekatkan dirinya pada badan manusia dan haiwan lain seperti kerbau. Lintah menghisap darah mangsanya dengan menggunakan alat penghisap yang terdapat pada bahagian belakang (*posterior*) tubuhnya. *Anterior* atau penghisap yang terdapat pada bahagian hadapan tubuhnya digunakan untuk membuat luka. Lintah kemudiannya mengeluarkan sejenis bahan yang dinamakan *hirudin* ke atas tempat luka bagi menghalang darah daripada membeku<sup>3743</sup>.

Hukum memakan pacat dan lintah tidak disebut di dalam kitab-kitab fiqh yang muktabar. Ini kerana kedua-dua jenis binatang ini hidup di tempat yang berair dan tidak ditemui di Negara-negara Timur Tengah yang dikelilingi oleh padang pasir.

Pacat dan lintah merupakan binatang yang kotor kerana makanan utamanya adalah darah manusia dan haiwan. Kedua-duanya boleh membawa mudarat kepada manusia dan haiwan-haiwan mamalia yang lain.

Daripada penjelasan di atas, dapatlah disimpulkan bahawa hukum memakan pacat dan lintah adalah haram. Pandangan Syeikh Abdul Malik bin Abdullah dalam isu

<sup>3742</sup> Irene Voon Fong Len, *Keanekaan Haiwan*, 41.

<sup>3743</sup> Zainal Abidin Abu Hasan, *Alam Haiwan* (Kuala Lumpur: DBP, 1985), h.34.

ini adalah selari dengan apa yang telah digariskan oleh Rasulullah S.A.W. melalui hadis dan tidak bercanggah dengan pandangan para fuqaha Mazhab Syafie.

#### 6) Hukum memakan tenggiling

<sup>3744</sup> dan tenggiling...”<sup>3745</sup> كستن“...dan beberapa dan tikus dan



Gambar 4.5 (f): Tenggiling

Sumber: [http://www.tv3.com.my/beritatv3/berita\\_terkini/PERHILITAN](http://www.tv3.com.my/beritatv3/berita_terkini/PERHILITAN)

Tenggiling (*Malayan Pangolin*) atau nama sainsnya *Manis Javanica* merupakan sejenis binatang vertebrata dan juga mamalia dalam keluarga *Manidae*. Ia juga merupakan binatang berdarah panas, melahirkan anak dan menjaganya<sup>3746</sup>.

Makanan utama bagi tenggiling ialah semut dan anai-anai. Selain itu, tenggiling juga memakan serangga-serangga yang berbadan lembut. Disebabkan tenggiling tidak mempunyai gigi, makanannya seperti semut akan masuk ke perut tenggiling tanpa dihancurkan terlebih dahulu.

Ia juga merupakan haiwan yang dilindungi dan diharamkan untuk diburu kerana nilainya yang tinggi dari segi perubatan. Ramai di kalangan kaum Cina telah menggunakan kulit tenggiling untuk dijadikan bahan penting ubat-ubatan untuk penyakit kulit<sup>3747</sup>.

<sup>3744</sup> Perkataan ini tidak dijumpai ejaan dan sebutannya.

<sup>3745</sup> Syeikh Abdul Malik bin Abdullah, *Kitab al-Kifayah*, MSS 517, ( folio 116).

<sup>3746</sup> Jabatan Hidupan Liar Sabah, [www.wildlife.sabah.gov.my/edu/tanah\\_pamah\\_tropika](http://www.wildlife.sabah.gov.my/edu/tanah_pamah_tropika), dicapai pada 5 Mac 2014.

<sup>3747</sup> Ronald M. Nowak etc., *Walker's Mammals of the World*, (London: The Johns Hopkins University Press, 1983), h. 470-472.

Syeikh Abd al-Malik telah menyatakan hukum memakan tenggiling adalah haram. Daripada penjelasan di atas tentang sifat-sifat tenggiling, dapatlah disimpulkan bahawa tenggiling merupakan binatang yang kotor dan rupanya juga menjijikkan. Dengan ini, pandangan Syeikh Abd al-Malik bin Abdullah tentang haram memakan tenggiling adalah selari dengan apa yang telah digariskan oleh Rasulullah S.A.W.

#### 7) Hukum memakan cicak toke

“...(dan tu’kir dan cicak) dan bengkarung dan naga...”<sup>3748</sup>



Gambar 4.5 (g): Toke

Sumber [http://search.babylon.com/?q=toke&s=img&rlz=0&babsrc=HP\\_ss](http://search.babylon.com/?q=toke&s=img&rlz=0&babsrc=HP_ss)

Toke merupakan sejenis binatang reptilia dalam kumpulan cicak. Rupanya sedikit berbeza dengan cicak kerana mempunyai kulit yang lebih kasar. Saiz badannya pula lebih besar daripada cicak biasa dan banyak didapati di dalam hutan. Tetapi toke juga tinggal di dalam rumah. Ia seringkali mengeluarkan bunyi ‘tuk-ko-tuk-ko’, terutamanya pada waktu pagi<sup>3749</sup>.

Dalam kitab-kitab fiqh yang ditulis oleh para fuqaha khususnya dalam Mazhab al-Shafiiyyah, tidak ada perbahasan tentang hukum memakan toke. Namun, berdasarkan persamaan sifat-sifatnya dengan cicak, maka hukum memakannya boleh diqiyaskan dengan hukum memakan cicak biasa. Dalam sebuah hadis Rasulullah S.A.W. telah memerintahkan kita membunuh cicak dan ia membawa maksud haram memakannya:

<sup>3748</sup> Syeikh Abdul Malik bin Abdullah, *Kitab al-Kifayah*, MSS 517, ( folio 116).  
<sup>3749</sup> *The Encyclopedia of Malaysia: The Seas*, 91.

عَنْ أُمِّ شَرِيكٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَمَرَ بِقَتْلِ الْوَزْغِ وَقَالَ  
كَانَ يَنْفَعُ عَلَى إِبْرَاهِيمَ عَلَيْهِ السَّلَامُ  
3750

Maksudnya: Daripada Ummu Sharik R.A. bahwasanya Rasulullah S.A.W. menyuruh supaya dibunuh cicak. Baginda berkata: "Adapun cicak itu meniup (api yang membakar) Nabi Ibrahim A.S.."

Daripada penjelasan di atas, dapat disimpulkan bahawa hukum memakan toke adalah haram. Syeikh Abdul Malik bin Abdullah juga telah menyatakan hukum yang sama.

#### 8) Hukum memakan burung hantu

Dalam Kitab *al-Kifāyah*, Syeikh Abdul Malik telah menyatakan:

**"Dan adapun** segala burung yang haram memakan dia itu yaitu burung yang menyambar dengan kuku atau burung yang memegang dengan kaki akan makanannya yaitu seperti rajawali dan segala jenis helang dan gagak dan burung hantu dan pungguk dan kelalawar dan keluang dan nuri dan kaka tuha dan tiung dan barang sebagainya daripada segala burung yang memegang akan makanan dengan kaki dan haram merak dan barang yang menyerupai merak"<sup>3751</sup>.



Gambar 4.5 (h): Burung hantu

Sumber <http://agroburung.com/2012/11/22/jenis-burung-yang-sangat-berbahaya-di-dunia/>

Salah satu jenis burung yang boleh ditemui di Malaysia ialah burung hantu. Daripada 16 spesies burung hantu yang terdapat di Malaysia, hanya tiga spesies yang biasa ditemui iaitu burung hantu kuning, burung hantu betemak dan burung hantu reban.

<sup>3750</sup> Hadis riwayat al-Bukhārī, Kitab al-Anbiyā', Bab Qawl Allah Taālā al-Nisā':165, no. hadis 3359.  
<sup>3751</sup> Lihat Abū 'Abd Allāh Muḥammad bin Ismā'īl al-Bukhārī, *Al-Jāmi' al-Ṣahīh*, 2:461.

Syeikh Abdul Malik bin Abdullah, *Kitab al-Kifāyah*, MSS 517, ( folio 116).

Pada siang hari, burung hantu tidak dapat melihat dengan baik dan mereka suka bersembunyi di tempat-tempat yang teduh. Burung hantu mempunyai paruh yang bercangkuk. Kaki dan kukunya yang sangat kuat digunakan untuk memburu mangsanya yang terdiri daripada burung, katak, cicak, tikus dan binatang-binatang yang kecil yang sedang bergerak. Burung hantu menangkap mangsanya dengan cara menyambarnya dengan menggunakan kaki dan kuku yang mencengkam<sup>3752</sup>. Burung hantu dewasa pula sering memberikan anaknya memakan cicak<sup>3753</sup>. Burung hantu akan memudaratkan manusia apabila berada di tempat yang tertutup<sup>3754</sup>.

Daripada sifat-sifat burung hantu yang memburu mangsanya dengan menggunakan kaki dan kukunya yang kuat dan mencengkam, dapatlah disimpulkan bahawa hukum memakan burung hantu adalah haram. Sabda Rasulullah S.A.W.:

عَنْ إِبْرَاهِيمَ قَالَ: نَهَا رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَنْ كُلِّ ذِي نَابِ مِنْ  
السِّبَاعِ وَعَنْ كُلِّ ذِي مُحْلِبٍ مِنَ الطَّيْرِ  
<sup>3755</sup>

Maksudnya: Daripada Ibn Abbas, beliau berkata: Rasulullah S.A.W. milarang daripada (memakan) setiap binatang buas yang bertaring dan burung yang berkuku mencengkam.

Daripadauraian di atas dan petikan teks daripada Kitab *al-Kifayah*, jelaslah bahawa pandangan Syeikh Abdul Malik tentang hukum memakan burung hantu adalah selari dengan apa yang telah digariskan oleh Rasulullah S.A.W. di dalam hadis baginda.

#### 9) Hukum Memakan Burung Tiong


Di Malaysia, burung tiong yang biasa ditemui ialah burung tiong gembala kerbau, burung tiong hutan dan burung tiong mas.

<sup>3752</sup> G.C. Madoc, J.M.N., *Burung-burung Semenanjung Malaysia* (Malaysia: Persatuan Pencinta Alam, 1985), 70. Lihat Colin Harrison & Allan Greensmith, *Birds Of The World* (London: Dorling Kindersley Book, 1993), 194.

<sup>3753</sup> *Birds of South-East Asia*, Singapura: New Holland, 36.

<sup>3754</sup> Jenis Burung Yang Berbahaya di Dunia, <http://agroburung.com/2012/11/22/jenis-burung-yang-sangat-berbahaya-di-dunia/>, dicapai pada Februari 2014.

<sup>3755</sup> Hadis riwayat Muslim, Kitab al-Šaïd wa al-Dhabāḥ wa mā yu'kal Min al-Hayawān, Bab Tahrīm Akli Kulli Dhī Nāb min al-Sibā' wa Kulli Dhī Mikhlab min al-Ṭayr, no hadis 1934. Lihat Abī al-Ḥusayn Muslim Bin al-Ḥajjāj, *Sahih Muslim*, 2:770.



Gambar 4.5 (i) : Burung Tiung Gembala Kerbau  
Sumber: <http://wanzai99photography.blogspot.com/>

Burung tiung gembala kerbau atau nama saintifiknya *Acridotheres tristis* seringkali ditemui di kawasan tanah rendah yang terbuka seperti di padang-padang rumput dan di tanah-tanah yang terbiar di keliling bandar. Ia memakan serangga, sisa-sisa makanan, labah-labah ("arachnids"), belalang, krustaseans, reptilia, mamalia kecil, biji benih, bijirin, dan buah dan bahan buangan dari penempatan manusia. Burung tiong gembala kerbau didapati makan di atas tanah dan di belakang lembu sambil mencari kutu-kutu untuk dimakan.<sup>3756</sup>

Burung ini juga merupakan binatang jenis omnivor, iaitu memakan tumbuhan dan daging. Burung tiong gembala kerbau boleh bertukar menjadi binatang yang agresif dan bergaduh dengan burung-burung yang lain atau binatang-binatang mamalia dan reptilia kecil yang lain.<sup>3757</sup>

#### Burung Tiong Hutan

Burung tiong hutan pula mempunyai saiz badan yang lebih kecil berbanding dengan burung tiong gembala kerbau. Warna di bahagian muka burung ini ialah kuning.

<sup>3756</sup> G.C. Madoc, J.M.N., *Burung-burung Semenanjung Malaysia*, 198.  
<sup>3757</sup> *The Encyclopedia of Malaysia: The Birds*, 46.

## Burung Tiong Mas

Burung ini terkenal sebagai burung yang boleh meniru percakapan manusia. Ia juga boleh meniru bunyi kenderaan atau mesin-mesin yang ada di sekelilingnya. Saiznya juga lebih besar dari burung tiong gembala kerbau dan burung tiong hutan. Ia boleh ditemui di kawasan rendah dan di kawasan hutan yang separuh terbuka terutamanya jika terdapat banyak pokok-pokok yang mati. Ia bersifat omnivorus dan makanan yang biasa dimakan ialah cicak dan buah ara<sup>3758</sup>.

Daripadauraian di atas, jelaslah bahawa burung tiong suka memakan makanan-makanan yang kotor seperti kutu dan sampah. Disebabkan sifat burung tiong yang kotor inilah, maka ia dihukumkan sebagai burung yang haram dimakan.

### 5.6) HUKUM BERUBAT DENGAN MEMAKAN ATAU MENGGUNAKAN BINATANG-BINATANG YANG HARAM DIMAKAN

Masalah berubat dengan menggunakan bahan-bahan yang haram dimakan telah timbul semenjak zaman Rasulullah S.A.W. lagi. Terdapat sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Imām Ahmad, Abū Daud dan al-Tirmidhī tentang isu ini. Seorang sahabat yang bernama Ṭāriq bin Suaid telah bertanya kepada Rasulullah S.A.W. tentang hukum meminum arak untuk dijadikan ubat. Rasulullah S.A.W. menjawab permasalahan ini dengan bersabda:

<sup>3759</sup> إِنَّمَا لَيْسَ بِدُوَاءٍ وَلَكُنْتَ ذَاهِبًا

Maksudnya: "Sesungguhnya khamar itu bukan ubat, tetapi penyakit".

Dalam hadis yang lain, Rasulullah S.A.W. bersabda:

<sup>3760</sup> إِنَّ اللَّهَ أَنْزَلَ الدَّاءَ وَالدُّوَاءَ وَجْعَلَ لِكُلِّ دَاءٍ دُوَاءً فَتَذَوَّفُوا وَلَا تَذَوَّفُوا بِخَرَاجٍ

<sup>3758</sup> G.C. Madoc, J.M.N., *Burung-burung Semenanjung Malaysia*, ,h.201.

<sup>3759</sup> Hadis riwayat Muslim, Kitab al-Asyribah, Bab Tahrīm al-Tadāwī bi al-Khamr, no. hadis 1984. Lihat Abī al-Husayn Muslim Bin al-Hajjāj, *Saḥīh Muslim*, 2:789.

<sup>3760</sup> Hadis riwayat Abū Dāwud, Kitab *al-Tibb*, Bab fī al-Adwiyyah al-Makrūhah, no. hadis 3874. Lihat Abū Dāwud Sulaymān Ibn al-Ash'ath, Sunan Abū Dāwud, 4:1668. Menurut Imam al-Shaukānī, hadis ini

Ertinya: "Sesungguhnya Allah telah menurunkan penyakit berserta ubatnya dan ia telah menjadikan setiap penyakit ada ubatnya, maka berubatlah kamu tetapi janganlah berubat dengan benda yang haram".

Kedua-dua hadis di atas menerangkan tentang haram mengambil arak walaupun untuk dijadikan ubat.

Dalam konteks binatang-binatang yang haram dimakan, terdapat beberapa penemuan yang menunjukkan sebahagiannya boleh digunakan untuk mengubati penyakit. Berdasarkan Laporan Pertubuhan Kesihatan Sedunia, kira-kira 80 daripada enam billion penduduk dunia bergantung kepada haiwan dan tumbuhan sebagai sumber perubatan. Sebagai contoh ialah khinzir yang banyak digunakan dalam ubat-ubatan. Di Vietnam, ia digunakan untuk mengubati batuk.<sup>3761</sup> Cicak tokey pula dipercayai dapat menjadi penawar bagi pesakit AIDS<sup>3762</sup>. Begitu juga dengan tenggiling yang kulitnya banyak dieksport ke China untuk diproses sebagai ubat pelbagai penyakit kulit<sup>3763</sup>. Lintah pula digunakan sebagai bahan utama dalam minyak atau krim untuk menyembuhkan luka. Terdapat juga sebahagian pengamal kaedah bekam yang menggunakan lintah untuk membuang darah kotor<sup>3764</sup>. Haiwan-haiwan lain seperti ular, gajah, monyet dan kura-kura juga digunakan secara meluas dalam bidang perubatan<sup>3765</sup>.

Persoalannya, adakah Islam mengambilkira penggunaan bahan-bahan yang haram seperti binatang-binatang yang haram dimakan ini untuk tujuan perubatan sebagai *darūrah*? Adakah keadaan ini boleh disamakan dengan *darūrah* lapar yang telah disepakati oleh para ulama?

*Darūrah* telah ditakrifkan oleh Imam al-Sharbinī sebagai satu keadaan di mana seseorang manusia itu berada dalam bahaya atau dalam keadaan yang sangat susah

dhaif pada sanadnya. Lihat Muhammad bin 'Alī bin Muhammad al-Shaukānī, *Nayl al-Awtār* (Beirut: Dār al-Ma'rīfah, 2002), 2: 1836.

<sup>3761</sup> Siti Zubaidah Ismail et.al, "Penggunaan Haiwan Bagi Tujuan Perubatan Tradisional Dalam Kalangan Masyarakat Pribumi di Asia: Satu Ulasan", *Jurnal Geografi*, Isu 3(Malaysia:t.pnt,2002), 58.

<sup>3762</sup> "Kajian Sains", <http://nonimanja.blogspot.com>. Dicapai pada 19hb Mei 2013.

<sup>3763</sup> Ronald M. Nowak etc., *Walker's Mammals of the World*, 472.

<sup>3764</sup> Lintah Mudah Diternak, <http://www.hmetro.com.my/myMetro/>, dicapai pada 10hb April 2013. Lihat <http://ibnrabajab.wordpress.com/2008/07/01/usahawan-lintah/> dicapai pada 10hb April 2013.

<sup>3765</sup> Siti Zubaidah Ismail et.al, "Penggunaan Haiwan Bagi Tujuan Perubatan Tradisional Dalam Kalangan Masyarakat Pribumi di Asia: Satu Ulasan", 62.

sehingga dikhuatiri akan berlaku kemudaratan atau kesakitan terhadap jiwa atau anggota badan atau kehormatan atau akal atau harta atau yang berkaitan dengannya. Dalam keadaan ini, diharuskan seseorang itu melakukan perkara-perkara yang asalnya adalah haram atau meninggalkan perkara yang wajib atau menangguhkan sesuatu kewajipan di luar waktunya semata-mata untuk mengelakkan daripada bahaya yang akan menimpa dan memadai dengan zannya.<sup>3766</sup> Berdasarkan takrif ini, maka penggunaan bahan-bahan yang haram untuk tujuan perubatan adalah diharuskan sekiranya dikhuatiri akan memudaratkan apabila tidak mengambil bahan tersebut.

Walau bagaimanapun, para fuqaha telah berselisih pandangan tentang perkara ini:

- i- Sebahagian fuqaha berpandangan berubat tidak dianggap darurat<sup>3767</sup>. Mereka berhujah dengan dua buah hadis. Sabda Rasulullah S.A.W.:

3768 إِنَّ اللَّهَ لَا يَجْعَلُ شَفَاءً كُمْ فِيمَا حَرَّمَ عَلَيْكُمْ

Maksudnya: "Sesungguhnya Allah tidak menjadikan kesembuhanmu dengan sesuatu yang ia haramkan atas kamu".

Rasulullah S.A.W. juga bersabda:

3769 إِنَّ اللَّهَ لَيْسَ بِدَوَاءٍ وَلَكِنَّهُ دَاءٌ

Maksudnya: "Sesungguhnya khamar itu bukan ubat, tetapi penyakit".

Mereka yang berpandangan berubat sebagai bukan darurat tidak mengharuskan pengambilan bahan-bahan yang haram untuk tujuan perubatan.

<sup>3766</sup> Shams al-din Muhammad bin al-Khatib al-Sharbini, *Mughni al-Muhtaj Ilā Ma'rifah Ma'anī Alfaż al-Minhāj*, 4:306.

<sup>3767</sup> Wahbah al-Zuhayli, *Nazariyyah al-Darūrah al-Shar'iyyah Muqarranah Ma'a al-Qānūn al-Wādī*, (t.tpt.pt.t.t.), 77.

<sup>3768</sup> Hadis riwayat al-Baihaqi, Kitab al-Đahāyā, Bab al-Nahy 'an al-Tadāwī bi al-Muskir, no. hadis 19679. Lihat Abī Bakr Ahmad bin al-Husayn bin 'Ali al-Baihaqi, *Al-Sunan al-Kubrā* (Beirut: Dār al-Kutub al-Ilmiyyah), 10:8. Hadis ini sahih menurut Ibn Habban. Lihat Ibn Hajar al-'Asqalānī, *Bulugh al-Maram* (Riyad: Dār al-Samā'ī, 1998), 2:887.

<sup>3769</sup> Hadis riwayat Muslim, Kitab al-Asyribah, Bab Tahrīm al-Tadāwī bi al-Khamr, no. hadis 1984. Lihat Abī al-Husayn Muslim Bin al-Hajjāj, *Šaħħiħ Muslim*, 2:789.

- ii- Sebahagian fuqaha Hanafiyah berpandangan harus berubat dengan menggunakan benda-benda yang haram. Namun, mereka meletakkan syarat agar kita yakin bahawa benda yang digunakan itu boleh menyembuhkan dan tidak memadai dengan zann sahaja. Mereka membolehkan penggunaan semua bahan haram dalam perubatan kecuali khinzir<sup>3770</sup>.
- iii- Para fuhaqa dalam Mazhab Syafie pula menyatakan harus berubat dengan benda-benda yang najis seperti daging ular dengan tujuan mempercepatkan seseorang itu sembuh. Syarat yang diletakkan dalam memperincikan hukum ini ialah seseorang itu mestilah merujuk kepada doktor muslim yang adil untuk mendapatkan nasihat. Selain itu, mereka juga menitik beratkan tentang kadar pengambilan bahan-hahan yang haram dalam perubatan, iaitu kadar yang sedikit sahaja dan setakat keperluan sahaja<sup>3771</sup>.
- iv- Imam al-'Izz bin 'Abd al-Salām berpandangan harus berubat dengan benda-benda yang bernajis sekiranya tiada benda suci yang boleh mengubatinya. Ini kerana maslahah kesihatan dan keselamatan lebih utama daripada maslahah menjauhi najis. Namun, bagi mereka yang ingin mengambil benda-benda yang haram ini untuk tujuan perubatan, beliau meletakkan syarat agar mereka mengetahui benda tersebut boleh menyembuhkan dan tiada benda lain lagi yang boleh dijadikan ubat<sup>3772</sup>.

Golongan yang berpandangan harus berubat dengan menggunakan benda-benda yang haram berpegang kepada dalil daripada hadis Nabi S.A.W. yang membenarkan Abd al-Rahman bin Auf dan al-Zubair bin Awwam memakai sutera. Mereka memakai sutera yang jelas diharamkan bagi golongan lelaki kerana penyakit yang dideritai oleh mereka. Kisah ini menunjukkan berubat atau menjauhkan diri daripada bahaya penyakit

<sup>3770</sup> Wahbah al-Zuhayli , *Nazariyyah al-Darūrah al-Shar'iyyah Muqāranah Ma'a al-Qānūn al-Wādi*, 78.

<sup>3771</sup> Ibid.

<sup>3772</sup> Ibid.

adalah satu darurah. Dalam keadaan darurat, perkara yang salnya haram boleh dilakukan.

Daripada hujah-hujah di atas, pengkaji lebih cenderung kepada pendapat yang mengharuskan penggunaan benda-benda yang haram bagi tujuan perubatan. Rukhsah dalam pengambilan bahan-bahan yang haram khususnya haiwan-haiwan yang haram dimakan bagi tujuan perubatan perlulah memenuhi beberapa syarat sebagaimana yang dikemukakan oleh Dr Yūsuf al-Qaraḍāwī:

- i- Sekiranya seseorang pesakit tidak berubat dengan menggunakan bahan-bahan yang haram, ia akan mengancam nyawa pesakit itu.
- ii- Tiada ubat lain yang boleh menggantikan bahan-bahan yang haram atau ubat yang dicampurkan dengan bahan-bahan yang haram.
- iii- Adanya pengesahan tentang pengambilan benda-benda haram dalam perubatan daripada doktor muslim yang boleh dipercayai dari segi ilmu perubatan dan juga agamanya.<sup>3773</sup>

Majlis Fatwa Kebangsaan juga telah mengeluarkan fatwa tentang hukum berubat dengan binatang yang haram dimakan seperti cicak tokey. Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-95 yang bersidang pada 16-18 Jun 2011 telah membuat keputusan seperti berikut:

1. Setelah meneliti keterangan, hujah-hujah dan pandangan yang dikemukakan, Muzakarah berpandangan bahawa para fuqaha' telah mengklasifikasikan Cicak Gekko Geckko (Tokay) sebagai binatang yang haram dimakan kerana tergolong dalam kategori haiwan yang menjijikkan (khabis) dan mempunyai racun. Begitu juga dengan uruf masyarakat Islam di Malaysia yang tidak menjadikan binatang ini sebagai makanan yang biasa dimakan. Selain itu, sehingga kini tidak ada bukti

<sup>3773</sup> Yūsuf al-Qaraḍāwī, *Halal dan Haram Dalam Islam*, (Singapura: Pustaka Nasional Pte Ltd, 1976), 46.

saintifik dan ujian klinikal yang membuktikan bahawa Cicak Gekko Geckko (Tokay) mampu menjadi penawar atau mengubati penyakit-penyakit tertentu.

2. Sehubungan itu, Muzakarah bersetuju memutuskan bahawa hukum memakan Cicak Gekko Geckko (Tokay) adalah diharamkan oleh Islam. Manakala untuk tujuan perubatan, penggunaan Cicak Gekko Geckko (Tokay) diharuskan dengan syarat keberkesanannya dapat dibuktikan dari segi saintifik dan tiada alternatif ubat lain yang boleh digunakan bagi merawat penyakit berkaitan.<sup>3774</sup>

## 5.7) PENUTUP

Daripadauraian yang telah dibuat di atas, dapat disimpulkan bahawa hukum-hukum yang telah dikemukakan oleh Syeikh Abdul Malik bin Abdullah tentang binatang halal dan haram dimakan adalah berdasarkan dalil-dalil daripada al-Quran dan al-Hadis. Beliau juga telah menggariskan satu kaedah yang jelas di dalam menentukan halal atau haram memakan binatang. Daripada tujuh jenis binatang yang dianalisa, didapati enam daripadanya bersandarkan dalil-dalil yang qati daripada al-Quran dan al-Hadis dan selari hukumnya dengan keputusan analisa. Hanya sejenis binatang iaitu biawak didapati berbeza hukumnya berbanding dengan keputusan analisa. Walau bagaimana pun, hukum halal memakan biawak yang dinyatakan oleh Syeikh Abdul Malik bin Abdullah mungkin membawa maksud halal memakan dhab, bukannya bermaksud biawak yang biasa ditemui di Malaysia. Haiwan-haiwan yang haram dimakan ini tetap haram hukumnya walaupun dimakan untuk dijadikan ubat kecuali dengan syarat-syarat yang telah ditetapkan.

<sup>3774</sup> "Hukum Memakan dan Berubat Dengan Cicak Gekko Gekko (Tokay)", laman sesawang Majlis Fatwa Kebangsaan, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-kebangsaan/hukum-memakan-dan-berubat-dengan-cicak-gekko-tokay>, dicapai pada 16hb Mei 2013.

## BAB 6

Dalam bab terakhir ini, pengkaji akan menjelaskan apakah hasil-hasil yang dapat dirumuskan daripada kajian ini. Selain daripada mengetahui hasilnya, beberapa cadangan turut dikemukakan oleh pengkaji agar dapat dijadikan panduan oleh para pembaca khususnya bagi mereka yang akan menjalankan kajian-kajian seterusnya.

### 6.1) RUMUSAN HASIL KAJIAN

Syeikh Abdul Malik bin Abdullah merupakan ulama kelahiran Terengganu yang berketurunan pendakwah dari Baghdad. Beliau telah banyak memberi sumbangan samada dalam bentuk pengajaran pondok, penghasilan karya-karya agama dan juga menjadi penasihat kepada sultan dalam masalah-masalah agama. Beliau juga dapat menguasai pelbagai bidang ilmu Islam seperti akidah, tasawuf, fiqh, al-Quran, hadis dan Bahasa Arab.

Syeikh Abdul Malik juga merupakan di antara penduduk terawal di Tanah Melayu yang berhijrah ke Mekah dan Madinah untuk menuntut ilmu dari ulama-ulama terkemuka di sana seperti Syeikh Ibrāhīm al-Kurānī. Selama 10 tahun berada di Mekah dan Madinah, beliau terkenal sebagai seorang pelajar yang pintar dan mudah memahami apa yang diajar.

Pelantikan Syeikh Abdul Malik bin Abdullah sebagai penasihat agama kepada Sultan Zainal Abidin I (1725-1733M) telah memudahkan lagi beliau menyampaikan ilmu agama dan melaksanakan hukum-hukum Islam. Sebagai penasihat agama kepada sultan, beliau telah diberi kepercayaan untuk melaksanakan undang-undang Islam seperti potong tangan bagi kesalahan mencuri dan dipenjarakan bagi mereka yang bergaduh.

Pengaruh Syeikh Abdul Malik bin Abdullah di istana bukan sahaja dapat dilihat dengan pelantikan beliau sendiri sebagai penasihat agama kepada sultan, tetapi anak-

anak murid beliau turut dilantik sebagai pembesar seperti Wan Iman Mahmud yang dilantik sebagai Kadi Besar.

Selain daripada menghasilkan Kitab *Hikam Melayu* yang masih digunakan sehingga kini di pondok-pondok dan madrasah-madrasah, Syeikh Abdul Malik juga menghasilkan tiga buah karya fiqh iaitu Kitab *al-Kifayah*, Risalah *al-Naql* dan juga Risalah *Kayfiyyah al-Niyyah*. Tarikh penulisan kitab-kitab ini tidak dapat dipastikan dengan tepat, tetapi dianggarkan di antara tahun 1690-1736 M. Penghasilan karya-karya ini didapati bertujuan untuk dijadikan bahan pengajaran di pondok. Kitab *al-Kifayah* merupakan kitab fiqh terbesar yang dihasilkan oleh Syeikh Abdul Malik bin Abdullah.

Hasil daripada kajian ini juga mendapat penulisan Kitab *al-Kifayah* oleh Syeikh Abdul Malik bin Abdullah ini boleh dianggap sebagai kesinambungan kepada kegiatan penulisan kitab-kitab fiqh terawal di Nusantara ini yang dimulai oleh Syeikh Nuruddin al-Rānīrī (meninggal pada tahun 1658M) yang menghasilkan Kitab *al-Širāt al-Mustaqīm* (1044H/1634M-1054H/1644M) dan Syeikh ‘Abdul Raūf al-Faṣūrī (1024H/1615M-1105H/1693M) yang mengarang Kitab *Mirāt al-Tullāb li Ma’rifah al-Shari‘at al-Mālikī al-Wahhābī*. Jika diteliti kepada tarikh kepulangan Syeikh Abdul Malik bin Abdullah ke Terengganu setelah menuntut ilmu di Mekah iaitu pada tahun 1690M, maka berkemungkinan besar Kitab *al-Kifayah* yang dihasilkan selepas kepulangannya itu dikarang sebelum terhasilnya Kitab *Sabil al-Muhtadīn lil Tafaqqūh fī Amr al-Dīn* oleh Syeikh Muḥammad Arshad al-Banjārī (1122H/1710M-1227H/1812M).

Oleh kerana Syeikh Abdul Malik bin Abdullāh adalah orang yang terawal dikesan memulakan kegiatan penulisan kitab di Terengganu, maka dapatlah dikatakan bahawa karya-karya fiqh karangan beliau iaitu Kitab *al-Kifayah*, Risalah *al-Naql* dan Risalah *Kayfiyyah al-Niyyah* merupakan kumpulan penulisan hukum fiqh yang pertama di Negeri Terengganu.

Kajian ini telah dapat mengesahkan bahawa Kitab *al-Kifayah* adalah karya Syeikh Abdul Malik bin Abdullah. Berdasarkan kepada tiga buah naskhah Kitab *al-Kifayah* yang dikaji, dalam naskhah A telah dicatatkan dengan jelas nama pengarang ialah Tok Pulau Manis Terengganu. Walaupun dalam naskhah B dicatatkan kitab ini adalah karangan Imam Shafie, namun berkemungkinan besar ia bermaksud kitab ini dikarang dengan merujuk kepada karya-karya dalam Mazhab Shafie. Pendapat yang sama juga diutarakan oleh Dato' Haji Ambak bin Ismail, iaitu Ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri Terengganu dalam temubual dengan pengkaji.

Kitab *al-Kifayah* merupakan karangan fiqh terbesar yang dihasilkan oleh Syeikh Abdul Malik bin Abdullah dan merupakan karangan kedua terbesar beliau selepas Kitab *Hikam Melayu*. Ia pernah disalin di Terengganu dan juga di luar Terengganu seperti di Bukit Senggora dan di Bukit Kelaba atau dikenali sebagai Patani. Ini menunjukkan Kitab *al-Kifayah* pernah tersebar di luar Terengganu dan kemungkinan dijadikan bahan pengajaran di luar Terengganu.

Walaupun Kitab *al-Kifayah* merupakan kitab fiqh yang penting dan menjadi rujukan masyarakat suatu masa dahulu, namun naskhah Kitab *al-Kifayah* amat sukar ditemui pada hari ini. Hal ini mungkin berlaku disebabkan kesukaran masyarakat untuk memahami isi kandungan Kitab *al-Kifayah* yang didapati berbeza di antara satu sama lain. Keguguran perkataan dan ayat pada naskhah-naskhah tertentu telah menjadikan pembaca keliru untuk memilih naskhah manakah yang lebih tepat. Akhirnya, mereka tidak lagi berminat untuk mendalaminya, apatah lagi untuk menyalin dan menyimpannya.

Hasil daripada perbandingan yang dilakukan ke atas ketiga-tiga naskhah Kitab *al-Kifayah* yang dikaji, ketiga-tiganya didapati mempunyai banyak perbezaan yang ketara sama ada dari segi struktur ayat maupun penggunaan perkataan-perkataan tertentu.

Perbezaan dari segi struktur ayat adakalanya melibatkan sebahagian daripada ayat tersebut gugur dan lebih pendek berbanding naskhah lain. Keadaan ini telah memberi kesan kepada maksud ayat yang sebenar dan juga menyebabkan hukumnya juga berbeza di antara satu naskhah dengan naskhah yang lain.

Perbezaan penggunaan perkataan dalam teks juga seringkali berlaku di antara satu naskhah dengan naskhah yang lain. Sebagai contoh, perkataan مُتَجَوِّعْ (mengucung Ka'batullah) yang terdapat dalam naskhah A. Dalam naskhah B, ia ditulis sebagai منجوغ (menujung). Keadaan ini merumitkan pembaca untuk memastikan perkataan manakah yang lebih tepat digunakan.

Teks *al-Kifayah* juga mengandungi banyak penggunaan perkataan yang asing daripada bahasa Melayu moden hari ini. Sesuai dengan usia kitab ini yang dikeluarkan kira-kira 300 tahun yang lampau, maka penggunaan istilah-istilah klasik didapati sangat banyak dan tentunya tidak dapat difahami oleh pembaca zaman sekarang tanpa dilakukan *tahqīq* terlebih dahulu. Sebagai contoh, perkataan هلت برکودل (berkudal), (halat) dan بربیج سابق (berbiji sabak). Setelah melakukan kerja-kerja mentahqīq dari segi maksud perkataan-perkataan klasik, pengkaji mendapati maksud برکودل ialah berkudis, هلت bermaksud orang asing yang boleh dikahwini dan بربیج سابق bermaksud meratapi kematian seseorang.

Kitab *al-Kifayah* mengandungi dua bahagian ilmu, iaitu akidah dan fiqh. Kitab ini dimulakan dengan perbincangan tentang akidah sebanyak 30% dan selebihnya iaitu 70% adalah perbincangan tentang fiqh. Ini menunjukkan pengarang kitab ini sangat mementingkan kekuatan akidah terlebih dahulu sebelum para pelajar dan pembaca mendalami ilmu fiqh. Ia juga menggambarkan pentingnya kesepadan di antara ilmu akidah dan fiqh untuk menjadi seorang muslim sejati. Terdapat 12 tajuk yang dibincangkan dalam Kitab *al-Kifayah*. Dua daripadanya ialah daripada bahagian akidah dan 10 tajuk daripada bahagian fiqh. Bahagian fiqh pula hanya menumpukan bab ibadah

Berdasarkan penelitian pengkaji terhadap manuskrip-manuskrip fiqh yang lain, didapati metod penulisan ulama silam sememangnya tidak banyak mengemukakan ayat-ayat al-Quran. Namun ini tidak bermaksud mereka tidak merujuk kepada al-Quran di dalam menetapkan sesuatu hukum fiqh. Keadaan ini kemungkinan besar berlaku disebabkan keadaan masyarakat Islam ketika itu yang hanya mahu mengetahui hukum tanpa mengkaji dalil-dalilnya. Bagi Kitab *al-Kifayah*, dalil daripada al-Quran mungkin dijelaskan sendiri oleh Syeikh Abdul Malik bin Abdullah ketika beliau mengajar di pondok.

Hasil kajian ini juga mendapat terdapat sebanyak 28 hadis telah dikemukakan oleh pengarang kitab ini. Lima buah hadis dicatatkan dalam bahagian akidah dan selebihnya iaitu 25 hadis dicatatkan dalam bahagian fiqh. Sebahagian daripada hadis tersebut telah dinyatakan martabat sahih oleh pengarang. Namun, maklumat lengkap seperti nama kitab, bab, nombor hadis dan kitab rujukan tidak dinyatakan oleh pengarang. Melalui proses *tahqīq*, kesemua hadis tersebut dapat ditakhrijkan dan dikenalpasti rujukannya. Hasil daripada kajian ini mendapat sebanyak 19 hadis (68%) sahih telah digunakan oleh Syeikh Abdul Malik, lima buah hadis (18%) adalah hasan dan empat buah (14%) lagi merupakan hadis daif. Daripada keseluruhan hadis ini, sebuah hadis didapati ditulis dengan matan yang berbeza dengan matan yang sebenar. Walaupun Syeikh Abdul Malik bin Abdullah seorang ulama yang turut menguasai ilmu hadis, namun sebagai manusia biasa yang tidak maksum, beliau juga tidak terlepas dari melakukan kesilapan ketika mencatatkan hadis.

Selain daripada merujuk kepada dua sumber utama hukum islam iaitu al-Quran dan hadis, Syeikh Abdul Malik bin Abdullah turut menggunakan kaerah qiyas, ‘urf dan kaerah fiqhiyyah seperti *al-darūrah tubīh al-mahzūrah* dan *al-‘ādah muhakkamah*. Hal ini telah membuktikan bahawa Syeikh Abdul Malik bin Abdullah bukanlah ulama yang hanya menukilkan fakta-fakta fiqh yang telah sedia ditulis di dalam kitab-kitab fiqh

yang muktabar dalam Mazhab Syafie, tetapi juga seorang ulama yang mampu berijtihad dalam menyelesaikan masalah-masalah yang timbul dalam masyarakat setempat ketika itu.

Syeikh Abdul Malik juga telah meletakkan satu standard piawaian bagi takrifan asnaf-asnaf penerima zakat sesuai dengan keadaan masyarakat dan ekonomi di Terengganu pada abad ke-17 yang menggunakan mata wang kupang. Di antara huraian yang beliau nyatakan dalam dalam perkara ini ialah:

“**Bermula** segala orang yang menerima zakat itu dulapan bagi: **pertama** *faqīr*, yaitu siapa yang tiada baginya arta dan tiada usaha yang layak menghasilkan makanannya dan pakaianya dan rumah tempat kediamannya lagi tiada baginya suami atau bapa dan nenek atau anak dan cucu yang memberi nafkahnya, upamanya adalah biayanya pada tiap-tiap hari sepuluh kupang. Maka tiada diperolehnya melainkan dua kupang atau tiga kupang atau empat kupang”.

Kitab *al-Kifāyah* ini dikarang oleh Syeikh Abdul Malik bin Abdullah berdasarkan kitab-kitab yang mu'tabar dalam Mazhab al-Syafie. Syeikh Abdul Malik bin Abdullah hanya menyebut sebuah kitab yang dirujuk oleh beliau iaitu, *Tuhfat al-Muhtāj Bi Sharh al-Minhāj* karangan Imām Ibn Hajar al-Haytamī. Beliau juga mencatatkan dua orang lagi nama ulama yang menjadi rujukan beliau iaitu Imam al-Nawawī dan Imam al-Ruyānī, tetapi tidak menyebut nama kitab yang dikarang oleh mereka. Melalui kajian ini, pengkaji mendapati kitab-kitab yang dikarang oleh dua orang ulama di atas yang menjadi rujukan Syeikh Abdul Malik dalam menganjurkan kitab ini ialah *Minhāj al-Tālibīn Wa 'Umdah al-Muftīn* karangan Imam al-Nawawi dan *Baḥr al-Madhab fi Furū' Madhab al-Imām al-Shāfiī* karangan Imam al-Ruyānī.

Terdapat juga kitab-kitab lain yang dirujuk oleh pengarang, namun tidak disebut di dalam teks. Di antara kitab yang didapati mempunyai fakta yang sama dengan sebahagian teks *al-Kifāyah* ialah *Fath al-Wahhāb Bi Syarh Manhaj al-Tullāb* karangan Imām Abū Yaḥyā Zakariyyā al-Anṣārī, *Sharh al-Waraqāt Li Imām al-Haramain al-*

*Juwainī* oleh Taj al-Dīn ‘Abd al-Rahmān Ibrāhīm al-Fazarī, *Mughnī al-Muhtāj Ilā Ma’rifah Ma’ānī Alfāz al-Minhāj* oleh Muḥammad al-Khaṭīb al-Sharbinī dan *Al-Muṣṭaṣfā Min ‘Ilm al-Uṣūl* oleh Imam al-Ghazālī.

Berdasarkan kitab-kitab rujukan yang digunakan oleh Syeikh Abdul Malik bin Abdullah, dapat disimpulkan bahawa beliau mengarang Kitab *al-Kifāyah* ini berdasarkan pandangan-pandangan fiqh yang muktamad dalam Mazhab Shafie. Kitab ini juga didapati bukan sebuah kitab terjemahan daripada mana-mana kitab fiqh berbahasa Arab, tetapi merupakan karangan asli oleh Syeikh Abdul Malik berdasarkan kefahaman beliau terhadap pandangan-pandangan fiqh dalam kitab rujukan yang digunakan. Selain mengemukakan hukum-hukum yang diputuskan oleh ulama fiqh dari Timur Tengah seperti Imam al-Nawawī, Imām Ibn Ḥajar al-Haytamī dan Imam Abū Yahyā Zakariyyā al-Anṣārī, Syekh Abdul Malik juga membincangkan hukum tentang masalah yang biasa berlaku dalam masyarakat setempat ketika itu. Sebagai contoh, masalah pemakaian azimat yang sememangnya biasa diamalkan oleh masyarakat Melayu ketika itu.

Selain itu, perbincangan dalam bab binatang halal dan haram juga menunjukkan bahawa Syeikh Abdul Malik bin Abdullah bukan sekadar menukilkan atau menyalin semula apa yang ada di dalam kitab-kitab fiqh yang muktabar dalam Mazhab Syafie, tetapi beliau mampu mengemukakan hukum memakan binatang-binatang yang tidak dibincangkan oleh ulama fiqh sebelumnya. Di antara hukum yang dibincangkan ialah hukum memakan teritip, ketam batu, toke dan kelemayar.

Dalam bab binatang halal dan haram dimakan, pengkaji telah mengesahkan sebuah pandangan yang daif dalam Mazhab Shafie yang dikemukakan oleh Syeikh Abdul Malik. Beliau menyatakan semua haiwan laut halal dimakan walaupun rupanya menyerupai binatang darat yang haram dimakan. Kemudian, beliau menyatakan pula

pandangan yang daif iaitu haiwan laut yang halal dimakan ialah yang rupanya tidak menyamai haiwan darat yang haram dimakan seperti khinzir dan anjing. Pandangan yang pertama adalah sahih manakala pandangan kedua adalah daif.

Daripada tujuh jenis binatang yang dianalisa, didapati enam daripadanya bersandarkan dalil-dalil yang *qat'i* daripada al-Quran dan al-Hadis dan selari hukumnya dengan keputusan analisa. Hanya sejenis binatang iaitu biawak didapati berbeza hukumnya berbanding dengan keputusan analisa. Walau bagaimana pun, hukum halal memakan biawak yang dinyatakan oleh Syeikh Abdul Malik bin Abdullah kemungkinan besar membawa maksud halal memakan dhab, bukannya bermaksud biawak yang biasa ditemui di Malaysia.

## 6.2) CADANGAN

Sebagai pengakhiran kepada kajian yang dijalankan ini, pengkaji ingin mengemukakan beberapa cadangan:

- i- Manuskrip Kitab *al-Kifayah* yang telah selesai ditakhrij ini wajar dicetak dan diterbitkan agar warisan yang berharga ini tidak lenyap begitu sahaja. Dengan menerbitkan Kitab *al-Kifayah* ini, sebuah lagi manuskrip silam dapat dipulihara dan dijadikan bahan rujukan oleh masyarakat hari ini.
- ii- Usaha-usaha untuk memulihara manuskrip Melayu khususnya dalam bidang fiqh perlu dipergiatkan lagi. Ini kerana masyarakat hari ini akan dapat memahami kaedah-kaedah yang digunakan oleh ulama silam dalam menetapkan sesuatu hukum. Kewujudan manuskrip-manuskrip ini juga menjadi bukti bahawa ulama Melayu silam mampu menghasilkan karya-karya penting khususnya dalam bidang fiqh yang bertujuan menjadi rujukan kepada masyarakat setempat ketika itu dan penyelesaian kepada masalah-masalah berkaitan hukum Islam yang timbul pada waktu itu.

- iii- Kegiatan mentahqīq kitab-kitab yang dikarang oleh ulama Melayu silam amat wajar diteruskan kerana ia menjadi sebahagian daripada aktiviti memulihara manuskrip silam. Melalui kegiatan ini, sebuah naskhah yang paling hampir dengan kehendak dan maksud pengarang dapat dihasilkan.
- iv- Kajian teks bagi kitab-kitab karangan ulama silam wajar diteruskan kepada dua buah risalah fiqh hasil karangan Syeikh Abdul Malik iaitu Risalah *al-Naql* dan Risalah *Kayfiyyah al-Niyyah*

## BIBLIOGRAFI

Al-Qurān al-Karīm

### Buku Bahasa Melayu

Abdul Rashid Melebek & Amat Juhari Moain, *Sejarah Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Utusan Publications, 2006.

Ahmad Sharafi Idris, "Kaedah Menentukan Halal Haram Haiwan Berdasarkan al-Quran, Hadis dan Kajian Moden Serta Pelaksanaannya Dalam Order Karnivora". Tesis Sarjana Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 2007.

Amnah Saayah, "Ulama dan Perkembangan Ilmu di Tanah Melayu Pada Abad ke-19 Masihi: Fokus Negeri-negeri Pantai Timur". Disertasi Ijazah Sarjana Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 2005.

Azyumardi Azra, *Jaringan Ulama Timur Tengah Dengan Kepulauan Nusantara Abad XVII dan XVIII*. Jakarta: Penerbit Mizan, 1994.

Buyong Adil (t.t.), *Sejarah Terengganu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Chua Yan Piaw, *Kaedah dan Statistik Penyelidikan Buku 1*. Malaysia: Mc Graw-Hill, 2006.

Daud bin Abdullah al-Fatani, *Fatwa Tentang Binatang Hidup Dua Alam*, dirumikan oleh Wan Mohd. Saghir Abdullah. Selangor: Penerbitan Hizbi, 1990.

Ding Choo Ming, *Kajian Manusrip Melayu : Masalah, Kritikan dan Cadangan*. Kuala Lumpur : Utusan Publications and Distributions, 2003.

Engku Ahmad Zaki bin Engku Alwi, *Tokoh Ulama' Negeri Terengganu: Biografi, Pemikiran dan Sumbangan*. Kuala Terengganu: Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Terengganu, 2007.

G.C. Madoc., J.M.N., *Burung-burung Semenanjung Malaysia*, Malaysia: Persatuan Pencinta Alam, 1985.

Ibrahim Ismail, "Pengawalan Bibliografi Manusrip Melayu: Beberapa Catatan Mengenai Permasalahan dan Penyelesaian" dalam *Cendekia: Kesusastraan Melayu Tradisional*, Siti Hawa Salleh ed. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1987.

Ibrahim Mohamad, *Manaqib Tok Pulau Manis*. Terengganu: Ikatan Pengkajian Tauhid Tasawuf, 1999.

Irene Voon Fong Len, *Keanekaan Haiwan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1985.

Ismail Hussein, "Pengumpulan Tradisi: Sastera Lama" dalam *Dewan Sastera*. Julai 1972, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Mahayudin Hj Yahaya, *Karya Klasik Melayu Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2000.
- Mat Saad Abd. Rahman, *Panduan Tahqiq*. Selangor: Universiti kebangsaan Malaysia, 1983.
- Mohd. Kassim Bin Haji Ali, "Sejarah Ringkas Mata Wang Negeri Terengganu" dalam *Terengganu Darul Iman Tradisi Persejarahan Malaysia*, ed. Muhammad Yusoff Hashim. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1991.
- Mohd Saleh bin Awang, "Perkembangan Penulisan dan Pengarang-pengarang Terengganu sebelum Perang Dunia Kedua", dalam *PESAKA*, Terengganu: Lembaga Muzium Negeri Terengganu, 1983.
- Muhammad Abu Bakar, "Tok Pulau Manis dan Pengasasan Pendidikan Islam" dalam *Ulama Terengganu: Suatu Sorotan*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd., 1991.
- Muhammad Saleh Awang, *Sejarah Darul Iman Hingga 1337H=1918M*. Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distributors Sdn Bhd, 1983.
- Nabilah Lubis, *Naskhah, Teks dan Metodologi Penelitian Filologi*. Jakarta: Penerbit Yayasan Madio Alo Indonesia, 1996.
- Norizan binti Kadir, "Peristiwa-peristiwa Dalam Kehidupan Datuk Pulau Manis", *Jurnal Warisan*. Bil 2, Terengganu: Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Terengganu, 1980.
- Raja Masittah Raja Ariffin, "Manuskrip Melayu Lama: Suatu Penelitian Dari Aspek Pendokumentasian" dalam *Filologi Melayu*, Jilid 2, Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia, 1983.
- Shafie Abu Bakar, "Institusi Shaykh Abdul Malik bin Abdullah: 1 Corak Pengajian Tradisi di Terengganu dan Kitab-kitab Padanya". Tesis Ijazah Sarjana Persuratan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 1977).
- 
- , "Latar belakang Keagamaan Di Terengganu", dalam *Terengganu Dahulu & Sekarang* ed. Abdullah Zakaria Ghazali. Kuala Lumpur: Muzium Negara Malaysia, 1984.
- 
- , "Sheikh Abdul Malik bin Abdullah dan Karangan-karangannya" dalam *PESAKA*, Bil 2. Terengganu: Lembaga Muzium Negeri Terengganu, 1984.
- 
- , "Sheikh Abdul Malik bin Abdullah (Tuk Pulau Manis) dalam *Jurnal Warisan*, Bil 5. Terengganu: Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Terengganu, 1989.
- 
- Siti Baroroh Baried et.al, *Pengantar Teori Filologi*. Jakarta: Pusat Pembinaan dan Pengembangan Bahasa, 1985.

Siti Hawa Salleh, "Ruang Lingkungan Pengajian Filologi Melayu" dalam *Jurnal Filologi Melayu*. Jil 3, Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia, 1994.

Siti Zubaidah Ismail et.al, "Penggunaan Haiwan Bagi Tujuan Perubatan Tradisional Dalam Kalangan Masyarakat Pribumi di Asia: Satu Ulasan", dalam *Jurnal Geografi*.

Wan Ali bin Haji Wan Mamat, "Mengesan Manuskrip Melayu di Belanda", *Dewan Sastera*. November 1985.

, "Persiapan untuk Kerja Menulis Manuskrip" dalam *Warisan Manuskrip Melayu*. Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia, 2002.

, "Mentahqiq Manuskrip Melayu" Kertas Kerja Bengkel Tesis & Mentahqiq Manuskrip di Hyatt Gegency, Kuantan, 19-21 Dis 2008.

Wan Mohd Shaghir Abdullah, "Tokoh-tokoh Penyalin Kitab dari Semenanjung Tanah Melayu", *Jurnal Filologi Melayu*, Jilid 2. Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia, 1993.

, "Bahasa Melayu Bahasa Ilmu: Syeikh Abdul Malik Terengganu", *Jurnal Dewan Bahasa*. Julai 1990: 34, Bil 7. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

, "Tok Pulau Manis Sheikh Abdul Malik Terengganu", dalam *Utusan Malaysia*, Isnin, 22 Oktober.

Zainal Abidin bin Abu Hasan, *Alam Haiwan*. Kuala Lumpur: DBP, 1985.

### Buku Bahasa Arab

'Abd al-Salām Muḥammad Ḥarūn, *Taḥqīq al-Nuṣūṣ wa Nasrūhā*. Cet. 7, Kaherah: Maktabah al-Khanji, 1998.

Albānī , Muḥammad Naṣīr al-Dīn al-, *Ṣaḥīḥ Sunan Ibn Mājah*. Riyad: Maktabah al-Tarbiyyah al-Arabī, 1998.

'Alī Jum'ah Muḥammad, *Al-Makāyil wa al-Mawāzin al-Shar'iyyah*. Kaherah: al-Qudsī li al-I'lān wa al-Nasyr , 2001.

Anṣārī, Abī Yaḥyā Zakariyyā al- , *Fath al-Wahhāb bi Sharḥ Minhāj al-Talibīn*., J.1-2. t.tpt: Dar Khayā' al-Kutub al-Arabiyyah, t.t.

'Asqalānī Aḥmad Ibn 'Alī Ibn Ḥajar al-, *Al-Īṣābah fi Tamyīz al-Ṣaḥābāt*, ed. 'Ādil Aḥmad 'Abd al-Maujūd & 'Alī Muḥammad Mu'awwad, J.8, Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1995.

Ba'albaki, Rūḥī al-, *Al-Mawrid al-Qarīb*. Beirut: Dār al-'Ilmī al-Malābis, 2005.

Bujairimī, Al-Shaykh Sulaiman al-, *Bujairimī 'alā al-Khāṭib*. t.tpt: Muṣṭafā al-Bābī wa Aulādihi, 1951.

Bukhārī, Abū 'Abd Allāh Muḥammad bin Ismā'īl al-, *Al-Jāmī' al-Ṣaḥīḥ*. Kaherah: Maṭba'ah al-Salfiyyah, 1403H.

Dimyāti Muḥammad Shatā al-, *I'ānah al-Tālibīn*, J.1- 4. t.tpt: Dar Hana' al-Kutub al-Arabiyyah, t.t.

Fazarī, Tāj al-Dīn 'Abd al-Rahmān Ibrāhīm al- (1997), *Sharḥ al-Waraqāt Li Imām al-Haramain al-Juwainī*. ed. Sarah Syāfi'ī al-Hajiri. t.tpt: Dār al-Basyā'ir al-Islāmiyyah, 1997.

Ghālib Muḥammad Kurayyim, Muḥaq al-Mawāzīn Wa al-Makāyīl wa al-Atwāl, dalam

Ghazālī, Abū Ḥāmid Muḥammad b. Muḥammad al-, ed. Hamzah b. Zuhair Ḥafiz, *Al-Musasfā Min 'Ilm al-Uṣūl*. Madinah: Jamī'ah al-Islāmiyyah, 1413H.

Hajjāj, Muslim Bin al-, *Ṣaḥīḥ Muslim*, J.1. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 2001.

Haytamī, Shihābuddīn Aḥmad Ibn Ḥajar al-, *al-Minhāj al-Qawīm Sharḥ al-Muqaddimah al-Ḥadramiyyah Fī al-Fiqh al-Shāfi'ī*. Damshiq: Dār al-Fayhā', 1987.

, *Tuhfah al-Muhtāj Bisyarḥi al-Minhāj*. J.1-10, Maṭba'ah Muṣṭafā Muḥammad, t.t.

Ḩusainī, Taqiuddīn Abī Bakr bin Muḥammad al-, *Kifāyah al-Akhyār Hallī Ghāyah al-Ikhtīṣār*, J. 1-2. t.tpt: Dar al-Khair, t.t.

Jilānī, Al-Sayyid 'Umar Ibn Ḥāmid al-, "Mushārakah Fuqahā' Ḥadramawt Fī Khidmah al-Fiqh al-Shāfi'ī", Kertas Kerja di Nadwah 'Abd al-'Aziz al-Rifa'i di Riyād, 10 Muharram 1418H.

Khan, Mustafa al-, Mustafa al-Bagha, Ali al-Sharbiji, *al-Fiqh al-Manhaji Ala Mazhab al-Imam al-Syafie*. Damsyik: Dar al-Qalam, 2005.

Mahdī Faḍl Allāh, *Uṣūl Kitābah al-Baḥth Wa Qawā'id al-Tahqīq*. Beirut : Dar al-Tali'ah, 1998.

Muḥallā, Jalāl al-Dīn Muḥammad bin Aḥmad al-, *Ḩāshiyāt al-Qalyūbī wa 'Umairah*. Beirut: al-Maktabah al-'Aṣriyyah, 2009.

Mulaqqin al-, *al-Badr al-Munīr fī Takhrīj al-Hadīth al-Sharḥ al-Kabīr*.

Munajjid, Ṣalāḥ al-Dīn al-, *Qawā'id Tahqīq al-Makhfūtāt*. Beirut: Dār al-Kutub al-Jadīd, 1982.

Nawawī, Abī Zakariyyā Muhyī al-Dīn bin Sharaf al-, *Al-Majmū' Bi Sharḥ al-Muhadhdhab li al-Shirāzī*. Juzuk 1-9. t.tpt.: al-Maktabah al-'Ālamiyah, 1972.

Beirut: Dār al-Minhāj, 2005.

, *Rauḍah al-Tālibīn*. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1992.

Qazwainī, Abū 'Abdullāh Muḥammad bin Yazīd al-, *Sunan Ibn Mājah*. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1998.

Qurṭubī, Muḥammad bin Aḥmad al-, *Al-Jāmi' li Aḥkām al-Qurān*. Kaherah: Dār al-Kātib al-'Arabī, 1967.

, *Tafsīr al-Qurṭubī*. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 2004.

Ramlī, Shamsuddīn Muḥammad bin Shihābuddīn al-, *Nihāyah al-Muḥtāj Ilā Sharh al-Minhāj*. Mekkah: Maktabah Dār al-Bāz, 1993.

Ruyānī, Abī al-Mahāsin 'Abd al-Wāhid bin Ismā'il al-, *Bahr al-Madhab fī Furū' Madhab al-Imām al-Shāfi'i*. J.1. Beirut: Dār Ḥayā' al-Turāth al-'Arabī, 2002.

Sajastānī, Abū Dāwud Sulaiman bin al-Asy'ath al-, *Sunan Abī Dāwud*. Kaherah: Dār al-Hadīth, 1999.

Shāfi'i, Muḥammad Idrīs al-, *al-Umm*. Beirut: Dar al-Fikr, 1990

Sharbinī, Shamsuddīn Muḥammad bin al-Khāṭib al-, *Mughnī al-Muḥtāj Ilā Ma'rīfah Ma'ānī Alfaż al-Minhāj*. Beirut: Dār al-Fikrī, 1998.

, *al-Iqnā' Fī ḥall Alfaż Abī Shujā'*, Juzuk 1-2. Lubnan: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1998.

Shawkānī, Muḥammad bin 'Alī bin Muḥammad al-, *Nayl al-Awṣār*. Beirut: Dār al-Ma'rīfah, 2002.

Shirāzī, Abī Ishāq al-, *Al-Muhadhdhab*. Mesir: Maṭba'ah 'Isā al-Bābī, t.t.

Tirmidhī, Muḥammad bin 'Isā al-, *Sunan al-Tirmidhī wa huwa al-Jāmi' al-Ṣahīh*, J.2. Dār al-Fikr: Beirūt, 1980.

Tūnji, Muḥammad al-, *al-Minhāj fi Ta'lif al-Buhūth wa Tahqīq al-Makhūṭāt*. Beirut: 'Ālam al-Kutub, 1986.

Wahbah al-Zuhailī, *al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuhu*. Damsyik: Dar al-Fikr, 1989.

Wahbah al-Zuhaylī, *Nazariyyah al-Darūrah al-Shar'iyyah Muqāranah Ma'a al-Qānūn al-Wādī*. t.t.p:t.pt,t.t.

Yusri al-Sayyid Muḥammad, *Mawsū'ah al-A'māl al-Kāmilah li al-Imām Ibn al-Qayyim al-Jawziyyah Jāmi' al-Fiqh*. Mesir: Dār al-Wafā', 2001.

## Buku Bahasa Inggeris

Friedrich Zink, "Conservation and Preservation of Malay Manuscripts" dalam *Kumpulan Kertas Kerja Seminar Antarabangsa Manuskrip Melayu*. Kuala Lumpur: Percetakan Watan Sdn. Bhd., 2006.

M.C. ff Sheppard, "A Short History of Terengganu" dalam *Papers Relating to Terengganu*. t.tpt: The Malaysian Branch of The Royal Asiatic Society, 1983.

M.C. ff. Sheppard, *A History of Terengganu*. Vol XXII, Part III, Jun. 1949.

Mohammad Redzuan Othman, "The Role of Makka-Educated Malays In The Development of Early Islamic Scholarship And Education In Malaya", 9:2, dalam *Jurnal of Islamic Studies*.

Ronald M. Nowak etc., *Walker's Mammals of the World*, London: The Johns Hopkins University Press, 1983.

## Manuskrip

Syekh Abdul Malik bin Abdullah, Kitab *al-Kifayah*, MSS517, Pusat Manuskrip Melayu, Perpustakaan Negara Malaysia Kuala Lumpur.

Syekh Abdul Malik Bin Abdullah, Kitab *al-Kifayah*, IAMM 1998.1.179,

Syekh Abdul Malik bin Abdullah, Kitab *al-Kifayah*, MSS1897 (folio 236), Pusat Manuskrip Melayu, Perpustakaan Negara Malaysia Kuala Lumpur.

## Katalog

Katalog Bahan Pameran, Pameran Manuskrip Islam, Balai Pameran Islam Pusat Islam Malaysia, Anjuran Bahagian Hal Ehwal Islam Jabatan Perdana Menteri, 5 September 1986 - 5 Oktober 1986.

Katalog Pameran Manuskrip Melayu Antarabangsa, 2-31 Oktober 1995, Perpustakaan Negara Malaysia.

Manuskrip Melayu Kegemilangan Tamadun Melayu: Katalog Pameran, Siri Bibliografi Manuskrip, No 6, Perpustakaan Negara Malaysia.

## Temubual

Ambak bin Ismail, Jawatankuasa Fatwa Negeri Terengganu dan pengumpul manuskrip silam. Temubual pada 1hb Februari 2011.

Effah Imtiaz bin Zainol, Pegawai di Bahagian Manuskrip, Perpustakaan Negara Malaysia, Kuala Lumpur. Temubual pada 28hb Jun 2011.

Ismail bin Embong (Generasi ke-8 dari keturunan Syeikh Abdul Malik bin Abdullah), dalam temubual bersama penulis pada 1 Februari 2011.

Wan Ali bin Khamis, Pensyarah Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Temubual pada 26hb Mei 2011.

Shafie Abu Bakar, Pengkaji Tentang Shaykh Abdul Malik bin Abdullah dan juga YB ADUN Bangi. Temubual pada 24 Jun 2010.

Yusof Bin Shariff, Pengarah Jabatan Perhilitan Negeri Terengganu, dalam temubual bersama pengkaji di Pejabat Perhilitan Negeri Terengganu pada 2 Mac 2014.

### Kamus dan Ensiklopedia

*A Malay-English Dictionary*. Singapura: Kelly and Walsh.

*Al-Mu'jam al-Wasīt*, Cet.4, Mesir: Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah, 2004.

Dwibahasa Bahasa Inggeris-Bahasa Malaysia, 2002, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

*Kamus Bahasa Melayu Nusantara*, Brunei: Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei, 2003.

*Kamus Besar Arab-Melayu Dewan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2006.

*Kamus Dewan*, Edisi ke-4, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2005.

M. Abdul Mujieb et al, *Kamus Istilah Fiqih*. Batu Caves: Advance Publication, 1997.

R.O. Winstedt, *A Practical Modern Malay- English Dictionary*. Kuala Lumpur: Marican and Son Ltd., 1964.

R.O. Winstedt, *Kamus Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Marican & Sons Sdn Berhad, 1969.

The Encyclopedia of Malaysia: The Seas.

W.G. Shellabear (1902), *Malay-English Vocabulary*. Singapura: American Mission Press, 1902.

Wahyunah Haji Abdul Gani, *Panduan Kosa Kata Sastera Klasik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1991.

William Marsden, *Dictionary of The Malayan Language*. New York: Books For Libraries Press, 1973.

Yaakob Isa (1997), *Kamus Bahasa Melayu Klasik*. Kuala Lumpur: Berita Publishing Sdn. Bhd.

Yunus Maris, *Kamus Fajar Rumi-Jawi*. Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti,t.t.

## Laman Sesawang

“Tok Kelaba al-Fathani”, dicapai pada 5 November 2010,  
<http://ulama.blogspot.com/2005/05/tok-kelaba-al-fathani.html>

Tok Pulau Manis, dicapai pada 7 Mac 2011,  
<http://islaminus.blogspot.com/2009/06/Tok-Pulau-Manis-1650-1736.html>.

“Penyelidik Muda Perlu Terokai Khazanah Bangsa Dalam Manuskip Melayu Lama”, laman sesawang *Berita Harian*, dicapai pada April 2012,

[http://www.bharian.com.my/bharian/articles/Kajinaskhahbersejarah/Article\\_55](http://www.bharian.com.my/bharian/articles/Kajinaskhahbersejarah/Article_55)

Tok Pulau Manis, dicapai pada 7 Mac 2011,  
<http://islaminus.blogspot.com/2009/06/Tok-Pulau-Manis-1650-1736.html>.

Luka Akibat Teritip, <http://www.terangi.or.id/index>, dicapai pada 10hb September 2013.

9 hewan Ini Berisiko Tularkan Penyakit, dicapai pada 10hb Mei 2013.  
<http://health.kompas.com/read/2012>.

“Kemarau, Warga Batukaras Buru Teritip”, dicapai pada 22hb April 2013,  
<http://www.ahmadheryawan.com/lintas-kabupaten-kota/priangan-timur/kabupaten-ciamis>

“Hukum Memakan Haiwan Mamalia Maun (Mamalia Herbivor) Menurut Islam”,  
[http://ms.wikipedia.org/wiki/Hukum\\_Memakan\\_Daging\\_Haiwan\\_Mamalia\\_Maun\\_\(Mamalia\\_Herbivor\)\\_Menurut\\_Islam](http://ms.wikipedia.org/wiki/Hukum_Memakan_Daging_Haiwan_Mamalia_Maun_(Mamalia_Herbivor)_Menurut_Islam), dicapai pada 18hb April 2013.

<http://kaahil.wordpress.com/2010/02/28/haramnya-memakan-daging-biawak>, dicapai pada 18hb April 2013.

“Kisah Biawak Makan Orang”, *laman sesawang Kosmo*, dicapai pada 22 April 2013,  
<http://kosmo.co.my/kosmo/content.asp>

Toke, [http://search.babylon.com/?q=toke&s=img&rlz=0&babsrc=HP\\_ss](http://search.babylon.com/?q=toke&s=img&rlz=0&babsrc=HP_ss)

“Kajian Sains”, <http://nonimanja.blogspot.com>. Dicapai pada 19hb Mei 2013.

Lintah Mudah Diterbak, <http://www.hmetro.com.my/myMetro/>, dicapai pada 10hb April 2013.

“Hukum Memakan dan Berubat Dengan Cicak Gekko Gekko (Tokay)”, laman sesawang *Majlis Fatwa Kebangsaan*, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-kebangsaan/hukum-memakan-dan-berubat-dengan-cicak-gekko-geckko-tokay>, dicapai pada 16hb Mei 2013.